

SIRI ASAS SOSIAL UTUSAN



# PATRIOTISME

Agenda Pembinaan Bangsa

**ABD RAHIM ABD RASHID**



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

112721

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
No. 1 & 3, Jalan 3/91A  
Taman Shamelin Perkasa, Cheras  
56100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92856577  
Fax: 03-92846554/92875763  
e-mel: enquiry@upnd.com.my  
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd  
Terbitan Pertama 2004

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abd. Rahim Abd. Rashid .

Patriotisme : agenda pembinaan bangsa / Abd. Rahim Abd. Rashid.

Mengandung indeks

Bibliografi: m.s 173

ISBN 967-61-1621-1

1. Patriotism--Malaysia. 2. Nationalism--Malaysia. 3. Malaysia--  
Politics and government. I. judul.

959.5

W1  
959.5  
ARA

Dicetak oleh  
MAZIZA SDN. BHD.  
No. 9 Jalan 111, Kepong Baru,  
52100 Kuala Lumpur.

**M**  
1158751

18 FEB 2005  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## Kata Pengantar

Kekurangan bahan bacaan dalam bidang sains politik dan sains sosial yang ditulis dalam bahasa Malaysia begitu ketara sekali sehingga tidak berlakunya perdebatan intelektual sesuai dengan arus perubahan dan kemajuan yang berlaku di negara ini. Kelesuan intelektual terutama di kalangan sarjana sains politik dan sains sosial menyebabkan berlakunya ketandusan idea dan kelemahan dalam mencorakkan kerangka pemikiran dalam dasar-dasar sosial dan politik yang berlaku di negara membangun, khususnya di Malaysia. Ini merupakan satu petanda kurang sihat yang boleh menjejaskan matlamat dan wawasan membina Malaysia sebagai sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Sesebuah buku yang ditulis sebenarnya boleh memberi sumbangan yang besar atau sumbangan yang signifikan kepada masyarakat dan negara. Masyarakat yang membaca sudah tentu lebih baik daripada masyarakat yang tidak membaca. Berkarya dan menghasilkan buku-buku yang bermutu perlu diteruskan oleh golongan intelektual, akademik dan ahli fikir supaya masyarakat mendapat manfaat dan dapat dibantu untuk berfikir dan menjadi lebih celik terhadap berbagai perkara yang berlaku.

Buku ini merupakan cetusan pemikiran pengarang terhadap isu-isu semasa yang diolah dan dianalisis dalam konteks patriotisme. Patriotisme menjadi subjek dan tema penting yang mencorakkan hala tuju perubahan Malaysia selepas negara ini mencapai kemerdekaan hampir suku abad lamanya. Dalam masa yang sama, Malaysia berhadapan dengan berbagai cabaran semasa yang kritikal seperti globalisasi, liberalisasi, neokolonialisme, feodalisme baru, anarkisme, keganasan (*terrorisme*), sekularisme, demokrasi, pembinaan negara bangsa dan sebagainya.

Idea-idea tentang politik dan perkembangan semasa semakin penting dibincang dan diperbahaskan untuk membantu masyarakat dan generasi muda menilai dan melihat ke hadapan dalam mencari dan menentukan hala tuju mereka untuk membina idealisme politik dan meneruskan perjuangan yang sesuai dengan matlamat pembinaan Malaysia Baru yang maju, makmur dan merdeka. Buku ini mencetuskan idealsime politik dan sosial yang boleh mendorong masyarakat berfikir dan merenung perjuangan yang telah kita lalui sepanjang suku abad yang lalu.

Buku ini memuatkan topik-topik semasa yang relevan tentang perkembangan yang berlaku di Malaysia di samping menyorot isu patriotisme dalam konteks global bagi membolehkan kita mengaitkan dan membuka pemikiran kita melihat apa yang berlaku di negara-negara lain bagi membolehkan kita mengambil iktibar dan mempelajari sesuatu yang penting untuk memperbaiki hala tuju perjuangan bangsa kita.

Selamat membaca dan selamat maju jaya. Ingatlah perjuangan kita masih belum selesai.

**Profesor Dr. Abd. Rahim Abd. Rashid**

Pengarah,

Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMCFD)

Kuala Lumpur

Malaysia.

# Isi

## *Kata Pengantar*

iii

## **BAHAGIAN I: PATRIOTISME DAN NASIONALISME: ISU PEMBINAAN NEGARA BANGSA**

|  |    |
|--|----|
| <i>Bab 1:</i> Nasionalisme dan Pembangunan Negara                          | 3  |
| <i>Bab 2:</i> Nasionalisme, Demokrasi dan Kemerdekaan                      | 11 |
| <i>Bab 3:</i> Negara Bangsa dan Ancaman Ekstremisme                        | 19 |
| <i>Bab 4:</i> Globalisasi, Keganasan dan Ancaman Agama                     | 25 |
| <i>Bab 5:</i> Jihad untuk Perubahan dan Kemajuan                           | 30 |
| <i>Bab 6:</i> Undang-undang, Demokrasi dan Keadilan<br>di Negara Membangun | 34 |

## **BAHAGIAN II: PATRIOTISME, NASIONALISME DAN REKONSTRUKSI DIRI**

|  |    |
|--|----|
| <i>Bab 7:</i> Pendidikan, Rekonstruksi Diri dan Nasionalisme di Malaysia | 41 |
| <i>Bab 8:</i> Bahasa Kebangsaan Menjana Minda Bangsa                     | 47 |
| <i>Bab 9:</i> Dilema Bahasa Negara Bangsa                                | 54 |
| <i>Bab 10:</i> Bersedia Menghadapi Cabaran Multilingualisme              | 59 |
| <i>Bab 11:</i> Memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam Era Siber           | 64 |

## **BAHAGIAN III: STRUKTUR DAN AGENDA PERUBAHAN SOSIAL**

|  |    |
|--|----|
| <i>Bab 12:</i> Meluaskan Struktur Kelas Menengah Melayu: Gagasan<br>Pembangunan Negara | 73 |
| <i>Bab 13:</i> Konsumerisme dalam Masyarakat Membangun                                 | 79 |
| <i>Bab 14:</i> Pengaruh Teknologi dan Budaya dalam Pembentukan<br>Masyarakat Siber     | 86 |

|   |            |
|---|------------|
| <i>Bab 15:</i> Menyelamatkan Syarikat Gergasi yang Parah          | 91         |
| <i>Bab 16:</i> Nilai Kemanusiaan Membentuk Masyarakat Penyayang   | 95         |
| <i>Bab 17:</i> Trend Perubahan Masyarakat Kosmopolitan            | 100        |
| <b>BAHAGIAN IV: CABARAN DAN DILEMA MELAYU</b>                     | <b>105</b> |
| <i>Bab 18:</i> Relevankah Melayu pada Alaf Baru?                  | 107        |
| <i>Bab 19:</i> Tahayul dan Misteri dalam Pemodenan Minda Melayu   | 111        |
| <i>Bab 20:</i> Emosi Melayu: Agenda dan Krisis Diri               | 116        |
| <i>Bab 21:</i> Idealisme dan Realiti Perjuangan Belia             | 123        |
| <i>Bab 22:</i> Pengaruh Muzik dalam Pembinaan Minda Budaya Melayu | 128        |
| <b>BAHAGIAN V: ISU DAN TREND ANCAMAN GLOBAL</b>                   | <b>135</b> |
| <i>Bab 23:</i> Keganasan dan Ancaman Media Barat                  | 137        |
| <i>Bab 24:</i> Khabar Angin: Dilema Masyarakat Bermaklumat        | 145        |
| <i>Bab 25:</i> Pengklonan Manusia: Keruntuhan Etika Penciptaan    | 149        |
| <i>Bab 26:</i> AIDS dan HIV: Ancaman Global yang Membimbangkan    | 153        |
| <i>Bab 27:</i> OIC ke Arah Membina Imej Baru Negara-negara Islam  | 159        |
| <i>Bab 28:</i> Sekularisme dan Kebebasan Agama                    | 165        |
| <i>Rujukan</i>  | 173        |
| <i>Indeks</i>   | 175        |
| <i>Biodata</i>  | 178        |



## Bab 1

# Nasionalisme dan Pembangunan Negara

Nasionalisme menjadi tenaga penggerak yang amat berpengaruh dalam menangani perjuangan sesuatu bangsa. Sesuatu bangsa tidak akan menjadi kuat dan berpengaruh untuk merealisasikan cita-cita, dasar dan perjuangan sekiranya tidak memiliki pengaruh nasionalisme yang kuat yang membolehkan mereka mengharungi segala bentuk rintangan dan cabaran.

Beberapa dekad yang lampau, kebangkitan nasionalisme di Barat telah merintis suatu perubahan besar dalam perjuangan sosial, ekonomi dan politik yang menjadikan Barat sebagai kuasa yang kuat dan teladan kepada negara membangun di dunia. Walau bagaimanapun, penjajahan barat ke atas negara membangun telah membangkitkan kesedaran baru dan bermulanya satu era perjuangan untuk membebaskan negara yang dijajah kepada taraf negara yang merdeka. Kebangkitan nasionalisme tempatan yang disertai dengan perubahan organisasi politik telah mencorakkan haluan dan aliran nasionalisme tertentu di negara membangun. Kebangkitan nasionalisme di Malaysia pada awal abad kedua puluh merupakan pengaruh idea kebebasan dan reformasi Asia Barat dan barat. Kolonialisme dan imperialisme barat ke atas negara ketiga seperti Amerika Latin, Afrika, Asia Barat, Asia dan Asia Tenggara telah membangkitkan kesedaran baru yang merintis kepada nasionalisme menuntut kemerdekaan dan hak-hak untuk menentukan nasib sendiri. Nasionalisme juga telah merintis perjuangan negara dunia ketiga ke arah membentuk kerajaan sendiri, iaitu pemerintahan yang diterajui dan berdasarkan aspirasi rakyat tempatan.

### NASIONALISME DAN PEMBINAAN NEGARA

Era baru nasionalisme bertujuan menggerakkan komitmen rakyat untuk membangun dengan memberi penekanan kepada penyelesaian masalah dan



konflik dalaman. Nasionalisme baru bagi negara yang baru merdeka dapat menangani agenda pembinaan negara dengan menekankan kepada aspek integrasi nasional. Pembinaan negara bergantung kepada satu ideologi politik yang mencakupi strategi dan dasar penyelesaian konflik hubungan kaum, ketidakseimbangan ekonomi, agenda pembangunan manusia melalui pendidikan dan latihan, penstrukturan ekonomi serta reformasi ekonomi negara.

Wawasan ekonomi yang digubal melalui dasar ekonomi baru bukan sahaja untuk mengatasi agihan kekayaan negara yang tidak seimbang dari segi penglibatan kaum, tetapi untuk mengatasi masalah kemiskinan, kemunduran wilayah dan ketidakseimbangan antara negeri terutama di Pantai Timur Malaysia yang jauh ketinggalan berbanding dengan Pantai Barat.

Agenda pembinaan negara mencakupi penyusunan strategi pembangunan ekonomi, pengukuhan kuasa politik, merapatkan hubungan kaum, pengagihan kekayaan dan peluang pembangunan sosial yang lebih adil mengikut serta dan faktor geografi. Persoalan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum merupakan agenda yang kritikal dalam menentukan haluan hubungan kaum di Malaysia. Sejak sebelum mencapai kemerdekaan sehingga kini, Malaysia cuba memprojek dirinya sebagai negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Agenda keadilan sosial dan penstrukturan masyarakat melibatkan agihan dan penglibatan yang adil antara kaum dalam sektor ekonomi, pelajaran dan pembangunan sosial. Perubahan komposisi penduduk dari segi etnik berikutan meningkatnya peratusan bukan Melayu yang tinggi hampir menyamai dan mungkin mengatasi komposisi penduduk Melayu telah mempengaruhi bentuk kuasa penyeimbangan politik (*political bargaining power*) jangka panjang walaupun pada masa kini kuasa politik Melayu masih dapat dipertahankan dalam menentukan corak aliran nasionalisme dan kerangka pembinaan negara yang didasari nasionalisme Melayu.

Sifat nasionalisme dalam masyarakat majmuk di Malaysia terbuka kepada tekanan dan imbalan tuntutan kaum yang mahukan hak masing-masing dipertahankan. Selain menimbulkan konflik, nasionalisme kaum di Malaysia mempengaruhi suasana politik, kebimbangan dan kecurigaan antara kaum, perlumbaan dan persaingan kaum untuk mengukuhkan kedudukan serta mengatasi satu kaum dengan kaum yang lain. Sifat nasionalisme ini semakin kuat dipengaruhi oleh perjuangan untuk menegakkan *cultural pluralism*. Dalam konteks ini, Melayu tidak lagi menjadi dominan dan segala hak keistimewaan Melayu sebagai bangsa peribumi tidak dapat lagi dipertahankan. Melalui pemberian hak yang sama, Melayu tidak lagi menjadi pengasas aliran dasar kenegaraan dan kebangsaan. Gelombang nasionalisme Melayu menjelang tahun 2000 dan seterusnya paling kuat dipengaruhi oleh keadaan dan perkembangan yang berlaku di negara ini, khususnya apakah keprihatinan pemimpin politik dan birokrat Melayu. Walau apa pun wawasan pembangunan yang dicanangkan, ia tetap tidak boleh berganjak daripada dasar perjuangan

kemelayuan dan kebangsaan yang akan menentukan survival Melayu. Wawasan 2020 yang merupakan idealisme politik pembangunan Malaysia, perlu melanjutkan satu kesinambungan nasionalisme Melayu yang lebih berkuasa dalam bidang ekonomi dan bidang-bidang lain. Agenda nasionalisme ini perlu menjadi wadah dan landasan perjuangan Melayu.

### NASIONALISME DAN PATRIOTISME

Nasionalisme dalam pengertian lain mencerminkan semangat keinginan dan keupayaan untuk mencapai perubahan dan yang lebih mustahak ialah membina maruah dan harga diri. Bagi bangsa yang telah lama tertekan dan berada dalam kongkongan penjajahan, nasionalisme yang menjiwai perjuangan orang Melayu adalah untuk mendaulatkan ketuanan Melayu. Ketuanan Melayu merupakan satu konsep nasionalisme untuk menonjolkan kewibawaan bangsa Melayu dalam pelbagai bidang. Elit Melayu diberi satu tanggungjawab besar untuk merealisasikan wawasan dan ideologi kemelayuan sebaik sahaja Malaysia mencapai kemerdekaan. Golongan nasionalisme Melayu ini di samping menjadi barisan perjuangan juga merupakan golongan yang memperoleh banyak ganjaran ekonomi, sosial dan politik.

Patriotisme ialah perjuangan yang menjiwai kepada kepentingan bangsa dan negara. Ia menonjolkan semangat juang yang tinggi mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara. Soal bangsa adalah sinonim dengan soal negara. Oleh sebab itu, soal ketuanan Melayu menjadi tonggak kepada negara. Ketuanan Melayu merupakan satu konsep nasionalisme yang memerlukan satu kerangka bagi menonjol dan mendaulatkan Melayu sebagai satu bangsa yang mencorakkan wawasan negara. Soal-soal kemelayuan adalah lambang identiti bagi negara. Meskipun ada bangsa-bangsa lain yang diberi tempat dan dibawa berkongsi dalam hal-hal kenegaraan, tetapi ia perlu bernaung di bawah panji-panji Melayu.

Patriotisme juga memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar merupakan satu tanggungjawab rakyat. Kesetiaan pada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme yang amat penting. Unsur ini perlu ditanam di kalangan generasi muda, khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Nilai patriotisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cinta-bangsa dan negara perlu dipertingkatkan bagi membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab pada bangsa dan negara.

Satu rangka bagi membangunkan semangat patriotisme perlu dilakukan melalui dasar pembangunan manusia, ekonomi, politik, sukan, hubungan diplomatik dan penglibatan Malaysia dalam konteks globalisme. Nasionalisme dalam konteks ini merupakan satu langkah bagi menonjolkan imej Malaysia sebagai bangsa dan negara yang berwibawa di arena antarabangsa.

## NASIONALISME DAN PEMBANGUNAN EKONOMI

Malaysia mencontohi negara membangun lain yang telah berjaya membawa perubahan dan kemajuan penting dalam bidang ekonomi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi ke paras 8 peratus, iaitu pertumbuhan ekonomi yang pesat mengatasi pertumbuhan negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat. Selain faktor kestabilan politik, faktor perancangan ekonomi amat penting bagi menjadikan Malaysia negara yang membangun dengan pesatnya.

Beberapa langkah bagi memobilisasikan ekonomi telah mendorong perubahan pesat pencapaian Malaysia dalam perkembangan ekonomi antarabangsa. Malaysia telah berjaya menjadi pengeluar kereta Proton yang menjadi lambang nasionalisme kebangsaan Malaysia. Malaysia juga telah menggariskan gagasan dan wawasan ekonominya untuk membangun bagi mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Reformasi dan transformasi ekonomi Malaysia ke arah negara perindustrian akan memberi kesan tertentu kepada imej dan status Malaysia dalam ekonomi bukan sahaja dalam lingkungan pertumbuhan rantau Pasifik tetapi juga dalam perkembangan antarabangsa. Malaysia juga menjadi popular melalui produk teknologi tingginya seperti komputer, semikonduktor dan pelbagai peralatan lain yang diperbuat daripada getah, bijih timah dan kayu tropika.

Nasionalisme ekonomi yang bertujuan untuk menanam sikap yakin dan bangga kepada barangan buatan Malaysia telah berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang baik dan meluaskan lagi pasaran tempatan. Kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia" dan keupayaan Malaysia mengeluarkan barangan berkualiti tinggi telah menukar sikap kolonial rakyat Malaysia yang berbangga dengan barangan buatan luar negeri seperti *Made In England*, *Made In USA* dan sebagainya. Dengan dasar pandang ke timur, Malaysia cuba menarik Jepun, Korea dan China sebagai rakan kongsi dalam merealisasikan wawasan pembangunan ekonomi Malaysia.

Nasionalisme merupakan satu unsur penting dalam mencorakkan gagasan pembangunan ekonomi Malaysia. Nasionalisme telah mendorong kepada pembentukan korporat, perbadanan, syarikat, konsortium dan kemunculan gergasi badan perniagaan dan perusahaan yang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Agenda ekonomi nasionalisme adalah untuk melahirkan golongan usahawan, tokoh korporat dan pedagang yang akan memainkan peranan aktif dalam pembangunan ekonomi negara.

Bagi merealisasikan ekonomi Malaysia, ia memerlukan peranan penting pendidikan dan latihan. Malaysia memerlukan lebih banyak ahli sains, teknokrat, arkitek dan golongan profesional yang mempunyai pelbagai kepakaran untuk menggerak dan membangunkan Malaysia. Pengkhususan dalam sesuatu bidang menjadi trend bagi membina kepakaran tenaga manusia yang diperlukan untuk pembangunan. Lebih ramai golongan terlatih dalam

sesuatu bidang diperlukan untuk menjayakan dasar pembangunan ekonomi negara. Nasionalisme ekonomi merupakan agenda penting yang melibatkan orang Melayu secara aktif dalam kegiatan ekonomi negara. Kegiatan ekonomi yang berada di tangan sesuatu kaum adalah amat berbahaya. Nasionalisme Melayu yang menjadi tenaga penggerak wawasan negara tidak akan bermakna jika bangsa peribumi atau orang Melayu masih bergantung pada kaum lain untuk memenuhi keperluan ekonomi mereka. Peranan golongan korporat, teknokrat dan usahawan Melayu dalam menangani penyertaan dan penglibatan kaum yang tidak sihat merupakan satu agenda yang perlu diberi perhatian serius. Setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990, tidak bermakna agenda ekonomi bangsa Melayu telah berjaya diatasi. Apa yang penting ialah melipatgandakan lagi usaha, strategi dan rancangan bagi mentransformasi penyertaan dan penglibatan orang Melayu dalam sektor ekonomi. Sesuatu bangsa tidak boleh menjadi kuat selagi gagal menguasai nadi ekonomi negara. Nasionalisme Melayu perlu digerakkan bagi meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kegiatan ekonomi. Kapitalisme telah mula bertapak di Malaysia sejak zaman penjajahan. Sistem ekonomi penjajah menandakan episod kapitalisme yang membawa kepada pengeksploitasian sumber ekonomi, buruh, pengeluaran dan pemasaran. Transformasi ekonomi dalam sektor perladangan, perlombongan, perkilangan dan perkhidmatan tenaga manusia adalah hasil daripada sistem kapitalis. Sistem kapitalis moden wujud dalam bentuk *joint venture* yang bergantung pada modal, teknologi serta kepakaran asing. Walaupun ditekankan dasar pemindahan teknologi asing, namun ia tidak berhasil kerana teknologi tidak mudah disalurkan kepada pekerja tempatan.

Kebanyakan pemimpin di Negara Dunia Ketiga menyedari kesedaran nasionalisme tidak cukup untuk membangunkan negara. Dalam era ekonomi dunia yang berkembang rancak, nasionalisme perlu berganding bahu dengan kapitalisme bagi memulakan era pembangunan dan menyelamatkan negara membangun daripada kemiskinan serta kemunduran. Semangat yang berkobar-kobar tidak memberi apa-apa makna jika negara membangun terus mundur. Arus kapitalisme yang kuat menerajui perubahan ekonomi sejak tahun 1970-an dan menjadi semakin berpengaruh menjelang tahun 2000. Kesan langsung kapitalisme ialah melonjaknya pasaran hartanah, kenaikan harga barangan dan taraf hidup, peluang pekerjaan yang terbuka, kemewahan hidup serta perkembangan sektor ekonomi moden.

Walau bagaimanapun, kapitalisme akan meluaskan lagi jurang pendapatan dan kekayaan jika Malaysia tidak mampu membendung spekulasi, inflasi, eksploitasi dan trend yang tidak sihat dalam ekonomi bebas serta ekonomi kapitalis. Dasar penswastaaan telah membawa perkembangan baru dalam pembangunan ekonomi negara. Rancangan dan projek raksasa mahupun projek kecil yang membangun dengan pesatnya di negara ini telah menggalakkan sektor swasta berkembang dengan pesatnya. Peranan sektor swasta di Malaysia dikira amat penting untuk menjadikan Malaysia sebagai negara

membangun sepenuhnya menjelang tahun 2020. Dasar pengkorporatan merupakan satu ciri penting bagi mewujudkan kegiatan ekonomi yang berskala besar-besaran, mempunyai pengurusan yang cekap dan dapat menawarkan mutu perkhidmatan yang baik. Konsep pensyarikatan Malaysia merupakan satu corak nasionalisme baru untuk menjadikan Malaysia sebuah negara per-ekonomian yang akan merealisasikan wawasan pembangunan ekonomi kapitalisnya yang lebih berpengaruh.

### NASIONALISME, SOSIALISME DAN KAPITALISME

Dalam satu dekad selepas mencapai kemerdekaan, nasionalisme di Malaysia bergerak dalam dua dimensi ideologi iaitu sosialisme dan kapitalisme. Sosialisme menginspirasi rangka tindakan untuk memberi keadilan sosial dalam pembangunan ekonomi kapitalisme. Perjuangan dan pembentukan kelas sosial merupakan konflik perkembangan ideologi antara sosialisme dengan kapitalisme. Dalam masyarakat kapitalis, agihan kekayaan yang tidak seimbang menyebabkan golongan kaya menjadi lebih kaya dan golongan miskin menjadi lebih miskin. Nasionalisme dalam konteks ini mengusulkan resolusi yang berasaskan ideologi sosialisme untuk membela dan melindungi kepentingan golongan miskin. Kapitalisme menawarkan transformasi ekonomi berskala besar-besaran berasaskan modal, buruh dan sumber yang boleh dieksploitasi.

Negara membangun seperti Malaysia memerlukan pelaburan asing bagi membantu membangunkan sektor ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Dalam konteks ini, sistem kapitalis beroperasi sebagai tenaga penggerak bagi menjayakan rancangan ekonomi. Perubahan ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian bagaimanapun dilihat sebagai satu asas penting kepada pembentukan masyarakat kapitalis. Pembentukan masyarakat kapitalis di barat bermula dengan revolusi perindustrian dan ini merupakan satu sejarah perkembangan industri yang telah memberi kesan besar kepada masyarakat kapitalis. Peratus besar aktiviti penduduknya bergantung kepada sektor perindustrian, perkhidmatan dan perniagaan. Perubahan sosial yang berlaku melambangkan kemajuan dan turut mempengaruhi dasar sosial yang dicapai oleh negara-negara industri di barat bagi melindungi kepentingan sosial dan mewujudkan persamaan sosial dalam masyarakat. Di Britain umpamanya, satu dasar *Welfare State* diasaskan bagi membantu golongan yang menghadapi masalah sosial seperti pendapatan isi keluarga yang rendah, pengangguran, perumahan, bantuan kemudahan kesihatan dan pendidikan, golongan kurang berupaya dan sebagainya. Langkah ini berjaya mengangkat imej dan maruah warganegara Britain dan golongan lain kerana mendapat bantuan bagi menyara kehidupan mereka. Model *Welfare State* dalam negara kapitalis seperti Britain tidak mungkin dapat direalisasikan di negara membangun dan di negara Islam yang melaungkan konsep *Islamic State* yang berbeza dari segi fitrah pembangunan manusia.

Nasionalisme yang mempertahankan kepentingan awam dan golongan yang memerlukan bantuan tanpa mengira kaum, agama dan nasionaliti ini menggambarkan keprihatinan negara barat terhadap tanggungjawab sosial menjaga kesejahteraan rakyat dan negara.

### NASIONALISME, SEKULARISME DAN MODERNITI

Nasionalisme di negara membangun khususnya Malaysia adalah untuk membentuk kesedaran baru bagi menukar imej kemunduran dan kemiskinan kepada pemodenan. Memodenkan sikap, pemikiran dan cara hidup merupakan agenda penting dalam pembangunan individu, institusi sosial, ekonomi, politik dan masyarakat keseluruhannya. Imej masyarakat Asia khususnya di Malaysia pada awal tahun 1960-an yang bersifat tradisional merupakan masalah utama kemunduran dan kemiskinan. Transformasi masyarakat daripada tradisional, kemunduran dan kemiskinan melibatkan strategi-strategi pendidikan, penggunaan teknologi baru, mengubah sistem kepercayaan, norma dan nilai tradisional yang bersifat negatif kepada unsur moden.

Di Malaysia, agenda kemiskinan dan kemunduran mendapat perhatian serius daripada pejuang nasionalis bangsa. Pelbagai langkah dan strategi bagi merevolusi mentalkan masyarakat telah dilakukan. Walau bagaimanapun, pemodenan menjadikan masyarakat bersifat materialistik, individualistik dan sekularistik. Dilema pemodenan ialah kelemahan aspek moral di kalangan masyarakat. Masalah moral yang serius seperti pecah amanah atau penyelewengan harta rakyat, mengalibabkan kemudahan dan peluang yang diberi kepada orang Melayu kepada bukan Melayu, kelemahan orang Melayu dalam bidang sains dan teknologi, keciciran anak-anak Melayu lebih awal dalam pelajaran, semangat pemuda pemudi Melayu yang lemah dan tidak mampu bersaing dalam arus pembangunan serta pelbagai gejala moral yang menimbulkan dilema dalam perjuangan nasionalisme ke arah membawa pembaharuan dan pemodenan kepada bangsa Melayu.

Dalam keadaan tertentu, sekularisme menjadi pengancam kepada wawasan nasionalisme dan pemodenan. Kehidupan moden dan proses modenisasi yang berlaku menyebabkan fahaman sekularisme meluas dalam kehidupan masyarakat. Keruntuhan akhlak dan akidah berpunca daripada kehidupan tanpa beragama atau pegangan agama semakin lemah. Wawasan sosial di Malaysia kebelakangan ini menekankan kehidupan beragama. Islam yang menjadi agama rasmi negara diperkukuhkan kedudukan dan peranannya dalam membentuk masyarakat yang bermoral serta berakidah bagi membendung masalah sosial. Dari satu segi, agama dilihat sebagai satu kongkongan dan pengawalan sosial yang mempunyai kesan tertentu kepada pemodenan gaya hidup, kebudayaan, sikap dan pemikiran individu dan masyarakat. Pemodenan dilihat sebagai satu ancaman manakala agama pula digunakan bagi menolak pemodenan. Walau bagaimanapun, terdapat rasional tertentu mengapa agama menolak pemodenan yang bercanggah dengan pengajaran

Islam. Konflik antara nasionalisme, sekularisme dan modenisme menguasai trend dan isu-isu perkembangan sosial yang mendalam dalam masyarakat Malaysia. Setiap kelompok etnik cuba mempertahankan amalan, fahaman kepercayaan, nilai dan norma hidup berdasarkan kepada warisan tradisional, agama dan kebudayaan masing-masing.

---

## Bab 2

# Nasionalisme, Demokrasi dan Kemerdekaan

Pembinaan sebuah negara yang berdaulat, maju dan progresif bagi menghadapi perubahan dan cabaran abad ke-21 amat bergantung kepada kekuatan nasionalisme, demokrasi dan usaha-usaha ke arah mengisi erti kemerdekaan. Dalam usia hampir setengah abad mencapai kemerdekaan, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara maju dengan tahap pemodenan yang tinggi, pendapatan per kapita yang dinamik bagi mencipta kemakmuran baru, transformasi sosial, kemunculan kelas menengah dan pembentukan *affluent society*, gagasan politik kenegaraan yang berteraskan kepada perpaduan, keadilan dan demokrasi, dasar pembangunan yang bersifat *sustainable development*, kecekapan menangani krisis dan ancaman serta wawasan politik futuristik untuk meningkatkan persaingan global.

Ancaman, krisis dan pelbagai pergolakan yang dihadapi oleh Malaysia dalam tempoh setengah abad selepas mencapai kemerdekaan menjadikan Malaysia sebuah negara bangsa yang semakin mantap, berdaya saing dan melonjak sebagai sebuah negara membangun yang mendapat perhatian masyarakat dunia. Kepimpinan Malaysia yang berdaya maju, berani, tegas dan berwibawa di peringkat antarabangsa membolehkan Malaysia memainkan peranan positif dan mengambil bahagian aktif menyuarakan pelbagai isu dan pandangan berkaitan dengan kepentingan dunia serta kepentingan negara membangun. Malaysia dihormati dan disegani kerana perjuangannya dalam menegakkan kebenaran, keadilan dan demokrasi. Suara dan kritikan Malaysia mendapat perhatian dan sering kali mencabar serta menggugat kredibiliti kepimpinan negara maju dan dunia Islam.

Kemerdekaan yang dicapai membolehkan Malaysia membina harga diri bangsa dan negara. Usaha bagi memajukan bangsa Melayu merupakan satu agenda perjuangan yang didorong oleh kebangkitan kesedaran nasionalisme



Melayu yang sebelum ini merupakan bangsa yang begitu lemah, terhimpit dan tersepit di bawah penjajahan barat. Kekuatan Melayu bergantung kepada perpaduan dan komitmen bangsa Melayu untuk bangun, berjuang dan membuat perubahan. Nasionalisme baru yang wujud selepas post-merdeka membentuk negara bangsa dengan semangat perpaduan dan penyatuan bangsa, ketahanan, jati diri, berwawasan, produktif, berhemah dan beretika, mempunyai daya saing dan dapat menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan bangsa dan negara. Melayu perlu menjadi tonggak kekuatan nasionalisme, mengamalkan demokrasi serta menjadi satu bangsa yang bebas dan merdeka. Sejarah merupakan inspirasi dan dorongan untuk membina kekuatan nasionalisme baru bangsa Melayu bagi mencipta perubahan pada abad ke-21 dan seterusnya. Landasan nasionalisme baru ialah menjadikan Malaysia dan bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang maju, dihormati, dipandang mulia serta mempunyai sumbangan yang besar di peringkat antara-bangsa.

Melayu harus keluar daripada kepompong feodalisme dan menghakis sikap bergantung kepada kerajaan yang menyebabkan mereka lemah dan kurang berdaya saing. Peluang-peluang pendidikan tinggi perlu diluaskan untuk membangun dan memajukan minda, pemikiran serta mengangkat perjuangan Melayu. Agenda penglibatan ekonomi orang Melayu dan mempertahankan politik Melayu sebagai pemerintah serta peneraju negara bangsa perlu dipertahankan. Kemunduran bangsa Melayu seperti yang berlaku di Pulau Pinang disebabkan kehilangan kuasa politik Melayu perlu mendapat perhatian dan kesilapan sejarah yang berlaku ini perlu diperbetulkan supaya Melayu tidak terus merintih dan mampu membebaskan diri mereka daripada belenggu politik vanikularisme kaum bukan Melayu yang rakus, menindas dan menafikan hak bangsa Melayu di negara kita sendiri. Oleh sebab itulah dikatakan perjuangan Melayu masih belum selesai.

Agenda perubahan Melayu Pulau Pinang perlu dilihat sebagai satu perjuangan penting dalam konteks mengembalikan hak dan kuasa orang Melayu di negara ini. Jangan biarkan sejarah lampau menghitamkan dan memundurkan nasib bangsa Melayu seperti yang sedang dialami oleh bangsa Melayu di Pulau Pinang. Semua orang Melayu perlu berani menyuarakan ketidakadilan yang sedang dialami oleh orang Melayu Pulau Pinang. Melayu tidak boleh menyerahkan nasib mereka kepada bangsa asing bagi menjamin dan mencapai erti kemerdekaan. Bangsa asing mahu mengambil dan mengaut apa sahaja peluang, terutama kuasa politik yang akhirnya memburukkan keadaan nasib bangsa Melayu dan menegakkan konsep pembinaan negara bangsa. Iktibar sejarah perlu dilihat sebagai suatu dorongan supaya pemimpin Melayu Pulau Pinang dan Melayu secara kolektif di negara ini memperbaiki kelemahan yang berlaku sekarang.

Bercanggah dengan konsep feodalisme dan autoritarisme, demokrasi merupakan perjuangan bagi membina budaya baru yang mendorong kepada perubahan dan kemajuan yang lebih adil dan saksama. Demokrasi memberi ruang yang lebih luas kepada penyertaan semua pihak bagi menentukan hala

tujuan perubahan dan berkongsi tanggungjawab bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara bangsa. Kebangkitan kapitalisme dan demokrasi memberi kesan kepada keruntuhan sistem feudalisme dan pemerintahan autoritarisme. Sistem pemerintahan negara beralih kepada demokrasi yang memberi peluang kebebasan, pemodenan politik, sosial dan budaya. Malaysia menjadi sebuah negara maju yang mengamalkan demokrasi dengan mengekalkan sistem negara beraja dan berparlimen. Raja menjadi tonggak keadilan dan kedaulatan negara yang menggerakkan pemerintahan demokrasi.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi amalan dan perkembangan demokrasi dalam sesebuah negara yang merdeka. Ini termasuklah perubahan taraf hidup, perubahan dan peningkatan taraf pendidikan sebilangan besar masyarakat, perubahan dasar keadilan sosial, kesamarataan, pembentukan kelas sosial golongan menengah yang lebih besar, kebebasan media dan maklumat, perkembangan dan peranan konstruktif NGO, kecik politik dan kefahaman erti demokrasi, pengaruh dan peranan konstruktif parti pembangkang, pemodenan dan liberalisasi, pengaruh pemikiran barat serta kedaulatan dan keadilan undang-undang. Kesemua pengaruh ini mempunyai kesan yang besar terhadap perkembangan demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Ideologi politik yang mendorong demokrasi dan menjana kebangkitan nasionalisme baru seperti demokrasi ala-Malaysia, Rukun Negara, Wawasan 2020, Pembentukan Bangsa Malaysia, Pemupukan Nilai Patriotisme dan sebagainya memberi kesan yang besar terhadap perkembangan demokrasi. Demokrasi merupakan nilai dan ideologi kesejagatan yang mempengaruhi banyak perubahan baru berlaku terhadap konsep negara bangsa. Ideologi demokrasi barat tidak semuanya sesuai diamalkan di negara membangun kerana kebebasan tanpa tanggungjawab akan membawa keburukan serta keruntuhan masyarakat dan negara. Demokrasi mutlak tidak wujud dalam mana-mana negara atau masyarakat kerana demokrasi mempunyai batasan dan tertakluk kepada kepentingan lain yang perlu dipertahankan. Di negara membangun, kepentingan negara dikira lebih penting mengatasi kepentingan individu dan kepentingan kelompok.

Demokrasi yang berlaku di negara-negara membangun pada abad ke-21 mencorakkan nasionalisme baru dengan agenda-agenda perpaduan, pembangunan, membina kualiti hidup, ekualiti, penglibatan dalam membuat keputusan dan pengurusan negara, membina imej baru masyarakat daripada imej mentaliti penjajahan kepada imej bangsa yang bebas, merdeka dan bermaruah, menjadi bangsa pengeluar, kebolehan mengurus kejayaan dan membina satu bangsa yang moden dan berdaya maju. Demokrasi merupakan satu ideologi perubahan dan pembangunan yang memberi hak dan memelihara kepentingan masyarakat pelbagai lapisan kelas, budaya, gender, kaum, fahaman agama dan perbezaan politik.

Pelbagai bentuk ancaman baru yang dihadapi oleh Malaysia pada abad ke-21 memerlukan unsur-unsur nasionalisme baru dibangunkan bagi membina

kekuatan bangsa dan negara. Semangat nasionalisme yang lemah terutama di kalangan generasi muda boleh mendedahkan negara dan sesuatu bangsa kepada pengaruh yang membawa kepada neokolonialisme baru. Neokolonialisme baru adalah satu bentuk ancaman yang berlaku melalui ideologi, penguasaan minda, perjuangan kebebasan tanpa batas atas nama demokrasi dan liberalisasi, penjajahan budaya dan sebagainya. Penjajahan bentuk baru ini juga boleh berlaku apabila sesebuah negara dipaksa tunduk kepada kehendak kuasa lain atau berlakunya peralihan pemerintahan berbentuk boneka di negara-negara tertentu seperti yang dilakukan oleh kuasa besar Amerika Syarikat ke atas negara-negara tertentu seperti Afghanistan dan Iraq. Melancarkan peperangan ke atas negara-negara tertentu, menggunakan kuasa penindasan dan imperialisme bagi menghancurkan ekonomi sesebuah negara melalui sekatan perdagangan ekonomi merupakan satu strategi bagi melumpuhkan pemerintahan sesebuah negara yang bertujuan menukar rejim yang ada dan juga bagi menguasai negara tersebut. Imperialisme dan penjajahan bentuk baru ini dilakukan sewenang-wenangnya ke atas negara-negara Islam kerana sikap permusuhan agama dan bangsa serta kecenderungan untuk menindas negara-negara yang lemah. Melancarkan peperangan dan melakukan imperialisme ke atas negara-negara yang telah merdeka serta negara-negara membangun adalah bercanggah dengan etika antarabangsa kerana setiap negara bebas untuk menentukan nasib masa depan sendiri.

Menjadi tanggungjawab negara-negara maju dan negara yang kuat seperti Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan negara-negara Eropah lain meluaskan semangat membantu memajukan negara-negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi, pembelian barangan dagangan, bantuan kesihatan, pembiayaan projek-projek tertentu, program integrasi pendidikan kebudayaan, dan sebagainya. Begitu juga negara maju boleh membantu negara membangun dalam meningkatkan amalan demokrasi dengan mengurangkan amalan rasuah, menukar pemerintahan autoritarianisme atau pemerintahan kuku besi, membebaskan negara membangun daripada sebarang ancaman dan kongkongan kuasa-kuasa lain bagi menikmati kemerdekaan dan dalam masa yang sama membolehkan demokrasi diamalkan dalam kehidupan dan pemerintahan. Negara membangun perlu mengamalkan norma budaya demokrasi yang standard dengan menegakkan undang-undang yang menjamin keadilan, keamanan dan ketenteraman awam. Undang-undang juga perlu menjamin pertumbuhan ekonomi, kepentingan pelabur, etika pengurusan perniagaan dan mampu membanteras segala bentuk penyelewengan mata wang dan pelanggaran peraturan ekonomi yang boleh memberi kesan buruk serta mengancam pertumbuhan dan kemakmuran yang perlu diagihkan kepada semua golongan dalam sesebuah negara. Kemajuan yang dicapai masyarakat dunia dalam bidang ekonomi menyebabkan sistem ekonomi feodal di Eropah dan di negara-negara membangun digantikan dengan sistem ekonomi moden dan liberal. Demokrasi dalam ekonomi mendorong kepada pertumbuhan, penglibatan dan peranan golongan pelabur, pemindahan modal serta pengaliran pelaburan daripada negara maju kepada negara membangun,

meningkatkan pengeluaran besar-besaran, berlaku rombakan dan penstrukturan ekonomi, pemodenan sektor-sektor ekonomi, meningkatnya pembekalan bahan mentah, makanan dan komoditi, penciptaan peluang-peluang pekerjaan serta meningkatnya taraf penghidupan, pendapatan dan kemakmuran untuk dinikmati bersama.

Nasionalisme ekonomi yang menjadi asas mengatasi masalah kesan penjajahan ekonomi dan politik di Malaysia sedikit masa dahulu membolehkan asas-asas pembinaan semula kekuatan dan pengagihan ekonomi dapat dilakukan. Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan pendorong kepada perubahan sosial dan ekonomi yang dicetuskan oleh pengaruh nasionalisme baru selepas merdeka. Pertumbuhan dan pengagihan kekayaan negara dalam Dasar Ekonomi Baru menjadi teras kepada perubahan dan kemajuan yang dinikmati oleh masyarakat Malaysia hari ini. Dasar Ekonomi Baru ini juga telah berjaya mencipta golongan bumiputera dan golongan bukan bumiputera yang menjadi kaya-raya. Malaysia meneruskan dasar-dasar pembangunan progresif bagi mencipta kemakmuran negara, mengatasi krisis mata wang dan ekonomi, meningkatkan pertumbuhan, mendorong pembangunan mapan (*sustainable development*), menyediakan peluang pekerjaan, membendung inflasi, kemelesetan serta merangka dan melaksanakan pelbagai strategi baru bagi mengekalkan taraf hidup yang baik agar boleh dinikmati rakyat Malaysia. Nasionalisme ekonomi telah mengalami banyak perubahan melalui dasar liberalisasi dan demokrasi yang melibatkan penstrukturan ekonomi, penglibatan aktif pihak swasta, pembentukan golongan korporat dan gergasi besar Malaysia, meluaskan kemunculan golongan usahawan baru (*new entrepreneurs*), membina konsep *joint-venture* dengan negara asing dalam projek-projek besar, meluaskan pelaburan ke luar negara, membentuk misi perdagangan dengan negara-negara luar dan sebagainya. Konsep *Malaysian Incorporation* merupakan satu bentuk nasionalisme ekonomi yang bertujuan membina imej Malaysia membangun dan menjelma sebagai suatu organisasi ekonomi yang kukuh dan berdaya maju.

Kemerdekaan dan demokrasi yang dikecapi oleh Malaysia hari ini tidak akan dicapai tanpa perjuangan gigih yang telah dilakukan oleh rakyat dan pemimpin negara sebelum ini. Mengekalkan kemerdekaan dan mengisi erti kemerdekaan merupakan satu tugas yang perlu dipikul bersama oleh generasi hari ini dan generasi akan datang. Untuk merealisasikan impian dan wawasan membina Melayu dan Malaysia sebagai suatu bangsa yang maju, kuat dan berdaulat, generasi muda hari ini perlu mempunyai kesedaran dan keberanian mengambil tanggungjawab dan risiko bagi meneruskan perjuangan memartabatkan kedudukan serta meningkatkan pencapaian bangsa Melayu dalam segala bidang. Kemakmuran yang dicipta tidak akan bermakna sekiranya orang Melayu masih lagi miskin, terpinggir, mundur dan ketinggalan dalam serba-serbi. Menjadi tanggungjawab perjuangan politik Melayu sama ada dalam kerajaan dan sebagai puak pembangkang melihat agenda-agenda kepentingan

Melayu serta memperjuangkan agenda tersebut dengan berani dan tegas. Begitu juga dengan peranan NGO Melayu yang perlu sensitif dan berani mengemukakan pandangan serta kritikan mereka terhadap pelbagai agenda kepentingan Melayu.

Kemakmuran dan kemajuan yang dicipta oleh Malaysia hampir setengah abad mencapai kemerdekaan telah berjaya mengangkat maruah dan taraf hidup serta menyediakan pelbagai peluang keemasan kepada rakyat negara ini. Generasi muda hari ini boleh menikmati peluang jauh lebih baik berbanding dengan generasi sebelum merdeka. Perjuangan generasi dulu memberi faedah dan membuka jalan yang terbentang luas kepada generasi sekarang. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa kejayaan tidak mudah dicapai, perjuangan masih belum selesai dan semakin mencabar, perjalanan kita semakin jauh dan terbuka luas serta agenda-agenda yang perlu diperjuangkan juga adalah berbeza dan amat memerlukan kekuatan generasi sekarang.

Pelbagai pergolakan baru yang berlaku pada abad ke-21 ini memerlukan konsep kenegaraan (*nationhood*) dan kewarganegaraan dibangunkan sebagai asas membina kekuatan negara dan bangsa. Negara-negara membangun khususnya Malaysia semakin terdedah kepada pelbagai ancaman luar. Selain daripada mengukuhkan konsep kesetiaan kepada negara, konsep Kenegaraan dan Pembinaan Negara (*Citizenships and Nation Building*) perlu dirangka dalam konteks yang luas, mencakupi membina kekuatan dalam ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kebudayaan, agama, pertubuhan-pertubuhan seperti NGO dan sebagainya. Program Khidmat Negara (*National Service*) yang bertujuan memberi latihan dan pendedahan golongan muda terhadap pelbagai aspek kenegaraan merupakan satu usaha yang amat baik bagi menyediakan dan membentuk generasi muda yang komited serta bertanggungjawab mempertahankan negara. Program ini juga boleh memberi kesan positif dalam menangani pelbagai masalah sosial yang sedang dihadapi oleh golongan muda yang tandus dengan idealisme dan kesedaran kenegaraan. Unsur-unsur kenegaraan amat penting bagi membina generasi muda yang mempunyai semangat juang dan sentiasa komited terhadap kepentingan bangsa, agama dan negara. Program Khidmat Negara bagaimanapun tidak seharusnya mengikut acuan latihan bersifat ketenteraan dan menghasilkan tentera penakluk yang boleh dikerah tenaga mereka bila-bila yang diperlukan. Ia harus membentuk warganegara muda yang kuat, cergas, mempunyai kesedaran, cinta akan negara, berperanan positif serta mengamalkan nilai-nilai hidup yang baik dan progresif.

Ancaman-ancaman baru seperti neokolonialisme, order baru dunia (*new world order*), globalisasi, runtuhnya tembok-tembok nasionalisme dan negara bangsa merupakan satu agenda yang amat membimbangkan kedudukan serta masa depan negara membangun, khususnya Malaysia yang mengamalkan dasar demokrasi yang memberi ruang kemasukan pelbagai pengaruh negatif yang

boleh menghancurkan ketahanan rakyat dan kedaulatan negara. Demokrasi ada baik dan buruknya sekiranya demokrasi disalahgunakan dan membawa kesan konstruktif kepada kepentingan negara. Amalan demokrasi di kebanyakan negara maju juga terbatas kerana demokrasi tertakluk kepada undang-undang negara, dasar-dasar dan kepentingan umum. Namun, melatih generasi muda supaya mengamalkan nilai-nilai demokrasi merupakan satu tugas besar yang perlu dipikul oleh masyarakat, negara dan sekolah. Pendidikan perlu menyemai dan meningkatkan asas-asas amalan demokrasi selaras dengan wawasan 2020 yang bertujuan membentuk masyarakat Malaysia yang demokratik.

Kelemahan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu selepas merdeka menyebabkan generasi muda yang lahir dalam masyarakat ini lemah semangat perjuangan mereka. Kesedaran nasionalisme bangsa dan negara perlu dipupuk serta kaum Melayu harus tahu kedudukan mereka tidak mungkin terjamin sekiranya mereka tidak mempunyai semangat patriotik dan semangat memartabatkan bangsa mereka yang perlu bersaing dengan kaum-kaum lain. Kuasa politik yang masih dapat dipertahankan di bawah kepimpinan Melayu boleh tergugat pada bila-bila masa sahaja disebabkan demokrasi yang membolehkan kuasa bertukar tangan dan kuasa yang ada akan hancur lebur. Persaingan mendapatkan kuasa dalam masyarakat yang berbeza wawasan politik merupakan satu ancaman kepada survival dan pengisian erti kemerdekaan kepada bangsa Melayu. Perpecahan politik yang berlaku di kalangan orang Melayu boleh mengancam pembinaan kekuatan nasionalisme Melayu yang diterajui oleh UMNO. Kecenderungan orang Melayu memihak kepada parti pembangkang Melayu yang tandus dengan semangat nasionalisme dan demokrasi boleh memberi kesan buruk terhadap masa depan pejuang Melayu yang telah dibina hampir setengah abad Melayu menerajui kepimpinan nasionalisme baru Malaysia. Menyemai semangat politik kebencian kepada pejuang-pejuang Melayu yang telah berjasa kepada bangsa dan negara boleh menggugat nasionalisme Melayu dan memburukkan perjuangan yang perlu diteruskan generasi muda sekarang. Generasi muda Melayu perlu tahu membezakan mana yang lebih penting dipertahankan bagi menjamin *survival*, kekuatan dan hala tuju pembinaan masa depan Melayu.

Nasionalisme, demokrasi dan kemerdekaan merupakan kerangka ideologi yang begitu kuat mencorakkan perubahan dan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dalam tempoh setengah abad negara ini bebas daripada dibelenggu penjajahan. Banyak negara baru yang menikmati kemerdekaan tergugat dan menghadapi pelbagai masalah disebabkan kebangkitan ideologi nasionalisme, demokrasi dan tuntutan mengisi kemerdekaan. Ketidakmampuan sesetengah negara membangun seperti yang berlaku di Afrika, Amerika Latin dan di Asia Barat mencimbangkan kebangkitan nasionalisme, demokrasi dan membina wawasan kemerdekaan menimbulkan banyak keadaan porak-peranda. Matlamat mengisi erti kemerdekaan seperti meningkatkan kemakmuran

ekonomi, mewujudkan kestabilan politik, mengagihkan kekayaan negara yang adil, membina masyarakat demokratik dan liberal serta menangani pelbagai masalah-masalah utama yang dihadapi oleh negara tersebut, kekal sebagai agenda pembangunan yang sukar dicapai dengan baik. Fahaman nasionalisme sempit bersifat perkauman, gagal menyatukan rakyat yang berpecah belah disebabkan perbezaan ideologi agama dan politik, dan nasionalisme yang menjadi penghalang kepada pembangunan ekonomi menjadikan negara-negara membangun gagal membina kekuatan dan menangani masalah-masalah kritikal yang dihadapi selepas merdeka. Banyak negara-negara membangun masih bergelut dengan kemiskinan dan kemunduran serta gagal membawa perubahan disebabkan masalah nasionalisme dan demokrasi.

## Bab 3

# Negara Bangsa dan Ancaman Ekstremisme

Ekstremisme merupakan ancaman besar kepada perkembangan negara bangsa. Negara bangsa ialah negara yang diasaskan kepada kebangkitan semangat kebangsaan untuk membina sebuah negara yang berdaulat dan bebas daripada ancaman pengaruh yang boleh menggugat dan memusnahkan gagasan serta wawasan negara bangsa. Kebanyakan negara bangsa yang terbentuk selepas merdeka terdedah kepada pelbagai bentuk ekstremisme yang menggugat keamanan negara, ketenteraman awam dan kestabilan politik.

Satu cabaran utama negara bangsa ialah mengekalkan keamanan dan membendung pelbagai anasir serta pengaruh ekstremis yang menjadi ancaman dan menimbulkan banyak masalah kepada "survival" negara bangsa. Oleh sebab itu, faktor keselamatan negara menjadi satu agenda utama yang membolehkan sesebuah kerajaan bertindak tegas membendung sebarang bentuk kegiatan dan kebangkitan ekstremisme yang boleh memporak-perandakan keselamatan negara. Tindakan tegas ada kalanya perlu diambil termasuk menggunakan ISA (*International Security Act*) bagi membendung gejala ekstremis yang boleh memusnahkan dan mendatangkan keadaan huru-hara kepada masyarakat dan negara.

Ekstremis bermaksud pelampau atau golongan radikal yang menakutkan, membimbangkan dan boleh mendatangkan kesan buruk kepada orang lain, masyarakat atau negara. Ekstremisme boleh berlaku dalam bentuk tuntutan, pandangan, tindakan, gerakan, perjuangan, pengajaran dan kegiatan-kegiatan yang bersifat radikal atau melampau. Terdapat pelbagai bentuk golongan ekstremis seperti ekstremis kaum, ekstremis agama, ekstremis politik dan ekstremis budaya. Golongan ekstremis boleh bertukar menjadi golongan fanatik yang mempunyai pandangan sempit dan membahayakan dari segi keselamatan, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat. Golongan ekstremis



ini juga wujud dalam gerakan yang berpersatuan dengan mengadakan pelbagai tindakan dan kegiatan bersifat melampau yang bertujuan menghasut dan mementingkan diri dan kelompok sendiri. Golongan ini bukan sahaja menentang dan mencabar dasar-dasar kerajaan tetapi juga berusaha menggagalkan dasar-dasar tersebut. Tindakan yang dilakukan ini dilihat bercanggah dengan kepentingan negara untuk tujuan perpaduan, keselamatan dan kemajuan.

Ekstremis kaum menjadi ancaman utama kepada pembinaan negara bangsa, khususnya dalam konteks pembinaan negara bangsa Malaysia. Asas-asas perpaduan kaum seperti asimilasi budaya dan pembudayaan, semangat kerjasama kaum, toleransi dan persefahaman, kesetiaan kepada negara, bertanggungjawab kepada kaum-kaum lain, bersifat adil dan bertimbang rasa di luar batasan kaum sendiri, meluaskan semangat perkongsian dan membina hidup bersama dalam konteks hubungan kaum serta bersifat positif dalam hubungan perlu dipupuk dan diamalkan sebagai satu syarat utama bagi membina kesejahteraan hidup masyarakat berbilang kaum.

Sebarang kebangkitan ekstremis yang bersifat diskriminasi kaum, anti-nasional, prejudis dan mengamalkan dasar perkauman dalam hubungan, pergaulan, pekerjaan serta mementingkan kaum sendiri sahaja boleh mendatangkan kesan buruk. Golongan ekstremis kaum perlu diberi pendedahan dan pengajaran supaya mereka tidak hidup seperti "katak di bawah tempurung". Mereka perlu bersifat rasional dan bertanggungjawab menjamin kesejahteraan hubungan kaum. Perkongsian hidup dalam negara bangsa merupakan satu prasyarat penting untuk membendung golongan ekstremis kaum.

Ekstremis kaum sengaja dikekalkan dalam kerangka negara bangsa di Malaysia bagi tujuan memperjuangkan kepentingan kaum tertentu seperti yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan kaum Cina di negara ini sehingga menimbulkan persaingan dan cabaran kepada kepentingan kebangsaan dan kenegaraan. Sifat *chauvanism* kecinaan serta pelbagai tuntutan melampau yang mencabar hak dan kepentingan kaum bumiputera menunjukkan ekstremis kaum yang wujud di negara ini menjadi masalah dan pengancam kepada negara bangsa. Walaupun setiap kaum berhak menuntut sesuatu perubahan dan hak untuk mendapatkan pembelaan yang baik daripada pemerintahan negara, namun apa yang dilakukan tidaklah menggugat kedaulatan dan kepentingan negara.

Kewujudan negara bangsa di negara ini bertunjangkan kepada kekuatan Melayu sama ada dari segi sejarah kenegaraan, mahupun dari segi perlembagaan. Melayu menjadi tonggak utama kedaulatan yang perlu dipertahankan. Sebarang kebangkitan yang mencabar kepentingan Melayu itu sendiri merupakan satu ancaman ekstremis terhadap negara. Dalam banyak hal, bangsa Melayu telah memberi peluang yang begitu luas kepada bukan Melayu dan mengorbankan hak mereka untuk memberi kesenangan kepada kaum lain dalam konteks pembinaan negara. Mereka masih terus berjuang dan berusaha membebaskan imej dan kedaulatan bangsa mereka daripada

belunggu dan cabaran serta kehilangan semakin banyak hak-hak mereka di negara sendiri. Mereka terpaksa bersaing dengan pelbagai pengaruh yang mencabar kedaulatan negara bangsa seperti kapitalisme, liberalisme, pendekmorasian, globalisme, anarkisme dan sebagainya.

Trend terbaharu yang mengancam negara bangsa ialah ekstremis agama. Agama boleh menjadi alat pengawalan sosial jika digunakan dengan tujuan yang baik dan dalam keadaan tertentu. Agama juga boleh digunakan oleh golongan tertentu sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara dan memecahbelahkan masyarakat Islam yang semakin lemah dan mundur dalam banyak segi. Ekstremis agama boleh menimbulkan perbalahan agama dan seterusnya membawa kepada pertumpahan darah serta pembunuhan di kalangan penganut berbeza fahaman agama dan juga di kalangan penganut agama yang sama. Ajaran sesat ialah ajaran yang bercanggah dengan ajaran agama sebenarnya. Timbul pelbagai tafsiran yang berbentuk ekstrem tentang isu agama di samping agama dikaitkan dengan isu yang menyentuh soal akidah, keimanan, kepercayaan, politik dan sebagainya yang menimbulkan kesulitan dan menggugat kedaulatan negara bangsa. Konflik dan ekstremis agama antara pengikut Hindu dengan Islam di India dan Pakistan menimbulkan masalah sehingga membawa kepada pengorbanan dan pembunuhan kejam oleh masyarakat Hindu ekstrem terhadap masyarakat Islam di India. Begitu juga konflik agama bangsa berlaku di Timur Tengah antara Israel dengan Palestin. Sikap agresif dan kejam tentera pimpinan dan Israel menyebabkan pembunuhan dan penghapusan masyarakat Islam di bumi Palestin.

Ekstremis agama merupakan satu ancaman baru dan membimbangkan perkembangan negara bangsa. Jika salah digunakan dan tidak diuruskan dengan berkesan, isu agama boleh mencetuskan konflik dan perbalahan agama yang mengancam kehidupan masyarakat serta masa depan negara bangsa. Golongan fanatik agama akan menggunakan agama untuk tujuan kemusnahan dan mencetuskan permusuhan. Dalam perkembangan negara bangsa yang begitu kompleks dengan pelbagai fahaman agama, amalan toleransi dan persefahaman agama amat perlu serta sebarang konflik agama perlu ditangani dengan berkesan. Golongan ekstremis agama yang fanatik terhadap agama boleh menimbulkan huru-hara dan mengancam keselamatan negara bangsa. Negara bangsa bukan diasaskan di atas fahaman Assabiyah atau fahaman suku kaum tertentu yang sempit dan jumud, sebaliknya ia berasaskan kepada fahaman kenegaraan bagi mewujudkan satu negara yang memberi peluang kepada kaum-kaum lain menyesuaikan diri dengan Islam sebagai asas membina keadilan dan kesejahteraan hidup.

Ancaman ekstremis agama bukan sahaja disebabkan penyebaran ajaran sesat atau mengamalkan fahaman kuno dan Assabiyah, tetapi juga cuba mewujudkan satu cara hidup yang mengasingkan masyarakat Islam daripada realiti kehidupan baru dan realiti cabaran yang perlu dihadapi sebagai sebahagian daripada asas menguatkan lagi peranan dan kedudukan Islam. Kemunculan ajaran agama yang berkiblatkan kepada kepentingan kelompok pemimpin tertentu seperti Al-Arqam merupakan satu bentuk penyelewengan

dan ekstremis agama yang perlu dibendung dan ditangani. Kebebasan agama tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya sekiranya ia bercanggah dengan Islam sebenar dan menimbulkan masalah kepada negara. Pelbagai perkembangan tidak sihat yang berlaku boleh menjejaskan imej dan ajaran Islam seperti timbulnya isu kafir-mengkafirkan sesama Islam dan pelbagai bentuk pertelagahan agama yang menyemai bibit-bibit perpecahan serta melemahkan lagi unsur-unsur persefahaman dan persaudaraan sesama Islam akan memberi kesan yang buruk kepada pembangunan masyarakat Islam di negara ini.

Bagi membina negara bangsa yang berwibawa dan berdaulat, Islam yang menjadi agama rasmi negara ini perlu berperanan bagi membangunkan umatnya keluar daripada kemunduran dan kemiskinan, sama ada dari segi kebendaan, ekonomi, pemikiran, fahaman, kuasa, pengaruh, imej dan kewibawaan umat Islam dalam segala lapangan kehidupan. Pejuang-pejuang Islam perlu menekankan kepada pengetahuan-pengetahuan baru seperti sains dan teknologi, penguasaan ekonomi dan pengaruh politik untuk membina tamadun baru serta menjadikan Islam relevan sepanjang zaman. Umat Islam perlu menjadi umat yang terbaik dengan kebolehan, pengetahuan, keilmuan, kepintaran, ketinggian akhlak yang menjadi contoh, dihormati dan dikagumi oleh umat lain. Agenda perjuangan bagi mengembalikan kegemilangan Islam begitu mencabar dan memerlukan suatu perubahan paradigma bagi mencapai matlamat tersebut.

Negara bangsa juga berhadapan dengan pelbagai bentuk ekstremis baru berikutan kebangkitan keganasan bentuk baru yang bersifat global. Peristiwa 11 September 2001 yang melanda Amerika Syarikat berikutan runtuhnya World Trade Center dan Pentagon kesan daripada rempuhan dan serangan rampasan kapal terbang berani mati mencatatkan suatu sejarah keganasan (*terrorism*) yang menggemparkan dunia. Keganasan menjadi agenda dunia yang memberi kuasa kepada Amerika Syarikat menyerang mana-mana negara yang disyaki bersepakat dengan pengganas. Amerika Syarikat sehingga sekarang tidak dapat mengesan golongan pengganas yang didakwa bertanggungjawab meranapkan World Trade Center dan Pentagon.

Kebanyakan keganasan global yang berlaku dibiayai oleh golongan tertentu, termasuklah kuasa-kuasa besar dan golongan penjenayah dunia yang mempunyai rangkaian keganasan bersifat global. Perkembangan ini sedikit sebanyak memberi kesan dan ancaman kepada pemimpin negara-negara membangun yang sering menjadi sasaran keganasan politik global. Malahan pertukaran kepimpinan negara membangun atau negara bangsa boleh dilakukan dengan menggunakan pengaruh pertubuhan keganasan dunia. Pembunuhan pemimpin tertentu boleh dilakukan dengan begitu mudah dan licik oleh pertubuhan keganasan global. Ancaman keganasan merupakan satu bentuk ekstremis yang membimbangkan dan boleh menggugat kedaulatan negara bangsa.

Pelbagai bentuk keganasan dalam negara bangsa yang menggugat keamanan dan menimbulkan masalah keselamatan juga meningkat dari semasa ke semasa walaupun usaha menguatkan lagi kuasa polis dan tentera diper-

tingkatkan. Ini bermakna lebih banyak kuasa polis diberi untuk memerangi keganasan. Begitu juga dengan undang-undang keganasan digubal bagi membendung dan menangani masalah keganasan domestik yang menggugat negara bangsa. Kebangkitan golongan ekstremis seperti Al-Maunah yang didakwa bertujuan menumbangkan kerajaan melalui kekerasan dan menggunakan senjata merupakan satu perkembangan yang menggemparkan negara.

Negara bangsa boleh tergugat sekiranya fahaman politik ekstremis dibenarkan mempengaruhi masyarakat dan menunjangi perjuangan politik negara. Oleh sebab itu, kebebasan politik yang keterlaluan boleh membawa mudarat dan menghancurkan kepentingan negara. Fahaman politik ekstrem yang berasaskan kepada kaum, agama dan ideologi yang bercanggah dengan gagasan dan wawasan negara bangsa boleh menggugat dan seterusnya menghancurkan negara. Oleh sebab politik merupakan kuasa dan pengaruh, maka ia perlu dikawal dan digunakan bagi tujuan membina masa depan bangsa yang lebih sihat dan harmoni. Pengurusan negara perlu berasaskan kepada ideologi politik yang sihat, demokratik, adil, menggalakkan kemajuan, membina kemakmuran, pengagihan kekayaan negara dengan lebih adil, menyediakan peluang serta mendorong kemajuan berlaku melalui daya usaha, kreativiti dan kebolehan. Dalam masa yang sama, dasar sosial yang dapat membawa keseimbangan pencapaian antara kaum perlu digubal dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Namun, perlu dibezakan antara tuntutan yang konstruktif dan demokratik dengan ekstremisme. Kebebasan dan demokrasi sering kali disalahgunakan sehingga lahir golongan ekstremis yang melampau dari segi tuntutan dan perjuangan mereka. Ekstremisme boleh lahir dalam suasana politik demokrasi dan juga dalam persekitaran politik autokratik. Golongan ekstremis ini mungkin dipengaruhi oleh ideologi perjuangan mereka yang melampau untuk tujuan mendapatkan kuasa secara kekerasan, menyalahgunakan kuasa dan juga bertujuan untuk merampas kuasa. Ideologi komunis umpamanya melahirkan tokoh-tokoh dan pengikutnya yang bersifat ekstremis, ganas, menggunakan kekerasan dan melampau. Oleh sebab itu, ideologi dan fahaman komunis menjadi ancaman kepada negara bangsa yang mementingkan kepada kebebasan, menjaga kepentingan awam, mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang bebas. Penyertaan rakyat dalam mencorakkan perkembangan negara bangsa amat penting kerana ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab rakyat terhadap negara bangsa.

Pembentukan negara bangsa yang berwawasan, berwibawa dan berdaulat merupakan satu ciri di mana wujudnya pengaruh dan kuasa pemerintah yang bertanggungjawab kepada rakyat bagi menentukan negara tersebut bebas daripada sebarang pengaruh ekstremisme. Keamanan dan ketahanan negara daripada sebarang ancaman juga perlu dipertingkatkan dengan menggembelngkan komitmen masyarakat dan orang ramai bagi memerangi

sebarang bentuk ekstremis yang mengancam kedaulatan dan kepentingan negara.

Kebanyakan negara bangsa yang baru mencapai kemerdekaan masih bergelut dengan pelbagai masalah yang membawa kepada perpecahan dalaman dan menyebabkan ia sentiasa tergugat serta sukar mempertahankan kedaulatan negara tersebut. Kerajaan yang kuat, berwawasan dan bertanggungjawab dapat membendung ancaman ekstremisme serta membebaskan negara daripada golongan yang tidak bertanggungjawab.

Fenomena yang tidak sihat dalam sesebuah negara seperti kelemahan dari segi undang-undang, kelemahan corak pemerintahan, kelemahan dari segi kepimpinan negara, meluas dan meningkatnya isu-isu kritikal dalam hubungan kaum, perkembangan konflik agama dan pelbagai ideologi yang mengancam keselamatan negara boleh melahirkan golongan ekstremis yang sukar dibendung. Perkembangan pasaran gelap dan pelbagai aktiviti ekonomi yang berkait dengan penglibatan kumpulan mafia, golongan penganas, perniagaan dadah dan senjata, pelacuran, hiburan dan pertukaran wang asing akan meletakkan sesebuah negara bangsa kepada bahaya ancaman golongan ekstremisme yang boleh menghancurkan negara bangsa dan menimbulkan kesengsaraan kepada rakyat atau orang biasa.

Golongan ekstremis mencetuskan pelbagai masalah kritikal dan mengancam kepentingan masyarakat umum. Mereka menganjurkan kegiatan radikal dan militan yang menakutkan orang ramai, mencetuskan keganasan yang melibatkan pertumpahan darah dan kecenderungan menimbulkan kacau-bilau serta menyebabkan kemusnahan kepada masyarakat atau negara. Golongan ekstremis juga melakukan tindakan militan seperti merampas kapal terbang, melakukan pengeboman, mengugut, menculik dan membunuh, memeras ugut, meminta wang tebusan dan sebagainya. Dalam kes-kes tertentu, sekiranya permintaan mereka tidak dipenuhi dan tidak dilayan, tindakan mereka yang lebih destruktif dan militan menyebabkan kerugian besar yang terpaksa ditanggung oleh orang tertentu, masyarakat dan juga negara.

Masa depan negara bangsa bergantung kepada usaha positif bagi membebaskan negara daripada sebarang ancaman ekstremisme. Oleh sebab itu, agenda keselamatan negara akan terus dipertahankan bagi memberi kuasa kepada kerajaan bertindak membanteras kebangkitan ekstremisme yang membahayakan kepada negara. Negara akan menanggung risiko yang tinggi sekiranya golongan ekstremis tidak dapat ditangani dengan lebih berkesan.

## Bab 4

# Globalisasi, Keganasan dan Ancaman Agama

Globalisasi membawa pelbagai konflik dan pergolakan yang menjadikan keadaan dunia pada abad ke-21 menghadapi pelbagai ancaman, kebimbangan dan ketidakpastian. Usaha bagi mengembalikan keamanan dunia menjadi satu impian dan harapan yang sukar dicapai. Mengekalkan keamanan sejagat merupakan satu paradoks terhadap kemajuan dan ketamadunan manusia pada zaman moden di mana masyarakat dunia yang sering berkongsi kemakmuran dan kemajuan berasa terancam dan terganggu. Perkembangan konsep kesejagatan (globalisasi) menjadikan abad ini penuh dengan pergolakan dan permusuhan yang amat membahayakan kepada pembinaan tamadun baru dunia tanpa sempadan (*borderless world*). Kehancuran, kemusnahan dan permusuhan menjadi semakin meluas dan berlanjutan disebabkan ancaman ideologi sejagat yang didominasi oleh kuasa-kuasa besar yang bertindak melulu dan menimbulkan permusuhan dan persengketaan antara barat dengan Islam. Kecenderungan pemimpin barat mengeksploitasi isu keganasan dan keagamaan merupakan agenda global yang menggugat kesejahteraan manusia pada abad ini.

Peristiwa hitam 11 September 2000 yang membawa kepada runtuhnya mercu kegemilangan negara Amerika iaitu *World Trade Centre* dan bangunan strategik pertahanan Pentagon yang mengorbankan ribuan nyawa menggugat kredibiliti Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang angkuh, terkuat dan terancang di dunia. Peristiwa buruk ini berlaku pada masa pemerintahan Presiden JR George Bush yang tidak disenangi oleh masyarakat dunia. Berikutan peristiwa ini, Bush dan sekutu baratnya yang lain telah menjadikan agenda keganasan untuk bertindak mengancam musuh-musuhnya terutama negara-negara Islam. Dalam masa yang sama, negara-negara barat menyokong dan membiayai keganasan Israel terhadap rakyat Palestin yang sudah berlanjutan beberapa abad lamanya. Pembunuhan kejam dan kesengsaraan yang dialami rakyat Palestin tidak langsung mendapat simpati dan pembelaan

daripada kuasa-kuasa barat, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation).

Kehancuran Afghanistan dan kesengsaraan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Islam fundamentalis dan ortodoks Afghan berikutan dengan visi pepeperangan pemusnahan angkatan tentera Amerika Syarikat disaksikan oleh masyarakat dunia dengan rasa panik, terkejut dan terancam. Keamanan sejagat dan kedaulatan negara-negara Islam yang dilabelkan sebagai musuh dan negara pembiak keganasan turut terancam. Sebahagian besar negara-negara Islam di Asia Barat pula mengambil pendirian menyokong tindakan Amerika dan negara barat menyerang negara Islam lain yang bukan sekutu Amerika dan kuasa barat. Banyak faktor yang menyebabkan kelemahan umat Islam dan menyebabkan negara Islam menjadi sasaran kuasa barat dan kuasa lain yang anti-Islam. Ini termasuklah kelemahan kepimpinan negara-negara Islam, sifat permusuhan sesama mereka, tidak wujud semangat setiakawan dan saling membantu sesama Islam, tidak bijak menggunakan kekayaan dan sumber minyak dengan berkesan, pemerintahan yang bersifat diktator dan kuku besi, kemunduran yang mengancam dan kurang pembangunan, pengaruh Islam yang semakin merosot di peringkat antarabangsa dan global, kelemahan konsep persaudaraan sesama Islam, tidak mengikuti ajaran Islam dengan betul dan sebagainya.

Imej yang buruk terhadap Islam dan persepsi yang negatif masyarakat barat terhadap Islam menyebabkan timbul prejudis dan diskriminasi masyarakat barat terhadap umat Islam. Selain itu, faktor kemunduran umat Islam dan kurangnya unsur-unsur pemodenan dalam pemikiran, cara hidup dan budaya masyarakat Islam umumnya menyebabkan umat Islam dipandang rendah dan kurang dihormati masyarakat lain, terutama masyarakat barat. Kurangnya usaha dinamik umat Islam dalam meluaskan pengaruh Islam melalui usaha-usaha positif bagi mengangkat martabat dan kedudukan Islam diperingkat antarabangsa ditambah pula dengan kehidupan umat Islam yang sentiasa berkonflik dengan pengaruh barat, kemajuan, perubahan-perubahan yang berlaku dan pemodenan menyebabkan Islam terpinggir dan kurang mendominasi perubahan-perubahan baru yang berlaku pada abad ke-21 dan seterusnya. Islam sering dicap sebagai antikemajuan dan perubahan, inilah yang meletakkan umat Islam dalam dilema dan kurang mampu menghadapi cabaran barat dan pengaruh kesejagatan.

Kemunduran dari segi pendidikan, pengetahuan, teknologi, pemikiran dan intelektual, kebendaan dan budaya di kalangan negara dan masyarakat Islam merupakan satu fenomena kesejagatan yang meletakkan kedudukan, status dan pengaruh Islam jauh merosot dan tidak dihormati oleh bangsa dan agama lain. Walaupun dari segi sejarahnya Islam pernah muncul dan mewarnakan dunia kesejagatan dengan tamadun barunya yang begitu gemilang, namun kemerosotan yang dialami selepas itu meletakkan dan mendedahkan Islam kepada pelbagai ancaman, tekanan dan penindasan.

Islam telah mencipta tamadun dunia, mempunyai kedudukan dan pengaruh yang luas dalam konteks kesejagatan. Ia bukan agama negara bangsa tetapi merupakan agama yang merentasi halangan nasionalisme bangsa, warna kulit, kelas, gender, geopolitik, ideologi politik, kenegaraan dan sebagainya. Islam masih relevan, dominan, gemilang, kukuh dan mampu menerajui masa depan masyarakat sejagat untuk mencapai idealisme hidup, kesempurnaan, perubahan, kemajuan, kesefahaman, keadilan, keamanan dan menangani pelbagai krisis baru yang dihadapi oleh masyarakat sejagat.

Usaha bagi meningkatkan persefahaman antara agama merupakan satu langkah positif bagi mengurangkan konflik dan pergeseran yang mencetuskan huru-hara, permusuhan, pertelagahan, pembunuhan, penindasan dan menghapuskan sifat-sifat kemanusiaan sejagat. Menghormati kebebasan dan amalan beragama perlu dipupuk dan semangat toleransi agama perlu mendasari ideologi globalisasi atau kesejagatan untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan sejagat. Perkembangan sejagat tidak seharusnya dikaitkan dengan ancaman terhadap kesucian sesuatu agama, manakala sebarang bentuk tindakan yang menghapuskan keganasan yang dikaitkan dengan agama merupakan satu tindakan yang akan membawa kepada kehancuran dan kemusnahan. Pemimpin dunia perlu berpandangan jauh dan menghidupkan keyakinan dengan membina semangat serta kesefahaman yang bersifat toleransi melalui agama. Semua agama di dunia yang diamalkan oleh masyarakat sejagat sama ada Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya menyeru kepada kebaikan, perdamaian, keamanan, kasih sayang dan tanggungjawab untuk membina satu kehidupan yang bebas daripada keganasan, penindasan, diskriminasi dan sebagainya. Ideologi kebaikan beragama perlu dihormati dan tidak seharusnya timbul tuduhan bagi mengecam mana-mana agama disebabkan golongan tertentu yang menganut agama tertentu melakukan keganasan.

Terdapat banyak sebab yang mencetuskan keganasan global pada abad ke-21 ini merupakan suatu agenda penting menimbulkan konflik dan kebimbangan, bukan semata-mata disebabkan oleh agama seperti yang didakwa Presiden Bush dan sekutu baratnya yang lain tetapi juga beberapa isu kritikal lain yang sedang mengancam perkembangan dunia sejagat. Sehingga hari ini, Amerika dan sekutunya yang lain tidak dapat membuktikan kesahihan yang menyebabkan serangan keganasan dilakukan oleh pihak tertentu itu adalah atas sebab permusuhan dan peperangan agama.

Banyak pihak mentafsirkan serangan ke atas bangunan World Trade Centre dan Pentagon itu adalah kerana faktor-faktor lain. Misalnya, George Bush mempunyai musuh-musuhnya yang tidak puas hati dengan kenaikan beliau yang mendorong tindakan ini dilakukan sebaik sahaja beliau menjadi Presiden Amerika Syarikat. Isu keganasan global juga berlaku disebabkan masalah ketidakadilan dan tekanan kuasa-kuasa barat terutama Amerika ke atas negara-negara lain. Dasar-dasar luar Amerika termasuk dasar ekonomi dan ketenteraan yang menindas dan menyebabkan ada pihak yang berani mati



menyerang Amerika demi untuk kepentingan melepaskan kongkongan dan penindasan Amerika serta kuasa barat lain. Isu ketidakseimbangan (*inequality*), kemiskinan dan kemunduran yang menimpa negara-negara mundur dan negara miskin juga boleh menyebabkan masalah keganasan meningkat dan memberi kesan tertentu kepada masalah keamanan sejagat. Dasar berat sebelah barat terutama Amerika Syarikat dalam tindakan ganasnya terhadap negara-negara lain juga menyebabkan Amerika Syarikat dibalas dengan reaksi keganasan. Negara barat, khususnya Amerika mempunyai agenda lain dengan melancarkan dasar memerangi keganasan. Antaranya untuk menghancurkan dan melemahkan negara-negara yang disenaraikan boleh muncul sebagai kuasa baru di mana-mana bahagian dunia, terutama di blok timur dan di kalangan negara Islam. Umpamanya Amerika melabelkan negara tertentu sebagai kumpulan "paksi keganasan" seperti Korea Selatan, Libya dan Iran.

Amerika juga mempunyai agenda lain terhadap negara seteru utamanya dan matlamat akhirnya ialah menghancurkan kekuatan dan kemegahan Iraq dengan melatih dan menyediakan kepimpinan alternatif bagi menggantikan rejim Saddam Hussein. Langkah ini juga adalah untuk melahirkan pemimpin boneka yang akan tunduk kepada arahan dan kehendak Amerika Syarikat. Banyak negara membangun yang ingin mendapatkan pengiktirafan serta perhatian daripada Amerika dan barat akan mengisytiharkan sokongan mereka terhadap polisi memerangi keganasan yang dilancarkan oleh Presiden Bush. Ada kalanya tindakan yang diambil oleh pemimpin di negara-negara membangun adalah untuk menunjukkan mereka begitu tegas dengan dasar tersebut dengan menangkap dan menghapuskan organisasi-organisasi yang dilabelkan sebagai militan serta mempunyai kaitan dengan keganasan yang menimbulkan kesengsaraan dan penganiayaan terhadap rakyat mereka sendiri dan terhadap golongan yang tidak berdosa. Langkah ini juga memberi peluang keemasan kepada sesuatu rejim pemerintah melancarkan gerakan bagi melumpuhkan sebarang bentuk ancaman dalaman yang dihadapi atas alasan memerangi keganasan.

Beberapa perkembangan terbaharu seperti pengeboman di tempat hiburan di Bali yang membunuh hampir 500 orang awam dan pelancong dari luar terutama dari Australia, Britain dan Asia mengukuhkan kerangka tindakan memerangi keganasan. Di Bali, keganasan yang berlaku ini dikaitkan dengan Gerakan Islamiah di Indonesia yang menyebabkan imej Islam sebagai bersifat keganasan mengukuhkan persepsi dan tuduhan masyarakat barat. Walaupun tindakan ini bukanlah berkaitan dengan isu agama tetapi golongan yang terlibat dengan tuduhan ini kebetulannya aktif dalam gerakan Islam, maka ia memburukkan imej Islam di Asia Tenggara. Peristiwa pengeboman sebuah hotel kepunyaan pengusaha Israel di Kenya yang mengorbankan rakyat asing, terutama Israel dan Amerika menyebabkan isu keganasan dikaitkan dengan Islam kerana ia melibatkan beberapa orang Islam.

Pemimpin barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat telah meluaskan lagi usaha bagi memerangi keganasan dalam kerangka kesejagatan. Tumpuan

utama mereka ialah di Asia, Afrika dan Asia Tenggara di mana terdapat peratusan besar penduduknya dan juga kepimpinannya adalah orang Islam. Singapura yang tersepit di tengah-tengah negara Islam seperti Indonesia, Malaysia, Brunei dan beberapa negara lain dan yang mempunyai komposisi penduduk Islam yang tinggi mengambil kesempatan ini untuk melancarkan gerakan anti-Islam dan menuduh rantau ini diancam oleh gerakan Jemaah Islamiah. Gerakan ini juga dikaitkan dengan beberapa pemimpin utama di Indonesia seperti Abu Bakar dan rangkaian KMM (Kesatuan Militan Malaysia). Malaysia, Singapura dan Indonesia yang bimbang dengan kemunculan ancaman ini bertindak melancarkan tindakan memerangi kumpulan tersebut. Di Filipina, Presiden Arroyo Macapagal yang berhadapan dengan ancaman Abu Sayaf, MNLF dan MILF mendapatkan kerjasama ketenteraan Amerika Syarikat untuk menghapuskan kumpulan ini yang dilabelkan sebagai gerakan keganasan dan ancaman kepada negara.

Kebimbangan terhadap keganasan meningkat sebagai suatu ancaman sejagat. Walau bagaimanapun, penganalisis politik melihat ini merupakan satu agenda barat bagi melancarkan satu order baru bagi menuduhkan negara-negara dunia dengan melancarkan peperangan, tindakan ketenteraan dan pelbagai sekatan antarabangsa, termasuk menggunakan pertubuhan tertentu seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi merealisasi order baru Amerika dan sekutu baratnya yang lain, termasuk Britain.

Isu keganasan ini juga memberi kesan buruk kepada negara membangun yang bergantung kepada negara maju terutama dari segi pemulihan ekonomi dan mewujudkan kemakmuran baru dalam dasar-dasar pembangunan ekonomi yang begitu bergantung kepada sokongan negara-negara barat. Kebanyakan negara membangun menghadapi kebuntuan dan kemerosotan pertumbuhan terutama dalam sektor pelancongan, perindustrian dan sektor perkhidmatan sosial. Dengan mewujudkan keseimbangan dan melarang pelancong barat datang ke negara-negara membangun atas alasan keselamatan dan keganasan, sektor ini terus merudum dan mengalami kesan buruk.

Kesejagatan dalam konteks ini mencerminkan abad peperangan agama paling buruk yang dikaitkan dengan keganasan. Agenda ini menyebabkan umat Islam di negara-negara barat terus mengalami penindasan, tekanan, kebimbangan dan dikenakan pelbagai sekatan. Di Singapura umpamanya, murid-murid dilarang memakai tudung (purdah) yang mencerminkan dasar anti-Islam dan dasar diskriminasi agama serta budaya yang serius. Begitu juga dengan dasar diskriminasi berasaskan prejudis agama yang mendedahkan umat Islam di dunia kepada penindasan dan ketidakadilan. Fahaman agama yang sempit dan bersifat prejudis ini amat membahayakan keamanan, keselamatan dan hubungan kemanusiaan sejagat yang penting bagi membina masa depan masyarakat yang berbilang kaum, kepercayaan, budaya dan fahaman politik.

## Jihad untuk Perubahan dan Kemajuan

Semangat jihad sangat penting bagi membina kekuatan umat Islam, khususnya bangsa Melayu yang masih lagi lemah dan tertinggal dalam pelbagai bidang pembangunan. Sejarah membuktikan, umat Islam pada masa dahulu sudah dapat menguasai dunia dan mampu membina dan membangunkan pelbagai tamadun baru dalam bidang sains dan teknologi di seluruh dunia disebabkan semangat jihad yang menjadikan Islam disegani dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia. Semangat jihad perlu dihayati dan ditanamkan pada setiap umat Islam dan bangsa Melayu itu sendiri demi untuk mencapai perubahan dan kemajuan sesuatu bangsa yang ingin menjadi bangsa yang kuat, berpengaruh, dinamik dan disegani oleh bangsa-bangsa lain. Ketandusan semangat jihad di kalangan individu bangsa Melayu, termasuk pemimpin Melayu itu sendiri menyebabkan bangsa Melayu tidak boleh bangkit dan maju ke hadapan untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain bagi merebut dan menguasai segala peluang pembangunan di negara ini. Kelemahan semangat juang juga menjadikan Melayu satu bangsa yang tidak peka dan tidak sensitif terhadap kelemahan sendiri dan amat bergantung kepada bangsa lain dalam memajukan kegiatan ekonomi dan kemajuan lain yang berlaku di negara ini. Melayu menjadi bangsa yang tidak berwibawa, tidak unggul, tidak cemerlang dan tidak mempunyai masa depan yang baik di negara sendiri.

Konsep jihad bermaksud berjuang untuk memperbaiki diri dan mengatasi pelbagai bentuk ancaman yang menyekat sesuatu bangsa itu daripada mencapai perubahan dan kemajuan. Konsep jihad juga menuntut setiap umat Islam membina kekuatan diri dan berjuang untuk mendapatkan keredaan Allah S.W.T. Setiap umat Islam perlu menguatkan semangat jati diri, berani, mempunyai keazaman yang kuat, kesedaran yang tinggi, mempunyai dorongan dan keupayaan untuk merubah keadaan, mempunyai ilmu pengetahuan yang baik dan sentiasa menghidupkan semangat juang bagi mempertahankan kepentingan bangsa, agama dan negara.

Semangat jihad boleh membentuk sesuatu bangsa itu menjadi bangsa yang kuat. Dengan meningkatkan semangat jihad, orang Melayu perlu bangkit untuk mengatasi kelemahan mereka dalam bidang ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, politik, perpaduan bangsa dan sebagainya. Perlu ditanam pada diri setiap Mukmin semangat jihad untuk perubahan dan kemajuan. Oleh sebab kedudukan bangsa Melayu begitu lemah di negara ini, maka mereka sering kali dipandang rendah dan dihina sebagai bangsa yang tidak berwibawa dan "haprak".

Konsep jihad selalunya dikaitkan dengan perjuangan berkaitan dengan keagamaan seperti mempertahankan kesucian Islam, berjuang kerana Allah S.W.T, menegakkan sistem dan peraturan hidup yang berasaskan Islam, membentuk kerajaan Islam, mengamalkan ekonomi berasaskan prinsip Islam, membanteras kemungkaran agama dan menjadikan Islam relevan sepanjang masa dan perubahan. Sejak berzaman lamanya semangat jihad yang ditiupkan Islam itu dapat membina kekuatan semangat juang yang tinggi kepada umat Islam di mana sahaja umat Islam berada di muka bumi ini. Terdapat sesetengah pemimpin Melayu yang bimbang dengan kebangkitan semangat jihad ini sehingga ia dilihat sebagai satu ancaman dan segala bentuk jihad perlu dihapuskan dan dikaitkan dengan pergerakan militan yang akhirnya melumpuhkan sama sekali semangat jihad di kalangan masyarakat Islam yang lemah dan takut dengan ancaman seperti ini. Dalam situasi kritikal, kebangkitan jihad di negara ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai ancaman dan tekanan daripada pihak berkuasa.

Konsep jihad boleh diaplikasikan dengan perjuangan yang lebih luas mencakupi perjuangan ekonomi, politik, mendapatkan keadilan, keamanan, kebebasan serta kemerdekaan bangsa dan negara. Berjihad untuk negara merupakan suatu tuntutan penting bagi membebaskan negara daripada ancaman dan belenggu penjajah. Banyak negara Islam yang terancam dan hilang kemerdekaan mereka memerlukan semangat jihad untuk negara dihidupkan sebagai suatu kekuatan supaya rakyat dan pemimpin tersebut dapat meneruskan perjuangan membebaskan semula negara mereka. Negara dan rakyat Palestin yang diancam dan dikuasai oleh Israel terpaksa berjihad dan meminta sokongan daripada negara Islam lain untuk membantu mereka berjuang membebaskan negara mereka dan kehidupan mereka yang punah disebabkan penjajahan. Begitu juga dengan negara-negara terancam seperti Iraq, Iran, Afghanistan dan Chenya yang perlu membangunkan semangat jihad rakyatnya supaya sanggup berkorban kerana keamanan serta kedaulatan bangsa dan negara.

Semangat jihad boleh menjadi pendorong kepada sesuatu bangsa untuk mencapai perubahan dan kemajuan dalam pelbagai bidang. Bangsa Melayu yang begitu lemah, mundur dan ketinggalan dalam bidang ekonomi perlu mempunyai jihad supaya mereka boleh melaksanakan tuntutan agama, bangsa dan negara. Perjuangan untuk memperbaiki taraf ekonomi sesuatu bangsa merupakan satu jihad yang perlu untuk mengubah keadaan dan suasana yang tidak sihat di negara ini. Melayu perlu bangun berjihad untuk menguasai

bidang ekonomi dan menjadikan ekonomi sebagai asas membina kekuatan dan kedaulatan bangsa dan negara. Bangsa Melayu harus berusaha mempelajari selok-belok ekonomi dan bekerjasama sesama mereka untuk memecahkan tembok monopoli dan dominasi kaum lain ke atas diri mereka dan bangsa mereka. Adalah amat memalukan sekiranya bangsa Melayu dan pemimpin Melayu tidak sedar dan tidak berusaha dengan semangat jihad mengatasi masalah yang kritikal ini.

Kemunduran sesuatu bangsa itu disebabkan oleh kelemahan mereka yang tidak mampu menggariskan agenda perjuangan mereka dan berjihad untuk mencapai perjuangan itu. Kelemahan orang Melayu disebabkan kelemahan pemimpin mereka yang mengabaikan tanggungjawab dan perjuangan mereka dalam membina dan mengubah keadaan bangsa mereka. Untuk perubahan yang begitu lama, semangat keberanian bangsa Melayu sudah hilang dan Melayu menjadi amat bergantung kepada kerajaan dan pemimpin mereka. Mereka tidak pun peduli dengan pemimpin mereka yang menyeleweng dan tidak komited dengan apa yang mereka harapkan.

Dalam sejarah masyarakat Jepun, semangat jihad telah tertanam sejak sebelum zaman pemerintahan Meiji. Kebangkitan Jepun sebagai suatu kuasa yang kuat dan hebat didorong oleh semangat "Samurai" iaitu semangat kepahlawanan atau kependekaran bermain senjata dengan ciri-ciri kekuatan dan kecekapan pertahanan diri, ketelitian, pemikiran dan langkah strategik serta semangat jihad atau berani mati. Dalam Peperangan Dunia Kedua, Jepun menghantar pasukan tenteranya menyerang Pearl Harbour dan menggemparkan dunia yang tidak menyangka kekuatan yang ada pada tentera dan masyarakat Jepun pada masa itu. Dengan menghayati semangat "Kamikaze" iaitu berjuang untuk kejayaan atau mati, tentera Jepun membuktikan kesetiaan dan pengorbanannya terhadap Maharaja dan bangsa Jepun terhadap semangat jihad yang mereka miliki. Semangat jihad ini jugalah yang menjadi asas kebangkitan semula Jepun selepas tewas dalam Perang Dunia kedua. Semangat jihad ini dialihkan kepada perjuangan ekonomi yang mendorong kepada kemunculan syarikat gergasi dan korporat Jepun yang amat berpengaruh mencorakkan ekonomi Jepun dan perkembangan ekonomi dunia umumnya.

Jihad untuk menguasai ilmu pengetahuan, teknologi dan sains amat penting bagi membina kekuatan sesuatu bangsa yang masih lagi lemah dan kurang berdaya maju dalam perubahan sains dan teknologi yang pesat berlaku sekarang. Pengetahuan amat penting untuk membentuk masyarakat berilmu dan semangat bersaing. Pelbagai pengetahuan baru seperti pengetahuan teknologi maklumat, industri, pengurusan moden, pengetahuan saintifik jika tidak dikuasai, akan menjadikan masyarakat Melayu terus mundur dan ketinggalan. Perlu ada semangat jihad di kalangan masyarakat kita untuk berjihad meluaskan pengetahuan, kemahiran dan kegiatan-kegiatan berasaskan teknologi, sains dan pengetahuan strategik yang boleh membantu perubahan dan kemajuan bangsa Melayu.

Berjihad dengan harta kekayaan, ilmu pengetahuan dan semangat keikhlasan perlu diteruskan bagi membolehkan semangat jihad itu menjadi

suatu pendekatan dalam membantu suatu perjuangan untuk memperbaiki dan menangani masalah-masalah kritikal yang dihadapi oleh masyarakat, bangsa dan negara. Jihad tidak bermakna masuk ke medan perang dan melakukan suatu perjuangan yang melibatkan pertumpahan darah serta menggunakan senjata. Jihad boleh diperluaskan dalam pelbagai bentuk perjuangan seperti membantu golongan miskin, membantu meningkatkan taraf pendidikan orang Melayu, membantu golongan yang tertindas, memberi kesedaran sosial dan moral bagi membanteras masalah serta gejala sosial yang meluas dalam masyarakat dan sebagainya.

Jihad ada kalanya dikaitkan dengan bentuk keganasan dan juga jenayah bagi memberi gambaran buruk terhadap semangat jihad yang mungkin menjadi ancaman dan membimbangkan kepada pihak-pihak tertentu. Ada kalanya orang yang berjihad dan berjuang menentang kemungkaran serta ketidakadilan ditangkap, diseksa dan dituduh sebagai golongan militan, golongan ekstremis dan mengancam kepentingan negara. Amat sukar dipertahankan apabila trend pemikiran dan tindakan bagi menghancurkan segala bentuk jihad memberi kesan yang buruk dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai tindakan menghancurkan perjuangan berbentuk jihad dalam sesuatu masyarakat atau negara. Islam juga telah dilumpuhkan dengan melemahkan semangat jihad di kalangan masyarakatnya. Apabila semangat jihad ini sudah tidak lagi mendasari perjuangan sesuatu bangsa atau umat, maka umat itu juga akan menjadi lemah, hancur dan gagal menghadapi pelbagai cabaran yang membunuh kekuatan serta perjuangan mereka.

## Undang-undang, Demokrasi dan Keadilan di Negara Membangun

Ketenteraman awam dan keamanan negara merupakan agenda utama yang mendesak sesebuah kerajaan di negara-negara membangun mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang mengadakan gerakan-gerakan haram dan tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa. Mana-mana kerajaan yang memerintah akan menggunakan kuasa undang-undang bagi menghukum pihak yang bertanggungjawab mencetuskan kegelisahan sosial yang dikira akan memudaratkan kepentingan orang ramai, menggugat sistem pemerintahan dan kuasa kerajaan. Sebarang gerakan dan tindakan radikal seperti mengadakan demonstrasi dan perarakan yang mengutuk, menggugat dan menuntut reformasi yang bersifat destruktif tidak mungkin diterima sebagai suatu perubahan sihat yang boleh menjamin asas-asas pemerintahan dan sistem yang perlu dipertahankan selama ini.

Negara yang mengamalkan dasar demokrasi memberi ruang yang lebih luas, terbuka dan liberal kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam kegiatan politik dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan perubahan. Demokrasi merupakan nilai hidup yang amat penting bagi mencetuskan perubahan dan kemajuan. Perubahan yang lebih dinamik boleh berlaku dalam sesebuah negara kerana wujudnya sistem politik yang berkesan dan demokratik dalam menangani pelbagai masalah dan tuntutan perubahan. Keadilan yang terpelihara tanpa mengira faktor status, kedudukan, kuasa, pengaruh, kaum dan agama sangat penting diwujudkan dalam amalan demokrasi supaya ia dapat membina keyakinan yang tinggi dalam menjaga kepentingan awam dan kepentingan negara. Sistem undang-undang yang adil adalah asas bagi membina masyarakat madani dan masyarakat demokratik. Undang-undang merupakan alat bagi menegakkan keadilan dan keamanan. Undang-undang juga menjadi mekanisme pengawalan sosial dan moral yang penting bagi membentuk kerajaan dan masyarakat yang bertanggungjawab. Masyarakat yang berhemah tinggi dan bermoral akan menghormati undang-undang yang adil.

Negara memerlukan undang-undang dan peraturan (*law and order*) bagi mengawal segala tindak-tanduk individu, kelompok, organisasi dan masyarakat supaya dapat mengekalkan satu tatacara hidup yang baik, berhemah dan bertanggungjawab. Undang-undang biasanya digubal dan disesuaikan dengan keadaan, kehendak dan keperluan bagi membolehkan sesuatu tindakan yang efektif dan adil dapat dilakukan terhadap seseorang yang perlu dibicarakan melalui proses keadilan. Keadilan ada kalanya relatif dan ada kalanya dilaksanakan dengan lebih objektif kerana tertakluk kepada kes salah laku yang perlu disabitkan dengan undang-undang dan peraturan. Jika kepentingan negara lebih diutamakan mengatasi kepentingan individu dan orang ramai, maka undang-undang akan memihak kepada kepentingan negara dan menolak kepentingan individu dan kepentingan orang ramai. Mengekalkan keamanan dan keselamatan memerlukan undang-undang yang berkesan dan tegas di samping tindakan pengawalan sosial yang lebih radikal perlu dilakukan bagi membendung sebarang bentuk gerakan radikal dan destruktif.

Prinsip dan luno keadilan terletak kepada perlaksanaannya di mahkamah, di mana pembelaan diri dan perlindungan undang-undang diberikan kepada tertuduh. Walau bagaimanapun, kelemahan manusia amat besar dalam melaksanakan keadilan. Undang-undang bukan sahaja memberi keadilan tetapi ada kalanya memberikan lebih banyak kuasa kepada pihak tertentu untuk mengambil tindakan terhadap salah laku yang telah diwartakan mengikut undang-undang dan peraturan. Demokrasi bukanlah tiket untuk membolehkan pihak tertentu bebas melakukan apa sahaja tanpa memikirkan kesan-kesan buruk kepada masyarakat dan negara. Sebarang tindakan yang bercanggah dengan undang-undang akan mendatangkan mudarat yang besar dan meletakkan kepentingan negara dalam keadaan terancam dan tergugat.

Kegelisahan sosial (*social unrest*) dan gerakan reformasi yang wujud didokong oleh golongan tertentu dalam sesuatu masyarakat bukan sahaja merupakan suatu manifestasi sosial atau manifestasi politik tidak puas hati pihak tertentu terhadap pihak berkuasa tetapi ia melibatkan soal-soal keadilan terhadap sistem yang terbentuk dalam masyarakat berkenaan. Reformasi dan pembaharuan ada kalanya tidak boleh berlaku dalam organisasi dan sistem yang terbentuk tetapi memerlukan suatu tuntutan baru yang cukup berpengaruh bagi mengubah dan mereformasikan sistem berkenaan. Tuntutan reformasi yang mendapat sokongan luas daripada rakyat jelata pada umumnya menunjukkan wujudnya kelemahan dalam sistem yang sedia ada yang memerlukan perubahan dilakukan. Reformasi tidak mudah berlaku di negara-negara membangun di mana taraf kesedaran dan pengorbanan rakyatnya begitu rendah, tidak mempunyai organisasi yang kuat lagi tersusun dan tidak mempunyai pemimpin yang mempunyai kaliber, karisma dan sokongan yang kuat daripada rakyat serta tidak mempunyai pemimpin yang sanggup mengambil risiko yang tinggi.

Negara membangun memerlukan pemimpin dan kerajaan yang kuat untuk membawa perubahan dan kemajuan. Kepimpinan dan kerajaan yang kuat boleh mengatasi pelbagai masalah dan krisis yang dihadapi dengan berkesan.



Krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara membangun disebabkan kejatuhan nilai mata wang khususnya di rantau Asia dan Asia Tenggara memerlukan rangka tindakan reformasi ekonomi yang berkesan dilakukan bagi menyelamatkan negara daripada menjadi miskin dan muflis. Perebutan kuasa dan sebarang usaha menjatuhkan pemimpin negara di luar lunas-lunas demokrasi boleh memberi kesan buruk kepada keadaan ekonomi yang melanda negara dan kepentingan negara.

Krisis kepimpinan perlu diatasi dengan bijaksana dan adil supaya tidak mencetuskan perbalahan dan kemusnahan yang memburukkan lagi keadaan politik, ekonomi dan kesejahteraan sosial negara. Krisis kepimpinan yang berterusan tidak dapat tidak akan mengheret rakyat jelata ke dalam kancah perpecahan dan perbalahan yang memburukkan lagi keadaan. Kebangkitan rakyat menentang pemimpin atau kerajaan boleh melemahkan keamanan dan menggugat kewibawaan negara. Pertumpahan darah dan kemusnahan harta benda merupakan satu bencana buruk yang patut dielakkan. Ketenteraman awam dan keamanan negara perlu dikekalkan bagi membolehkan semua aktiviti berjalan seperti biasa tanpa menimbulkan kebimbangan dan ketakutan. Pemulihan dan penyelesaian krisis perlu diambil dengan berkesan bagi mengembalikan keadilan, kepercayaan, keamanan dan ketenteraman negara.

Undang-undang bukan sahaja penting untuk menghukum dan mempertahankan kewibawaan dan kuasa tetapi juga penting untuk mempertahankan kebenaran dan hak individu. Kehidupan masyarakat di negara-negara membangun masih bergelut dengan soal-soal keadilan undang-undang dan demokrasi iaitu hak asasi kemanusiaan yang tidak dibelenggu oleh undang-undang untuk mendapat keadilan dan mempertahankan kebenaran.

Berbeza dengan demokrasi ala barat, demokrasi di negara-negara membangun memerlukan pengawalan dan batasan. Demokrasi tidak bermakna seseorang atau mana-mana kumpulan bebas melakukan apa sahaja yang difikirkan penting untuk diperjuangkan dengan membelakangkan kepentingan negara. Amalan demokrasi di negara-negara membangun menuntut tanggungjawab dan kepatuhan order sosial dan order politik setiap warga-negara supaya mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan. Pengalaman buruk yang dihadapi oleh negara boleh membawa kemusnahan dan bencana yang sukar diatasi seperti "Peristiwa Pergaduhan Kaum 13 Mei 1969" dan pelbagai kejadian yang tidak diingini daripada berlaku menyebabkan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA (*Internal Security Act*) dilaksanakan. Undang-undang dan order menjadi sangat penting untuk membanteras sebarang bentuk ancaman negara. Pemerintah atau pemimpin di negara-negara membangun yang tidak mahu kuasa dan kewibawaannya tergugat akan menggunakan undang-undang yang ketat bagi melindungi tindakan yang mereka lakukan kepada musuh-musuh politik mereka dengan menggunakan ISA (*Internal Security Act*) dan OSA (*Official Secret Act*) untuk melumpuhkan gerakan-gerakan pembaharuan atau reformasi yang dianggap boleh menjejaskan kredibiliti kepimpinan dan kerajaan. Keadilan adalah di mata siapa yang menguasai undang-undang. Terdapat kecenderungan di kalangan

pemimpin tidak kira sama ada di negara-negara membangun mahupun di negara-negara maju yang menyalahgunakan undang-undang untuk melemahkan musuh-musuh politik mereka. Politik dan undang-undang merupakan dua pengaruh yang saling memperkukuhkan matlamat kepimpinan dan pemerintahan. Dalam keadaan sebegini, demokrasi dan hak-hak asasi kemanusiaan amat sukar diperjelaskan kewujudannya.



BAHAGIAN

# III

**Patriotisme, Nasionalisme dan  
Rekonstruksi Diri**



## Bab 7

# Pendidikan, Rekonstruksi Diri dan Nasionalisme di Malaysia

Bab ini menghuraikan perkembangan pendidikan di Malaysia sebagai satu langkah rekonstruksi diri dan pengaruh elemen nasionalisme serta patriotisme dalam mencorakkan hala tuju pembinaan diri, bangsa atau *self-reconstruction*. Selepas merdeka, rekonstruksi diri dan nasionalisme baru merupakan dua pengaruh yang amat kuat dalam mencorakkan perkembangan pendidikan di Malaysia.

Dasar-dasar dan wawasan pendidikan yang dibentuk selepas merdeka bertujuan untuk mengukuhkan rekonstruksi diri bangsa Malaysia, khususnya membina imej baru bangsa Melayu yang ketinggalan dan mundur dalam segala bidang. Nasionalisme dan patriotisme dalam konteks ini dianggap satu unsur penting yang mempengaruhi idea dan semangat pembangunan, khususnya pembangunan pendidikan di Malaysia.

Kesan dasar pendidikan penjajahan yang bersifat pecah dan perintah serta pengasingan kaum menimbulkan pelbagai masalah kepada proses rekonstruksi diri dan membina jati diri bangsa Melayu yang begitu lemah dari segi kesedaran, kebolehan, semangat juang, semangat bersaing dan semangat untuk membangun sebagai suatu bangsa yang bermaruah dan berdaulat di negara sendiri. Agenda pendidikan selepas merdeka ialah merealisasikan perjuangan kebangsaan bagi membangunkan bangsa dan negara. Mentaliti Melayu yang sudah lama terjajah perlu dibebaskan dan usaha bagi membentuk Melayu yang bermaruah dan mempunyai kedudukan yang baik di negara sendiri menjadi matlamat yang perlu dilaksanakan, walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran.

Menjelang tahun 1960, kebanyakan negara jajahan barat mulai bangun menuntut kemerdekaan dan pembentukan kerajaan sendiri. Proses re-

konstruksi diri sebagai asas pembinaan negara baru menjadi amat penting kepada negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan, khususnya Malaysia, Afrika dan negara-negara di Asia. Dasar dan polisi baru yang bertujuan mengukuhkan pembentukan negara baru mulai digubal. Pendidikan dianggap sebagai alat utama bagi menyelesaikan pelbagai masalah sosioekonomi, kemunduran, kemiskinan dan ketidakadilan sosial yang terbentuk di bawah kerangka politik penjajahan. Tidak kurang pentingnya, pendidikan diharapkan dapat mencorakkan pembangunan rakyat yang berjiwa bebas dan merdeka. Cabaran besar dihadapi pada awal pramerdeka ialah usaha bagi menegakkan sistem pendidikan kebangsaan yang berlandaskan kepada aspirasi dan identiti Malaysia.

Pertumbuhan nasionalisme baru yang bertunjangan kepada soal kenegaraan, soal kerakyatan, soal keadilan sosial, penyatuan dan perpaduan kaum turut mempengaruhi dasar dan rangka pembinaan negara. Peranan pendidikan ialah sebagai alat kepada penyelesaian agenda sosial, ekonomi, kebudayaan dan kerakyatan. Di samping itu, unsur-unsur kolonialisme, vanikularisme dan sekularisme masih mencengkam kuat pemikiran rakyat dan ideologi pemerintahan yang baru lepas daripada belenggu penjajahan. Kelemahan yang begitu ketara adalah dari segi psikologi (tidak yakin pada diri sendiri). Sifat masih bergantung kepada sistem, dasar dan amalan penjajahan, khususnya dalam perundangan, ekonomi, politik dan pendidikan begitu sukar dihapuskan serta merupakan satu warisan tradisi yang digunakan untuk mengekalkan kestabilan sosial dan politik Malaysia sebagai sebuah negara yang baru merdeka.

Pengaruh nasionalisme luar yang tidak dibendung akan membawa negara kepada kelemahan dan ketidaktentuan arah tuju masa depan. Satu corak nasionalisme baru perlu dihidupkan bagi membendung dan mencorakkan ketahanan, perpaduan dan penyatuan di kalangan rakyat yang berpecah-belah. Nasionalisme baru juga perlu bagi membendung pengaruh kolonialisme dan feodalisme di Malaysia. Pluralisme yang wujud dalam pelbagai bentuk berasaskan kepada kepentingan etnik dan kaum menebalkan lagi semangat perkauman yang membahayakan pembinaan masa depan negara. Selain itu, wujud pelbagai corak dan aliran perkembangan fahaman serta ideologi luar yang umumnya bercanggah dengan aspirasi dan kepentingan pembinaan negara ini. Lebih jelas lagi pada masa itu ialah ketiadaan satu bentuk semangat nasionalisme kukuh yang boleh menyatupadukan semangat yang berpecah-belah di kalangan rakyat berbilang kaum. Fahaman kebangsaan yang sempit serta berkiblatkan kepada negara China dan India adalah tidak sesuai dan bercanggah dengan semangat nasionalisme baru yang hendak dibina. Rekonstruksi diri (*self-reconstruction*) dan menghidupkan nasionalisme baru menjadi satu kewajaran dan penting untuk membina kekuatan diri. Soal kesetiaan kepada negara yang baru merdeka, terutama di kalangan kaum pendatang begitu lemah dan ketahanan negara berada pada peringkat yang rendah. Kelemahan dari segi unsur-unsur ketahanan moral rakyat memerlukan

proses rekonstruktif diri dilakukan, khususnya berlandaskan sistem pendidikan yang akan dibentuk.

Dasar dan polisi pendidikan digubal selepas merdeka bagi tujuan rekonstruksi diri. Rekonstruksi diri bermaksud membina ciri-ciri dan unsur-unsur ketahanan, kekuatan, keyakinan diri, rasa kebanggaan, kesetiaan, pengorbanan dan cintakan negara. Perubahan besar dilakukan bagi menjadikan pendidikan sebagai alat pembinaan bangsa dan negara. Pendidikan juga dijadikan agen pembangunan manusia dan pembangunan sosial yang berpengaruh untuk mengatasi pelbagai isu seperti kemiskinan, kemunduran, apartheid, patalisme, dogmatis dan ketidakadilan sosial yang meluas dalam masyarakat. Unsur-unsur nasionalisme baru ditanamkan dalam sistem pendidikan negara bagi membentuk semangat dan kesedaran baru di kalangan rakyat untuk membangun dan menyumbang ke arah masa depan negara.

Sebaik sahaja mencapai kemerdekaan, agenda pembinaan negara dimulakan dengan berpandukan kepada polisi Malayanisasi. Malayanisasi merupakan asas bagi rekonstruksi diri yang menekankan kepada pembinaan identiti Malaysia dan keseluruhan proses untuk membentuk semangat kesedaran, nilai dan sikap cintakan negara. Proses ini juga bertujuan mengikis fahaman negatif, cauvinisme dan nasionalisme sempit yang bersifat perkauman. Polisi Malayanisasi yang dilaksanakan selepas merdeka mempunyai hubungan kait yang luas dengan kebangkitan nasionalisme baru di Malaysia. Malayanisasi juga merupakan proses rekonstruksi diri untuk mengembangkan budaya, sikap, nilai-nilai baru untuk pembangunan serta perubahan bangsa dan negara.

Laporan terawal dasar pendidikan negara seperti yang dikemukakan oleh Laporan Rahman Talib (1950) dan Laporan Razak (1950) menandakan bermulanya peranan penting pendidikan dan persekolahan sebagai alat untuk membina rekonstruksi diri. Idea-idea untuk penyatuan dan pembinaan masa depan rakyat dan negara Malaysia yang terkandung dalam laporan berkenaan dilanjutkan dan diperkemas lagi oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet (1960). Pendidikan merupakan alat utama untuk pembinaan negara dan integrasi nasional. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang diperkenalkan menekankan kepada soal perpaduan, keseragaman dan keadilan sosial. Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar bagi semua sekolah Melayu dan secara beransur-ansur digunakan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Elemen lain yang penting dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah menasionalisasikan sistem dan aliran pendidikan varnikular. Abd. Rahim (1994: hlm. 43) dalam hal ini menjelaskan:

"What we could term the Nationalising of education and schooling is a part of the Malayanization process. This policy involves changing the images of communal schools (Chinese, Tamil and English) into National Type of Schools. With Malayanization, the process of education and schooling for young citizens will extend their knowledge, skills and values according to the prescription provided by the National Education Policy.



Though communal education, such as Chinese, Tamil and English, satisfy the needs of the ethnic groups, common syllabuses, curricula, common examination and common teacher education and training controlled by the Minister of Education, are in place for all school".

Peristiwa 13 Mei 1969 sekali lagi telah menggugat segala asas perpaduan kaum yang dibina selepas merdeka. Terdapat banyak punca yang mendalangi pergaduhan kaum yang serius dalam sejarah pembinaan negara baru, Malaysia. Ketidakadilan sosial menjadi punca utama teretusnya peristiwa ini. Ekoran daripada peristiwa yang menggugat kestabilan negara ini, Rukun Negara diperkenalkan sebagai satu Ideologi Negara. Rukun Negara ialah satu proses rekonstruksi diri dan menjadi garis panduan dalam membina masyarakat yang adil dan harmoni di Malaysia. Nasionalisme baru yang berasaskan kepada prinsip keadilan sosial dan ketuanan Melayu menjadi kerangka ideologi politik rukun negara. Corak nasionalisme baru dan proses rekonstruksi diri yang ditekankan oleh rukun dan menjadi asas membina wawasan pendidikan ialah penyemaian bibit-bibit nasionalisme dan patriotisme yang berteraskan kepada kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan. Ideologi negara juga menekankan kepada pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan dinamik berasaskan sains dan teknologi yang merupakan matlamat penting yang digalurkan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan.

Rekonstruksi diri (*self-reconstruction*) boleh dianggap sebagai matlamat penting yang dinyatakan secara intrinsik dalam Falsafah Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Negara menyatakan: "Pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (PPK, 1992, hlm. iii).

Rekonstruksi diri ialah satu proses membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang abad ke-21. Rekonstruksi diri yang membina masa depan Malaysia daripada sebuah negara membangun kepada negara maju sepenuhnya akan berpandukan kepada Wawasan 2020, iaitu satu wawasan yang bersifat futuristik yang mencorakkan hala tuju perubahan dan pembangunan masyarakat Malaysia. Pendidikan dianggap menjadi pendukung kepada pencapaian cita-cita dan wawasan masa depan pembinaan negara sebagaimana yang digariskan oleh Wawasan 2020. Berdasarkan Wawasan 2020, proses rekonstruksi diri yang ditekankan ialah membentuk masyarakat penyayang, adil, progresif, dinamis dan demokratik. Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad, dalam hal ini menjelaskan: "*Vision 2020 is the crystallisation of Malaysia's ambitious terget to become a fully-developed nation in every sense of the*

word: socio-economically, technologically, politically and form of ethical and spiritual viewpoints." (Kementerian Penerangan, 1995: hal. 1).

Perkembangan pendidikan selepas merdeka dipengaruhi oleh pengaruh nasionalisme baru yang berlaku di Malaysia. Nasionalisme dan rekonstruksi diri merupakan elemen utama yang saling mencorakkan hala tuju pendidikan, khususnya dasar-dasar pendidikan bagi membina keyakinan dan bagi tujuan berdikari. Kellas (1991) menjelaskan: "*Nationalism is both an ideology and a form of behavior. The ideology of nationalism builds on a peoples' awareness of the nation (rational self-consciousness) to give a set of attitudes and programme of action. These may be cultural, economic, or political. Since 'nation' can be defined in 'ethnic', 'social', or 'official' sense, so nationalism can be take these forms also.* (Kellas, 1991: hal. 3). Walaupun definisi Kellas membataskan pengaruh nasionalisme kepada soal-soal politik, kebudayaan dan ekonomi, namun pendidikan merupakan satu bentuk perancangan pembangunan yang begitu diutamakan dalam pembinaan sesebuah bangsa yang baru merdeka.

Pendidikan, nasionalisme dan rekonstruksi diri merupakan tiga unsur penting dalam menentukan masa depan Malaysia selepas negara ini mencapai kemerdekaan. Nasionalisme dalam konteks rekonstruksi diri bertujuan memobilisasikan semangat, sikap, cita-cita, hasrat serta wawasan pembangunan bangsa dan negara. Abd. Rahim (1994: hal. 47) dalam hal ini menjelaskan: "*Nationalism is a source of awareness, pride and Self-determinism strengthening the will of the people. It gives a new direction to the people and to the country in mobilising their efforts, desire, courage and ambition to build their own future and to contribute for the sake of the nation as well. The psychological impact of nationalism in Malaysia is essential for national unity, modernity and development.*"

Pendidikan juga menjadi alat utama untuk membina semangat patriotisme yang membawa kepada kesedaran kebangsaan, seterusnya mendorong kepada perjuangan bagi membaiki maruah, moral, nilai dan harga diri. Kebelakangan ini, penekanan yang serius mula diutamakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menanamkan nilai-nilai patriotisme disemua peringkat sistem pendidikan di Malaysia bagi tujuan mewujudkan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat ketahanan jiwa, sosial dan moral yang tinggi serta berupaya menghadapi cabaran untuk menghadapi perubahan dan kemajuan. Dengan semangat patriotisme juga, diharapkan warganegara Malaysia mampu mengangkat maruah dan martabat Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan mempunyai imej yang baik di mata dunia. Semangat patriotisme yang selaras dengan aspirasi Malaysia perlu dihidupkan dalam semua lapangan pembangunan dan perjuangan bagi menjadikan Malaysia lebih mampu menghadapi cabaran dan perubahan.

Proses rekonstruksi diri (*self-reconstruction*) merupakan agenda yang penting selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Kemunculan semangat nasionalisme baru yang menjadi asas pembinaan negara dan rekonstruksi diri turut mencorakkan aliran dan perkembangan pendidikan di Malaysia. Pendidikan dianggap sebagai agen yang berkesan bagi mencorakkan pembangunan

manusia dan negara. Rekonstruksi diri dan nasionalisme baru ini juga menyorakkan program pendidikan Malaysia, khususnya kurikulum yang digubal bagi mencapai matlamat seperti perpaduan, keadilan sosial, ketahanan moral dan sosial, pendemokrasian serta pembinaan bangsa dan negara.

## Bab 8

# Bahasa Kebangsaan Menjana Minda Bangsa

Bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang dinamik bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi tetapi bertindak sebagai penjana minda bangsa yang membebaskan pemikiran sesuatu bangsa daripada belenggu penjajahan minda lama kepada pemikiran baru dan pemikiran strategik dalam proses pembinaan negara bangsa. Oleh sebab itu, perjuangan bagi mendaulatkan kedudukan dan peranan bahasa kebangsaan sebagai alat pembinaan negara menjadi satu agenda yang amat penting selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Namun begitu, bahasa Inggeris masih mempunyai kedudukan dan peranan yang unggul selepas merdeka untuk membawa Malaysia ke satu era baru perubahan global dan membawa kemajuan yang lebih pantas dengan dunia luar.

Bahasa kebangsaan mempunyai pengaruh yang amat penting bagi menjana minda sesuatu bangsa, di samping menjadi suatu mekanisme penyatuan bangsa yang mampu mengukuhkan imej dan identiti bangsa tersebut dalam persaingan mendaulatkan kedudukan bangsa tersebut di peringkat antarabangsa. Penggunaan bahasa kebangsaan di negara ini merupakan lambang kebangkitan nasionalisme bangsa Melayu untuk membina jati diri dan menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa (*nation state*). Dilihat daripada perspektif kenegaraan, bahasa kebangsaan merupakan alat yang penting untuk memupuk perkembangan minda patriotik dalam masyarakat berbilang kaum agar dapat merealisasikan gagasan dan wawasan pembinaan negara (*nation building*).

Sifat kemajmukan (*pluralism*) dalam masyarakat Malaysia yang dicipta oleh warisan penjajahan barat di negara ini dapat ditangani dengan berkesan dengan mengukuhkan peranan bahasa kebangsaan sebagai alat pembinaan minda kebangsaan di samping menjadi alat pembudayaan dan integrasi kaum yang amat berkesan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Kebangkitan nasionalisme baru selepas merdeka juga mendorong usaha gigih golongan nasionalisme Melayu berusaha dengan penuh yakin bagi membina

sebuah negara yang berwibawa dan berdaulat yang amat bergantung kepada peranan dominan bahasa kebangsaan, di samping bahasa-bahasa etnik dan kaum lain dibenar mengekalkan identiti kaum masing-masing.

Melalui pembinaan minda bangsa, persefahaman kaum bagi mengeratkan hubungan antara kaum dan meluaskan lagi toleransi budaya dapat diluaskan dalam membentuk masyarakat Malaysia yang lebih demokratik dan liberal. Peranan meliberalisasikan minda bangsa dan memupuk semangat patriotisme Malaysia melalui bahasa kebangsaan dapat menghapuskan fahaman *etnocentrism* yang begitu kukuh menguasai minda dan pemikiran bersifat perkauman di kalangan kaum di negara ini. Permusuhan kaum yang tersirat dan menguasai minda bangsa di negara ini boleh diibaratkan seperti "api dalam sekam". Pemikiran dan wawasan bercapah (*fragmented visions*) dalam minda bangsa yang mudah mencetuskan pergeseran dan konflik perkauman, dapat dibendung dan diliberalisasikan melalui bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa kebangsaan dapat mengasimilasikan pemikiran dan menjana pemikiran positif ke arah mewujudkan persefahaman kaum. Unsur-unsur nasionalisme dan patriotisme yang mendasari kekuatan dan kemurnian bahasa kebangsaan melambangkan kehebatan bahasa tersebut dalam membina dan menjana minda bangsa Malaysia yang patriotik terhadap negara dan bangsa Malaysia. Bahasa kebangsaan menjadi teras pembinaan bangsa Malaysia yang melibatkan penjana minda bangsa dengan menunjukkan rasa bangga menggunakan bahasa tersebut dan sekali gus mempamerkan semangat patriotik terhadap negara dan unsur-unsur kenegaraan (*nationhood*).

Mentaliti kolonial yang masih kuat menguasai pemikiran dan minda masyarakat Malaysia yang mempunyai fahaman dan semangat kebangsaan yang bercapah menyulitkan lagi usaha membentuk perpaduan dan persefahaman kaum serta mewujudkan keadilan sosial yang kritikal dalam masyarakat Malaysia. Di samping peranan penting bahasa kebangsaan untuk menjana minda bangsa, dasar-dasar lain seperti dasar pendidikan, dasar sosial, dasar perumahan, dasar hubungan kaum dan dasar pembangunan perlu mempunyai kesan dan pengaruh yang besar ke arah mencorakkan perubahan minda masyarakat Malaysia.

Peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa saintifik dan bahasa intelektual membolehkan bahasa kebangsaan yang menjadi asas pembinaan negara bangsa mencapai status bahasa yang setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia yang telah berjaya membentuk negara bangsa yang unggul seperti Britain, Perancis, Jerman, Jepun, Cina dan bahasa-bahasa lain. Bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu merupakan bahasa "lingua franca" yang digunakan dengan meluas dengan jumlah penduduknya yang semakin meningkat di seluruh dunia. Di sesetengah universiti di dunia, bahasa Melayu diajar sebagai satu bidang pengajian Malaysia yang membolehkan budaya dan tamadun Melayu yang sudah berkembang begitu lama di Nusantara dan di Asia dikaji segala bentuk khazanah intelektual yang berkaitan dengan kemajuan pemikiran minda Melayu sebagai suatu tamadun bangsa yang penting di dunia. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dari segi budaya politiknya telah berjaya men-

corakkan geopolitik alam Melayu yang unggul di Asia Tenggara dan menjadikan Melayu satu bangsa yang gemilang dan terkenal sejak berabad-abad lamanya.

Tamadun sesuatu bangsa, khususnya tamadun Melayu terbentuk dan berkembang kerana peranan dinamik bahasa kebangsaan walaupun bahasa ini telah mengalami suatu proses budaya yang tersekat dari segi budaya bahasanya (*language cultural deprivation process*) disebabkan penjajahan dan penaklukan yang telah dialami begitu lama semasa kedatangan barat seperti Portugis, Belanda dan Britain. Walau bagaimanapun, proses asimilasi bahasa dan budaya yang berlaku telah dapat memperkukuhkan lagi kekuatan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penjana minda bangsa Malaysia ke arah mendukung dan merealisasikan wawasan kebangsaan bagi membentuk sebuah negara bangsa yang berdaulat dan berwibawa.

Bahasa kebangsaan menjadi penjana kepada pembentukan budaya tinggi (*high culture*) setelah mengalami pelbagai cabaran dan perkembangan yang pesat dari segi peningkatan taraf atau standard bahasa tersebut sebagai bahasa rasmi negara. Bahasa kebangsaan sebagai penjana budaya tinggi mencetuskan perubahan minda yang besar dan menjadikan Melayu satu bangsa yang bermaruah serta mempunyai kewibawaan membentuk wacana dan acuan perubahannya sendiri. Ini membolehkan pangaruh dan kekuatan budaya Melayu dipertahankan walau dilanda oleh pengaruh budaya asing, khususnya budaya barat sebagai pencabar yang sentiasa menggugat identiti, kedaulatan dan kedudukan bangsa Melayu. Sebagai bahasa budaya tinggi, bahasa kebangsaan menunjukkan kemampuan yang tinggi bagi menjana minda bangsa kita menjadi satu bangsa yang kuat dan berwibawa dalam segala bidang pembangunan. Perkembangan pelbagai pengetahuan baru turut meningkatkan kemajuan dan peranan bahasa kebangsaan dalam proses pembangunan minda bangsa.

Unsur-unsur intelektual dalam perkembangan sesuatu bahasa dan kebakuan sesuatu bahasa dari segi pengucapan dan sebutannya juga mempunyai kesan yang amat besar terhadap pembinaan dan penjanaan minda bangsa Malaysia. Pembinaan dan penggunaan bahasa kebangsaan perlu dipertingkatkan dalam semua bidang, terutama dari segi penulisan dan pemikiran ilmiah, sebagai bahasa akademik, bahasa budaya tinggi, bahasa yang mempunyai standard dalam bidang sains, perundangan, pentadbiran, perubatan, kesusasteraan dan sebagainya. Dari satu segi, bahasa kebangsaan perlu menunjukkan kemampuan yang tinggi bagi menjana minda bangsa Malaysia dan dalam masa yang sama, bahasa kebangsaan perlu menerima pelbagai perubahan, difusi budaya dan inovasi selaras dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam konteks budaya global serta meningkatkan interaksi antara tamadun, khususnya penerimaan dan penyesuaian pengaruh tamadun Eropah dan tamadun bangsa lain yang boleh membantu memperkukuhkan kemajuan bahasa kebangsaan. Perancangan bahasa kebangsaan perlu mengambil kira pelbagai perspektif baru dalam membangun dan memajukan kedudukan dan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu yang akan mempunyai pengaruh men-

corakkan serta menjadi minda bangsa Melayu dan bangsa Malaysia umumnya.

Bahasa kebangsaan seharusnya diterima sebagai bahasa yang menjadi asas dalam membentuk identiti bangsa dan mencorakkan pemikiran bangsa Malaysia yang patriotik kepada perjuangan kebangsaan serta pembentukan Malaysia sebagai negara yang maju, bersatu, beretika, bermoral dan berdaya maju dalam segala bidang. Selaras dengan pembinaan negara bangsa, Malaysia perlu mempunyai bahasa kebangsaannya yang menjadi penggerak pembangunan dan penjana minda serta pemikiran bangsa. Pemimpin Melayu dan intelektual Melayu yang berpendidikan Inggeris perlu menunjukkan komitmen yang tinggi bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mempunyai kedudukan dan imej yang tinggi di negara ini. Walaupun bahasa Inggeris boleh diketengahkan sebagai suatu bahasa yang penting dalam membuka minda bangsa Melayu dan membentuk bangsa Malaysia supaya lebih kompetitif di peringkat global, tetapi kedudukan dan peranan bahasa kebangsaan tidak seharusnya disempitkan pengaruhnya bagi tujuan domestik semata-mata. Kemosrotan kualiti bahasa Inggeris tidak seharusnya dipersalahkan kerana dasar kita lebih mementingkan bahasa kebangsaan seperti mana kecenderungan kritikan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu. Kelemahan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini sememangnya perlu diberi perhatian oleh kerajaan selaras dengan dasar yang menggalakkan warganegara Malaysia menguasai bahasa tersebut untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih baik serta membolehkan pemikiran dan minda masyarakat Malaysia lebih mudah menerima pengaruh dan pengetahuan baru yang disebarkan melalui bahasa Inggeris. Kebaikan mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris dengan cekap sememangnya penting untuk membina kekuatan minda dan ketahanan bangsa. Bangsa yang lemah ialah bangsa yang jahil tentang perkembangan yang berlaku di peringkat antarabangsa dan tidak terbuka kepada pengaruh dan pemikiran global, khususnya pemikiran barat yang mencetuskan pelbagai idea dan inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh bangsa Melayu untuk membina kekuatan budaya serta minda bangsa mereka.

Kepesatan kemajuan yang berlaku di dunia yang menggunakan bahasa Inggeris tidak seharusnya menjadikan bahasa kebangsaan terpinggir dan dipandang rendah sehingga timbul satu kecenderungan untuk menggantikan penggunaan bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kebangsaan di negara kita, khususnya dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik. Tindakan ini sudah tentu akan memberi kesan negatif kepada perkembangan bahasa kebangsaan, khususnya dalam bidang sains dan matematik yang dianggap bidang penting bagi mengangkat status dan martabat bahasa kebangsaan sebagai bahasa saintifik serta bahasa yang relevan kepada penjana minda sains dan teknologi bangsa Malaysia. Amalan dwibahasa mungkin boleh dilakukan bagi membolehkan kedua-dua bahasa ini mempunyai kedudukan yang saling memperkukuhkan pembinaan dan penjana minda bangsa dalam bidang sains dan teknologi. Sistem pendidikan

kita perlu bersifat liberal dan terbuka kepada penggunaan kedua-dua bahasa ini bagi mengangkat martabat bangsa dan menjana minda generasi muda yang lebih kreatif dan inovatif dari segi pembangunan minda serta dari segi penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Langkah menggunakan dwibahasa ini dikira menepati teori pembelajaran dan perkembangan bahasa khususnya pembelajaran yang melibatkan penggunaan bahasa asing atau bahasa kedua bagi memantapkan lagi kedudukan bahasa utama. Alternatif ini boleh digalakkan supaya peranan pendidikan bagi meningkatkan kemahiran dan penguasaan kedua-dua bahasa ini dalam ilmu pengetahuan sains, matematik dan teknologi tidak menjadi satu halangan serta isu yang menyebabkan peminggiran bahasa kebangsaan dalam arus kemajuan sains, digital dan teknologi yang berlaku begitu pesat pada abad ini.

Bahasa moden yang digunakan dengan meluas di Eropah telah meluaskan lagi interaksi budaya antara satu bangsa dengan bangsa lain dan meningkatkan persefahaman antara negara kerana bahasa ini dapat digunakan bukan sahaja dalam kelompok bangsa tertentu tetapi juga di kalangan kelompok yang berlainan latar belakang bangsa. Setiap bangsa mencipta kemajuan dan menjana minda bangsa mereka melalui bahasa kebangsaan mereka sendiri. Kekuatan bangsa, rasa kebanggaan dan nilai kebangsaan juga terbentuk dan diperkuatkan melalui penggunaan bahasa kebangsaan yang berperanan menjana minda bangsa seperti yang berlaku di Jepun, Korea, Negara-negara Afrika, Amerika Latin, Negara Islam dan Arab serta Negara Asia dan Negara-negara Eropah. Bahasa dalam konteks ini menjadi alat penyatuan, persefahaman dan lambang nasionalisme serta unsur-unsur yang mengikat semangat patriotisme di kalangan pengguna bahasa kebangsaan tersebut. Semua negara mempunyai bahasa kebangsaan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kedapatan negara-negara yang telah dijajah begitu lama mengekalkan bahasa bangsa penjajah tersebut sebagai bahasa kebangsaan mereka. Bahasa ini diperkukuhkan melalui sistem pentadbiran, pendidikan, perundangan serta dijadikan bahasa pengantar utama dalam segala urusan dan perhubungan masyarakat tersebut.

Bahasa kebangsaan dilihat sebagai cermin minda sesuatu bangsa yang mempunyai pengaruh besar ke atas perkembangan budaya dan pemikiran bangsa. Peranan penting yang perlu dijana oleh bahasa kebangsaan pada era perubahan global dan ledakan ilmu pengetahuan ialah meningkatkan perkembangan pemikiran positif dan inovatif bangsa ke arah menghasilkan pelbagai produk intelek serta menyumbang kepada pencetusan idea-idea kreatif dan inovatif yang mendorong kepada penghasilan reka cipta dan invensi kreatif untuk kemajuan sosial, ekonomi dan intelektual. Peranan bahasa kebangsaan dalam konteks ini bukan setakat menjadi alat komunikasi dan alat perpaduan tetapi berupaya mengilhamkan, menjana dan mencetuskan inspirasi dan meningkatkan daya kreatif pengguna bahasa tersebut menjadi bangsa yang kreatif dan inovatif. Menggerakkan peranan pasif bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi dan perpaduan kepada peranan konstruktif, kreatif dan inovatif bukan sahaja berlaku dari aspek tatabahasa,



struktur, sintak, kontekstual dan linguistik semata-mata tetapi perkara yang perlu ditekankan ialah dari aspek penjanaan minda kreatif dan inovatif bahasa tersebut.

Bahasa kebangsaan juga perlu menggerakkan perubahan sosial dan budaya bangsa agar keluar daripada kepompong kemunduran dan kejahilan dengan meningkatkan keupayaannya sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang mampu mengubah *mindset* negatif bangsa Melayu kepada pemikiran positif dan pemikiran strategik menghadapi cabaran, kemajuan dan inovasi baru. Bahasa kebangsaan perlu menjana revolusi mental, mencetuskan revolusi sosial dan revolusi budaya untuk membangunkan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang maju, beretika dan berhemah tinggi. Dengan berlakunya ledakan pengetahuan baru dan pelbagai pembaharuan sosial, politik dan ekonomi, kemajuan bahasa kebangsaan banyak bergantung kepada pengaruhnya ke atas perubahan minda dan perubahan budaya bangsa Malaysia.

Persaingan budaya etnik yang tidak sihat berlaku di negara ini dapat dibendung dengan meningkatkan lagi peranan budaya kebangsaan di negara ini. Asimilasi budaya melalui bahasa kebangsaan membolehkan pembentukan minda bangsa yang membolehkan Malaysia membina semangat dan wawasan baru sebagai satu bangsa yang maju dan berdaulat. Elemen-elemen kebangsaan dan kenegaraan yang terbentuk dalam bahasa kebangsaan boleh menjana minda patriotik yang penting dari segi pembinaan negara bangsa. Segrasi kaum dan pemisahan kaum yang boleh mencetuskan pelbagai keburukan dan pergeseran boleh diatasi sekiranya bahasa kebangsaan diberi tempat dan kedudukan sebagai pemangkin hubungan kaum. Sejak mencapai kemerdekaan, bahasa kebangsaan telah berjaya membawa dan membina hubungan kaum yang lebih erat dan mesra serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan mempunyai masa depan yang lebih baik untuk kepentingan semua kaum. Dengan menolak faktor kaum sebagai faktor penghalang hubungan kaum, perbezaan yang wujud boleh diatasi sekiranya bahasa kebangsaan berperanan meluaskan lagi proses asimilasi dan integrasi hubungan kaum. *Ethnocentrism* yang terbentuk dalam minda kaum boleh dihakis sekiranya asas pembentukan budaya baru bangsa Malaysia boleh dilakukan dengan lebih berkesan melalui penggunaan bahasa Malaysia serta meluaskan lagi proses asimilasi dan integrasi kaum dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia.

Bahasa kebangsaan perlu memainkan peranan konstruktif dalam menangani pelbagai agenda baru dan membawa Malaysia ke hadapan dalam menjana minda bangsa pada abad ke-21 yang mengharungi pelbagai perubahan dan cabaran. Bangsa Malaysia harus berasa bangga dan bersedia untuk mendukung usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penyatuan, bahasa pembangunan, bahasa perubahan minda, bahasa pembina budaya baru dan bahasa yang membawa Malaysia ke era baru pembinaan negara bangsa.

"Bahasa Jiwa Bangsa" merupakan satu slogan yang merakamkan hasrat dan kepentingan negara menjadikan bahasa kebangsaan untuk membina kekuatan bangsa. Bahasa kebangsaan telah mengharungi pelbagai cabaran dan perubahan, bermula daripada bahasa komunikasi dan perpaduan, berkembang menjadi suatu bahasa yang cukup berpengaruh membawa transformasi sosial dan budaya dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Bahasa kebangsaan berperanan sebagai "bahasa jiwa bangsa" yang mampu membina kekuatan dan kewibawaan bangsa Malaysia sejak hampir mencapai kemerdekaan sehinggalah Malaysia menuju kepada matlamat pembinaan masa depan menjadi sebuah negara membangun sepenuhnya untuk merealisasikan Wawasan 2020.

## Dilema Bahasa Negara Bangsa

Dilema baru yang sedang dihadapi oleh Malaysia sebagai sebuah negara bangsa ialah peranan bahasa Malaysia yang mula tergugat apabila mata pelajaran Sains dan Matematik diwajibkan diajar dalam bahasa Inggeris mulai tahun 2003. Bahasa Malaysia yang sudah menempuh usia 45 tahun mendasari kekuatan sistem pendidikan kebangsaan akan mula menghadapi dilema dan krisis dari segi kekuatan nilai akademik dan juga dari segi peranannya yang akan terpinggir terutama dalam bidang matematik, sains dan teknologi.

Membina kekuatan bahasa Malaysia dalam bidang matematik, sains dan teknologi merupakan satu matlamat penting dalam proses pembinaan dan pengukuhan konsep negara bangsa. Apabila kekuatan bahasa kebangsaan yang mendasari kekuatan negara bangsa mulai tergugat, maka pelbagai masalah dan isu lain seperti usaha mendaulatkan bahasa Malaysia dan kedudukan bangsa Melayu akan tergugat. Begitu juga dengan masalah perpaduan dan integrasi kebangsaan yang selama ini telah berjaya dipupuk melalui sistem pendidikan kebangsaan dengan menggunakan bahasa Malaysia, maka dengan perubahan yang berlaku ini sudah tentu akan memberi kesan sebaliknya kepada perpaduan kaum di kalangan generasi muda Malaysia. Pendidikan dan bahasa adalah asas bagi membina kekuatan negara bangsa. Penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kebangsaan sebagai satu mata pelajaran dan sebagai bahasa antarabangsa diakui perlu dipertingkatkan dari segi penguasaannya di kalangan pelajar supaya mereka akan menjadi lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

Kelemahan bahasa Inggeris yang merupakan satu kritis dalam sistem persekolahan kebangsaan perlu dikaji dan suatu pelan tindakan komprehensif bagi memperbaikinya perlu dilaksanakan, terutama di sekolah-sekolah luar bandar yang tidak selesa dan tidak kompetitif dari segi penggunaan bahasa tersebut. Kesedaran baru bagi menjadikan pelajar dan anak-anak Melayu cintakan pendidikan dan mempunyai minat serta keazaman yang tinggi bagi menguasai bahasa Inggeris untuk kejayaan masa depan perlu dipupuk dan

dikembangkan melalui amalan, penggunaan dan penguasaan bahasa tersebut. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia terutama generasi muda yang sedang menuntut di bangku sekolah dan di institusi pendidikan lain perlu kompeten menguasai dan mampu menggunakan bahasa Inggeris untuk mendapatkan faedah, menjadikan mereka lebih kompetitif serta mampu meraih kejayaan yang lebih baik dalam masyarakat berbilang kaum yang amat kompetitif di Malaysia.

Dengan melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains sahaja, pasti menimbulkan satu lagi dilema dalam sistem pendidikan dan persekolahan di Malaysia kerana hanya pelajar dalam bidang ini sahaja yang lebih terdedah kepada bahasa Inggeris, manakala pelajar dalam bidang sastera atau kemanusiaan akan dipinggirkan daripada kerangka perubahan penggunaan bahasa Inggeris dengan dua aliran yang menggunakan bahasa yang berbeza. Perlukah perkembangan yang tidak sihat ini diteruskan dan dipertahankan dalam usaha kita memberikan keadilan kepada generasi muda yang dibelenggu oleh dasar sistem pendidikan yang tidak menentu, tidak rasional dan menimbulkan dilema.

Kebelakangan ini timbul banyak pandangan dan kritikan yang menggesa supaya sistem pendidikan di negara ini dikaji semula selaras dengan hala tuju Malaysia, sebagai sebuah negara membangun sepenuhnya menjelang tahun 2020. Selain itu, alasan-alasan lain yang diberikan termasuklah keperluan bagi merangka satu sistem pendidikan di Malaysia yang bersifat kompetitif dan meningkatkan peranan serta fungsi sistem pendidikan dan persekolahan bagi melahirkan warga negara Malaysia yang kreatif, inovatif dan kompetitif di peringkat antarabangsa. Penguasaan bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa Inggeris merupakan alternatif baru ke arah perubahan yang dicadangkan ini.

Isu penggunaan bahasa Inggeris merupakan satu legasi yang ditinggalkan oleh pengaruh penjajahan, khususnya Britain ke atas perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia. Kebanggaan terhadap budaya dan *superiority* barat khususnya di kalangan generasi tua yang mendapat pendidikan Inggeris menyebabkan legasi ini menjadi satu idealisme yang ingin dikembalikan semula dengan memberi pelbagai alasan kelemahan-kelemahan sistem pendidikan yang wujud sekarang perlu dirombak semula. Kegagalan sistem pendidikan kebangsaan memenuhi kehendak dan matlamat baru membina Malaysia sebagai sebuah negara baru yang maju memerlukan satu proses pembaratan semula sistem pendidikan dilakukan dengan mengukuhkan kedudukan dan penggunaan bahasa Inggeris. Perkembangan terbaru seperti cabaran globalisasi, dunia tanpa sempadan, keperluan menguasai pengetahuan baru dan membentuk masyarakat berasaskan teknologi maklumat dan pelbagai cabaran baru memerlukan bahasa Inggeris dipertingkatkan terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Sifat pergantungan yang tinggi negara-negara bekas tanah jajahan barat, khususnya Malaysia telah menimbulkan dilema dalam melaksanakan sesuatu

dasar negara, terutama dalam soal pendidikan. Usaha bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa menyebabkan negara tanah jajahan tersebut perlu meletakkan diri mereka kepada standard taktoran nilai dan spesifikasi yang ditentukan oleh negara barat. Pengaruh barat yang begitu dominan ke atas negara membangun, khususnya negara bekas tanah jajahan menguatkan lagi sifat pergantungan dan menjadikan negara membangun sentiasa bergelut dengan pelbagai dilema, terutama dalam pembinaan negara bangsa dan isu bahasa.

Kebangkitan nasionalisme Melayu yang merintis perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan dan pembinaan negara bangsa menjadikan Malaysia sebuah negara yang dinamik dan progresif dalam pelbagai bidang. Wawasan dan gagasan politik nasionalisme baru yang diseimbangkan dengan ideologi demokrasi, liberalisasi dan pengaruh kapitalisme meletakkan Malaysia sebuah negara pesat membangun dan membentuk identiti kenegaraannya yang berdaulat dalam menuju ke arah pembentukan negara maju di rantau Asia dan dunia umumnya. Kemajuan dan kamakmuran yang dicapai oleh Malaysia dalam pelbagai bidang, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh sistem pendidikan kebangsaannya yang dinamik, progresif dan liberal. Selain daripada usaha mendaulatkan penggunaan bahasa Malaysia, Malaysia juga merupakan negara yang mempunyai penduduk yang mahir dan fasih bertutur bahasa Inggeris. Ini merupakan satu sifat kedinamikan dan menjadikan Malaysia lebih mudah menerima perubahan, khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Fahaman neoliberalisme yang berlaku di negara ini memberi kesan yang luas terhadap pelbagai perubahan dan rombakan dari segi konsep negara bangsa. Meletakkan kepentingan ekonomi dan kemajuan negara lebih utama menyebabkan asas-asas kenegaraan yang sempit dan bertunjangan kepada Melayu tidak lagi diutamakan. Pengaruh neoliberalisme di Malaysia yang mendasari perubahan yang berlaku, khususnya dari segi penggunaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris merupakan elemen yang perlu dikira mempunyai pengaruh yang positif dalam mencorakkan kekuatan negara bangsa menjelang abad ke-21. Nasionalisme Melayu yang berasaskan kepada mendaulatkan penggunaan bahasa Melayu sahaja perlu diketepikan untuk memberi ruang yang lebih luas dan dinamik kepada perkembangan serta pertumbuhan bahasa Inggeris. Dalam masa yang sama, perkembangan nasionalisme kaum lain seperti Cina dan India juga mencetuskan tuntutan baru untuk mendaulatkan bahasa mereka dalam sistem pendidikan negara. Fahaman kebangsaan kaum yang bercapah dari segi gagasan dan wawasan kenegaraan meletakkan Malaysia sebuah negara pelbagai kaum yang kompleks dan perkembangan yang tidak sihat ini membawa Malaysia ke ambang kehancuran dan pergolakan kaum yang amat membahayakan. Nasionalisme Melayu yang semakin lemah turut mempengaruhi keadaan serta perkembangan yang berlaku pada masa kini dan pada masa depan terhadap pembinaan negara bangsa. Begitu juga nasionalisme Melayu yang semakin lemah akan menyebabkan kewibawaan Melayu tidak lagi relevan dalam mencorakkan perubahan yang akan berlaku pada abad akan datang.

Dari segi perkembangan dan sejarah kenegaraan, bahasa Malaysia yang merupakan "lingua franca" telah menunjukkan kemampuannya sebagai bahasa perpaduan kaum yang bertunjangan kepada budaya negara bangsa iaitu Malaysia. Dasar pendidikan kebangsaan yang diperkenalkan sejak merdeka telah berjaya membawa Malaysia ke arah kegemilangan di peringkat antara-bangsa. Kelemahan yang berlaku berkemungkinan disebabkan sistem pendidikan yang ada sekarang memerlukan perubahan baru. Agenda pendidikan bagi menghadapi perubahan abad ke-21 dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya perlu digubal di samping usaha menjadikan sistem pendidikan sebagai alat memantapkan lagi pembinaan negara bangsa diberi keutamaan kepada perubahan yang akan dirintaskan. Pendidikan juga perlu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat seperti merintaskan perubahan dan mobiliti sosial, menghapuskan buta huruf dan kemiskinan, meningkatkan daya saing, menyediakan belia-belia menghadapi cabaran k-ekonomi, mengatasi ketidakseimbangan antara kaum dan gender, membentuk masyarakat yang bermoral dan berdisiplin serta pelbagai tuntutan lain.

Pendidikan dan bahasa merupakan asas bagi membina kekuatan konsep negara bangsa. Oleh itu, bahasa Malaysia dalam konteks negara bangsa memainkan peranan yang amat penting bagi merealisasikan perubahan seperti pembentukan identiti kebangsaan, peningkatan jati diri, semangat patriotik, semangat kenegaraan dan sebagainya. Penggunaan bahasa Malaysia dalam sistem pendidikan boleh memantapkan lagi usaha membina gagasan kebangsaan dan mewujudkan perpaduan di kalangan kaum.

Perubahan dasar pendidikan ke arah meluaskan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik sahaja merupakan satu perubahan yang tidak lengkap. Jika dasar pendidikan di negara ini bertujuan meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya, maka satu perubahan yang komprehensif perlu dilakukan, iaitu kembali kepada legasi pendidikan penjajahan dengan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam semua mata pelajaran yang melibatkan semua peringkat perkembangan pendidikan. Jika perubahan ini diterima oleh semua pihak, maka satu perancangan yang lebih sistematis dan komprehensif perlu dilakukan bagi membawa Malaysia ke satu era perubahan baru yang dihasratkan. Dalam keadaan ini, sudah tentulah sistem pendidikan yang diwujudkan ini bercanggah dengan dasar-dasar kebangsaan, wawasan politik, semangat kenegaraan dan nasionalisme baru Malaysia.

Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ada sekarang dan yang diluluskan oleh parlimen perlu diubah semula kerana dasar tersebut menegaskan penggunaan bahasa Malaysia dalam semua mata pelajaran di sekolah kecuali bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran. Kelonggaran dasar tersebut bagi membolehkan mata pelajaran tertentu seperti Sains dan Matematik diajar dengan menggunakan bahasa Inggeris akan memberi kesan yang lebih luas dan penggunaan bahasa Malaysia dalam konteks ini akan menuju kepada dwibahasa, iaitu Inggeris dan bahasa Malaysia.

Perlaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah dan di institusi pendidikan lain akan menimbulkan dilema kepada guru-guru yang tidak fasih dan tidak bersedia mengajar menggunakan bahasa tersebut. Ini akan memberi tekanan dan memalukan guru-guru yang terpaksa melakukan tugas tersebut, terutama guru-guru di luar bandar. Usaha melatih guru bukan sahaja melibatkan penguasaan yang kukuh dan mantap dalam bahasa Inggeris tetapi juga kecekapan guru dalam melaksanakan kurikulum Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Perubahan yang berlaku ini akan memberi cabaran hebat kepada profesion perguruan dan kepada golongan guru yang selama ini mendapat pendidikan dalam bahasa Melayu dan mengikuti sistem pendidikan kebangsaan. Institusi perguruan yang melatih guru-guru seperti maktab dan universiti juga perlu mengorak langkah bagi menggunakan bahasa Inggeris dalam latihan, pengajaran dan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan sesuatu perubahan seperti ini, ia memerlukan perubahan paradigma dan perubahan sikap positif di kalangan golongan pendidik sama ada di peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Pendidikan merupakan satu bidang intelektual yang dinamik. Oleh sebab itu, ia perlu mengalami perubahan dan mencetuskan perubahan selaras dengan tuntutan masyarakat dan negara. Perlaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik bagaimanapun perlu dilihat daripada perspektif yang positif jika dasar-dasar lain tidak berubah. Namun, kesan dan implikasi dasar ini perlu diteliti dan kaji dengan lebih rasional dan objektif supaya dasar yang dilakukan ini berdasarkan kepada realiti, fakta dan hala tuju yang selaras dengan wawasan pembinaan dan pembangunan negara.

## Bab 10

# Bersedia Menghadapi Cabaran Multilingualisme

Trend dan isu Pelbagai Budaya (*Multiculturalism*) yang menguasai dunia hari ini, tidak kira sama ada di negara membangun memberi kesan yang begitu besar dan kritikal terhadap keperluan negara maju dan negara membangun dalam memberi keutamaan mempelajari pelbagai jenis bahasa, khususnya bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Jerman dan sebagainya yang boleh membantu membangunkan dan memajukan negara tersebut. Kedaulatan dan perkembangan bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan di Malaysia tidak lagi menimbulkan kebimbangan kerana kedudukan dan statusnya yang sudah mantap dalam arus perubahan serta kemajuan sosioekonomi dan politik negara. Bahasa Malaysia akan terus maju sebagai bahasa utama dan bahasa kebangsaan yang akan mencorakkan identiti negara ini.

Untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya pada tahun 2020, Malaysia perlu melihat ke hadapan bagi membina kekuatan bangsa dan menghadapi persaingan globalisasi dengan kebolehan serta kemampuan bangsa Malaysia menguasai bahasa antarabangsa yang lain. Ini bermakna Malaysia perlu menekankan kepada kepentingan membinakan kekuatan bangsa dalam konteks budaya "multilingualisme". Multilingualisme bermaksud penguasaan dan penggunaan pelbagai bahasa. Selain menguasai dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik, orang Melayu juga mampu menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris serta bahasa-bahasa lain bagi meluaskan hubungan dan peranan orang Melayu mempengaruhi budaya bangsa lain.

Multilingualisme bukanlah suatu perkara baru dalam masyarakat Malaysia. Malahan masyarakat Malaysia dari segi sejarahnya telah terbentuk hasil daripada perubahan dinamik budaya *multiculturalism* dan *multilingualisme*. *Multiculturalism* bermaksud pelbagai budaya kaum atau etnik yang mencorakkan interaksi, hubungan, adaptasi, toleransi, asimilasi dan identiti masyarakat yang rencam dengan bahasa utamanya iaitu bahasa kebangsaan



atau bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini. Multilingualisme bukan bermaksud untuk mengangkat bahasa kumpulan etnik lain di negara ini untuk menjadi lebih superior atau untuk bersaing dengan bahasa kebangsaan, tetapi apa yang dipentingkan ialah belajar dan menguasai bahasa antarabangsa, khususnya bahasa-bahasa barat yang mencorakkan multilingualisme yang dinamik dan progresif bagi meluaskan hubungan masyarakat Malaysia di peringkat antarabangsa.

Keperluan negara membangun seperti Malaysia untuk membina kekuatan bangsa dalam era globalisasi memerlukan Malaysia melihat ke hadapan, khususnya dalam mengamalkan dasar multilingualisme sebagai suatu elemen positif serta menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat maju dan memudahkan kita mengakses perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam dunia barat. Dasar ini dikira selaras dengan hasrat Malaysia untuk mengkaji dan mengikuti perkembangan masyarakat Eropah yang sekian lama telah berjaya menguasai masyarakat Melayu dan Asia kerana pengkajian dan penyelidikan yang mereka jalankan untuk membantu mereka dengan lebih mudah dapat menguasai budaya orang Melayu atau masyarakat Asia dan masyarakat lain di dunia. Rancangan mewujudkan institusi kajian Eropah atau *Oksidental Studies* yang bertujuan mengkaji dan menguasai minda serta pemikiran bangsa Eropah boleh dilakukan dengan lebih berkesan sekiranya dasar multilingualisme, iaitu mempelajari dan menguasai beberapa bahasa barat dapat dilakukan oleh masyarakat Malaysia. Trend dan perkembangan baru juga menunjukkan Malaysia merupakan destinasi pusat penyebaran budaya Eropah yang penting pada abad akan datang dengan terdirinya pelbagai institusi pendidikan dan penubuhan beberapa universiti baru seperti Universiti Perancis dan Jepun yang memerlukan Malaysia membuat anjakan baru dalam dasar bahasa yang bersifat multilingualisme.

Multilingualisme merupakan satu keperluan bagi menjadikan seseorang itu lebih "viable" kepada perubahan baru kerana dengan menguasai lebih daripada satu bahasa, potensi intelek seseorang akan menjadi lebih luas dan lebih baik daripada golongan yang bergantung semata-mata kepada kemahiran satu bahasa sahaja. Perubahan *mindset* dan sikap yang lebih positif terhadap usaha dan dedikasi untuk mempelajari serta menguasai bahasa asing khususnya bahasa antarabangsa akan mendorong kejayaan dalam pembelajaran bahasa berkenaan. Sikap ingin belajar dan menguasai bahasa lain terutama di kalangan golongan intelektual Melayu amat penting bagi membuka peluang dan membolehkan kita berinteraksi dengan bahan bacaan dan memperoleh ilmu pengetahuan serta khazanah intelektual yang lebih meluas dalam budaya bangsa lain. Prasangka buruk dan sikap prejudis terhadap bangsa dan bahasa asing yang ingin kita pelajari perlu diketepikan kerana boleh menjadi penghalang kepada pembelajaran untuk menguasai bahasa berkenaan.

Bahasa bukan sahaja penting sebagai alat komunikasi dan pengucapan, tetapi perlu untuk menerokai minda intelektual, pemikiran, kehebatan dan keagungan sesuatu bangsa. Penguasaan bahasa asing ibarat "kunci" yang perlu kita gunakan untuk membuka khazanah intelek bangsa asing bagi memper-

kukuhkan dan membina kekuatan bangsa kita. Penekanan kepada multilingualisme akan membolehkan berlaku penyebaran budaya (*cultural diffusion*) yang akan memberi manfaat kepada masyarakat negara membangun untuk mencontohi kejayaan, kemajuan bangsa dan negara yang telah mencapai tamadun yang lebih kukuh dan berpengaruh. Pemindahan budaya yang didorong oleh pengaruh multilingualisme membolehkan berlakunya pemindahan harta intelek, teknologi, pemikiran dan lain-lain yang membantu masyarakat negara membangun mencapai perubahan dan kemajuan yang lebih dinamik.

Kepentingan membangunkan bahasa bersifat multilingualisme di kalangan rakyat di negara ini terutama penguasaan bahasa antarabangsa boleh menyumbang kepada kemajuan ekonomi, sosial, budaya dan politik era baru Malaysia. Sejak berabad-abad lamanya Malaysia yang mewarisi peninggalan penjajah yang amat berharga, iaitu bahasa Inggeris telah dapat dimanfaatkan bahasa tersebut untuk membuka pintu peluang keemasan (*window of golden opportunities*) bagi memacu negara ini untuk meraih kejayaan di peringkat antarabangsa. Malaysia sejak sebelum merdeka dikenal sebagai negara dan masyarakat yang mengamal dan menggunakan pelbagai bahasa atau multilingualisme yang menjadi daya penarik kepada kedatangan pelancong dan pelabur asing yang penting di rantau ini.

Sifat kemajmukan penduduk di negara ini yang terdiri daripada pelbagai bahasa dengan sendirinya memberi kesan kepada perkembangan sifat *multiculturalism* dan *multilingualisme*. Malaysia juga sentiasa didatangi oleh pelbagai masyarakat dari pelbagai pelosok dunia disebabkan keselesaan menggunakan bahasa Inggeris dan kemesraan untuk berinteraksi dengan masyarakat negara ini. Walaupun tahap penguasaan bahasa Inggeris agak merosot, tetapi faktor pendidikan yang mendorong kepada penggunaan bahasa Inggeris menjadikan Malaysia lebih sesuai dan mesra kepada rakyat asing. Pendidikan di Malaysia dalam konteks ini menjadi pendorong kepada perkembangan budaya multilingualisme yang dinamik dan progresif.

Berbanding masyarakat Melayu, masyarakat Cina dan India meletakkan kepentingan multilingualisme, khususnya penguasaan bahasa Inggeris untuk tujuan mobiliti sosial, keusahawanan, modenisasi, membentuk gaya hidup, *westernization*, membina imej moden, penghijrahan, kebebasan, demokrasi dan sebagainya.

Multilingualisme mempunyai kesan dan pengaruh yang amat dinamik kepada kemajuan, kejayaan dan perubahan yang ingin dicapai oleh mereka. Bahasa ini juga membolehkan mereka membina konsep kebebasan sejagat dan globalisasi. Oleh sebab itu, globalisasi tidak dilihat sebagai satu halangan dan ancaman, sebaliknya dilihat sebagai peluang yang lebih luas untuk mencapai perubahan dan kejayaan. Kita tidak dapat menghalang bangsa lain melihat ke hadapan dan membina impian mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih baik melalui multilingualisme. Malahan faktor multilingualisme inilah yang mendasari perubahan mereka menjadi pendorong kepada kejayaan mereka dalam perniagaan, dunia korporat, multinasional dan bidang kerjaya

yang berprestij serta membebi pulangan yang lumayan. Ini tidak bermakna identiti dan semangat kecinaan dan keindiaan mereka telah terhakis, sebaliknya faktor multilingualisme membolehkan mereka membina semangat patriotik bangsa mereka dengan lebih kukuh dan bangga dalam konteks global serta membandingkan diri dan meningkatkan keupayaan untuk menjadikan mereka lebih berdaya saing.

Menguasai beberapa bahasa akan membuka peluang dan prospek yang lebih cerah kepada seseorang. Seorang pelakon atau penyanyi yang boleh menggunakan beberapa bahasa, terutama fasih dalam bahasa Inggeris boleh mencipta nama dan kegemilangan sebagai penyanyi dan penghibur di peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan mereka yang ingin berjaya dan melangkah lebih jauh dalam sesuatu bidang atau kerjaya perlu bersikap terbuka bagi mempelajari dan menguasai beberapa bahasa antarabangsa. Mempelajari dan menguasai beberapa bahasa asing tidak bermakna akan melemahkan jati diri seseorang, malahan ia akan mengangakat harga diri, penghormatan, kegemilangan dan perubahan yang lebih baik. Seorang penulis dan karyawan yang fasih dan mahir dalam pelbagai bahasa sudah tentu akan dapat meluaskan bakat, kebolehan dan profesionalisme mereka dalam dunia multilingualisme berbanding dengan penulis yang hanya mahir dalam satu bahasa sahaja.

Multilingualisme perlu dilihat sebagai satu kekuatan dan aset yang penting untuk mencorakkan perubahan dan gaya hidup moden masyarakat Malaysia. Multilingualisme tidak seharusnya dilihat sebagai satu ancaman kepada kepentingan nasional. Ia merupakan satu pendekatan dan dasar penting kepada proses pembinaan serta pengukuhan kualiti sosial yang boleh mendorong kepada kemajuan dan kejayaan negara. Oleh sebab itu, multilingualisme perlu digalakkan supaya setiap warganegara Malaysia mempunyai kemahiran dan kecekapan menggunakan lebih daripada satu bahasa.

Kebanyakan kita tidak sedar, di kalangan orang Melayu sendiri mereka telah mengamalkan multilingualisme khususnya dalam kehidupan beragama, di mana bahasa Arab digunakan untuk tujuan menguasai pengetahuan agama dan mendalami hal-hal berkaitan dengan agama. Walau bagaimanapun, penggunaan dan kecekapan bahasa Arab yang dikuasai melalui proses hafalan tanpa memahami maksud atau pengertian bahasa tersebut serta kurang menggunakan pendekatan pembelajaran bahasa yang berkesan boleh diperbaiki sekiranya kesedaran dan dorongan dapat diberi untuk meningkatkan kemahiran dan minat orang Melayu untuk belajar dan menguasai bahasa Arab. Sekiranya langkah ini dapat dilakukan dengan berkesan, usaha dan kemajuan umat Islam boleh dipertingkatkan untuk mendalami hal-hal berkaitan dengan akidah dan menguasai pelbagai ilmu pengetahuan penting yang boleh membantu umat Islam di negara ini mencapai kejayaan serta kemajuan yang lebih baik sebagai umat Islam yang disegani dan dihormati. Tradisi menimba ilmu dalam masyarakat Melayu di kampung dan di luar bandar perlu direformasikan dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar yang penting dikuasai. Dalam konteks ini, orang Melayu yang sudah pun mempunyai kekuatan multilingualisme boleh meluaskan lagi pembelajaran mereka ke

peringkat yang lebih baik. Pengetahuan dan kemajuan dunia Islam dan Arab boleh dipindahkan dan disebar untuk kemajuan masyarakat Islam di negara ini.

Di negara-negara barat seperti Britain dan negara-negara Eropah, kesedaran terhadap kepentingan membina kekuatan dan multilingualisme mendorong polisi pendidikan mereka mewajibkan pelajar sejak daripada sekolah rendah lagi mempelajari satu bahasa lain selain bahasa kebangsaan yang menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di negara tersebut. Lebih ramai guru bahasa asing yang cekap dan terlatih dihantar ke sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa kedua seperti Perancis, Jerman, Sepanyol, Belanda dan sebagainya. Di universiti-universiti di Eropah, pelajar juga digalakkan mempelajari bahasa lain supaya mereka mempunyai mobiliti sosial yang lebih baik dalam dunia bangsa Eropah, Asia, Afrika dan sebagainya. Kecenderungan terhadap multilingualisme menjadi satu agenda yang penting untuk perubahan, mobiliti sosial, komunikasi global, penguasaan ilmu, penyelidikan dan meluaskan hubungan serta persefahaman dengan masyarakat dalam budaya yang lain. Ini menjadikan bangsa Eropah lebih maju, terbuka, global dan berpengaruh berbanding dengan bangsa-bangsa Asia, Afrika dan bangsa-bangsa di negara membangun yang lain.

Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan berhasrat membina imej barunya sebagai sebuah negara maju dalam wacana Wawasan 2020 telah memberi penekanan kepada multilingualisme. Langkah-langkah bagi memajukan penguasaan dan kecekapan bahasa Inggeris terutama dalam mata pelajaran Sains dan Matematik akan meningkatkan lagi kejayaan Malaysia dalam bidang sains dan teknologi serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat antarabangsa. Malaysia perlu maju ke hadapan dengan meningkatkan keupayaan masyarakat dan penduduknya menguasai beberapa bahasa utama dunia dengan menekankan kepada multilingualisme. Modeniti boleh dicapai dengan lebih pesat dan dinamik melalui dasar multilingualisme. Kejayaan Malaysia pada masa hadapan banyak bergantung kepada dasar sosial dan dasar pembangunannya yang berwawasan serta membina kekuatan bangsa dan negara.

Globalisasi telah mendekatkan lagi hubungan antara benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika dan Amerika Latin. Dengan kemajuan pesat yang berlaku dalam teknologi komunikasi dan informasi atau ICT, hubungan antara benua dan antara kelompok budaya berlaku dengan lebih rapat melalui penghijrahan, pelaburan, pelancongan, pendidikan dan dorongan-dorongan lain. Globalisasi bukan sahaja mendorong kepada perkembangan multilingualisme tetapi juga meningkatkan konsep *multiculturalisme*. Konsep perkongsian pintar (*smart partnership*) antara negara menjadikan bahasa dunia, khususnya bahasa Inggeris lebih mudah diterima untuk menyatukan bangsa-bangsa lain di seluruh pelosok dunia. Penggunaan bahasa asing dalam pendekatan hubungan seperti ini dapat membawa sesebuah negara lebih terbuka untuk menarik pelaburan, membina imej negara, mengukuhkan hubungan diplomatik, meluaskan kerjasama dan membuka peluang-peluang baru kepada negara tersebut.

## Memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam Era Siber

Usaha bagi memantap dan memperkasakan pengaruh, peranan, kedudukan dan status bahasa kebangsaan pada era siber begitu mencabar kerana di peringkat ini berlakunya suatu perubahan budaya baru yang dicetuskan oleh revolusi teknologi maklumat serta ledakan pengetahuan yang disertai dengan pengaruh globalisasi yang membawa idea liberalisasi budaya dan bahasa. Bahasa kebangsaan perlu mendasari perubahan baru era siber jika ia mahu menjadi bahasa siber yang mampu merintis perubahan baru kepada perkembangan revolusi teknologi maklumat serta perubahan masyarakat siber yang dinamik dan progresif di negara ini. Bahasa kebangsaan akan tersisih dan terpinggir daripada arus perubahan budaya siber sekiranya bahasa tersebut tidak dipertingkatkan kemampuan dan kegunaannya dalam mencorakkan kemajuan teknologi maklumat. Bahasa kebangsaan perlu diperkasakan menjadi bahasa teknologi maklumat yang selaras dengan peranan utama bahasa kebangsaan pada era siber serta menjadikan Malaysia maju dan membangun dalam pelbagai bidang inovasi teknologi.

Bahasa bukanlah satu halangan bagi sesuatu masyarakat atau bangsa menguasai maklumat dan teknologi. Bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mencorakkan bangsa yang bertamadun tinggi di rantau ini mempunyai kemampuan yang tinggi sebagai bahasa inovasi teknologi dan bahasa difusi budaya teknologi dalam era siber. Peranan progresif yang dimainkan oleh bahasa kebangsaan dalam penyebaran budaya teknologi, maklumat dan pengetahuan menyebabkan tidak timbul sebarang kejutan budaya atau *culture shock* dalam masyarakat kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang sentiasa terbuka kepada pelbagai pengaruh, termasuk pengaruh budaya siber. Taraf pemodenan yang tinggi yang dibawa oleh pengaruh bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi di negara ini, membolehkan penyebaran maklumat serta pengetahuan berlaku dengan dinamik dan meluas.

*Cyberism* merupakan satu perubahan budaya yang dicituskan oleh perkembangan dinamik disebabkan pengaruh teknologi maklumat, teknologi telekomunikasi, teknologi digital, kecanggihan teknologi media visual dan teknologi pengkomputeran yang menyebabkan berlaku pelbagai rombakan baru dalam bidang pengurusan, perhubungan, penyelidikan, pendidikan dan pembelajaran, *lifestyle*, perubahan tahap pemodenan sosial dan budaya serta meluaskan konsep pensejagatan atau globalisasi menjadikan kehidupan semakin terbuka kepada pelbagai pengaruh baru, khususnya dalam bidang teknologi, budaya dan bahasa. *Cyberism* memberi kesan yang amat besar terhadap revolusi budaya, mendorong kepada pembentukan budaya digital dan budaya siber yang mendasari kehidupan baru masyarakat abad ke-21. Revolusi teknologi komunikasi maklumat atau ICT merupakan satu ciri utama era siber. Era siber juga mencetuskan satu revolusi besar terhadap konsep penguasaan ilmu pengetahuan dan konsep pembelajaran yang mencabar kewibawaan guru serta sekolah sebagai suatu institusi yang lembap mengalami perubahan dan kurang terdedah kepada pelbagai inovasi teknologi pengajaran dan pembelajaran. Pengaruh siber mendorong kepada reformasi pendidikan yang menyebabkan timbulnya suatu tuntutan supaya institusi pendidikan dan golongan profesional mengadaptasikan dunia siber ke dalam dunia pendidikan yang begitu terikat dengan pendekatan yang bersifat konvensional dan kurang melakukan inovasi dalam dunia pendidikan.

Bahasa kebangsaan perlu berkembang dan dinamik selaras dengan perkembangan era siber. Banyak negara di dunia menggunakan bahasa kebangsaan mereka dan meletakkan bahasa tersebut sebagai pemangkin serta penggerak budaya siber yang menjadikan masyarakat mereka lebih maju, dinamik dan progresif dari segi komunikasi, penyebaran dan pertukaran maklumat, pendedahan kepada dunia luar, di samping perubahan ini dapat meluaskan konsep belajar yang mengubah kehidupan dan status sosial masyarakat sesebuah negara. Bahasa kebangsaan dalam konteks ini menjadi peneraju utama kemajuan era siber yang berlaku di negara-negara seperti Jepun, Korea, China, India, negara-negara Islam dan juga negara-negara Eropah yang menggunakan pelbagai bahasa seperti Inggeris, Jerman, Perancis, Sepanyol, Itali, Dutch atau Holand dan sebagainya. Perkembangan dunia siber telah dikapitalismekan dengan berkesan bagi meningkatkan martabat dan peranan bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan dalam sesebuah negara bagi membolehkan bahasa kebangsaan memainkan peranan utama bukan sahaja bagi tujuan mendapatkan atau menimba maklumat melalui kemajuan teknologi komunikasi maklumat tetapi juga untuk membina imej baru bahasa kebangsaan sebagai bahasa negara bangsa yang berwibawa dalam era siber.

Kewibawaan bahasa kebangsaan untuk menerajui kemajuan era siber perlu menjadi sebahagian daripada Wawasan 2020 selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya, terutama usaha bagi memperkasakan kedudukan dan peranan bahasa kebangsaan dalam mengharungi era siber. Kejayaan Malaysia bagi memacu negara ke era siber dengan tertubuhnya *Multimedia Super Corridor* atau MSC akan menjadikan masyarakat

dan negara ini mempunyai status masyarakat serta negara yang maju dalam bidang multimedia dan teknologi komunikasi maklumat. Dalam masa yang sama, kemajuan dalam bidang ini perlu mendorong kepada kemajuan bahasa kebangsaan yang dimartabatkan sebagai peneraju dan penjana budaya era siber. MSC sebagai penggerak kemajuan dan revolusi multimedia termasuk ICT perlu optimistik dan dedikasi bagi mengangkat kedudukan dan meningkatkan peranan bahasa kebangsaan dalam dunia siber. Penggunaan bahasa kebangsaan perlu diutamakan dalam penyebaran maklumat dan dalam tujuh bidang utama aplikasi MSC yang meliputi kerajaan elektronik (*electronic government*), pendidikan (Sekolah Bestari), kesihatan (teleperubatan), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Laman Web Perdagangan Antarabangsa), pemasaran tanpa sempadan (*borderless marketing*), Kementerian Sains dan Alam Sekitar (penyelidikan dan pembangunan) dan kad pelbagai guna (bidang perbankan).

Kemajuan yang dibina di negara ini perlu meletakkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penggerak kemajuan dan perubahan budaya siber. Perisian komputer dan pelbagai *software* perlu dimajukan dalam bahasa kebangsaan bagi mengisi agenda pembangunan negara dan agenda pembangunan bahasa kebangsaan dalam era siber atau ICT. Perancangan negara dalam memperkasakan peranan dan kedudukan bahasa kebangsaan dalam era siber perlu dilakukan dengan penuh iltizam dan cita-cita besar bagi mendukung hasrat serta harapan bangsa Malaysia menjadikan bahasa kebangsaan sebagai negara bangsa yang berpengaruh menerajui perubahan baru, khususnya dalam era siber. Revolusi maklumat yang berlaku dalam era siber perlu meningkatkan lagi peranan bahasa kebangsaan dalam membina imej baru bangsa Malaysia sebagai bangsa yang berdaya maju, progresif dan moden. Memencilkan peranan dan kedudukan bahasa kebangsaan dalam arus perubahan era siber merupakan satu kejahatan dan kesilapan besar yang tidak seharusnya dilakukan. Biar apa pun alasan yang diberi bagi menidakkan kemampuan bahasa kebangsaan, kita harus percaya kemampuan bahasa kita dan berbangga dengan sumbangan yang telah diberikan selama ini dengan meneruskan agenda bagi memperkasakan bahasa tersebut dalam bidang-bidang baru seperti bidang teknologi informasi maklumat dan sebagainya. Masyarakat negara ini harus berbangga menggunakan bahasa kebangsaan sekiranya kita mahu menjadi bangsa yang besar dan bangsa yang menghargai budaya kita. Bahasa kita akan menjadi kuat dan boleh diketengahkan sekiranya bangsa kita memuliakannya.

Pengaruh era siber yang berkembang pesat di negara-negara perindustrian dan negara-negara barat yang menggunakan bahasa Inggeris dalam men-corakkan budaya siber akan memberi kesan ke atas pendorongan budaya dan juga peminggiran bahasa kebangsaan sekiranya langkah positif tidak dilakukan bagi memajukan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai alat komunikasi utama dalam dunia multimedia dan dunia siber. Sifat negara membangun seperti Malaysia yang bergantung kepada negara maju dalam penggunaan ICT dan pelbagai inovasi telekomunikasi yang canggih menyebabkan sebahagian besar negara membangun, khususnya Malaysia terpaksa

bergantung kepada penggunaan bahasa Inggeris yang memberi cabaran dan menyulitkan lagi usaha me-ningkatkan peranan bahasa kebangsaan dalam dunia siber.

Selaras dengan perkembangan siber yang berlaku, Malaysia perlu mempunyai polisi yang lebih jelas, komprehensif dan ke hadapan bagi menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa siber. Kepentingan menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa siber adalah kritikal terutama dari segi menyediakan perisian komputer yang mudah digunakan dalam bahasa kebangsaan. Pakar-pakar komputer di negara ini perlu memainkan peranan positif bagi memenuhi tuntutan ini.

Penggubalan dan pelaksanaan polisi yang komprehensif bagi men-corakkan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa siber perlu dilaksanakan. Mewujudkan rangkaian atau *networking* pengkomputeran yang menggunakan bahasa kebangsaan perlu dirancarkan seperti membina dan membangunkan laman web, Internet, on-line, e-mel, perisian analisis data dan sebagainya yang mesra pengguna serta *networking* yang mudah di akses dalam bahasa kebangsaan selaras dengan perkembangan era siber yang berlaku di negara ini dan dalam konteks global.

Peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa siber amat penting bagi mencapai matlamat pembinaan negara (*nation building*). Kedua-dua aspek iaitu teknologi maklumat dan bahasa kebangsaan perlu mempunyai peranan positif bagi mengukuhkan lagi gagasan dan wawasan *nation building*.

Pengetahuan dan kemahiran komputer perlu disebarikan dengan meluas di kalangan generasi muda dan semua lapisan masyarakat melalui bahasa kebangsaan. Bahasa siber yang mencorakkan kerangka operasi pengkomputeran dalam bahasa Inggeris menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat di negara ini yang tidak cekap dan kurang mahir dalam bahasa Inggeris. Kelemahan ini boleh diatasi sekiranya perisian komputer dan kerangka operasionalnya diubahsuai dari bahasa siber kepada bahasa kebangsaan. Langkah ini telah dilakukan oleh semua negara yang mencapai taraf kemajuan yang pesat dalam ICT seperti Jepun, Korea, China, Perancis, Jerman dan sebagainya. Malaysia sendiri telah menunjukkan kemampuan dan komitmennya yang tinggi bagi memajukan negara ini dalam bidang siber seperti mana langkah penubuhan MSC yang akan memacu Malaysia ke era siber. Transformasi Malaysia ke dunia siber akan berlaku dengan pesatnya melibatkan penggunaan ICT dalam semua sektor pembangunan.

Penggunaan bahasa kebangsaan boleh dirancarkan dan perlu mengalami satu era baru peningkatan taraf bahasa tersebut dalam konteks *e-learning*. Pendidikan merupakan asas bagi membina kemahiran dan meningkatkan pengetahuan masyarakat Malaysia dalam bidang ICT, multimedia, digital dan pengetahuan siber yang lain. *E-learning* ialah kaedah dan pendekatan pembelajaran yang menggunakan komputer, on-line, Internet, *software*, *teleconfrensing* dan sebagainya yang mencorakkan budaya belajar yang dinamik dan tidak terikat dengan sistem konvensional yang amat bergantung kepada



guru dan kedudukan bilik darjah. Pembelajaran *e-learning* yang bersifat interaktif, kolaboratif dan *independent study* memberi banyak faedah dan mengubah perspektif pembelajaran tradisional yang mempunyai banyak kelemahan dalam membangunkan potensi manusia.

*E-learning* mencorakkan budaya baru pembelajaran, sekali gus mengubah imej sekolah yang mengajar dan menyampaikan pengajaran mengikut kaedah konvensional. Transformasi imej baru sekolah seperti sekolah bestari atau *smart school* merupakan satu kemajuan yang didorong oleh penggunaan kaedah-kaedah dan sistem termoden berasaskan komputer, sistem maklumat di sekolah, pengurusan pembelajaran yang tercanggih dan *e-learning*. Kepentingan teknologi maklumat, multimedia dan *e-learning* dalam membangunkan pendidikan bahasa dan peranan bahasa Malaysia perlu selaras dengan perubahan serta reformasi yang berlaku di sekolah dan dalam sistem pendidikan negara yang menuju ke era siber.

Konsep pembelajaran global atau *global learning* juga menjadikan pembelajaran tidak lagi terikat kepada apa yang disediakan oleh guru tetapi melantasi perancangan harian dan batasan sistem sekolah kerana peranan Internet, laman web dan sebagainya membolehkan pelbagai bahan pembelajaran dan juga pengetahuan dalam pelbagai bidang yang lebih relevan dapat digunakan untuk memajukan pendidikan dan dalam masa yang sama memelopori liberalisasi pendidikan di seluruh dunia. Dalam konteks ini, bahasa kebangsaan boleh diketengahkan dan memainkan peranan penting selaras dengan kemajuan era siber.

Bahasa kebangsaan boleh menjadi bahasa dinamik dan berkembang ke satu tahap yang lebih berpengaruh dalam era siber. Era siber perlu menjadi pendorong kepada perkembangan bahasa kebangsaan dan bukannya penghalang peranan penting yang perlu dilakukan oleh bahasa tersebut. Polisi siber, khususnya multimedia di negara ini perlu memberi ruang yang lebih luas bagi memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan serta meluaskan peranan berkesan bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang kemajuan siber yang meliputi perkembangan multimedia, perisian komputer, telekomunikasi, ICT, teknologi elektronik dan sebagainya. Pelbagai aplikasi dan perisian media elektronik yang digunakan dan dibangunkan perlu mengambil kira keutamaan menggunakan bahasa kebangsaan yang lebih canggih, berkesan dan mesra pengguna. Bahasa kebangsaan dalam konteks ini perlu berperanan sebagai penggerak tamadun baru era siber.

Pemodenan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komersil dan bahasa ICT perlu berlaku dalam era siber. Lebih banyak istilah dan terminologi baru tentang dunia siber, khususnya istilah-istilah komputer, ICT dan multimedia perlu diketengahkan bagi memperkaya dan memantapkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan sesuai dengan era siber. Pakar-pakar bahasa perlu membantu memajukan bahasa kebangsaan sama ada dengan mereka cipta bahasa siber yang relevan ataupun memesatkan lagi penterjemahan bahasa siber

daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia. Penerbitan banyak buku bacaan dan rujukan tentang ICT dan multimedia perlu dilakukan bagi menyebarkan pengetahuan siber dalam bahasa kebangsaan.

Transformasi sosial yang mendorong kepada revolusi budaya baru era siber bukan sahaja mencorakkan perubahan dalam bidang pengurusan tetapi juga perubahan besar dari segi gaya hidup yang serba canggih disebabkan kemajuan dari segi hubungan dan komunikasi. Kemajuan teknologi maklumat atau ICT perlu digunakan dengan berkesan bagi membangunkan negara, bangsa dan budaya. Bahasa kebangsaan perlu diperkasakan sebagai bahasa yang mendasari perubahan dan kemajuan masyarakat siber yang kreatif, inovatif, liberal, progresif dan patriotik. Membentuk budaya IT atau budaya siber boleh dilakukan dengan berkesan dengan menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang berdaya maju dalam bidang ICT dan siber. Dengan mengangkat martabat bahasa kebangsaan menjadi bahasa yang lebih berpengaruh dalam era siber, kita sebenarnya telah mengangkat diri dan martabat bangsa serta negara kita selaras dengan kemajuan yang berlaku. Kita tidak akan menyesal dan menghina bangsa kita kerana kelemahan ini sudah dapat dan mampu kita atasi dengan kekuatan, keberanian dan keiltizaman untuk membina serta memperkasakan bahasa kebangsaan kita.

Kegemilangan bangsa Malaysia merupakan usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kekuatan bangsa kita menjadi bangsa yang berdaya maju dan mempunyai identitinya sebagai bangsa yang berkeupayaan mengharungi dan menguasai kemajuan dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang ICT dan kemajuan siber yang mencorakkan kemajuan dan budaya abad ke-21. Oleh sebab itu, perjuangan bagi memajukan bahasa kebangsaan merupakan satu perjuangan yang berterusan dan untuk mengharungi pelbagai peringkat perubahan yang berlaku memerlukan perjuangan ini dipertingkatkan. Kedudukan dan peranan bahasa kebangsaan dalam era siber perlu memandu negara ke arah kemajuan dan perubahan yang lebih meyakinkan pembinaan masa depan negara bangsa.



## BAHAGIAN

# III

## Struktur dan Agenda Perubahan Sosial



## Bab 12

# Meluaskan Struktur Kelas Menengah Melayu: Gagasan Pembangunan Negara

Kesedaran yang timbul di kalangan politik Melayu baru-baru ini untuk meningkatkan dan membesarkan struktur kelas menengah Melayu boleh dianggap mempunyai kepentingan yang amat luas dengan survival bangsa Melayu di negara ini dan merupakan satu agenda yang kritikal dalam menentukan kekuatan dan kekuasaan bangsa menjelang abad ke-21. Walaupun telah berlakunya mobiliti sosial yang drastik dalam masyarakat Malaysia sejak merdeka, namun perubahan struktur kelas menengah Melayu yang berjaya dihasilkan adalah agak kecil berbanding dengan perubahan dan pembesaran struktur kelas masyarakat bukan Melayu.

Ketidakseimbangan agihan dan penguasaan kekayaan negara (*nation wealth*) di kalangan kaum menjadi amat meruncing di samping realiti perubahan masa depan masyarakat Malaysia yang terbentuk sebenarnya mencerminkan kelas *struggle* yang amat serius serta mencabar, khususnya antara bangsa Melayu dengan bukan Melayu. Implikasi perkembangan kelas menengah yang tidak seimbang di kalangan kaum dan etnik ini bukan sahaja akan menjejaskan hubungan kaum yang sedia ada, tetapi akan menggugat kestabilan negara pada masa akan datang. Pemimpin negara kita harus mengambil iktibar daripada peristiwa hitam 13 Mei yang telah menghancurkan segala impian dan angan-angan kosong kemerdekaan serta perjuangan bangsa Melayu. Peristiwa ini telah meranapkan wawasan hubungan kaum disebabkan ketidakadilan sosial yang meminggirkan bangsa Melayu daripada arus perubahan, kemajuan dan kekayaan negara.

Ledakan ekonomi atau *economic boom* yang berlaku dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini telah merombak dan membesarkan lagi struktur kelas menengah bukan bumiputera, khususnya kaum Cina berlipat ganda berbanding dengan perubahan struktur kelas menengah Melayu. Ini disebabkan mobiliti sosial yang berlaku di kalangan kaum Cina adalah lebih pantas dan

dinamis kerana penguasaan kekayaan dan ekonomi serta pekerjaan yang terbuka luas dapat meningkatkan pendapatan serta kesejahteraan sosial mereka jauh lebih baik daripada orang Melayu. Penguasaan ekonomi khususnya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang telah lama dimonopoli oleh kaum Cina dapat diperkukuhkan lagi melalui transformasi ekonomi yang melibatkan peningkatan dalam pelaburan, penguasaan sistem pemasaran, monopoli dalam pengedaran dan sistem pemuafakatan yang kuat di kalangan komuniti peniaga dan pengusaha Cina. Liberalisme ekonomi yang diamalkan oleh kerajaan juga telah memberi faedah yang besar dan luas kepada bukan Melayu berbanding dengan nikmat dan faedah yang diperoleh oleh orang Melayu. Dengan kesedaran dan sikap futuristik kaum bukan bumiputera terhadap kepentingan ekonomi, mereka nampaknya lebih berjaya meneroka dan melibatkan diri ke dalam pembangunan ekonomi moden dan bebas melalui pembelian saham, pengumpulan aset dan kekayaan, membeli dan memajukan hartanah, meningkatkan spekulasi untuk mengaut keuntungan dan berjaya meluaskan pengaruh mereka dalam segala bidang. Kejayaan kaum bukan Melayu dalam bidang ekonomi ini juga telah mewujudkan ribuan golongan menengah dan golongan jutawan yang mewah serta hidup senang-lenang bukan sahaja untuk *survival* tetapi untuk terus menguasai peluang dan memantapkan kuasa mereka bagi beberapa dekad yang akan datang. Peminggiran kaum Melayu dalam kegiatan ekonomi sekali gus membantutkan pertumbuhan dan perkembangan golongan menengah Melayu. Justeru, struktur kelas menengah Melayu yang terbentuk terdiri daripada golongan menengah Melayu "makan gaji" dengan kerajaan, golongan profesional yang berniaga sendiri dan pekerja sektor swasta yang dikelaskan sebagai golongan menengah yang hidup "setakat apa yang ada dan apa yang dapat."

Ketidakmampuan golongan menengah Melayu membeli rumah-rumah yang didirikan untuk mereka sama ada dalam pasaran terbuka, mahupun melalui peruntukan kuota-kuota yang diperuntukkan untuk orang Melayu mencerminkan golongan Melayu yang wujud di negara ini adalah kecil, daif serta miskin dari segi pendapatan, kemampuan dan kualiti hidup yang mereka kecapai dalam masyarakat Malaysia yang dikatakan makmur dan maju. Ramai golongan menengah Melayu, khususnya yang makan gaji dengan kerajaan, hidup tersepit serta tidak mampu memiliki rumah sendiri, khususnya di bandar raya Kuala Lumpur. Harga rumah yang melonjak naik tidak langsung dikawal, diikuti dengan spekulasi dan agihan rumah yang tidak adil antara bukan bumiputera dengan bumiputera menggambarkan betapa seriusnya aset dan kekayaan negara yang diwujudkan gagal memberi keadilan kepada kaum bumiputera, khususnya golongan menengah Melayu di negara ini. Dasar Perumahan Negara yang menyeleweng dan terpesong daripada prinsip-prinsip keadilan sosial memberi kesan yang buruk kepada nasib bangsa Melayu, sama ada Melayu golongan bawahan mahupun Melayu golongan menengah. Selepas 38 tahun merdeka, siapakah yang menguasai dan mengaut segala kekayaan negara? Mengapa ini harus berlaku? Mengapa keadilan tidak boleh di-

wujudkan? Patutkah Melayu terus menjadi bangsa dan masyarakat pinggirani di tengah-tengah kota raya yang dilimpahkan kekayaan yang dihasilkan?

Melahirkan golongan menengah Melayu tidak bererti sekiranya golongan ini tidak mempunyai kuasa beli (*purchasing power*). Pendapatan purata majoriti golongan menengah Melayu selepas 38 tahun negara merdeka ialah pada tahap yang rendah iaitu antara RM2,000 hingga RM3,000. Jumlah pendapatan yang diperoleh seperti ini di Kuala Lumpur meletakkan golongan menengah Melayu sebagai golongan miskin dan papa kedana walaupun kehidupan yang dialami oleh golongan menengah Melayu ini dikira lebih baik sedikit nasibnya daripada golongan kelas bawahan atau golongan miskin Melayu.

Masalah *class struggle* (pergelutan kelas) yang wujud dalam kedua-dua sistem iaitu kapitalis dan feudalis di Malaysia tidak banyak mengubah nasib bangsa Melayu keseluruhannya. Di samping itu, kecenderungan mewujudkan sege-lintir golongan korporat bumiputera dalam sistem kapitalis dan feudalis ini walaupun mempunyai matlamat yang baik tetapi ia tidak memberi banyak peluang dan ruang bagi mencorakkan perubahan golongan menengah Melayu yang masih tersepit dan terhimpit. Banyak dasar yang digubal menunjukkan kecenderungan untuk mengongkong dan melemahkan pergerakan dan perkembangan dinamis golongan menengah Melayu. Golongan menengah Melayu yang sebelum ini merupakan golongan dinamis dan berperanan aktif dalam menentukan pembangunan serta nasib bangsa Melayu sudah diping-girkan dan majoritinya berada dalam jentera kerajaan yang hidup makan gaji dan mengikut perintah.

Peranan pendidikan walaupun telah banyak merubah dan memperbaiki nasib bangsa Melayu serta telah melahirkan ramai golongan menengah Melayu, namun imej dan identiti serta *lifestyle* golongan menengah Melayu yang berlaku tidak mencerminkan satu perubahan status dan kedinamisan kelas sosial yang berpengaruh dalam masyarakat. Hal ini disebabkan taraf kedaifan ekonomi dan pendapatan rendah golongan menengah Melayu. Sebahagian besar pendapatan golongan menengah Melayu terpaksa dibelanjakan untuk ansuran rumah, makanan, persekolahan anak-anak, pengangkutan, pembayaran bil api, air, tol, cukai jalan dan sebagainya yang memberi kesan buruk kepada taraf kesejahteraan golongan menengah dan bawahan Melayu. Kemampuan untuk membuat tabungan dan pelaburan di kalangan golongan menengah Melayu juga adalah rendah berbanding golongan bukan Melayu. Kesulitan untuk menambah dan meningkatkan pendapatan memburukkan lagi masalah kewangan dan kebajikan sosial golongan menengah Melayu. Majoriti golongan menengah Melayu tidak mampu untuk bercuti walaupun ke tempat-tempat percutian dalam negeri kerana tidak mempunyai lebihan kewangan yang membolehkan mereka berseronok. *Lifestyle* golongan menengah Melayu juga tidaklah begitu *versatile* atau bergaya. Budaya *look smart* tidak berkembang begitu meluas sebagai satu ciri perubahan sosial yang mencorakkan *lifestyle* dan status golongan menengah Melayu. Kesemua ini mencerminkan keadaan kelas menengah Melayu yang serba kekurangan dan lemah. Faktor ekonomi dan pendapatan menjadi sebab utama kelesuan budaya kelas menengah



Melayu yang dari satu segi mencerminkan realiti antara perubahan dengan pencapaian taraf hidup golongan menengah Melayu di negara ini.

Pelbagai strategi dan saluran boleh digunakan bagi membentuk dan melahirkan lebih ramai golongan menengah Melayu. Saluran mobiliti sosial yang dicapai oleh seseorang tidak akan bermakna jika tidak disertai dengan peningkatan jumlah pendapatan dan kebajikan golongan menengah Melayu, sama ada yang bekerja di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta. Dalam sistem sosial yang terbuka, peluang bagi menambahkan jumlah dan peratusan golongan menengah Melayu boleh berlaku dan boleh dirancang dengan pantas sama ada melalui perubahan dan pencapaian Melayu dalam ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya. Dasar menyusun semula masyarakat (*re-structuring society*) yang diasaskan oleh negarawan bangsa, Tun Abdul Razak perlu diteruskan untuk mewujudkan keadilan dan boleh dijadikan landasan bagi membentuk dan melahirkan lebih ramai golongan menengah Melayu. Penguasaan ekonomi, khususnya ekonomi moden di tangan satu-satu kaum akan mewujudkan agihan dan penglibatan yang tidak sama rata di kalangan kaum. Bahaya penguasaan ekonomi di tangan bukan bumiputera perlu disedari dan ini mempunyai satu hubungan yang kuat dengan pergelutan kelas sosial antara kaum di Malaysia yang begitu kritikal menjelang abad ke-21 yang akhirnya boleh menimbulkan keadaan tidak sihat serta membahayakan masa depan bangsa dan negara. Trend yang berlaku sekarang, di mana ekonomi negara masih didominasi oleh bukan bumiputera menimbulkan banyak kepincangan, khususnya dalam usaha penstrukturan semula masyarakat dan kelas sosial yang tidak seimbang yang wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Sekurang-kurangnya terdapat empat strategi yang boleh dilakukan bagi mencorakkan dan membesarkan struktur kelas sosial kaum bumiputera. Pertama, dasar penstrukturan ekonomi yang melibatkan lebih ramai golongan bumiputera dalam perkembangan ekonomi moden, sama ada secara individu, syarikat mahupun korporat. Penstrukturan ekonomi boleh memberi kesan positif kepada pengagihan harta kekayaan negara supaya ia tidak semata-mata dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja. Dalam soal ini, kepentingan bumiputera harus diutamakan. Penstrukturan ekonomi bandar dan luar bandar juga perlu berlaku secara dinamis dan drastik tanpa menghilangkan aset yang telah sedia ada di tangan orang Melayu seperti tanah. Amatlah malang dan merupakan strategi yang tidak sihat apabila pembangunan yang berlaku sekarang merampas banyak aset tanah orang Melayu yang akhirnya aset yang ada di tangan orang Melayu ini berpindah milik ke tangan bukan Melayu melalui projek perumahan, pembinaan industri dan pelbagai pembangunan hartanah. Pengawalan lesen dan permit perniagaan perlu dilakukan dan keutamaan perlu diberikan kepada golongan bumiputera. Begitu juga dengan kemudahan tempat perniagaan seperti kedai, perlu menunjukkan terdapatnya usaha bagi menstrukturkan semula ekonomi negara dengan lebih sihat, adil dan mengukuhkan lagi kedudukan dan perubahan ekonomi kaum bumiputera.

Perkara kedua yang perlu dilakukan ialah merangka strategi penyusunan semula masyarakat. Langkah ini sememangnya telah dilakukan di bawah Dasar Ekonomi Baru yang dirintis oleh Perdana Menteri Malaysia ketiga, Tun Abdul Razak. Dasar penyusunan semula masyarakat perlu dipertingkatkan lagi khususnya melalui pengagihan aset kekayaan seperti perumahan, rancangan perniagaan, pembangunan tanah, pembangunan bandar dan pemodenan desa serta pembangunan ekonomi moden. Dasar ekonomi liberal yang dilakukan sekarang dengan membelakangkan kepentingan orang Melayu akan membawa kesan buruk bukan sahaja dalam jangka panjang tetapi juga dalam jangka pendek. Pemimpin Melayu yang diberi kuasa oleh orang Melayu harus prihatin terhadap masa depan bangsa Melayu keseluruhannya yang memerlukan peluang yang lebih baik untuk kemajuan dan perubahan.

Langkah ketiga bagi mentransformasikan struktur kelas sosial Melayu ialah melalui strategi pengagihan kekayaan negara yang lebih luas kepada orang Melayu dan bukan semata-mata di tangan segelintir Melayu yang membolot segala kekayaan negara. Mengubah struktur gaji yang lebih tinggi, khususnya dalam sektor kerajaan boleh membawa kesan yang positif kepada kebajikan kehidupan orang Melayu yang bekerja dengan kerajaan. Keadaan gaji yang ada sekarang amat rendah dan ini ditambah dengan perubahan indeks kebajikan sosial yang semakin rendah dinikmati oleh golongan bawahan dan golongan menengah Melayu. Kenaikan harga barangan keperluan harian, pelbagai cukai dan inflasi yang tinggi turut menjejaskan kebajikan masyarakat keseluruhannya khususnya golongan bawahan dan menengah. Menambahkan lebih ramai bilangan dan peratusan profesional Melayu seperti doktor, peguam, jurutera, kakitangan pentadbir dan pengurus bukan penting bagi meluaskan struktur kelas menengah bumiputera yang wujud tetapi merupakan satu strategi penting bagi membaiki ketidakseimbangan nisbah dan peratusan golongan profesional Melayu dengan bukan Melayu. Pemberian dan pengagihan saham kepada kakitangan kerajaan dan bumiputera merupakan satu strategi menambahkan aset dan kebajikan orang Melayu serta dalam masa yang sama, dapat melahirkan kelas menengah Melayu yang mampu menggunakan aset saham mereka untuk membentuk masa depan yang lebih baik dan sejahtera.

Pembangunan yang berlaku dengan pesatnya di negara ini perlu disertai dengan polisi sosial yang dinamis bagi membendung dan mengurangkan ketidakadilan sosial yang wujud dalam masyarakat. Dasar pembangunan sosial yang membebaskan rakyat seperti menaikkan tanggungan rakyat terhadap pembiayaan lebuhraya dengan menggunakan tol pada segenap penjuruan jalan masuk dan keluar merupakan satu tindakan yang tidak sihat. Jika keadaan ini diteruskan, lambat-laun akan membangkitkan penentangan rakyat terhadap dasar-dasar yang menindas ini. Begitu juga dengan dasar sosial seperti perubahan dan pendidikan yang mula dibebankan kepada rakyat bagi tujuan mengaut lebih banyak kekayaan dan keuntungan akan menjejaskan kebajikan sosial golongan bawahan dan menengah. Pemerintah yang baik dan adil dalam mentadbirkan sesebuah negara harus menyediakan keselesaan dan kebajikan

sosial yang baik dan tidak membebankan rakyat. Kemudahan sosial yang disediakan tidak membebankan dan bagi tujuan memberi kebajikan serta keselesaan kepada semua golongan tanpa mengira batasan kelas, status, kedudukan, kaum dan perbezaan agama. Dasar penswastaaan dan per korporatan agensi kerajaan mahupun awam harus mengekalkan dan mempertahankan idealisme kebajikan sosial yang perlu disumbangkan kepada negara dan orang ramai yang bergantung kepada perniagaan mereka.

Membesar dan meluaskan lagi struktur kelas menengah Melayu sehingga menjelang abad ke-21 merupakan satu agenda yang perlu ditangani dengan bijaksana oleh pemimpin negara dalam mengatasi kepincangan yang wujud sekarang. Ini melibatkan banyak perkara dan strategi yang perlu diambil sama ada dari segi penstrukturan ekonomi, membanyakkan golongan usahawan bumiputera, melahirkan golongan profesional yang lebih drastik, pengagihan sumber serta kekayaan negara yang lebih luas dan terancang kepada bumiputera, membaiki dasar sosial dalam pembangunan negara dan sebagainya. Golongan menengah Melayu merupakan golongan yang penting kerana ia merupakan indikasi perubahan dan kemajuan yang telah dicapai dalam sesuatu masyarakat. Jika struktur golongan menengahnya masih kecil diikuti dengan struktur golongan bawahannya yang luas dan besar, maka ini bermakna kemunduran dan kemiskinan masih luas dalam sesuatu masyarakat. Taraf kebajikan dan pencapaian bangsa Melayu dalam hal ekonomi, jenis pekerjaan, *lifestyle*, status, kedudukan dan taraf kebajikannya juga adalah rendah. Keadaan ini tidak akan dapat mengangkat maruah dan martabat bangsa Melayu di negara ini sebagai bangsa yang dinamis dan berdaya maju. Golongan menengah menjadi pengimbang antara yang miskin dengan golongan yang kaya. Kelas sosial yang wujud dalam sesuatu masyarakat ini juga mencerminkan komposisi dan struktur masyarakat yang terbentuk, kedinamikan, fungsi sosial dan pekerjaan yang dilakukan, ketidakseimbangan agihan kekayaan serta kuasa dan pengaruh sosial.

## Bab 13

# Konsumerisme dalam Masyarakat Membangun

Perkembangan konsumerisme mempunyai kesan yang luas kepada perkembangan sosial dan ekonomi di kalangan masyarakat membangun. Dengan mengkaji perkembangan konsumerisme, kita boleh mengenali ciri-ciri tertentu tentang taraf dan tahap pembangunan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat di sesebuah negara. Faktor konsumerisme juga sering digunakan sebagai suatu indikasi yang dapat menjelaskan pengaruh permintaan, perbelanjaan dan juga kebajikan.

### TARAF PERKEMBANGAN KONSUMERISME

Banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan konsumerisme dalam sesebuah negara, khususnya di kalangan negara membangun. Kedinamikan konsumerisme pada umumnya bergantung kepada perkembangan taraf ekonomi, agihan pendapatan, perubahan taraf hidup, kuasa beli, kesedaran pengguna, taraf pendidikan, pemodenan, perkembangan sosial dan perkembangan penduduk yang berlaku dalam sesebuah negara.

Jumlah penduduk yang ramai boleh mempengaruhi perkembangan dinamik konsumerisme yang menyebabkan meningkatnya permintaan dan perbelanjaan. Walau bagaimanapun, pendapatan yang rendah disebabkan kadar upah yang rendah di kebanyakan negara membangun boleh menyebabkan kuasa beli yang rendah. Faktor konsumerisme yang sebegini boleh menjadi penghalang kepada perkembangan ekonomi dan menjejaskan taraf kehidupan masyarakat di negara-negara membangun. Amatlah penting edaran dan kecairan wang berlaku dengan lebih dinamik bagi mewujudkan kedinamikan perkembangan konsumerisme yang menjadi faktor kedinamikan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi. Kemiskinan dan kemunduran

yang masih lagi membelenggu kehidupan masyarakat di negara membangun pada umumnya turut menentukan taraf konsumerisme yang rendah dan menjadi kurang dinamik bagi mendorong perkembangan ekonomi dalam sesebuah negara. Mewujudkan pasaran dalam negara umumnya banyak bergantung kepada faktor kedinamikan perkembangan taraf konsumerisme yang berlaku dalam negara tersebut. Negara miskin yang masih tidak mampu meningkatkan pendapatan upah dan perbelanjaan di kalangan penduduknya akan menyebabkan indeks konsumerisme yang rendah, sekali gus mencerminkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi kepenggunaan berada pada tahap yang rendah.

Stagnasi atau kebekuan ekonomi boleh dialami oleh kebanyakan negara-negara membangun sekiranya taraf konsumerismenya menurun pada tahap yang rendah yang akan menyulitkan usaha-usaha positif bagi membaiki dan mengatasi kegawatan ekonomi yang dihadapi. Faktor konsumerisme merupakan satu indeks penting yang boleh dijadikan panduan untuk mengkaji trend dan perkembangan permintaan serta perbelanjaan. Walau bagaimanapun, para pengusaha dan peniaga boleh mengubah keadaan ini dengan meningkatkan rangsangan pengaruh pengiklanan dan pengaliran maklumat perniagaan yang dinamik ke arah mendorong keinginan pengguna untuk berbelanja.

Faktor struktur umur penduduk amat penting mencorakkan perkembangan konsumerisme. Jika wujudnya struktur umur bekerja yang besar dalam sesebuah negara, sudah tentulah keadaan ini akan mempengaruhi kuasa beli yang tinggi. Namun, sekiranya kadar pengangguran yang tinggi pula didapati wujud di kalangan golongan umur bekerja, maka ia akan memberi kesan tertentu kepada perkembangan indeks pengguna umumnya. Umur penduduk yang bergantung kepada tanggungan ibu bapa juga turut mempengaruhi perkembangan konsumerisme khususnya permintaan kepada pendidikan, perubatan, perkhidmatan penjagaan, pakaian kanak-kanak dan remaja, barang-barang mainan dan sebagainya.

### **PERGERAKAN KONSUMERISME YANG BERKESAN**

Pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh pengguna di negara membangun memerlukan suatu gerakan konsumerisme yang berkesan bagi menangani kepentingan dan kebajikan masyarakat pengguna. Undang-undang konsumerisme yang lebih adil dan berkesan perlu diwujudkan bagi melindungi pengguna daripada penipuan. Undang-undang yang berat sebelah dan hanya menjaga kepentingan peniaga, pengusaha dan pengeluar semata-mata perlu dikaji dari semasa ke semasa supaya hak-hak pengguna akan terus terpelihara, terutama apabila undang-undang digunakan untuk melindungi dan menguntungkan satu pihak sahaja. Pelbagai syarat yang membebaskan pengguna perlu dihapuskan dalam urusan jual beli dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna.

Satu masalah utama pelaksanaan undang-undang di negara membangun ialah ia lebih memihak kepada golongan yang berkuasa dan berpengaruh dengan membelakangkan prinsip-prinsip keadilan yang perlu ditimbulkan dalam banyak kes konsumerisme. Umpamanya, terdapat perjanjian yang memaksa pembeli mengemukakan penjamin supaya menanggung segala hutang piutang yang dibuat oleh pembeli atau peminjam sekiranya pembeli atau peminjam gagal membayar atau mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Ramai penjamin menjadi mangsa undang-undang yang tidak bermoral dan beretika ini sehinggakan membenarkan ia menghalalkan tindakan mengisytiharkan mufis dibuat kepada penjamin yang tidak mendapat apa-apa faedah daripada urusan jual beli atau pinjaman yang ditawarkan kepada peminjam. Perlindungan undang-undang yang tidak sempurna masih berlaku dengan berleluasa di negara-negara membangun menyebabkan hak-hak konsumerisme di negara membangun terabai dan tidak dapat diperjuangkan dengan adil dan saksama.

Konsumerisme yang berpengaruh boleh memberi kesan positif bagi membendung gejala yang tidak sihat berlaku dalam sesuatu masyarakat atau negara. Isu-isu konsumerisme yang dihadapi oleh masyarakat membangun pada masa ini seperti kesukaran mendapat pinjaman serta kadar bunga yang tinggi dan membebankan perlu menjadi agenda penting perjuangan gerakan konsumerisme. Ini ditambah lagi apabila terdapat satu kecenderungan institusi kewangan yang mementingkan keuntungan dengan mengenakan kadar faedah yang tinggi. Selain itu, institusi kewangan yang wujud di negara-negara membangun tidak menyumbang kepada perubahan sosial dan ekonomi golongan rakyat biasa, sebaliknya memberi keuntungan serta sokongan kepada golongan kaya dan berada dengan alasan pinjaman yang diberi tidak akan menghadapi risiko yang tinggi. Namun, apa yang berlaku adalah sebaliknya. Banyak kepincangan institusi kewangan di negara membangun dan ia kurang memainkan peranan berkesan bagi mentransformasi status dan pengaruh konsumerisme untuk merancakkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi seperti langkah meliberalisasikan skim pinjaman untuk tujuan yang produktif dan ekonomik untuk membeli rumah, kereta, pelajaran, perubatan, perniagaan dan sebagainya.

Perkembangan sosial dan ekonomi yang pesat memerlukan langkah perjuangan konsumerisme yang lebih teratur, berkesan dan strategik. Perjuangan konsumerisme bukan sahaja berlandaskan kepada isu semasa tetapi juga kepada isu jangka panjang yang dihadapi oleh golongan pengguna atau rakyat jelata. Ini termasuklah membanteras inflasi, kenaikan harga barangan, penipuan, spekulasi dan manipulasi mata wang serta pasaran perniagaan, sorokan barangan keperluan, penipuan jenama dan harga, penjualan barang yang telah luput tarikh dan sebagainya. Unsur penipuan dan pelanggaran etika perniagaan serta perkhidmatan yang berlaku dengan berleluasa memerlukan peningkatan perlindungan undang-undang tanggungjawab moral dan etika dalam masyarakat membangun.

### KONSUMERISME DAN KAPITALISME

Ekonomi kapitalisme bukan sahaja telah berkembang pesat di negara-negara maju tetapi juga telah bertapak dengan kuat dalam mencorakkan perkembangan ekonomi negara-negara membangun yang begitu bergantung kepada kemasukan pelaburan asing. Kekurangan modal, kepakaran dan teknologi telah memaksa dasar pembangunan liberal dan buka pintu kepada pelaburan asing yang dikira boleh membantu mempercepatkan pembangunan negara-negara membangun. Selaras dengan pandangan teori pergantungan (*Dependency Theory*), sistem kapitalis yang menjadi penggerak ekonomi negara membangun juga turut membelenggu perkembangan ekonomi, pertumbuhan dan keadilan sosial yang diperjuangkan oleh pemimpin negara-negara membangun.

Perkembangan ekonomi kapitalisme juga menimbulkan banyak kepincangan terutama dari segi kebajikan sosial yang diperjuangkan oleh negara membangun. Ini memerlukan gerakan konsumerisme yang kuat lagi berpengaruh bagi membendung tekanan pengaruh kapitalisme. Perkembangan kapitalisme di negara maju telah mendorong kepada konsumerisme yang kuat lagi berpengaruh bagi mengimbangi ketidakadilan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Tidak kurang pentingnya, gerakan konsumerisme yang berpengaruh dan berkesan banyak mempengaruhi rangka ideologikal sosial dan ekonomi yang memberi kesan tertentu kepada perkembangan ekonomi kapitalisme di negara maju. Ideologi negara kebajikan (*Welfare State*) yang bertunjangkan kepada keselamatan sosial (*social security*) merupakan satu dasar kebajikan yang membolehkan golongan miskin mendapat tempat yang sewajarnya dalam sistem ekonomi kapitalis.

### KONSUMERISME DAN BELANJAWAN NEGARA

Belanjawan negara mempunyai kesan positif atau negatif kepada perkembangan konsumerisme dalam sesebuah negara, khususnya kesan langsung terhadap pola-pola perbelanjaan, permintaan dan sikap pengguna. Dasar belanjawan yang membebankan, sudah tentu akan menimbulkan reaksi dan respons yang tidak menyenangkan pengguna terhadap peranan dan langkah kerajaan bagi menjaga kepentingan orang ramai. Belanjawan defisit yang dilancarkan oleh kerajaan baru-baru ini bagaimanapun akan dapat mengekalkan kebajikan pengguna dan ini sangat penting terutama semasa negara sedang dilanda kegawatan ekonomi yang membawa kepada merosotnya nilai mata wang, sekali gus memberi kesan kepada pendapatan, perbelanjaan dan kebajikan sosial masyarakat pengguna. Belanjawan yang prihatin terhadap kebajikan sosial golongan berpendapatan rendah yang dilancarkan oleh kerajaan baru-baru ini dikira dapat mengekalkan kesejahteraan sosial yang baik serta mengurangkan beban dan tekanan kegawatan ekonomi yang dihadapi.

Faktor belanjawan amat penting diambil kira kerana ia boleh menjadi penggerak kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi jika ia dapat merangsang pertumbuhan sektor ekonomi menjadi lebih produktif dan berdaya maju. Dasar belanjawan semasa yang dilancarkan oleh bekas Menteri Kewangan pertama, Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga mantan Perdana Menteri Malaysia yang memberi tumpuan kepada pemulihan ekonomi dikira akan merangsang pemulihan sektor ekonomi utama seperti pertanian, perkapalan, usahawan, pelancongan, infrastruktur, pendidikan, pembangunan luar bandar dan pembangunan sektor korporat. Kesan pertumbuhan ini sudah tentu akan memberi faedah yang luas kepada perkembangan konsumerisme di Malaysia.

Belanjawan selalunya melibatkan cukai-cukai langsung dan tidak langsung yang terpaksa dibayar oleh pengguna. Kurangnya insentif dan dorongan yang diberikan kepada pekerja atau pengguna dalam bentuk bonus, kenaikan gaji dan lain-lain faedah sosial serta ekonomi akan menimbulkan kecenderungan bagi memotong gaji dan menahan kenaikan gaji sudah tentu memberi kesan buruk kepada pendapatan dan menyulitkan kehidupan rakyat jelata, khususnya golongan makan gaji. Potongan gaji tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya sebagai suatu pengorbanan kepada negara yang perlu dilakukan oleh rakyat jelata, khususnya kakitangan awam. Langkah ini merupakan satu tindakan tidak sihat yang sering digunakan secara *taking for granted* dan sangat tidak digemari oleh rakyat jelata, lebih-lebih lagi ia dibuat atas paksaan, iaitu menggunakan arahan dan order. Golongan politik yang menguruskan dana negara perlu lebih bertanggungjawab dan tahu membuat perancangan yang berkesan supaya tidak menjejaskan kehidupan rakyat jelata.

### KONSUMERISME, KELAS DAN GAYA HIDUP

Perkembangan konsumerisme yang dinamik banyak bergantung kepada pembentukan kelas menengah dan kelas atasan yang semakin membesar, khususnya dilihat dari segi struktur kelas yang wujud dalam sesebuah negara atau masyarakat. Oleh sebab itu, perubahan ekonomi dan sosial yang berlaku dalam sesebuah negara perlu memberi kesan ke arah mentransformasikan perubahan struktur kelas yang wujud dalam masyarakat. Sekiranya struktur kelas golongan pekerja atau berpendapatan rendah masih lagi besar berbanding dengan kelas menengah, maka ia menunjukkan perkembangan konsumerisme yang rendah. Berbeza dengan golongan berpendapatan rendah, golongan menengah lebih mempunyai kuasa beli yang tinggi dan ini boleh mempengaruhi perkembangan konsumerisme yang baik dan menyokong kepada perkembangan ekonomi bagi barang-barang mewah seperti pengeluaran kereta, rumah kos sederhana dan rumah bagi golongan kelas menengah yang selesa dengan perkembangan masyarakat moden. Masyarakat moden wujud kerana perkembangan golongan menengah yang lebih dinamis dan progresif.



Faktor kelas sosial juga banyak mempengaruhi perkembangan konsumerisme, khususnya permintaan barang-barang mewah, standard dan bermutu. Kesedaran kelas yang tinggi akan mempengaruhi perkembangan budaya konsumerisme kelas menengah dan kelas atasan yang dinamik dalam sesuatu masyarakat. Cara hidup yang selesa, mewah serta bergaya yang menjadi nilai hidup golongan menengah dan atasan akan memberi kesan kepada budaya konsumerisme yang bersifat budaya tinggi (*high culture*) dalam perkembangan ekonomi moden. Faktor budaya tinggi ini amat penting bagi mencorakkan kualiti konsumerisme yang diwakili oleh masyarakat kelas menengah dan atasan. Ia menjadi lambang hidup bergaya, kemegahan, keunggulan dan masyarakat yang mempunyai cita rasa yang tinggi.

Kelas sosial dan gaya hidup moden merupakan lambang kemantapan budaya konsumerisme yang menjadi faktor pendokong pengeluaran barangan yang berkualiti, standard, berjenama dan mempunyai identiti yang unggul. Dengan kuasa beli yang tinggi, golongan menengah dan atasan boleh mencorakkan budaya konsumerisme yang *high standard* dan *high class*. Kemiskinan dan kemunduran tidak memungkinkan berlakunya budaya konsumerisme yang bersifat *world class* berkembang di kalangan masyarakat membangun. Masyarakat miskin masih berjuang untuk membebaskan diri daripada belenggu konsumerisme yang parah serta rendah moral imej budayanya. Faktor konsumerisme yang didasari oleh pengaruh kelas sosial pada umumnya mencorakkan perkembangan budaya sosial sesuatu masyarakat sama ada ia berada pada tahap yang baik atau sebaliknya.

### KONSUMERISME DAN PATRIOTISME

Kebanyakan isu konsumerisme di negara membangun kurangnya keyakinan kepada barangan tempatan, iaitu barangan yang dikeluarkan sen-diri oleh pengusaha-pengusaha di negara berkenaan. Dari segi tradisi kolonialismenya, boleh dikatakan negara membangun merupakan tempat lambakan barangan import dari luar. Ini menjadi penghalang kepada perubahan ekonomi yang ingin dilakukan oleh negara membangun kerana kesedaran patriotik yang rendah dari aspek konsumerismenya. Agenda pembaharuan ekonomi yang bertujuan meningkatkan kemampuan negara membangun untuk menjadi negara pengeluar serta langkah mengurangkan import pada umumnya bergantung kepada kekuatan konsumerisme yang boleh menyokong kepada permintaan dan penggunaan barangan tempatan. Dengan kempen drastik yang dilakukan seperti "Belilah Barangan Buatan Malaysia" sedikit sebanyak telah membawa perubahan dan membina keyakinan pengguna di negara ini menjadi kurang bergantung kepada barangan dari luar. Begitu juga slogan psikologi pengguna seperti "Malaysia Boleh" menimbulkan rasa kebanggaan dan keyakinan diri yang boleh mendorong kepada perubahan sikap dan nilai pengguna yang lebih yakin kepada barangan keluaran tempatan. Malaysia hari ini bukan sahaja menjadi pengeluar barangan industri ringan malah menerokai industri berat. Barangan buatan Malaysia juga semakin mendapat

sambutan yang baik di luar negara kerana jenama, kualiti dan harganya yang bersifat kompetitif.

Perkembangan konsumerisme yang lebih patriotik dalam sesebuah negara boleh menjadi daya penggerak kepada kemajuan barangan tempatan. Sebagai sebuah masyarakat dan negara yang terdedah kepada pengaruh luar, termasuk pengaruh barangan import yang banyak digunakan di negara ini, maka langkah bagi mencorakkan semangat patriotik amat penting supaya wujudnya rasa kecintaan, tanggungjawab dan kebanggaan masyarakat negara terhadap usaha-usaha memaju dan membangunkan ekonomi negara ini yang lebih bersifat kompetitif. Negara membangun seperti Malaysia perlu mengurangkan sikap bergantung kepada negara lain di samping langkah mengurangkan pergantungan ini akan dapat mengurangkan pengaliran wang keluar ke negara-negara lain yang boleh menjejaskan keadaan ekonomi negara.

### PENDIDIKAN KONSUMERISME DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Pendidikan merupakan alat yang amat penting untuk meningkatkan taraf kesedaran konsumerisme di kalangan masyarakat. Masyarakat yang mempunyai taraf kesedaran dan literasi konsumerisme yang tinggi dapat menentukan dan mempengaruhi perkembangan konsumerisme yang lebih baik dan berkesan untuk memelihara kesejahteraan dan kebajikan orang ramai. Peranan media massa seperti surat khabar, radio, televisyen dan sebagainya amat penting untuk mendidik dan menyampaikan pelbagai maklumat kepenggunaan yang boleh meningkatkan literasi konsumerisme dalam masyarakat membangun. Untuk mendidik masyarakat, maka penyebaran maklumat sangat penting bagi mempengaruhi keputusan yang akan diambil oleh pengguna. Dasar-dasar kepenggunaan perlu diperbaiki, dipatuhi dan dilaksanakan oleh peniaga dan pengusaha sebagai golongan yang bertanggungjawab terhadap pengguna. Pendidikan konsumerisme perlu diberi dan didedahkan kepada generasi muda sama ada secara formal atau tidak formal. Manakala berita-berita ekonomi dan konsumerisme perlu dipertingkatkan untuk membolehkan masyarakat mengikut perkembangan dan mengambil tindakan tertentu.

Pendidikan konsumerisme perlu menjadi elemen penting untuk membawa perubahan sosial dan ekonomi sesuatu masyarakat. Perkembangan ekonomi yang pesat memerlukan peranan penting pendidikan konsumerisme dipertingkatkan supaya masyarakat dapat memainkan peranan konstruktif dan membuat keputusan yang lebih rasional serta dapat mempengaruhi perkembangan ekonomi kepenggunaan yang lebih sihat. Pendidikan konsumerisme amat penting bagi melahirkan pengguna yang berpengaruh dalam mencorakkan perkembangan dan kemajuan ekonomi sesebuah negara.

## Pengaruh Teknologi dan Budaya dalam Pembentukan Masyarakat Siber

Abad ke-21 mencerminkan gelombang perubahan budaya siber yang dicetuskan oleh pelbagai inovasi dan perubahan baru dalam segala aspek kehidupan manusia. Proses pemodenan, penukaran gaya hidup dan peningkatan tamadun manusia berlaku disebabkan kemajuan dan revolusi teknologi yang mempunyai pengaruh dominan ke atas kehidupan manusia, khususnya pengaruh teknologi komunikasi maklumat. Ciri-ciri budaya masyarakat siber merupakan suatu kehidupan yang didominasi oleh penggunaan teknologi komunikasi maklumat, teknologi digital, Internet, *on-line*, laman web, penggunaan kad pintar (*smart card*), rangkaian maklumat global dan jaringan hubungan yang terbentuk kepada dunia luar. Budaya siber mencorakkan budaya tanpa sempadan (*borderless world*) dan budaya global yang membolehkan pelbagai budaya mengalami proses interaksi, adaptasi dan membantu kepada berlakunya *cultural diffusion* dalam sesuatu masyarakat.

Kemajuan teknologi membolehkan berlakunya penyebaran budaya dengan lebih terbuka, dinamis merentasi halangan sistem sosial dan sistem budaya sesuatu masyarakat. Sesuatu budaya tidak mungkin menjadi terasing dan dapat bertahan lama tanpa sentuhan dan pengaruh baru, terutama dalam era revolusi teknologi. Penyebaran teknologi yang berlaku dalam sesuatu budaya masyarakat juga akan mencetuskan perubahan baru yang akhirnya akan merombak segala bentuk halangan dan kekebalan tradisi budaya tersebut. Satu ciri penting budaya ialah ia sentiasa berubah dan bersifat dinamik. Inovasi teknologi akan meluaskan pengaruh baru dan mengubah pemikiran sesuatu masyarakat menjadi lebih kreatif dan inovatif. Teknologi juga membawa sesuatu masyarakat itu keluar daripada kepompong kemunduran dan kejahilan.

Impian bagi membentuk masyarakat siber direalisasikan dengan terbentuknya konsep bandar *Cyberjaya* yang diasaskan oleh projek Koridor Raya

Multimedia (MSC). Ini merupakan projek kebangsaan yang akan memancu Malaysia mencapai perubahan dalam bidang siber. MSC berjaya membangunkan semua aplikasi perdana yang dirancang iaitu kerajaan elektronik (*e-Government*), kad pintar pelbagai guna (Mykad), sekolah bestari, e-perniagaan dan sebagainya. Fasa kedua Cyberjaya dirancang bermula pada tahun depan hingga tahun 2010 dengan sasaran untuk mewujudkan jaringan antara MSC dengan bandar-bandar pintar lain di Malaysia dan seluruh dunia. Fasa terakhir dirancang bermula pada tahun 2011 hingga 2020 bertujuan bagi mengubah penduduk negara ini menjadi masyarakat berpengetahuan sebelum menjadikan Malaysia sebagai peneraju dunia dalam bidang teknologi maklumat (IT) selepas tahun sasaran tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Datuk Dr. Mohamed Arif Nun berkata, antara sasaran paling utama yang berjaya dicapai ialah dari segi jumlah syarikat yang beroperasi di kawasan MSC iaitu 850 buah pada masa kini berbanding dengan hanya 500 buah mengikut sasaran awal. Mengikuti beliau, sepanjang fasa pertama berlangsung, MSC telah berjaya menubuhkan undang-undang siber, membangunkan prasarana berkualiti global di Taman Teknologi Malaysia dan mewujudkan rangkaian fiber optik termaju bagi operasi perniagaan syarikat. MSC akan dirangkaikan bersama tiga bandar pintar lain iaitu Kenniswijk dan Eindhoven di Belanda, Stockholm di Sweden serta Bijak Ottawa di Kanada. Penubuhan Rangkaian Komunikasi Bestari Antarabangsa (SCIN) akan membantu menggabungkan kepakaran dan pengalaman semua pihak yang terlibat serta memperkukuhkan kedudukan MSC untuk menjadi pusat IT terulung di dunia. MSC merupakan bandar pertama di Asia yang dirangkaikan dalam jaringan SCIN. MSC mempunyai hala tuju bagi membentuk Malaysia yang mempunyai budaya siber termaju dan tercanggih di dunia.

Imej sekolah-sekolah siber akan dibentuk bagi mengembangkan budaya siber dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Pendekatan ini menyerupai pembentukan ciri sekolah siber di California, di mana ibu bapa boleh mengajar anak-anak mereka di rumah menggunakan kurikulum *online*, serta semua bahan pengajaran dan komputer yang dibiayai oleh sekolah di daerah berkenaan. Penggunaan komputer dan pelbagai multimedia lain menjadikan pembelajaran yang berlaku di sekolah lebih kreatif dan inovatif. Walau bagaimanapun, pendekatan sekolah siber di California yang berasaskan persekolahan di rumah ditentang oleh banyak pihak kerana ia menimbulkan banyak masalah terutama penggunaan masalah pengajaran berasaskan Internet.

Malaysia telah pun memulakan projek besar-besaran ke arah pendidikan siber dengan membina imej sekolah bestari. Sekolah yang berprestij ini mempunyai kemudahan komputer dan mengamalkan pembelajaran berasaskan teknologi maklumat, di samping kemudahan perkakasan pembelajaran berbantuan komputer yang canggih yang membolehkan pelajar dan guru mendapatkan maklumat serta bahan-bahan pengajaran daripada Internet, laman web dan sebagainya. Pendekatan pembelajaran yang fleksibel dan

interaktif dalam pendekatan sekolah bestari akan mencorakkan budaya siber yang berpengaruh ke atas kemajuan pendidikan pada abad ke-21 dan seterusnya.

Budaya siber akan mencorakkan gaya hidup baru dalam segala bentuk urusan masyarakat di negara ini termasuk operasi institusi dan organisasi tertentu seperti kerajaan, bukan kerajaan (NGO), perniagaan, korporat, pendidikan, sosial dan sebagainya. Kebanyakan rumah moden akan dilengkapi dengan kemudahan yang bercirikan budaya siber—komputer yang merupakan satu ciri penting ke arah mengembangkan budaya siber. Walau bagaimanapun, perubahan ke arah masyarakat budaya siber amat bergantung kepada kemudahan infrastruktur siber moden yang perlu diwujudkan dan mampu dibiayai oleh masyarakat. Sekiranya sesuatu perubahan itu membebaskan dari segi kewangan, maka faedah pembangunan seperti ini akan lebih menguntungkan golongan yang berada dan kaya, manakala sebahagian besar masyarakat yang masih mempunyai taraf hidup yang rendah dan tidak mempunyai kemampuan tentunya akan tersisih daripada arus kemajuan yang diciptakan ini. Jurang perbezaan budaya siber dan budaya digital akan menimbulkan masalah terutama antara kawasan bandar dengan luar bandar, antara kaum dan antara golongan berada dengan golongan miskin.

Pengaruh teknologi dalam pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia amat mengagumkan ke arah merintis pemodenan berlaku dengan begitu cepat dan pantas. Teknologi telah berjaya meningkatkan produktiviti, kecekapan dan pengeluaran serta mendorong pembinaan kekayaan dan kemakmuran negara. Penggunaan pelbagai teknologi canggih dan moden berjaya membina imej baru Malaysia sebagai negara maju dan membangun dengan pantas dan pesat. Taraf hidup masyarakat di Malaysia telah banyak mengalami perubahan disebabkan pengaruh teknologi yang tersebar luas dalam menjana perubahan dan kemajuan baru.

Wawasan politik yang mementingkan kepada kemajuan sains dan teknologi, khususnya ke arah pembentukan budaya siber telah membawa Malaysia kepada era kemajuan ekonomi dan pembangunan dalam pelbagai bidang serta meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global. Penglibatan Malaysia dalam industri teknologi berat seperti industri pembuatan kereta, kenderaan dan aerospace merupakan satu langkah maju ke hadapan bagi membina budaya teknologi tinggi yang penting kepada kemajuan perindustrian dan dalam bidang-bidang lain. Penekanan kepada pembangunan industri kecil-kecilan (SMI) merupakan satu strategi menjadikan Malaysia negara pengeluar dan pengusaha yang mampu mengeksport pelbagai jenama dan produk Malaysia di peringkat antarabangsa. Pelaburan dalam industri berasaskan teknologi juga menjadi amat penting selaras dengan dasar perindustrian serta dasar sains dan teknologi. Imej Malaysia sebagai negara pengguna dan bergantung kepada barangan import akan dapat dikurangkan. Malaysia akan menjadi lebih kompetitif dalam menghadapi cabaran ketidakpastian perubahan ekonomi yang memberi kesan buruk kepada pendapatan per kapita negara.

Perkembangan teknologi mempunyai kesan yang amat besar ke atas perubahan budaya di samping mencetuskan pelbagai masalah dan konflik baru dalam masyarakat. Teknologi daripada perspektif antropologi dan sosiologi merupakan pengaruh bagi mengubah sistem kepercayaan, *worldview* pemikiran, amalan, produktiviti, pengeluaran yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi, hubungan manusia dengan alam sekitar serta persepsi tentang pengaruh tertentu dalam menentukan kehidupan sesuatu masyarakat. Teknologi mengubah persepsi negatif sesuatu budaya kepada tindakan yang lebih positif dan produktif. Teknologi ialah alat, kaedah dan pendekatan yang memudahkan sesuatu kerja dapat dilakukan dengan lebih cekap, terancang dan terkawal. Penyebaran budaya saintifik dapat dilakukan melalui inovasi teknologi dan penemuan pendekatan-pendekatan baru dalam masyarakat.

Kemunduran teknologi boleh menjadi faktor penghalang kepada perubahan budaya. Melalui revolusi teknologi, budaya sesuatu masyarakat yang pada peringkat awalnya berkembang berasaskan kepada kegiatan ekonomi pertanian berubah kepada ekonomi perindustrian, ekonomi teknologi maklumat, ekonomi k-pengetahuan dan masyarakat siber. Revolusi teknologi berlaku berikutan perkembangan budaya saintifik, penyelidikan, kemajuan pengetahuan, reka cipta, penemuan baru dan kemajuan perindustrian. Falsafah progresivisme dan falsafah radikal barat memberi sumbangan yang besar ke arah merintis revolusi pemikiran dan mendorong keberanian manusia untuk mengubah dan mencipta bagi menjadikan kehidupan di dunia ini lebih bermakna serta mencapai kehidupan yang baik dan sempurna. Pengaruh falsafah kebendaan dan perkembangan pelbagai ideologi baru mengubah perspektif negatif manusia terhadap sains dan teknologi sebagai suatu pengetahuan serta kemajuan yang penting untuk kebaikan dan perubahan.

Budaya siber ialah budaya yang terbentuk ekoran daripada tahap kemajuan teknologi komunikasi maklumat yang merintis pelbagai kemajuan terutama dalam bidang kebebasan maklumat dan pengetahuan, pengurusan organisasi, pembelajaran, telekomunikasi dan pengaruh kemajuan global. Budaya siber juga terbentuk hasil daripada pengaruh globalisasi. Ia merupakan suatu ekologi budaya yang mencorakkan ciri-ciri tertentu kehidupan masyarakat siber. Inovasi teknologi komunikasi, khususnya berkaitan dengan teknologi *Wi-Fi*, iaitu teknologi tanpa wayar membolehkan dunia dihubungkan dengan komputer laptop atau digital personal kepada Internet dan laman web di tempat-tempat penting dan strategik seperti di lapangan terbang, cafe, hotel, pusat konvensyen, rumah, pusat membeli-belah dan di mana-mana sahaja yang boleh dihubungi. Perkembangan budaya siber ini berlaku berikutan dengan kemajuan *Wi-Fi hot spot* di bandar raya utama Asia seperti di China, Kuala Lumpur, Hong Kong, Singapura, Seoul, Manila, Tokyo dan Taipei.

Dengan meningkatnya peratusan penduduk di Asia yang bergantung kepada penggunaan *cellphone*, digital dan *Wi-Fi*, perkembangan budaya siber yang lebih maju berlaku dan ia menjadi suatu budaya dominan dalam mencorakkan imej dan gaya hidup generasi muda dan masyarakat Asia yang sedang menghadapi gelombang perubahan abad 21 dengan berbagai cabaran kritikal

dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Kemajuan budaya siber tidak semestinya mencerminkan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Asia dari segi pembangunan etika, moral, kebendaan, nilai hidup dan kemanusiaan. Sebilangan besar masyarakat Asia masih bergelut dengan kemiskinan, kemunduran dan masa depan yang tidak menentu.

Pengaruh buruk budaya siber seperti jenayah siber (*cybercrime*) dan penggunaan teknologi siber untuk kemusnahan seperti penciptaan peralatan perang yang canggih menyebabkan teknologi siber menjadi suatu ancaman kepada kemajuan budaya dan tamadun hidup manusia. Pelbagai unsur negatif dan destruktif boleh disalurkan melalui teknologi siber. Ancaman keselamatan negara boleh berlaku sekiranya terdapat kebebasan tanpa batasan bagi mana-mana pihak yang menyebarkan pelbagai isu dan pandangan negatif, yang menyebabkan berlakunya huru-hara, menimbulkan ketegangan hubungan kaum dan menyebarkan pelbagai dakyah dan propaganda buruk.

## Menyelamatkan Syarikat Gergasi yang Parah

Langkah kerajaan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi yang tenat dan menghadapi krisis kewangan merupakan satu usaha bijak dan penting bagi membendung keadaan ekonomi negara daripada terus menghadapi kehancuran. Sekiranya langkah dan tindakan berani ini tidak dilakukan bagi menyelamatkan syarikat-syarikat besar tempatan yang menjadi tonggak kepada perkembangan negara, Malaysia akan terus mengalami masalah yang lebih serius dan langkah-langkah pemulihan ekonomi negara sudah tentu akan terjejas. Menjadi tanggungjawab kerajaan bagi membina kekuatan ekonomi khususnya menyusun dan mengukuhkan semula syarikat-syarikat besar yang menjadi lambang pembangunan dan kemajuan negara.

Kerajaan terpaksa menyelamatkan syarikat-syarikat besar seperti MRCB, United Engineers (UEM), Penerbangan Malaysia (MAS), Renong, Tabung Haji dan syarikat-syarikat lain daripada mengalami kerugian yang lebih besar. Ada antara syarikat ini merupakan amanah rakyat yang dibina daripada wang rakyat dan keringat rakyat. Rakyat dan kerajaan amat bergantung kepada peranan, perkhidmatan serta prestasi kewangan dan perniagaan yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat berkenaan. MAS sejak ditubuhkan merupakan lambang dan imej negara yang dapat menonjolkan nama dan kegemilangan Malaysia di seluruh dunia melalui perkhidmatan penerbangan dan pengangkutan udara yang bersifat *world class* dan canggih. Kerugian yang dialami oleh Tabung Haji sehingga ia perlu diselamatkan oleh kerajaan mencerminkan kepincangan kepimpinan dan pengurusan yang berlaku dalam syarikat tersebut.

Kerajaan juga telah menyelamatkan banyak syarikat swasta yang menghadapi krisis disebabkan oleh kemerosotan ekonomi, kejatuhan nilai mata wang, persaingan dan dasar perlindungan yang dikenakan oleh negara barat serta mengurangkan import barang-barang keluaran dari negara membangun,



khususnya Malaysia. Selain memberi banyak kelonggaran cukai dan lain-lain bentuk insentif, kerajaan juga memberi bantuan kewangan melalui Bank Negara, bank-bank perdagangan, Dana Harta dan Permodalan Nasional. Walaupun langkah yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad itu dikedam dan dituduh untuk menyelamatkan kroni-kroni beliau, namun dari segi hakikatnya syarikat-syarikat yang terjejas disebabkan oleh masalah ekonomi sememangnya memerlukan tindakan positif kerajaan bagi menyelamatkan daripada terus mengalami kehancuran dan tidak dapat meneruskan operasi mereka disebabkan kerugian yang dialami. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah membuat banyak perakuan dan cadangan bagi menyelamatkan ekonomi negara dan mengaktifkan lagi peranan swasta dan peranan syarikat-syarikat besar di negara ini.

Kerajaan juga mengambil tindakan drastik bagi membendung kes-kes muflis daripada berlaku, terutama ke atas orang perseorangan dan juga syarikat-syarikat yang tenat dari segi kewangan. Kejatuhan nilai modal, aset dan pelaburan telah memberi kesan yang amat buruk kepada syarikat-syarikat besar di Malaysia. Walaupun ekonomi Malaysia dikatakan telah pulih seperti biasa tetapi Malaysia yang masih bergantung kepada pemasaran barangan ke negara luar seperti Amerika Syarikat, Britain, Jepun, Australia dan Timur Tengah, tidak banyak membantu menyelesaikan krisis ekonomi yang dialami oleh negara ini. Pertukaran wang asing yang tinggi serta perlu dibayar oleh Malaysia terhadap negara maju disebabkan kesan kejatuhan nilai ringgit Malaysia terhadap ekonomi negara dan perkembangan syarikat-syarikat besar di negara ini. Syarikat besar ialah syarikat yang bersandarkan modal besar, pelaburan yang tinggi dan menjalankan aktiviti ekonomi yang bersifat makro dan bersifat antarabangsa. Risiko kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat besar juga boleh memberi kesan buruk kepada pelaburan dan pertumbuhan ekonomi umumnya.

Kebimbangan terhadap kerugian dan keadaan perubahan ekonomi yang sukar telah menyebabkan perancangan yang dibuat mengalami kebuntuan serta merugikan syarikat-syarikat berkenaan. Keputusan tidak betul yang dibuat oleh pengarah, ahli lembaga dan pelabur sesuatu syarikat seringkali menyebabkan syarikat berkenaan mengalami kerugian besar. Zaman kejayaan ekonomi yang berlaku di Asia terlalu cepat berkesudahan dengan "zaman kehancuran" ekonomi yang membabitkan keruntuhan syarikat-syarikat gergasi besar di Asia. Pengaliran wang panas di Asia melalui pelaburan dalam bursa-bursa saham komoditi di Asia oleh pelabur-pelabur mata wang seperti George Soros dan sebagainya menjadikan ekonomi negara membangun kucar-kacir dan kemakmuran ekonomi yang dinikmati oleh negara Asia pada dekad ini berkesudahan dengan kemelesetan dan kepunahan.

Terdapat syarikat-syarikat besar yang menghadapi masalah disebabkan pengurusannya tidak profesional. Walaupun syarikat-syarikat ini telah berkembang begitu pesat dan maju, melibatkan pelaburan wang rakyat berjuta-juta ringgit tetapi jika ia diuruskan dengan tidak profesional dan tidak transparan, sudah tentulah masalah-masalah yang dihadapi tidak dapat dikesan

dan dipantau sehinggakan ia boleh menjadi muflis dan mengalami kerugian yang amat besar. Begitu juga keadaannya di mana ada syarikat-syarikat besar menjadi tempat bergantung dan tempat membuat kekayaan oleh pengurusnya atau pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan dan kepimpinan syarikat tersebut. Penyelewengan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang boleh menyebabkan perjalanan dan pengendalian perniagaan syarikat mengalami kerugian besar. Perbelanjaan yang tidak realistik dan pelaburan yang merugikan merupakan antara punca syarikat-syarikat ini mengalami kerugian. Banyak kes penyelewengan berlaku dalam syarikat-syarikat besar sehinggakan syarikat yang begitu terkenal dan berpengaruh pada suatu masa dahulu menjadi lenyap dan tidak dapat bangkit semula.

Pelaburan wang syarikat ke dalam kegiatan-kegiatan perniagaan yang tidak menguntungkan, tidak berdaya maju dan tidak menunjukkan prestasi yang baik merupakan satu kesilapan besar yang biasanya dilakukan oleh pengarah serta ahli lembaga syarikat yang tidak teliti dan tidak bertanggungjawab terhadap masa depan syarikat. Syarikat yang berhutang dan tidak mampu meraih keuntungan daripada pelaburan yang dilakukan akan menghadapi situasi kritikal, menemui kebuntuan dan kehancuran jika ia tidak dapat diselamatkan. Apabila sesuatu syarikat itu hendak diselamatkan, banyak rombakan dan penyusunan semula perlu dilakukan dengan tegas dan berani. Membersihkan segala bentuk penyelewengan dan kepincangan organisasi dan pengurusan syarikat perlu dilakukan dengan teliti, tersusun dan melalui pendekatan-pendekatan baru.

Memulih dan membina semula imej baru syarikat merupakan satu tugas yang berat dan amat mencabar. Ia memerlukan perubahan kepimpinan, perubahan strategi pengurusan, perubahan strategi pemasaran, kecekapan mengurus dana dan kewangan syarikat serta membina wawasan baru bagi memantapkan lagi kredibiliti dan *trust* terhadap syarikat berkenaan. Krisis keyakinan mungkin wujud kesan daripada prestasi buruk syarikat yang dipulihkan itu. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang diselamatkan ini perlu mengukuhkan kedudukannya dalam dunia perniagaan yang diceburi dengan wawasan baru dan strategi perniagaan yang berkesan.

Terdapat syarikat-syarikat gergasi yang terus-menerus mengalami kerugian terpaksa mengambil tindakan yang lebih agresif ke arah *downsizing* iaitu mengurangkan pekerja dan operasi mereka, termasuk menutup cawangan-cawangan dan anak syarikat yang tidak mendatangkan keuntungan dan membebankan *survival* syarikat. Tindakan mengecilkan saiz organisasi atau lebih dikenali sebagai *downsizing* boleh memberi kesan buruk yang menyebabkan ramai pekerja terpaksa diberhentikan dan kehilangan pekerjaan. Selain itu, langkah yang biasanya dilakukan oleh sesebuah syarikat ialah penyusunan semula syarikat yang melibatkan rombakan, pengawalan, pemantauan, penjimatan perbelanjaan, pelupusan hutang dan strategi pemasaran yang lebih agresif. Tindakan juga diambil bagi mengatasi dan mengelakkan syarikat daripada mengalami risiko kerugian.

Konsep *sustainable development* atau pembangunan mapan juga perlu diadaptasikan dengan keadaan dan cabaran yang dihadapi oleh sesebuah syarikat. Dengan mengamalkan konsep ini, sesebuah syarikat gergasi dapat menjalankan operasinya dengan baik dan kurang terdedah kepada risiko dan tergugat disebabkan perubahan-perubahan yang berlaku seperti kekurangan dan kenaikan sumber bahan mentah, kenaikan nilai pertukaran wang asing, inflasi, deflasi dan keadaan pasaran yang tidak menentu.

Daya saing syarikat atau *competitiveness firms* perlu dipertingkatkan bagi membolehkan sesebuah syarikat itu menembusi dan membendung kelemahan dan cabaran yang dihadapi. Inovasi dan penyelidikan (R&D) perlu dilakukan bagi mendapatkan maklum balas tentang cita rasa pengguna, permintaan pasaran, merangka strategi pemasaran, pengawalan kualiti, kecemerlangan perkhidmatan, pawaian antarabangsa dan sebagainya. Inovasi teknologi dan reka cipta serta membina jenama atau imej syarikat yang kukuh di peringkat antarabangsa sangat penting untuk menjadikan syarikat gergasi di negara lebih bersifat kompetitif.

Syarikat besar di negara ini perlu bersedia menghadapi cabaran baru seperti pengaruh negatif globalisasi, liberalisasi pasaran antarabangsa, dasar perlindungan perdagangan, sekatan dan halangan berat sebelah yang dikenakan oleh WTO (World Trade Organization) dan lain-lain Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Negara membangun seperti Malaysia perlu mengkaji strategi perdagangan agar dapat mempengaruhi perubahan dasar yang berat sebelah serta mempunyai daya saing bagi menembusi pasaran antarabangsa. Syarikat-syarikat gergasi Malaysia perlu mempertahankan kualiti dan mampu mengeluarkan produk yang dapat memenuhi *world standard*.

Dasar penswastaaan yang melibatkan pertumbuhan dan peranan penting syarikat-syarikat swasta yang dinamik memerlukan suatu suasana di mana wujudnya suatu bentuk kerjasama yang baik antara masyarakat peniaga dengan kerajaan. Kelumpuhan syarikat-syarikat besar sudah tentu akan memberikan kesan buruk kepada perkembangan ekonomi negara. Syarikat-syarikat besar juga perlu diselamatkan kerana ia dapat membantu negara menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan boleh mengurangkan masalah pengangguran yang dihadapi. Dasar dan campur tangan kerajaan bagi menyelamatkan syarikat-syarikat tenat di negara ini perlu dilihat sebagai langkah pemulihan ekonomi negara yang amat penting dalam abad ke-21 ini.

---

## Bab 16

---

# Nilai Kemanusiaan Membentuk Masyarakat Penyayang

Selaras dengan gagasan dan wawasan pembangunan yang menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, perubahan masyarakat perlu dilakukan bukan sahaja dari segi perubahan taraf hidup, kemajuan kebendaan, pemodenan, kebebasan dan demokrasi tetapi yang lebih penting ialah membina asas-asas kukuh bagi membentuk masyarakat penyayang (*caring society*) yang dapat menonjolkan imej Malaysia sebagai masyarakat maju yang mempunyai kekuatan dari segi nilai kemanusiaan dan nilai moral yang tinggi.

Nilai kemanusiaan perlu mendasari perubahan dan kemajuan sesuatu masyarakat supaya masyarakat yang terbentuk dalam arus perubahan pada abad ke-21 nanti mempunyai wawasan sosial dan wawasan hidup yang baik bagi mengekalkan serta mempertingkatkan amalan-amalan yang baik. Masyarakat penyayang merupakan satu dimensi psikologi yang penting dan perlu dikembangkan bagi menguatkan perasaan kasih sayang, semangat berbakti, keinginan membuat baik, berkembangnya kerja-kerja amal, tertubuhnya organisasi sukarelawan dan kebajikan yang menunjukkan komitmen serta prihatin bagi membantu dan menangani masalah-masalah yang dihadapi masyarakat, khususnya golongan yang kurang bernasib baik.

Masyarakat penyayang juga merupakan satu konsep pembentukan masyarakat yang memerlukan perubahan paradigma polisi sosial yang menyeluruh yang menjadi asas kepada satu perubahan baru masyarakat yang prihatin dan menunjukkan komitmen untuk membantu, menyumbang dan meringankan kesulitan serta penderitaan yang dialami oleh golongan tertentu dalam masyarakat tanpa mengira batasan agama, kaum, bangsa, gender, umur, kedudukan, warna kulit, kelas dan sebagainya. Masyarakat penyayang dalam konteks ini ialah masyarakat yang pemurah, baik hati dan sedia memberi bantuan mengikut kemampuan serta kebolehan masing-masing bagi meringankan masalah yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan.

Dalam arus kemajuan ekonomi dan perubahan sosial yang pesat berlaku, wujud masalah ketidakseimbangan (*inequality*) yang memberi kesan buruk kepada berkembangnya masalah sosial dan kebajikan yang dihadapi oleh golongan miskin, golongan berpendapatan rendah dan golongan tertentu. Ketidakseimbangan ekonomi merujuk kepada soal-soal seperti pendapatan daripada pekerjaan yang dilakukan dan juga daripada sumber-sumber lain yang perlu bagi mengekalkan kebajikan dan kesejahteraan hidup. Manakala ketidakseimbangan sosial pula berkaitan dengan peluang-peluang memajukan diri, menikmati faedah-faedah kebajikan yang lebih baik, kemudahan-kemudahan sosial seperti perubatan, pendidikan, persekitaran yang baik dan sebagainya.

Ketidakseimbangan merupakan satu gejala yang timbul disebabkan perbezaan dalam masyarakat, perbezaan kebolehan dan kekayaan di kalangan individu, perbezaan wilayah khususnya antara bandar dengan keadaan daif di luar bandar dan sebagainya. Perbezaan harga atau taraf hidup antara bandar dengan luar bandar boleh memberi kesan yang luas terhadap taraf kebajikan atau indeks kemakmuran yang dikecapi atau yang perlu ditanggung oleh sesuatu masyarakat. Dalam keadaan seperti ini, wujud masalah kemiskinan dan kehidupan melarat yang meluas di kawasan luar bandar. Tanpa peluang dan rangsangan ekonomi yang baik serta dasar kebajikan yang berkesan yang diluahkan kepada masyarakat miskin, maka ia akan meningkatkan tekanan hidup dan tekanan psikologi yang memburukkan lagi kedaifan serta kemelaratan golongan berkenaan.

Gagasan bagi mengembangkan masyarakat penyayang telah lama terbentuk di kalangan masyarakat negara maju terutama di negara-negara barat yang menjadikan masyarakat barat lebih *civilised* dan mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi berbanding dengan masyarakat di negara membangun. Walaupun masyarakat barat sering kali dituduh sebagai terlampau bersifat individualistik, namun nilai-nilai kemanusiaan dan gagasan masyarakat penyayang merupakan suatu kekuatan dan imej kemanusiaan tinggi yang mereka miliki. Selain itu, masyarakat barat lebih maju dari segi dasar sosial mereka yang menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti golongan cacat, golongan miskin, golongan kurang keupayaan, hilang pekerjaan atau pengangguran dan sebagainya. Kemudahan kesihatan yang disediakan adalah jauh lebih maju dan cekap berbanding dengan keadaan yang dihadapi di negara membangun. Konsep masyarakat penyayang merupakan satu elemen penting dalam dasar-dasar pembangunan dan perkhidmatan sosial yang meletakkan masyarakat barat jauh lebih baik dan bersifat kemanusiaan. Nilai kemanusiaan (*human values*) juga dipamerkan dalam amalan dan tindakan mereka yang bersifat timbang rasa, prihatin dan saling membantu.

Konsep masyarakat penyayang di negara barat ditanamkan dan disemai dalam institusi keluarga, sekolah, perkhidmatan awam, perkhidmatan sosial dan dalam polisi pembangunan serta polisi sosial. Polisi sosial di negara maju berasaskan kekuatan nilai kewarganegaraan (*citizenship*) dan nilai masyarakat

penyayang (*caring society*). Kedua-dua nilai ini menjadikan masyarakat barat lebih terjamin dari segi hak dan kemudahan sosial yang boleh diperoleh di negara mereka. Namun demikian, wujud pelbagai badan kebajikan (*charity*) dan kegiatan kebajikan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak dan organisasi yang prihatin untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti orang cacat, golongan tua, golongan tidak berumah (*homeless*), balu atau ibu tunggal dan sebagainya.

Konsep masyarakat penyayang perlu dijadikan satu falsafah yang boleh membentuk masyarakat kita agar lebih prihatin, mesra, terbuka dan komited untuk mempertahankan nilai-nilai kemanusiaan yang dapat menjadikan kita satu bangsa yang maju dan bertamadun. Konsep masyarakat penyayang juga perlu dikaitkan dengan konsep kenegaraan (*nationhood*) kerana ia mencerminkan suatu kekuatan sesebuah negara maju dan mempunyai gagasan kemasyarakatan yang tinggi.

Konsep masyarakat penyayang dapat mencorakkan tingkah laku dan hubungan sosial yang baik dalam masyarakat. Ini akan dapat mencorakkan perkembangan masyarakat yang prihatin, bertanggungjawab, toleransi dan saling memahami antara satu dengan lain. Dengan keadaan masyarakat Malaysia yang begitu majmuk dari segi etnik, kaum, kebudayaan, fahaman dan amalan agama, perbezaan ekonomi dan sebagainya, masa hadapan Malaysia bergantung kepada wawasan dan gagasan masyarakat penyayang yang perlu dibina merentasi batasan-batasan tersebut. Integrasi sosial dan kaum juga akan lebih harmoni sekiranya konsep masyarakat penyayang dapat dijadikan landasan bagi membina masa depan negara. Unsur dan elemen masyarakat penyayang boleh mengukuhkan lagi hubungan kaum dan sekali gus memecahkan tembok perkauman yang menjadi penghalang kepada perpaduan serta interaksi budaya dan sosial di kalangan masyarakat Malaysia yang berpecah-belah.

Perasaan kebanggaan sebagai rakyat Malaysia dapat dipupuk melalui konsep masyarakat penyayang. Kerangka masyarakat penyayang boleh membina kekuatan psikologi dan moral masyarakat, di samping dapat menjadikan masyarakat kita lebih rasional, terbuka dan moden. Imej pemodenan dapat ditonjolkan dalam konsep penyayang yang melantasi batasan kaum dan budaya masyarakat Malaysia. Sikap ahli masyarakat "seperti enau dalam belukar" perlu dihakis melalui konsep masyarakat penyayang dan digantikan dengan konsep baru iaitu *love and care*. Perasaan baik sangka yang boleh menghapuskan sikap prejudis kaum serta kelas akan dapat mencorakkan satu masyarakat yang harmoni dan stabil.

Trend masyarakat Malaysia yang bahaya didalangi oleh batasan dan fahaman kaum yang hanya mementingkan kaum sendiri pada masa ini, perlu diubah supaya perkongsian gagasan hidup berasaskan masyarakat penyayang dapat meluaskan lagi hubungan sosial dalam masyarakat melangkaui tembok-tembok perkauman, agama dan kebudayaan. Masyarakat penyayang yang dibina perlu berasaskan kepada nilai-nilai murni dan nilai kemanusiaan sejagat. Selaras

dengan gagasan ini, konsep pembinaan "Bangsa Malaysia" perlu berasaskan kepada paradigma masyarakat penyayang.

Dalam konteks sosial, konsep masyarakat penyayang bertujuan meningkatkan lagi komitmen masyarakat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan tertentu terutama bagi menyelamatkan nyawa dan memberi dorongan baru kepada golongan yang menghadapi masalah kronik dan luar biasa seperti kes kembar siam dua beradik, kes menderma hati, kes menderma darah dan sebagainya yang memerlukan sumbangan tertentu daripada masyarakat. Tanpa bantuan dan sumbangan orang ramai, banyak kes bagi menyelamatkan nyawa dan kehidupan golongan tertentu tidak akan dapat dilakukan.

Perkembangan pelbagai masalah kesihatan dan perubatan yang kritikal dan kronik yang dihadapi oleh golongan tertentu memerlukan belanja dan pembiayaan yang tinggi. Bagi golongan yang tidak berkemampuan, harapan mereka bagi mengatasi masalah ini sudah tentulah amat tipis. Walau bagaimanapun golongan ini mungkin akan berpeluang membina kehidupan baru sekiranya konsep masyarakat penyayang dapat digerakkan ke arah meningkatkan komitmen orang ramai menyumbang dan membantu golongan berkenaan. Banyak kes penyakit kronik yang berlaku dalam masyarakat Malaysia pada masa ini dapat diatasi dengan meningkatnya komitmen dan berkat sumbangan yang diberi oleh orang ramai.

Konsep masyarakat penyayang boleh diperluaskan dalam bentuk pengemblengan usaha-usaha murni bagi membantu masyarakat atau golongan tertentu. Di peringkat antarabangsa, pelbagai aktiviti amal boleh dianjurkan oleh pihak tertentu bagi mendapatkan sumbangan dan bantuan masyarakat di negara ini sama ada dari segi kewangan, kebendaan atau kerja-kerja membantu mengurangkan tanggungan sesuatu masyarakat. Masyarakat yang dilanda perang umpamanya seperti yang berlaku di Bosnia, Palestin, Iraq, Afghanistan, Afrika Selatan, Mindanao dan sebagainya boleh dikurangkan penderitaan mereka melalui sumbangan yang dikumpulkan daripada pelbagai golongan masyarakat di negara ini. Dengan sumbangan yang diberikan, ia bukan sahaja dapat mengharumkan nama baik Malaysia tetapi dapat meningkatkan kesedaran dan keperihatinan masyarakat terhadap masalah dan isu masyarakat penyayang di peringkat antarabangsa atau di peringkat global.

Kejadian pelbagai malapetaka dan bencana yang mengorbankan nyawa dan harta benda serta kehilangan tempat kediaman, kemusnahan dan sebagainya memerlukan bantuan kemanusiaan diberi oleh masyarakat dunia yang prihatin terhadap apa yang berlaku ke atas masyarakat di negara lain. Konsep kemanusiaan sejagat perlu dipupuk di kalangan masyarakat Malaysia supaya masyarakat kita tahu menabur budi dan prihatin terhadap masalah yang menimpa masyarakat negara lain. Kejadian gempa bumi, tanah runtuh, letupan gunung berapi, banjir besar, perang dan masalah pelarian merupakan antara fenomena global yang memerlukan sokongan daripada masyarakat antarabangsa. Malaysia yang begitu komited terhadap hubungan dan nilai

kemanusiaan, perlu menggembelngkan semangat konsep masyarakat penyayang dalam konteks global.

Pertumbuhan organisasi kebajikan (*charity*), badan sukarelawan dan sebagainya merupakan satu reaksi positif masyarakat ke arah pembinaan masyarakat penyayang. Kegiatan kebajikan yang tidak berorientasikan kepada keuntungan dan perniagaan boleh menyemarakkan lagi pembinaan masyarakat penyayang. Langkah ini juga boleh mengurangkan pergantungan negara miskin dan negara mundur terhadap bantuan dari luar atau masyarakat negara lain. Membina masyarakat yang berwawasan berasaskan kepada konsep masyarakat penyayang perlu dipertingkatkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, berhemah dan progresif.

Kedinamikan konsep masyarakat penyayang boleh membawa Malaysia ke arah transformasi sosial dan budaya baru yang progresif. Asas-asas pembinaan masyarakat penyayang perlu dipupuk dalam segala aspek kehidupan, hubungan, tindakan, amalan dan dasar-dasar yang melibatkan kepentingan manusia dengan manusia serta hubungan manusia dengan alam sekitar yang lebih terbuka.

Konsep masyarakat penyayang terhadap alam sekitar memerlukan pengaplikasian sikap, nilai dan amalan masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar. Banyak kesan buruk yang timbul disebabkan ancaman alam sekitar membimbangkan kehidupan kita pada masa hadapan. Ini termasuklah kesan buruk yang mula dirasai akibat daripada pemusnahan tumbuhan dan hutan serta kawasan semula jadi yang berleluasa semata-mata untuk mengejar kemajuan dan kebendaan yang perlu dibayar oleh generasi akan datang dengan kos yang tinggi. Dengan berlandaskan konsep masyarakat penyayang, akan timbul rasa kecintaan manusia terhadap alam sekitar dan meningkatkan komitmen bagi melindungi alam sekitar. Kesan buruk seperti meningkatnya kadar bahangan dan suhu yang tinggi, pencemaran alam sekitar, penipisan lapisan ozon, kemarau, kekurangan sumber air bersih, kepupusan spesies-spesies yang berharga, perubahan ekologi dan ekosistem, kesemuanya ini memberi kesan yang amat buruk kepada kepentingan manusia dan alam sekitar pada masa akan datang.

Timbulnya kesedaran baru terhadap penjagaan alam sekitar adalah hasil daripada perkembangan konsep masyarakat penyayang. Konsep masyarakat penyayang merupakan satu norma dan nilai yang penting dikembangkan pada abad ini untuk menjamin kesejahteraan dan kestabilan ekologi, alam sekitar serta menyelamatkan bumi daripada ancaman pelbagai malapetaka dan bahaya. Sebagai sebuah negara yang sedang membina imej baru menjadi negara maju sepenuhnya, Malaysia perlu melangkah ke hadapan dalam merealisasikan pembinaan masyarakat penyayang yang mempunyai kepentingan amat luas dan dinamis bagi mencorakkan masa depan Malaysia yang lebih gemilang.



## Trend Perubahan Masyarakat Kosmopolitan

Perkembangan sejarah tamadun hidup manusia pada abad ke-21 akan dicorakkan oleh pengaruh dominan budaya kosmopolitan yang serba kompleks dari segi perubahan sosial, budaya, ekonomi dan politik. Budaya kosmopolitan yang berlaku mempunyai kaitan dengan pengaruh baru pada abad ini seperti globalisasi, perkembangan dunia tanpa sempadan, kebebasan maklumat yang didorong oleh kemajuan komunikasi teknologi maklumat (ICT), pengaruh ekonomi kapitalis dan perubahan struktur sosial, perkembangan ideologi individualistik dan rasionaliti, rombakan sistem negara bangsa, pemodenan, liberalisasi etnik, kaum dan budaya yang mencorakkan perkembangan masyarakat kosmopolitan. Perkembangan masyarakat kosmopolitan ini juga dipengaruhi oleh pelbagai ideologi baru yang berlaku pada abad ini.

Kosmopolitan merupakan satu konsep sosiologi terutama dalam bidang sosiologi imaginasi yang memberi tumpuan terhadap perubahan baru serta mengkaji trend masa kini bagi menentukan perkembangan masa depan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Beck (2001) mentakrifkan masyarakat kosmopolitan ialah masyarakat yang berhadapan dengan tiga krisis utama, iaitu krisis kosmos atau krisis keadaan, krisis "polis" atau krisis paradigma keadaan politik negara bangsa dan krisis rasionaliti atau kawalan. Masyarakat kosmopolitan juga menjadi mangsa kepada risiko rejim global.

Pengaruh globalisasi dan risiko global terutama terhadap ekonomi menyebabkan masyarakat Asia berhadapan dengan ancaman krisis ekonomi yang tidak menentu. Ia juga memberi kesan buruk kepada kejatuhan institusi ekonomi global seperti institusi kewangan, sektor korporat dan organisasi multinasional. Perubahan ekonomi global memberi kesan serius kepada masalah kemelesetan, pertumbuhan dan krisis ekonomi, kesejahteraan hidup masyarakat, peningkatan kadar pengangguran, kejatuhan kuasa beli dan

kegagalan bagi mengekalkan gaya hidup masyarakat kosmopolitan. Globalisasi juga memberi kesan buruk kepada masalah kemiskinan dan kemunduran yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

Budaya kosmopolitan merupakan budaya yang terbentuk disebabkan oleh pengaruh globalisasi dengan penularan pengaruh budaya luar, budaya barat atau budaya majmuk yang mencorakkan struktur, kedinamikan, pola integrasi dan aktiviti harian masyarakat kosmopolitan. Perkembangan budaya hidup masyarakat kosmopolitan boleh dinilai dari segi gaya hidup, nilai-nilai hidup, persaingan, individualisme, segragesi dan polarisasi budaya, pengaruh perubahan dan pergolakan kelas-kelas menengah dan golongan pekerja serta tuntutan baru berkaitan dengan konsep kewarganegaraan (*citizenship*) dan perubahan konsep negara bangsa. Pembentukan warga kosmopolitan mencerminkan satu perubahan dinamis dan progresif masyarakat dari segi kegiatan ekonomi, pekerjaan, kebebasan sosial dan budaya, pendidikan, pemodenan dan perubahan taraf hidup serta organisasi masyarakat yang bersifat *affluent society*. Masyarakat kosmopolitan juga mencerminkan ciri-ciri budayanya yang kompleks seperti *multiculturalisme*, individualisme, kepelbagaian (*diversity*), majmuk, modeniti, bersifat bandar (*urbanized*) dan dipengaruhi oleh ideologi *neoliberalisme*.

Kapitalisme ialah unsur dan pengaruh ideologi yang dominan mencorakkan perubahan masyarakat kosmopolitan. Dengan berkembangnya ekonomi kapitalis, maka perubahan ekonomi moden, sosial dan budaya baru berlaku dengan pantas dan meluas dalam masyarakat serta membawa masyarakat tersebut kepada pembentukan masyarakat kosmopolitan. Sistem kapitalis yang mendukung ideologi pemodenan dan materialisme serta ideologi baru seperti *neoliberalisme*, demokrasi dan liberalisasi memberi suatu kesan yang luas terhadap revolusi budaya dan pembaharuan politik yang akhirnya membawa kepada pembentukan masyarakat kosmopolitan. Pengaruh kapitalisme terhadap ekonomi, pekerjaan, perubahan kelas dan struktur sosial masyarakat kapitalis agak dominan dalam mencorakkan masyarakat kosmopolitan. Faktor ekonomi dan budaya politik yang dihasilkan oleh sistem kapitalisme juga berbeza dengan masyarakat *feudalis* dan masyarakat kolonialisme.

Modeniti membentuk masyarakat kosmopolitan lebih progresif dari segi pemikiran, budaya, amalan, kebebasan individu, tanggungjawab sosial dan sivik, kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang, kesedaran-kesedaran baru, penyebaran maklumat, kepentingan media massa, pertumbuhan NGO dan gerakan sosial, kemudahan awam dan perkembangan intelektual, politik serta budaya masyarakat kosmopolitan. Walaupun masyarakat kosmopolitan begitu kompleks, namun mereka lebih terbuka kepada dunia luar disebabkan kemajuan yang dicapai dalam bidang komunikasi teknologi maklumat yang tinggi. Pemodenan bukan sahaja berlaku dari segi kemajuan kebendaan tetapi juga dari segi pemikiran dan budaya hidup. Kemajuan telekomunikasi dan

maklumat yang melibatkan penggunaan Internet, komputer, penghantaran maklumat melalui faksimili dan sebagainya merupakan satu ciri masyarakat kosmopolitan.

Masyarakat kosmopolitan ialah masyarakat yang terbentuk dalam arus perubahan budaya dan perubahan politik negara bangsa yang berlaku dalam konteks globalisasi, informasi teknologi maklumat dan perubahan paradigma politik negara bangsa. Masyarakat kosmopolitan meminggirkan masyarakat feudal dan masyarakat *poskolonialisme* daripada arus perubahan dan pemodenan. Konflik sosial dan budaya memberi kesan penting kepada sosio-politik negara bangsa. Masalah ketidakseimbangan yang masih wujud akan meninggalkan jurang antara masyarakat yang mewah atau *affluent society* dengan masyarakat pinggir dalam perangkap kemiskinan dan kemunduran. Walau bagaimanapun, pengaruh kapitalisme dan budaya kebendaan akan tersebar meluas di kanca-kanca kemiskinan dan kemunduran masyarakat terpinggir.

Budaya masyarakat kosmopolitan terbentuk disebabkan perubahan besar yang berlaku dari segi rombakan struktur sosial masyarakat, khususnya dari segi perubahan kelas dan transformasi sosial budaya progresif di mana kemewahan kebendaan dan pengaruh ideologi neoliberalisme dalam ekonomi dan dalam segala aspek kehidupan mempengaruhi dan mendasari ciri-ciri dominan perubahan budaya hidup masyarakat tersebut. Perubahan dasar sosial dan anjakan paradigma negara bangsa juga memberi kesan positif kepada kemunculan masyarakat kosmopolitan. Perubahan daripada masyarakat sivil kepada masyarakat madani dan seterusnya kepada *affluent society* merupakan satu proses budaya dan politik berterusan yang dialami dalam pembentukan masyarakat kosmopolitan. Unsur pemodenan yang tinggi (*modernity*) dalam masyarakat kosmopolitan mencerminkan suatu perubahan tamadun baru dalam kehidupan pada abad ke-21.

Nasionalisme baru juga mencorakkan perubahan negara bangsa dan perkembangan masyarakat kosmopolitan. Konsep kewarganegaraan tidak lagi terikat kepada faktor-faktor seperti peribumi atau batasan kenegaraan. Pengaruh perubahan global yang berlaku terutama disebabkan migrasi antarabangsa dan migrasi global serta konsep kenegaraan global tentunya akan menggugat dan memecahkan tembok-tembok nasionalisme negara bangsa. *Neoliberalisme* memberi ruang yang lebih terbuka kepada warga asing diterima sebagai warganegara kepada negara baru yang menjadi destinasi yang mencorakkan perkembangan masyarakat kosmopolitan. Masyarakat kosmopolitan pada umumnya bersifat rencam dan pelbagai dari segi bangsa, agama, nasionaliti dan kenegaraan. Ini merupakan satu hakikat dan trend perubahan masyarakat kosmopolitan pada abad ke-21. Mempertahankan konsep negara bangsa (*nation-state*) dan menerima ciptaan konsep kenegaraan global akan menimbulkan krisis dalam masyarakat kosmopolitan.

Krisis identiti masyarakat kosmopolitan disebabkan oleh perubahan nilai kemanusiaan dan nilai budaya. Nilai modenisasi yang kuat dalam arus perubahan kehidupan masyarakat kosmopolitan lebih menekankan kepada

kepentingan nilai peribadi, individualistik, survival dan nilai baru yang bercanggah dengan nilai-nilai budaya tradisi. Keadaan masyarakat yang rencam juga menimbulkan krisis identiti dari segi latar belakang etnik, agama dan budaya. Budaya kekitaan, budaya kejiranan dan budaya kesukarelawan sukar diwujudkan dalam masyarakat yang mempunyai wawasan dan hala tuju yang berbeza. Pencapaian wawasan kebangsaan dan kenegaraan merupakan satu masalah fundamental dalam menyatupadukan serta membentuk integrasi sosial dan budaya dalam masyarakat kosmopolitan.

Masyarakat kosmopolitan merupakan masyarakat yang sibuk dan terikat dengan pelbagai tugas serta aktiviti harian yang menjadikan pengurusan masa yang cekap, berkesan dan berkualiti amat penting dalam kehidupan. Orientasi terhadap penggunaan masa senggang (*leisure*) masyarakat kosmopolitan terutama di hujung minggu atau di waktu cuti adalah bersifat mencapai kepuasan diri, mengurangkan tekanan (*pressure*), meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, membeli-belah (*shopping*), bersukan, ke kelab-kelab hiburan, melancong dan aktiviti yang dapat mengurangkan krisis dan masalah kesibukan. Hubungan keluarga ditentukan oleh batasan waktu kerana kesibukan kedua ibu bapa dan percaturan waktu belajar serta aktiviti lain untuk anak-anak. Oleh sebab itu, institusi sosial formal untuk mengembangkan kemahiran sosial, budaya dan kemasyarakatan didirikan bagi memenuhi kehendak masyarakat.

Tekanan hidup yang disebabkan kenaikan harga barangan keperluan, meningkatkan bayaran pelbagai perkhidmatan, pembiayaan pendidikan, dana kesihatan, meningkatnya pelbagai jenis cukai pengguna dan sebagainya menyebabkan masyarakat kosmopolitan perlu merancang kewangan, masa dan kehidupan mereka bukan sahaja sebagai suatu *routine* tetapi juga untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan cabaran-cabaran budaya kosmopolitan. Kadar sewa rumah yang tinggi dan meningkatnya pelbagai kos sara hidup dalam masyarakat kosmopolitan memberi kesan dan tekanan psikologi terutama kepada golongan kelas bawah, golongan tua dan golongan yang menganggur atau hilang kerja. Oleh sebab itu, masyarakat kosmopolitan perlu meningkatkan peranan agensi bantuan sosial dan kebajikan bagi menangani masalah dan krisis hidup budaya kosmopolitan.

Masyarakat kosmopolitan yang terbentuk di bandar-bandar besar di dunia melakukan pelbagai urusan seperti, perniagaan, usahawan, pengurus dana dan korporat, golongan profesional dan pengurusan, golongan birokrat, menawarkan pelbagai perkhidmatan dan sebagainya. Perubahan struktur kelas dan pekerjaan dalam masyarakat kosmopolitan yang dinamik dan progresif menyebabkan masyarakat ini mempunyai pengaruh ekonomi yang kuat dalam menggerakkan kemajuan ekonomi, perkhidmatan, profesional dan pembentukan masyarakat mewah (*affluent society*).

Kemajuan dan kemudahan infrastruktur moden seperti telekomunikasi, lebuh raya dan jalan raya yang baik, perkhidmatan pengangkutan, kemudahan kesihatan, pendidikan, pusat membeli-belah, pasar raya, perkembangan bandar

dan perkembangan petempatan moden, kemajuan ICT, kemajuan teknologi, pengurusan awam dan perubahan masyarakat berpendidikan dan bertamadun tinggi merupakan satu perubahan kepada perkembangan masyarakat kosmopolitan. Pengaruh politik yang berasaskan kepada negara bangsa (*nation state*) yang memberi peluang kepada masyarakat mempengaruhi sesuatu keputusan dan dasar yang perlu dibuat merupakan satu ciri penting pembinaan negara dan masyarakat kosmopolitan.

## BAHAGIAN

# IV

## Cabaran dan Dilema Melayu

...the most common form of elder abuse is financial abuse, which involves the misuse of an elderly person's assets. This can include the theft of money, the unauthorized use of credit cards, or the manipulation of wills and trusts. Other forms of abuse include physical, sexual, and psychological abuse. The consequences of elder abuse can be severe, leading to physical injury, emotional distress, and financial ruin. It is important for society to recognize and address this problem through education, legislation, and support services for victims.



---

## Bab 18

---

# Relevankah Melayu pada Alaf Baru?

Kemerdekaan mempunyai erti yang amat besar kepada pemimpin dan rakyat di negara membangun kerana banyak pengajaran sejarah yang boleh ditimba untuk mendapatkan iktibar dan menyorot semula perjuangan serta pengorbanan yang berlaku ketika negara berada di bawah belenggu penjajahan. Warisan penjajahan masih relevan bagi menyingkap perjuangan masa lampau dan perjuangan yang dilakukan selepas merdeka ke arah membina kekuatan masa depan bangsa dan negara Malaysia yang bebas, maju dan berdaulat.

Kemerdekaan yang dicapai memberi kekuatan baru kepada Malaysia untuk melihat ke hadapan dan merangka perubahan yang menjanjikan zaman gemilang bagi kebangkitan bangsa Melayu sebagai bangsa yang berhemah, berdaulat dan berwibawa memimpin negara ke mercu kejayaan. Kemerdekaan tidak akan bermakna sekiranya soal membina bangsa Melayu diabaikan dan tidak dijadikan matlamat utama dalam segala usaha bagi membangunkan negara. Pemimpin Melayu yang hanyut dengan impian dan legenda pembangunannya, tetapi gagal melaksanakan agenda mendaulatkan bangsa Melayu adalah musuh bangsanya sendiri dan pemimpin seperti ini akan dikutuk oleh seluruh generasi Melayu yang menaruh seribu harapan kepada kepimpinan tersebut.

Usaha mendaulatkan kewibawaan dan kekuatan bangsa Melayu tidak boleh dipandang ringan dan remeh kerana persaingan yang dihadapi oleh bangsa Melayu selepas merdeka semakin sengit dan mencabar. Pencapaian bangsa Melayu dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi, modal, aset, kepakaran dan pendidikan masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Kegagalan pemimpin Melayu mempertahankan hak istimewa orang Melayu, terutama tanah simpanan Melayu, biasiswa dan bantuan kewangan pendidikan untuk anak Melayu, lesen dan permit perniagaan serta penyusunan Melayu



dalam ekonomi perusahaan dan peningkatan kuota Melayu dalam segala bidang pengagihan kekayaan negara, menunjukkan bahawa perjuangan Melayu menuju ke alaf baru semakin membimbangkan dan mengancam nasib bangsa Melayu. Segala dasar liberal dan bebas yang dilakukan kebelakangan ini turut merombak dan memusnahkan kepentingan perjuangan bangsa Melayu pada dekad yang akan datang. Dengan kelemahan ini timbul persoalan adakah Melayu relevan menjelang abad ke-21?

Kehilangan hala tuju dan matlamat dalam perjuangan banyak memberi kesan buruk terhadap agenda perjuangan dan pembinaan bangsa Melayu. Selepas mengambil kepimpinan daripada Tunku Abdul Rahman al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein memulakan agenda pembangunan bangsa atas landasan mendaulatkan bangsa Melayu walaupun menghadapi pelbagai tentangan dan cabaran daripada bukan Melayu. Tun Abdul Razak menyedari dan prihatin bahawa bangsa Melayu akan terus terhimpit dan ketinggalan sekiranya agenda perjuangan Melayu tidak dijadikan landasan dan tonggak perjuangan politik negara selepas merdeka. Perginya Tun Abdul Razak sebagai patriot bangsa merupakan kehilangan besar kepada umat Melayu di negara ini. Tun Abdul Razak meletakkan moral bangsa Melayu di tahap yang paling tinggi, berdaulat dan disegani. Tidak ada kompromi tentang usaha mendaulatkan agenda perjuangan Melayu kerana hal itu perlu dilaksanakan sebagai amanah dan wawasan penting dalam membina masa depan negara. Namun, asas perjuangan agenda Melayu yang diperjuangkan oleh Tun Abdul Razak semakin hanyut dan terpinggir dalam arus perubahan dan kemajuan liberal. Dengan semangat kesetiaan yang tinggi orang Melayu kepada pemimpin dan negara, mereka menolak kepentingan bangsa Melayu dan terus berkorban memberi sokongan padu kepada pemimpin yang dikira akan membawa Melayu ke mercu kejayaan.

Sebahagian besar bangsa Melayu belum lagi mempunyai semangat dan jiwa yang merdeka. Pemikiran dan komitmen untuk mengatur perjuangan yang lebih bermakna bagi mendaulatkan kedudukan bangsa Melayu dalam segala bidang sering kali tidak kesampaian. Dengan pengaruh kebendaan dan kesenangan yang dikecapi, Melayu sering hilang haluan dan pedoman. Penyatuan Melayu masih tidak wujud bagi membina kekuatan dan pembangunan orang Melayu, sama ada dalam bidang politik, ekonomi ataupun sosial. Bangsa Melayu cepat mengalah, mudah terpedaya dan kurang semangat kental untuk meneruskan perjuangan yang penting dalam mencorakkan pembangunan dan kekuatan bangsa mereka.

Kurangnya kekuatan intelektual di kalangan masyarakat Melayu melemahkan arah dan hala tuju perjuangan Melayu dalam tempoh satu dekad yang akan datang. Terlampau bergantung kepada politik dan kurang platform lain yang lebih dinamik bagi mencorakkan tuntutan dan perjuangan Melayu juga menyebabkan pengaruh dan kekuatan Melayu dalam bidang lain begitu lemah serta menjadikan Melayu tidak mampu mencorakkan perubahan yang lebih jelas dalam banyak perubahan yang berlaku.

Wawasan pembangunan negara harus bertunjangan perjuangan masa depan bangsa Melayu. Kemajuan dan kemakmuran yang diwujudkan di negara ini perlu memberi ruang yang lebih luas untuk meletakkan Melayu pada kekuasaan dan kedudukannya yang lebih dihormati dan disegani. Sebarang tindakan mengutuk kelemahan Melayu tanpa melakukan sebarang langkah positif bagi mengatasi kelemahan bangsa Melayu bukanlah tindakan yang bijak.

Kemerdekaan merupakan perjuangan jangka panjang bagi merealisasikan agenda pembangunan dan kedaulatan bangsa Melayu. Kealpaan dan komitmen yang rendah di kalangan pemimpin Melayu dan bangsa Melayu keseluruhannya akan membawa akibat yang buruk. Bangsa Melayu harus merdeka di negara sendiri untuk melakukan perubahan dan kemajuan. Komitmen politik Melayu bagi menangani pelbagai masalah dan agenda mendaulatkan kedudukan bangsa Melayu menjelang abad ke-21 cukup mencabar. Menyalahkan orang Melayu bukannya penyelesaian yang bijak jika hak dan mendaulatkan bangsa Melayu tidak dapat dilaksanakan oleh pemimpin politik Melayu hari ini. Bibit perpecahan di kalangan orang Melayu menunjukkan bahawa perjuangan orang Melayu masih berada di persimpangan dan tidak mempunyai matlamat dan wawasan yang jitu.

Dengan perkembangan pelbagai dasar perubahan, perjuangan bangsa Melayu perlu dimantapkan lagi. Sosialisasi politik dan kesedaran kebangsaan bagi menonjolkan kedaulatan Malaysia dan bangsa Melayu perlu dijadikan wadah perjuangan politik Melayu. Perkongsian dan pengkompromian yang dilakukan oleh golongan politik Melayu dengan bukan Melayu perlu dimanfaatkan bagi menguatkan kedudukan, imej, identiti dan wadah orang Melayu.

Kemerdekaan dan pembangunan yang berlaku tidak akan bermakna sekiranya usaha mendaulatkan kedudukan bangsa Melayu tidak menjadi matlamat penting perjuangan di kalangan pemimpin Melayu itu sendiri. Generasi muda Melayu sudah tentu akan berasa kecewa dengan sikap generasi terdahulu yang tidak mampu meletakkan asas perjuangan bangsa yang baik untuk diteruskan oleh mereka pada masa depan. Sebarang usaha bagi menghakis hak dan kepentingan Melayu dianggap sebagai pengkhianatan kepada generasi Melayu yang akan datang.

Malaysia memasuki alaf baru abad ke-21 dengan pelbagai perkembangan yang dinamik. Perjuangan bagi menjadikan bangsa Melayu pewaris perjuangan negara masa depan memerlukan kekuatan psikologi, politik, teknologi, ekonomi, etika dan moral di kalangan masyarakat Melayu. Melayu perlu menjadi bangsa yang berjiwa besar dan bersemangat kental, berwawasan jauh, kuat peribadinya dan moralnya, kuat semangat kemelayuannya, kuat amalnya dan akidah keislamannya serta kuat daya juangnya dan semangat perjuangannya. Orang Melayu perlu menerajui perkembangan masyarakat siber serta masyarakat sains dan teknologi. Bersifat liberal tidak bermakna Melayu harus mengorbankan prinsip dan asas perjuangan mendaulatkan kedudukan bangsa Melayu.

Sememangnya perjuangan bagi membangunkan bangsa Melayu masih belum tercapai sepenuhnya seperti yang diakui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Persoalannya, adakah pembangunan yang dicadang dan dibina selama ini banyak memberi faedah dan dapat menguatkan kedudukan bangsa Melayu? Adakah dasar, matlamat dan asas menguatkan kedudukan bangsa Melayu dalam segala bidang diutamakan bagi menghadapi perubahan alaf baru iaitu zaman reformasi siber dan zaman liberalisasi sosial, ekonomi dan politik yang dikira penuh dengan cabaran kepada perjuangan Melayu? Pendek kata, sejauh manakah Melayu akan terus relevan menjelang perubahan alaf baru pada abad ke-21.

---

## Bab 19

---

# Tahayul dan Misteri dalam Pemodenan Minda Melayu

Pemodenan minda masyarakat Melayu banyak bergantung pada usaha yang membina dan positif bagi membangunkan dan merevolusikan pemikiran, kepercayaan dan penerimaan nilai moden. Pemodenan minda Melayu perlu dilakukan bagi membolehkan masyarakat Melayu mencapai perubahan, kemajuan dan keluar daripada kepompong kemunduran, kekalutan, kejumudan, kejahilan dan kebekuan. Melayu moden ialah Melayu yang mempunyai pandangan futuristik, saintifik, logik, optimistik, fikiran terbuka, analitikal, kreatif dan kritikal. Melayu perlu bangun menjadi bangsa moden yang mampu membina kekuatan diri, minda dan semangat, serta mempunyai kesedaran, motivasi dan inspirasi, mempunyai semangat juang dan yang lebih penting mendukung idealisme reformasi untuk mencapai kemajuan dan perubahan. Dengan perkataan lain, Melayu mesti cerdik, bijak, pandai dan berhemah tinggi dalam membuat penilaian, keputusan, perhitungan, menyelesaikan masalah dan merancang untuk kejayaan. Pemodenan minda perlu mendasari pembentukan imej dan identiti baru bangsa Melayu.

Za'ba banyak mengungkap kelemahan minda bangsa Melayu dan menggesa supaya bangsa Melayu melakukan reformasi pemikiran sebagai asas untuk mencapai perubahan dan kemajuan. Za'ba menekankan pentingnya pelajaran untuk membina kekuatan minda dan intelektual orang Melayu. Tokoh Melayu yang lain seperti Abdullah Munshi, mengkritik kelemahan dan kemunduran bangsa Melayu kerana kelemahan minda, sikap dan budaya Melayu itu sendiri yang kurang meniupkan perubahan dan intelektual. Menurut Profesor Ungku Aziz, kemunduran minda bangsa Melayu berlaku kerana orang Melayu malas berfikir, kurang minat terhadap perkara bersifat intelektual dan berpuas hati dengan keadaan serta perubahan yang berlaku. Peranan dan penglibatan orang Melayu dalam mencorakkan perubahan pada umumnya berlaku pada tahap yang rendah. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberikan

pandangannya yang kritikal pada zaman selepas merdeka dalam bukunya *Dilema Melayu* kerana sifat bergantung orang Melayu terhadap bantuan, subsidi, kurang daya usaha, kurang semangat berdikari serta tidak kreatif dan inovatif.

Tahayul dan misteri merupakan unsur yang masih lagi mendominasi budaya dan minda masyarakat Melayu. Hal itulah yang menjadi penghalang pemodenan minda masyarakat Melayu. Walaupun pemodenan berlaku dengan meluas dalam kehidupan masyarakat Melayu, namun unsur dan pengaruh tahayul serta misteri menimbulkan dilema, krisis dan konflik dalam perkembangan minda masyarakat Melayu. Pemodenan minda masyarakat Melayu masih bergelut dan kuat dibelenggu oleh pengaruh tahayul dan misteri yang mendasari imej budaya bangsa Melayu. Aspek budaya yang mencorakkan perkembangan minda Melayu seperti falsafah sosial dan budaya Melayu, literasi, kesusasteraan dan sains, nilai tradisi hidup bangsa Melayu, pegangan, fahaman, kepercayaan, persepsi dan sikap walaupun banyak mengalami perubahan yang dinamik, tetapi dalam keadaan tertentu, budaya tradisi konservatif Melayu didapati masih kuat mengongkangi paradigma perubahan budaya Melayu terhadap perkembangan pascamodenisme yang seharusnya merombak tembok halangan revolusi minda, fahaman dan pemikiran Melayu. Pengaruh tahayul dan misteri yang masih berakar umbi dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Melayu pada umumnya turut mempengaruhi psikologi seperti takut, bimbang dan rasa bersalah yang membelenggu minda masyarakat Melayu. Revolusi mental dan revolusi budaya masih lagi kurang memberi kesan yang mendalam dan meluas terhadap pemodenan minda bangsa Melayu. Dengan perkataan lain, minda Melayu masih lagi tidak bebas daripada belenggu khayalan, tahayul, misteri, dongengan, mitos, legenda dan dogma budaya yang mempengaruhi ideologi pemikiran serta mengongkong pemodenan minda bangsa Melayu.

Dari aspek sejarah dan evolusi budaya, semua masyarakat di dunia mempunyai tradisi tahayul dan misteri yang tersendiri. Dalam sesetengah keadaan, ada persamaan antara satu budaya dengan budaya yang lain tentang kepercayaan tahayul dan misteri. Tradisi kepercayaan diturunkan dari generasi ke generasi dan ada kalanya melibatkan amalan pemujaan bagi mengelakkan bencana buruk berlaku terhadap sesuatu puak atau kelompok masyarakat. Berlakunya banyak bencana dan perkara buruk menyebabkan kepercayaan terhadap tahayul dan misteri amat sukar ditolak dan dihapuskan kerana merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat tersebut.

Misteri ialah kejadian pelik, aneh, luar biasa dan menakutkan yang pernah berlaku serta dialami oleh sesuatu masyarakat sehingga menjadi ingatan yang sukar dilupakan. Tahayul dan misteri telah lama wujud dalam masyarakat tradisional kerana sebahagian daripada pengalaman yang dialami oleh masyarakat tersebut masih terikat dengan pelbagai pengaruh alam sekitar serta kejadian luar biasa. Perkara pelik yang mengancam, menakutkan dan menimbulkan kebimbangan terpaksa dihadapi oleh manusia sebagai rakaman pengalaman sejak zaman purba sehinggalah manusia mula membina tamadun baru yang menggunakan akal fikiran, teknologi, daya usaha, kebolehan

mengawal pengaruh alam, sumber, kekuatan akal fikiran, kekentalan semangat juang dan ketabahan serta perasaan manusia berjuang menentang dan menguasai pengaruh alam.

Sekurang-kurangnya terdapat dua aliran pandangan ahli sarjana dalam bidang sejarah persekitaran tentang kesan kejadian alam sekitar dan pengaruhnya terhadap tamadun manusia, khususnya menyentuh hal berkaitan tahayul dan misteri. Aliran pemikiran *environmentalise* iaitu penyerahan manusia terhadap alam dan peristiwa yang berlaku, menguatkan hujah bahawa pengaruh alam dan kepercayaan terhadap kuasa *supernatural* adalah perkara yang tidak dapat dielakkan serta perlu diterima oleh manusia. Fahaman ini mencorakkan perkembangan budaya dan minda manusia yang kuat dibelenggu oleh fahaman karut, tidak berasas, tidak logik dan bersifat menyerah kepada takdir. Fahaman ini menyebabkan hal seperti tahayul dan misteri menguasai kehidupan serta pemikiran manusia.

Fahaman fikiran *positivisme* pula menyangkal pengaruh ini dan mempertahankan manusia sebagai makhluk yang mempunyai kekuatan akal fikiran yang dapat mengatasi, mengawal dan menolak pengaruh alam sekitar. Dengan membuktikan kemampuan manusia dari segi teknologi, pengurusan dan pemikiran saintifik, maka fahaman pemikiran *positivisme* menolak fahaman *environmentalise* terhadap pengaruh negatif alam sekitar seperti tahayul dan misteri. Manusia akan berada dalam keadaan takut, bimbang dan tidak akan dapat mengubah pengaruh buruk ke atas kehidupan dan pemikiran mereka selagi mereka tidak berfikir secara positif dan menolak perkara berbentuk tahayul dan misteri.

Tahayul ialah perkara buruk dan karut yang dapat mempengaruhi pemikiran, kepercayaan serta amalan karut yang dilakukan oleh masyarakat. Memang sukar sama sekali untuk menolak kepercayaan manusia terhadap tahayul dan misteri sebagai sesuatu yang karut dan tidak benar sama sekali. Tahayul dan misteri merupakan peristiwa pelik, aneh dan di luar kemampuan manusia untuk menelakkannya dan mengelakkannya. Banyak perkara pelik, aneh dan luar biasa yang sukar dipercayai dan diterima oleh akal fikiran dilaporkan berlaku dalam sesuatu masyarakat. Hubungan kehidupan manusia dengan makhluk lain dan hubungan manusia dengan pelbagai kejadian alam semesta serta perkembangan pelbagai fenomena luar biasa menjadi misteri yang sukar diberi jawapan tepat. Ahli sains, astronomi dan peramal nasib tidak dapat menafikan misteri sebagai kejadian yang mempunyai pertalian dengan kuasa luar biasa yang sukar dikesan untuk mendapatkan jawapannya. Oleh sebab itu, misteri hanya tinggal misteri.

Ahli sains fiksi yang kreatif dan suka akan perkara yang bersifat misteri cuba membuat penerokaan minda bagi mengkonseptualisasikan sesuatu perkara pelik yang diramalkan akan berlaku. Banyak cerita fiksi yang bersifat misteri dirakamkan dalam bentuk filem, video, multimedia dan bahan bacaan serta mendapat sambutan yang menggalakkan dan memberi keuntungan besar kepada pengusaha yang mempopuler dan mempromosikan cerita misteri. Dari satu segi, cerita misteri dapat merangsang perkembangan minda manusia

terhadap dunia misteri yang merupakan sebahagian daripada kekuatan penerokaan imaginasi pengaruh otak manusia.

Masyarakat moden percaya bahawa misteri ialah kejadian aneh yang boleh berlaku dalam dunia moden yang semakin kompleks. Kemajuan teknologi, reka cipta, bioteknologi, sains, penyelidikan perubatan, perubahan alam sekitar, hutan, laut, belantara, penggunaan pelbagai dadah, pengklonan manusia dan haiwan atau makhluk lain hukum alam, kuasa ghaib dan kejadian luar biasa yang dapat menimbulkan pelbagai misteri memberi kesan buruk terhadap kehidupan manusia.

Pengaruh tahayul dan misteri dalam masyarakat Melayu seringkali bersifat negatif kerana menjadi penghalang pemodenan minda yang mengongkang perubahan dan kemajuan masyarakat Melayu. Kedua-dua pengaruh ini amat sukar dihapuskan selagi orang Melayu tidak mahu menolak kepercayaan karut yang masih membelenggu kehidupan mereka. Kurangnya pengaruh unsur sains dan teknologi moden yang mencorakkan pemikiran dan budaya hidup masyarakat Melayu dapat dianggap sebagai penyebab pengaruh tahayul dan misteri masih kekal dalam kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, budaya dan kehidupan masyarakat Melayu masih kuat dipengaruhi oleh institusi bomoh, dukun, pawang dan nujum yang mempunyai pertalian rapat dengan tahayul dan misteri. Institusi perubatan tradisional yang menggunakan kuasa luar biasa, jampi serapah, jin dan hantu yang masih meluas di kalangan masyarakat Melayu memberi kesan negatif terhadap pemikiran orang Melayu. Walaupun kepercayaan terhadap tahayul dan amalan bersifat tahayul itu bercanggah dengan Islam, namun tradisi budaya yang sudah sebatani dan tidak dapat dikikis oleh masyarakat Melayu itu menyebabkan pemodenan budaya serta minda di kalangan masyarakat Melayu tidak berlaku dengan berkesan. Taraf pendidikan yang masih rendah dan kurangnya pengaruh modenisasi barat ke atas perkembangan minda bangsa Melayu serta kepercayaan karut yang melanda budaya hidup orang Melayu, terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar, menyebabkan kemunduran masih mencengkam kehidupan serta perkembangan minda bersifat tahayul dan misteri dapat melemahkan pemikiran bangsa Melayu walaupun bangsa Melayu telah memasuki *pasca-modernisme*.

Bagi membolehkan masyarakat Melayu memasuki arus perubahan *pasca-modernisme*, orang Melayu perlu menyesuaikan minda dan kehidupan mereka dengan tuntutan perubahan yang mementingkan rasionalisme dan empirisme, iaitu kekuatan pemikiran dalam konteks kekuatan peribadi, gaya hidup, nilai, pengetahuan (ekonomi dan politik), konsumerisme, kesedaran sosial, moral dan penghayatan falsafah budaya hidup yang mementingkan intelektual. Wacana hidup moden bergantung pada pemodenan minda manusia yang mampu bangun dan berjuang untuk menegakkan idealisme serta falsafah hidup yang membina dan optimistik yang menyumbang kepada perubahan, kemajuan dan merealisasikan cita-cita perjuangan bangsa.

Pengaruh tahayul dan misteri yang disogokkan kepada masyarakat Melayu melalui bahan bacaan kebelakangan ini merupakan proses yang melemahkan wacana dan wawasan budaya pembinaan minda bangsa Melayu. Hasil kesusasteraan Melayu yang bermutu rendah, kurang mempunyai nilai intelektual, tidak mampu mengubah pemikiran dan membangunkan minda bangsa Melayu, tidak mempunyai kekuatan wawasan dan intelektual yang disogokkan kepada pelajar sekolah serta dibaca oleh masyarakat umum, menjadikan bangsa Melayu lemah, tidak kreatif, tidak kritikal, kurang analitikal, tidak mempunyai kesedaran dan wawasan perjuangan yang baik serta tidak berdaya maju untuk menghadapi perubahan dan cabaran. Kesusasteraan Melayu tidak mampu membanteras kejahatan dan kemunduran minda, budaya dan nilai buruk bangsa Melayu. Ketandusan unsur-unsur menilai diri, mengkritik kelemahan dan membahaskan kepincangan budaya bangsa Melayu melalui kesusasteraan menyebabkan kesusasteraan Melayu tidak membawa perubahan yang diharapkan oleh generasi muda Melayu. Kesusasteraan yang menonjolkan tahayul dan misteri melemahkan pemikiran bangsa Melayu, ibarat racun yang membunuh jiwa dan semangat bangsa Melayu yang sudah pun lemah serta tidak mendapat pedoman dan iktibar untuk membina kekuatan minda dan kekuatan intelektual. Walaupun unsur bacaan bersifat tahayul dan misteri yang menguasai dunia sosial dan intelektual anak muda dapat dikira sebagai hiburan, tetapi pengaruh negatif yang begitu kuat akan membantutkan usaha memodenkan minda generasi muda yang memerlukan paradigma baru perkembangan dan pemodenan minda. Maka, hal ini perlu dinilai semula. Kempen memerangi tahayul dan misteri perlu dilipatgandakan supaya ancaman pengaruh tahayul dan misteri dapat dikurangkan demi kebaikan serta perubahan yang perlu berlaku pada minda bangsa Melayu. Bangsa yang mempunyai moral hidup yang rendah masih kuat dirasuk oleh pengaruh tahayul dan misteri yang membelenggu minda serta menjadikan sesuatu bangsa itu berfikiran jumud, tidak bebas berfikir secara rasional, logik dan objektif untuk mencapai perubahan dan kemajuan.

Pemodenan minda Melayu merupakan satu agenda yang perlu diberi perhatian, khususnya melalui pendidikan berdaya maju yang mampu mengubah daya fikir serta dapat mengangkat martabat bangsa Melayu. Reformasi dan pembangunan minda Melayu yang lebih dinamik dan moden perlu diberi perspektif baru. Membangunkan minda sesuatu bangsa adalah tugas yang perlu dipikul oleh semua pihak, khususnya golongan intelektual dan ilmuwan. Bangsa Melayu perlu sentiasa disedarkan supaya mengubah pemikiran selaras dengan perubahan pesat yang berlaku di luar kepompong budaya hidup mereka. Perkembangan budaya baru seperti globalisasi, dunia tanpa sempadan, "e-pengetahuan", teknologi maklumat dan dunia siber, memerlukan bangsa Melayu supaya bersedia mengubah paradigma pemikiran bagi menghadapi arus perubahan serta kemajuan yang semakin canggih dan kompleks.



## Emosi Melayu: Agenda dan Krisis Diri

Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya pada awal bulan Julai 2003 telah menganjurkan satu seminar antarabangsa bertemakan "Emosi Melayu". Ini merupakan satu persidangan yang bertujuan membicarakan dan menyelami perkembangan orang Melayu yang menyentuh bukan sahaja aspek psikologi, pemikiran dan budaya yang mencorakkan kualiti Melayu dan kekuatan bangsa Melayu tetapi juga menganalisis kelemahan orang Melayu disebabkan perkembangan faktor emosi bangsa Melayu itu sendiri. Sebarang usaha membandingkan kelemahan faktor emosi satu kaum dengan kaum lain boleh menyebabkan pembicaraan dan pandangan yang dilontarkan bersifat *stereotype* dan *etnocentrism* yang bias dan mempunyai banyak kelemahan di pihak pengkaji. Kecenderungan bagi mencari kelemahan sesuatu bangsa walaupun amat penting bagi memperbaiki kelemahan orang Melayu disebabkan faktor emosi, tetapi ia tidak harus dijadikan satu generalisasi tentang ciri dan sifat-sifat keburukan yang dikaitkan dengan bangsa Melayu.

Emosi ialah perkembangan psikologi dan personaliti yang dinamik dalam mencorakkan perkembangan personal dan membina kekuatan-kekuatan lain dalam diri serta membina ciri-ciri ketrampilan sesuatu bangsa. Emosi seperti juga akal, kecerdasan dan kematangan, biasanya berkembang dan membentuk seseorang atau sesuatu bangsa itu menjadi lebih berwibawa dalam mengatasi pelbagai tekanan dan cabaran. Faktor-faktor seperti pendidikan, pengalaman, pembelajaran, kematangan dan kebolehan mengawal emosi sangat penting dalam mencorakkan kekuatan serta pengaruh bangsa Melayu pada abad ke-21 yang bersifat kompetitif dan memerlukan bangsa Melayu menjadi lebih rasional serta dapat mengawal emosi dalam menghadapi atau menangani pelbagai cabaran dan tekanan baru. Faktor emosi semata-mata tidak akan membantu bangsa Melayu mencapai sesuatu matlamat dan menentukan mereka akan berjaya. Malahan faktor emosi sahaja boleh menyebabkan satu

bangsa itu mendedahkan diri mereka kepada pelbagai kelemahan, kepincangan dan kejahilan.

Pandangan negatif terhadap orang Melayu yang sering dilontarkan oleh pihak-pihak tertentu dalam generalisasi yang dibuat selalunya melihat faktor emosi sebagai satu sifat kelemahan bangsa Melayu. Dalam hal ini, orang Melayu sering kali dilabelkan sebagai bangsa yang beremosi seperti tidak dapat mengawal perasaan, emosi tidak stabil, pemaarah, pembengis, bertindak mem-babi buta, kurang rasional dalam sesuatu tindakan yang dilakukan, sering kali menimbulkan masalah, tidak dapat menghadapi tekanan, cepat bosan, kurang jati diri dan ketahanan emosi, tidak konsisten dari segi tindakan, amalan dan pendirian, mudah terpengaruh serta tidak dapat menyimpan rahsia dan janji dengan baik. Walau bagaimanapun, generalisasi seperti ini tidak semuanya betul kerana sifat-sifat seperti ini juga ada pada bangsa lain.

Melayu moden atau Melayu baru merupakan ciri-ciri satu bangsa yang dinamik, progresif, kompetitif dan berdaya maju. Melayu baru sentiasa berpandangan jauh, mempunyai wawasan, dapat bertindak secara rasional, dapat mengawal perasaan dan tidak dipengaruhi oleh faktor emosi semata-mata. Bangsa Melayu dalam dunia global ialah bangsa yang mempamerkan ciri profesional, beretika dan bermoral, mempunyai kekuatan intelektual, bijak dan cekap, menunjukkan kematangan emosi serta dihormati oleh bangsa lain.

Gangguan dan tekanan emosi boleh memberi kesan buruk kepada perkembangan tingkah laku dan mencetuskan pelbagai fenomena yang bersifat destruktif yang boleh menjejaskan imej Melayu sebagai bangsa yang sukar diramalkan (*unpredictable*) dan tidak boleh menghadapi cabaran yang besar. Sesuatu bangsa yang maju dan berhemah tinggi tidak akan membiarkan diri mereka dipengaruhi emosi, sebaliknya mereka bertundak dengan bijaksana, menggunakan akal fikiran, bersifat waras dan dihormati kerana tidak mudah dipengaruhi oleh desakan dan tekanan perasaan atau emosi semata-mata. Pengaruh emosi dan perasaan boleh mendorong sesuatu bangsa itu mendedahkan banyak kelemahan dan keburukan mereka.

Melayu yang tergolong sebagai rumpun bangsa Asia perlu memperbaiki diri dan imej mereka sebagai bangsa yang berjaja besar serta bangsa yang dihormati kerana kebolehan menggunakan fikiran, kebijaksanaan dalam menangani dan menyelesaikan sesuatu masalah tanpa dipengaruhi oleh emosi yang bersifat prejudis, diskriminasi, prasangka buruk serta berfikiran sempit, meletakkan bangsa Melayu dan bangsa Asia sebagai bangsa yang tidak boleh dipercayai. Sebagai bangsa yang dilabelkan bersifat emosi, bangsa Melayu dan bangsa Asia lain dipandang rendah serta jarang sekali mereka diterima sebagai rakan kongsi yang sesuai dengan masyarakat barat.

Sejak lama dahulu, sarjana-sarjana barat telah menganalisis pelbagai aspek tentang bangsa Melayu terutama dari segi kesan dan pengaruh budaya orang Melayu terhadap pelbagai perkembangan seperti pemikiran, kebolehan dan keintelektualan, sifat-sifat peribadi, jati diri dan kepimpinan Melayu. Dengan menganalisis kelemahan dan kekuatan bangsa Melayu, penjajah barat seperti

Portugis, Belanda dan Inggeris berjaya menyesuaikan pendekatan mereka bagi menjajah dan menguasai bangsa Melayu bukan sahaja dari segi pemerintahan serta penguasaan ke atas negeri-negeri Melayu, tetapi juga penguasaan mereka ke atas minda orang Melayu. Ciri-ciri budaya bangsa Melayu yang terkenal dengan sifat lemah lembut dalam keadaan tertentu, terlampau jujur, lurus, tidak berfikir panjang, mudah menerima kedatangan penjajah dan bangsa lain mempamerkan kelemahan minda dan emosi bangsa Melayu. Jika sesiapa dapat menguasai emosi orang Melayu, maka akan mudahlah mereka dapat diterima oleh orang Melayu. Dalam banyak hal, orang Melayu sering kali dilabelkan sebagai bangsa yang bertindak mengikut emosi bukan mengikut pertimbangan rasional, menggunakan akal fikiran dan kebijaksanaan. Ini dapat dilihat melalui kisah sejarah dan mitos serta legenda orang Melayu. Kisah "Singapura dilanggar Todak" merupakan satu legenda yang mendedahkan kelemahan orang Melayu yang dipengaruhi emosi dan menyebabkan orang Melayu yang cerdik dan pintar dilihat sebagai satu ancaman dan perlu dihapuskan. Teladan dan iktibar yang boleh diambil daripada pengaruh negatif emosi Melayu ini mempunyai kesan yang mendalam dan meluas sehingga ke hari ini.

Orang Melayu juga merupakan satu bangsa yang mudah menangis dan mudah lupa perkara-perkara penting yang perlu dijadikan iktibar dan pedoman bagi membina kekuatan diri serta menegakkan perjuangan bangsa. Kecenderungan mengikut emosi juga menyebabkan orang Melayu susah mencapai persefahaman dalam sesuatu perkara terutama perkara yang menyentuh kepentingan bangsa Melayu. Faktor emosi menyebabkan orang Melayu berpecah-belah dan tidak bersatu. Mereka menjadi lemah dan tidak mempunyai hala tuju yang jelas dari segi perjuangan dan matlamat yang perlu dicapai. Kelemahan orang Melayu yang dipengaruhi oleh emosi telah banyak dibincangkan oleh sarjana-sarjana tempatan seperti Profesor Mohd. Taib Osman, Profesor Diraja Ungku Aziz, Profesor Wan Kadir dan Profesor Zainal Kling.

Orang Melayu menjadi suatu bangsa yang beremosi kerana dipengaruhi oleh taraf pendidikan yang rendah, kurang pendedahan kepada budaya barat, kehidupan yang tertekan dan miskin, pengaruh feudalisme yang menyebabkan mereka tidak bebas, perasaan rendah diri dan tidak intelektual, penjajahan tidak banyak mengubah semangat perjuangan mereka, malas dan tidak mahu berfikir, berfikiran negatif dan kurang terdedah kepada pengaruh fikiran positif, kehidupan yang terkongkong dan tidak bebas, terikat kepada pengaruh kelompok dan suku kaum, berfikiran jumud dan mudah dipengaruhi oleh kebendaan serta kelemahan dari segi ketahanan kerohanian, moral dan etika.

Tidak sanggup menghadapi tekanan dan cabaran juga boleh mendorong orang Melayu mengalami masalah mental dan emosi. Ketahanan dan kematangan emosi merupakan satu proses pembentukan sahsiah yang terbina daripada pengalaman yang mencabar dan kebolehan menghadapi pelbagai tekanan. Semua bangsa yang ingin berjaya dan maju serta mencapai perubahan yang lebih baik terpaksa menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran. Per-

ubahan dan kemajuan tidak datang begitu mudah kerana ia memerlukan perjuangan dan pengorbanan untuk meletakkan sesuatu bangsa itu menjadi bangsa yang dihormati dan disegani.

Pendidikan perlu memainkan peranan penting bagi mencorakkan emosi Melayu agar generasi Melayu yang dihasilkan tidak terikat dengan pengaruh emosi serta menjadikan generasi Melayu satu bangsa yang lebih stabil dari segi emosi, dapat mengawal emosi dan dapat mengembangkan emosi mereka dalam menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran. Mengembangkan potensi Melayu perlu mengambil kira bagaimana emosi kreatif dan inovatif boleh dibentuk melalui pembelajaran dan pendidikan yang disediakan kepada generasi muda Melayu. Selaras dengan matlamat falsafah pendidikan bagi membentuk dan melahirkan warganegara yang seimbang, faktor emosi perlu diberi perhatian yang lebih luas serta menyentuh perkembangan perasaan kreatif dan positif, kebolehan membuat pertimbangan, meningkatkan kesedaran, membina pemikiran rasional, meningkatkan kematangan emosi, kebolehan mengawal diri, meningkatkan ketahanan emosi dan sebagainya. Membentuk dan melahirkan generasi Melayu yang bebas daripada pengaruh emosi amat penting supaya generasi muda Melayu tidak terperangkap dengan perasaan dan mainan emosi. Terperangkap dengan emosi dan terpengaruh dengan mainan emosi menyebabkan ramai generasi Melayu tidak dapat menangani masalah personal yang mereka hadapi seperti kegagalan dalam percintaan, kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan sosial yang mencabar, menangani pengaruh buruk rakan sebaya dan sebagainya.

Kehidupan yang mencabar dan semakin terdedah kepada pelbagai pengaruh baru seperti globalisasi, dunia digital, teknologi informasi maklumat (ICT), kesaksamaan, liberalisasi persaingan untuk kejayaan dan sebagainya tidak memerlukan manusia pada abad ini terikat dengan emosi, sebaliknya perlu berfikir dengan lebih rasional serta dapat menangani masalah dengan bijak dan pintar. Kepintaran dan kebijaksanaan amat penting untuk membina kekuatan sesuatu bangsa. Pengetahuan, teknologi dan kemahiran sosial perlu dikuasai dalam membentuk bangsa yang Melayu lebih kompetitif dan berjaya. Melayu akan menjadi bangsa yang mundur, tidak mempunyai masa depan dan dipandang rendah sekiranya dikongkong oleh emosi.

Walau bagaimanapun, manusia bukanlah robot yang tidak mempunyai emosi atau perasaan. Malahan faktor emosilah yang dapat mencorakkan perkembangan manusia menjadi lebih unggul dan berwibawa selain daripada akal, kecerdasan dan kreativiti. Pertumbuhan dan perkembangan emosi yang baik dapat membentuk manusia menjadi insan yang berhemah dan berperikemanusiaan. Faktor emosi ini jugalah menjadikan manusia itu lebih baik daripada haiwan atau makhluk lain yang bergantung kepada *instinct* atau naluri. Penyelidikan terkini menunjukkan emosi mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap pembelajaran dan perkembangan individu. Oleh sebab itu, para pendidik digesa supaya memberi perhatian kepada ketiga-tiga aspek perkembangan iaitu kecerdasan-emosi-kerohanian atau dikenal dengan

formula IQ-EQ-SQ. Keseimbangan antara ketiga-tiga domain pembelajaran ini akan mencorakkan perkembangan seseorang individu.

Melayu perlu keluar daripada kepompong politik etnik mereka supaya dimensi emosi Melayu dapat mengalami perubahan yang lebih baik sekiranya mereka sanggup berdepan dengan cabaran yang lebih luas dan melibatkan pengaruh politik budaya bukan Melayu. Kebijaksanaan bangsa bukan Melayu ialah mengetepikan faktor emosi tetapi dapat menentukan kemenangan dan kejayaan mereka dengan menggunakan pendekatan berasaskan *rasionalisme*, pemikiran logik dan penghujahan yang bersifat *argumentative* bersandarkan fakta dan realiti. Melayu perlu menggunakan pendekatan baru serta bersifat rasional dalam menangkis dan menolak hujah yang berasaskan rasional.

Kesilapan besar yang mungkin tidak kita sedari apabila bertindak ialah kita terlampau mengikut emosi atau dipengaruhi emosi. Ini akan menyebabkan kemenangan tidak memihak kepada kita walaupun kita memperkatakan sesuatu yang benar. Pertimbangan dan pengadilan yang dibuat tidak akan memihak kepada orang yang emosional. Apabila kita tidak dapat mengawal emosi, kita akan mendedahkan banyak kelemahan dan ini menyebabkan orang lain tidak dapat menyokong kebenaran yang diperjuangkan oleh kita. Tidak dapat mengawal diri daripada bersifat melulu, marah, panas baran, tidak rasional, menyinggung peribadi orang lain, bersifat personal adalah antara kelemahan yang berpunca daripada ketidakmatangan emosi. Ramai intelektual dan mereka yang berpelajaran tinggi gagal menampilkan diri mereka sebagai tokoh yang berwibawa kerana kelemahan mereka dari segi pengawalan emosi. Oleh sebab itu, sifat sabar, tenang dan dapat mengawal perasaan merupakan satu lambang kekuatan personaliti bagi orang yang berjaya.

Seseorang yang terlampau emosi boleh bertukar menjadi ganas dan bertindak melakukan perkara di luar dugaan. Oleh sebab itu, seseorang yang tertekan dari segi emosi boleh melakukan jenayah yang merosakkan diri sendiri ataupun merosakkan diri orang lain. Banyak kes-kes jenayah yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini disebabkan oleh faktor tekanan emosi yang dihadapi oleh seseorang. Tekanan mental dan emosi akan mempercepatkan lagi rangsangan keganasan serta tindak balas yang berbentuk destruktif yang dilakukan oleh seseorang. Penyesalan biasanya wujud apabila sesuatu tindakan yang dilakukan itu tidak dapat diatasi lagi.

Kurang pendekatan psikologi di tempat kerja, di rumah, di sekolah dan dalam masyarakat umumnya boleh menyebabkan tekanan emosi meningkat dan memberi kesan buruk dalam kehidupan. Ini boleh mendorong kepada konflik sosial yang menyebabkan ahli masyarakat kita lebih mementingkan diri sendiri, tidak bertimbang rasa, rakus, tidak memikirkan masalah orang lain, tiada semangat membantu dan menolong, berlakunya tinas-menindas, tidak berhemah dan tidak beretika dalam mencorakkan kehidupan yang bebas daripada tekanan emosi. Ini merupakan satu fenomena yang sedang dihadapi oleh orang Melayu dan boleh menyebabkan emosi Melayu semakin meruncing serta kritikal dalam menghadapi tekanan baru dalam masyarakat moden yang tandus dengan nilai-nilai etika, sosial dan moral.

Orang Melayu juga bijak menyembunyikan emosi mereka seolah-olah kritikan dan cemuhan yang dilemparkan oleh pihak tertentu tidak ada kena-mengena dengan diri mereka, sebaliknya dalam diam-diam mereka menyimpan dendam yang mendalam dan dendam ini boleh bertukar menjadi satu tindak balas yang boleh memberi kesan buruk. Banyak peristiwa buruk yang berlaku dalam masyarakat Melayu akibat daripada emosi pendendam. Emosi ini juga mendorong mereka menggunakan ilmu hitam, ilmu magik dan tahayul untuk mengenakan pihak yang bermusuhan dengan mereka, iaitu di kalangan Melayu sendiri. Hubungan masyarakat Melayu dengan institusi perbomohan dan magik merupakan satu tradisi yang sudah bertapak begitu lama dan dalam sesetengah keadaan, ia mencorakkan ciri-ciri tradisional bangsa Melayu itu sendiri. Walaupun Melayu telah pun mengalami pemodenan yang tinggi, namun tradisi dan warisan nenek moyang mereka serta pengaruh institusi perubatan nasional masih kental mencorakkan minda, emosi dan budaya Melayu. Identiti kemelayuan yang bercampur baur antara Islam, tradisi dan pemodenan mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan minda dan emosi orang Melayu yang sedang mengalami perubahan era globalisasi dan era post-merdeka. Emosi Melayu sentiasa bergelut dan berkecamuk dengan pemikiran, kepercayaan dan ideologi lama dan baru yang memerlukan mereka bijak, waras dan rasional dan menangani persoalan dan isu yang mereka hadapi.

Membangunkan minda dan pemikiran orang Melayu merupakan satu tugas besar dan mencabar. Usaha ini akan dapat mencorakkan perubahan dan perkembangan emosi orang Melayu kerana akal dan keintelektualan orang Melayu dapat mengatasi kelemahan orang Melayu yang selama ini dilabelkan sebagai bangsa yang emosional. Penjajahan minda dan emosi orang Melayu yang sudah berlaku begitu lama memerlukan suatu revolusi budaya berfikir dan revolusi budaya yang positif dalam masyarakat Melayu.

Revolusi budaya melibatkan usaha membaiki dan memodenkan pemikiran serta emosi orang Melayu. Perkembangan emosi positif boleh menghapuskan sikap rendah diri, kepercayaan karut, mudah terpengaruh kepada perkara tahayul, kejahatan terhadap sesuatu perkara dan sebagainya.

Pengetahuan dan pendidikan merupakan faktor yang amat penting bagi mencorakkan perkembangan emosi Melayu. Melayu yang berpengetahuan dan berpelajaran tidak mudah terpengaruh dan dikuasai oleh emosi. Melayu tidak boleh lagi berada dalam dunia angan-angan dan berfikiran "Mat Jenin" atau legenda Melayu seperti "Si Luncai Terjun dengan Labu-Labunya" yang melambangkan kebodohan dan ketamakan orang Melayu. Walau bagaimanapun, unsur fantasi dan imaginasi boleh mencorakkan emosi kreatif serta boleh menjadikan Melayu satu bangsa yang mempunyai daya fikir yang inovatif dalam menghasilkan sesuatu produk yang mempunyai nilai sentimental, nilai imaginasi yang tinggi, mendorong penerokaan dunia alam fantasi, mencetuskan keajaiban idea-idea dan pemikiran yang boleh membantu membangunkan masyarakat Melayu itu sendiri.

Cabaran yang dihadapi oleh bangsa Melayu hari ini dan pada masa hadapan memerlukan banyak perubahan sikap, pemikiran dan emosi orang Melayu. Melayu harus melihat dan menentukan masa hadapan bangsanya dengan penuh komited dan tidak dengan emosi yang kecewa dan berputus asa. Perjuangan yang perlu diteruskan oleh orang Melayu masih jauh dan tidak ada kesudahannya. Emosi orang Melayu perlu dipupuk bagi meningkatkan perasaan cintakan bangsa dan negara, menentukan kuasa Melayu tidak tergugat dan Melayu terus unggul sebagai bangsa yang bermaruah, berdaulat serta berkuasa menentukan kemegahan dan kecemerlangan Melayu

Institusi intelektual Melayu seperti Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya perlu memainkan peranan yang besar terutama menjalankan kajian ilmiah tentang pelbagai aspek psikologi, sosiologi, antropologi, budaya, politik, ekonomi, sejarah dan sebagainya tentang orang Melayu. Kajian yang dilakukan bukan setakat menonjolkan kelemahan-kelemahan bangsa Melayu tetapi yang lebih penting ialah membina kekuatan bangsa Melayu. Banyak unsur-unsur positif dan pencapaian cemerlang bangsa Melayu perlu dilihat, dinilai kembali dan diterbitkan untuk bacaan serta pengetahuan orang Melayu dan golongan lain yang berminat untuk mengetahui pelbagai perkara tentang orang Melayu.

Melayu juga boleh meluaskan skop penyelidikannya seperti mana yang disyorkan oleh Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak tentang perlunya mengkaji pemikiran dan emosi bangsa Eropah iaitu satu bangsa yang berjaya menguasai dan menakluki bangsa Melayu hampir dua setengah abad yang lampau. Apakah lambang kekuatan pemikiran dan emosi orang Eropah hingga mereka dipandang tinggi, bertamadun dan amat berpengaruh mencorakkan perkembangan dunia pada masa lampau, kini dan masa depan. Bagaimanakah bangsa Asia, khususnya bangsa Melayu boleh memainkan peranan meluaskan pengaruhnya dalam budaya bangsa Eropah. Mampukah Melayu membiarkan diri mereka terpinggir daripada tamadun Eropah lain disebabkan sikap anti-barat dan kerana kita satu bangsa yang beremosi serta suka membuat pelbagai tuduhan buruk yang menyebabkan kita tidak mahu mempelajari banyak perkara baik yang dimiliki oleh bangsa Eropah.

Emosi Melayu banyak mempengaruhi agenda perjuangan Melayu dan krisis yang dihadapi oleh bangsa Melayu. Emosi Melayu seringkali dieksploitasikan bagi tujuan mendapatkan sokongan, menimbulkan kesedaran serta menguatkan komitmen dan keyakinan orang Melayu terhadap perjuangan yang memerlukan sokongan mereka. Melayu sering kali mengambil mudah terhadap sesuatu isu dengan menyerahkan usaha ini kepada kerajaan dan pihak lain untuk memperjuangkannya. Emosi Melayu boleh dicorakkan mengikut sentimen politik dan sentimen bangsa. Apabila Melayu merasakan diri sudah tersepit dan terancam, emosi mereka akan meningkat. Gelombang kebangkitan emosi Melayu boleh menggugat dan menentukan agenda perjuangan serta krisis yang dihadapi oleh bangsa Melayu.

---

## Bab 21

---

# Idealisme dan Realiti Perjuangan Belia

Membina masyarakat belia yang mempunyai idealisme perjuangan dalam gelombang arus perubahan kebendaan yang berlaku sekarang merupakan satu cabaran yang amat besar. Ketandusan dan kelunturan idealisme perjuangan belia pada masa ini telah banyak diperkatakan atas keprihatinan yang menyentuh isu kesinambungan perjuangan generasi masa depan. Yang lebih penting lagi, isu ini merupakan soal pokok mengapa berlaku kelesuan dan kemalapan semangat serta aspirasi kaum belia dalam masyarakat yang berubah. Di sebalik perubahan sosial yang dinamik berlaku dalam masyarakat, golongan belia tenggelam dalam arus kemajuan dan perubahan. Kemelut ketandusan dan kelunturan idealisme perjuangan belia di negara ini dibuktikan oleh pengaruh pelbagai gejala sosial yang dihadapi oleh golongan ini yang membawa mereka kepada keruntuhan moral dan keruntuhan semangat perjuangan. Ekoran daripada gejala ini, dikhuatiri perjuangan masa depan sesuatu bangsa dan negara akan terus digerhanai oleh warisan kepimpinan generasi muda yang lemah dan tidak boleh diharapkan.

Kelemahan perjuangan belia pada masa ini mencerminkan bukan setakat disebabkan oleh kelemahan dari segi kualiti peribadi seperti ketandusan semangat perjuangan, tidak bercita-cita, tidak beraspirasi dan motivasi diri, tidak mempunyai wawasan hidup yang jelas, kualiti moral yang rendah dan tidak berhemah tinggi, tidak sensitif kepada perkembangan yang berlaku, tidak berpengetahuan, tidak bersatu serta tidak dapat menyatukan hasrat perjuangan untuk menuju kepada perjuangan yang lebih besar. Akan tetapi, persoalan dasarnya ialah ketandusan idealisme perjuangan mereka yang menjadikan mereka tidak mampu mencorakkan perubahan dan haluan perjuangan yang berlaku. Sebahagian besar daripada belia-belia Melayu hanyut, lalai dan leka dengan kemewahan serta daif disebabkan kemiskinan, kejahilan dan kemunduran. Kelemahan yang dialami oleh golongan belia ini juga dikatakan



disebabkan oleh pengaruh persekitaran sosial, ekonomi dan politik yang gagal membangunkan semangat juang serta memupuk nilai-nilai patriotisme bagi meneruskan dan melanjutkan suatu perjuangan bangsa yang boleh menjamin kedudukan masa depan mereka menjadi lebih baik. Ketandusan wawasan perjuangan dan tidak mempunyai dorongan patriotisme merupakan punca utama kegagalan dan kelemahan generasi muda yang dibesarkan selepas zaman merdeka.

Hakikatnya ialah aliran perjuangan belia pada masa ini jauh menyimpang daripada cita-cita bangsa. Kelemahan semangat nasionalisme menjadikan kualiti perjuangan mereka langsung tidak bermakna dalam memenuhi semangat dan cita-cita perjuangan bangsa. Dalam erti kata lain, perjuangan golongan belia pada masa ini tidak lagi disegani dan dikagumi kerana idealisme perjuangan mereka yang tidak jelas, bersifat kepentingan diri, tidak mencabar intelektual, tidak mengemukakan isu-isu yang mendasari perjuangan menangani masalah masyarakat dan tidak dapat menonjolkan kualiti serta semangat perjuangan yang menjiwai masalah bangsa mereka. Sebahagian besar kepimpinan belia yang menerajui organisasi belia mempunyai agenda tersendiri untuk mencapai matlamat peribadi dan peluang-peluang yang akan disogokkan kepada mereka. Ramai daripada mereka menjadi pemimpin yang korup dan tidak mempunyai kewibawaan, karisma dan idealisme perjuangan.

Pemimpin yang muncul sebagai pejuang ikutan tidak sama dengan pemimpin yang tegak kerana perjuangan yang beridealisme. Pemimpin pemuda perjuangan ikutan tidak mampu melahirkan kedinamikan dan kekuatan semangat juang serta perjuangan mereka berubah-ubah disebabkan kepentingan diri dan pengaruh suasana yang meminta seseorang pemimpin mengetepikan idealisme yang dikira akan mengorbankan kedudukan dan kewujudan kepimpinannya dalam sesebuah organisasi yang tandus dengan idealisme. Pengaruh tarikan kebendaan dan kepentingan diri amat sukar dielakkan kerana inilah yang menjadi matlamat oleh sebahagian besar pemimpin muda pada masa ini. Pengejaran kepada gelaran dan bintang-bintang kebesaran sebagai lambang mengangkat diri menimbulkan konflik antara idealisme dengan realiti perjuangan belia yang sentiasa terdedah kepada pergelutan kuasa, pengaruh dan kedudukan dalam masyarakat. Model pemimpin ikutan nampaknya mendapat tempat dan kedudukan yang lebih baik daripada "model pemimpin beridealisme". Oleh sebab itu, idealisme belia dalam mencorakkan semangat perjuangan bangsa semakin hari semakin luntur yang memberi kesan buruk terhadap aliran perjuangan mereka. Kesannya, timbul masalah yang serius tentang kepimpinan belia sebagai pemimpin pelapis. Kepimpinan belia juga tidak lagi dihormati kerana modelnya ialah model tiruan dan ikut-ikutan.

Gabungan pemimpin idealisme dan karisma boleh membentuk kualiti serta kekuatan perjuangan belia. Pemimpin beridealisme dan berkarisma melahirkan idea dan mengilhamkan aspirasi perjuangan yang mampu mendukung serta mempengaruhi aliran pemikiran belia. Gabungan kedua-

dua kualiti kepimpinan iaitu idealisme dan karisma pada diri seseorang pemimpin akan menonjolkan kewibawaan perjuangan yang mengatasi pengaruh kebendaan, kedudukan dan status. Pemimpin berkarisma bukannya model pemimpin ikutan. Selain bijak memainkan isu-isu yang mendasari akar umbi permasalahan bangsa, pemimpin idealisme-karisma ini juga menonjolkan satu kualiti kepimpinan yang ideal dan pragmatik dalam menangani agenda perjuangan bangsa.

Sebilangan belia yang luntur semangat idealismenya terhadap perjuangan dan kehidupan terus terjerumus dalam kancah keruntuhan moral. Jika agenda perjuangan diri dan agenda perjuangan bangsa tidak dapat dilanjutkan oleh belia yang menjadi barisan belakang kepada perjuangan bangsa, sudah tentu ini amat mengecewakan matlamat untuk membina bangsa yang bermaruah dan berwibawa. Sikap tidak cintakan kepada bangsa sendiri menjadikan belia tidak berwawasan untuk memahami secara kritikal isu dan permasalahan bangsa yang memerlukan komitmen mereka.

Paradigma perjuangan belia yang tidak beridealisme menjadikan matlamat perjuangannya tidak menentu dan tidak mampu mencorakkan haluan baru dalam perkembangan pesat yang berlaku di negara ini. Transformasi masyarakat yang berasaskan paradigma ekonomi kapitalis dalam satu jangka masa yang singkat pula telah melunturkan dan menghancurkan idealisme perjuangan belia yang rata-ratanya dibuai impian kosong, berangan-angan "Mat Jenin" dan hanyut dalam perubahan yang berlaku.

Aliran perjuangan belia kebelakangan ini sedikit sebanyak mula dipengaruhi oleh perkembangan ideologi baru seperti liberalisme dan globalisme. Walau bagaimanapun, ideologi ini tidak begitu jelas dalam mempengaruhi hala tuju perjuangan pemuda dan perjuangan untuk bangsa keseluruhannya. Wadah dan wawasan perjuangan belia juga tidak jelas dalam perkembangan ideologi perubahan liberalisme, globalisme, kapitalisme, modernisme dan feudalisme.

Oleh sebab itu, adalah penting perjuangan belia yang semakin lesu dan tidak bermaya ini diperbaiki di samping keupayaan dan kemampuan mereka dalam menentukan nasib, kewujudan dan martabat bangsa sentiasa dipertahankan sebagai obor idealisme perjuangan yang dapat mengukuhkan lagi komitmen mereka dalam persatuan belia. Mempunyai kualiti dan daya intelektual merupakan satu kekuatan yang menjadikan kepimpinan belia lebih berwibawa. Daya intelektual yang tinggi di kalangan pemimpin belia merupakan satu aset yang penting. Mempertahankan nilai-nilai moral, patriotisme dan nasionalisme dalam perjuangan belia akan dapat menjadikan perjuangan belia sebagai pejuang bangsa yang disegani dan dihormati. Belia perlu mempunyai idealisme yang mampu mencorakkan dasar perjuangan bangsa dan bukan menjadi "pak turut" yang tandus dengan idealisme serta wawasan perjuangan.

Selain mempunyai idealisme dan semangat perjuangan bagi memperbaiki diri, keluarga dan masyarakat setempat, belia pada abad ini perlu melihat ke hadapan. Belia perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dan menunjukkan

minat mengkaji, berbincang, berdialog, bermesyuarat, membaca dan keinginan yang tinggi untuk belajar serta meluaskan ilmu pengetahuan. Belia perlu mempelopori kemajuan ekonomi desa, industri kecil, minat berniaga, menjadi usahawan, reka cipta, memulakan usaha dalam sesuatu bidang dan menjayakan bidang tersebut. Belia perlu berani mencipta nama dan memberi tumpuan kepada bidang-bidang baru selaras dengan peranan belia sebagai pelopor kepada perubahan dan kemajuan. Golongan belia Melayu pada abad ini perlu menebus maruah bangsa dengan melipatgandakan lagi usaha dan semangat mereka untuk menjadi penakluk dan peneroka dalam sesuatu bidang.

Semangat berkobar-kobar sahaja tidak cukup jika tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh bagi membangun dan menghadapi cabaran untuk menjadikan golongan belia benar-benar sebagai pejuang masa depan bangsa. Belia perlu berani mengambil risiko tetapi perlu berfikir, cermat, bertanggungjawab, mempunyai strategi yang cekap dan betul, berkebolehan dan berkemampuan, mempunyai semangat untuk berubah dan mengubah demi untuk mengharumkan nama bangsa dan negara.

Belia pada abad ini perlu mempunyai semangat juang yang tinggi dan tidak cepat berputus asa atau mengalah disebabkan cabaran yang dihadapi. Belia sebagai golongan pejuang tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mempunyai pemikiran yang terbuka dan positif. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan kekecewaan, namun semangat juang perlu dihidupkan untuk mencapai kemajuan dan kejayaan. Belia pada abad ini perlu tabah, sabar dan kukuh peribadi serta semangat mereka. Mempunyai idealisme yang tinggi merupakan satu kekuatan yang perlu dimiliki oleh golongan belia sebagai pejuang bangsa dan negara. Belia perlu berpegang teguh kepada nilai yang baik seperti mempertahankan kebenaran, keadilan, kejujuran, bertimbang rasa dan menghormati nilai persahabatan dan persaudaraan. Belia sebagai pejuang bangsa perlu berpegang kepada falsafah "hidup untuk berjuang dan berjaya". Untuk berjaya dan berjasa, semangat jangan luntur dan perjuangan ada kalanya meminta pengorbanan dan ketabahan. Jadikan kekecewaan sebagai ubat dan penawar untuk meneruskan perjuangan yang lebih bermakna.

Pada zaman kebendaan ini, belia perlu mengukuhkan lagi idealisme mereka supaya mampu bergelut dan menghadapi cabaran kebendaan serta menggunakan kebendaan untuk mendorong kejayaan dan mencapai perubahan yang lebih baik. Golongan belia yang mempunyai idealisme perjuangan seharusnya tidak mudah terpengaruh dan hanyut dengan kebendaan. Kebendaan perlu dilihat sebagai pendorong dan boleh membantu meningkatkan perjuangan yang lebih baik. Belia-belie yang miskin perlu berjihad untuk keluar daripada kongkongan kemiskinan sama ada disebabkan pengaruh kebudayaan, kebendaan, pemikiran atau halangan-halangan lain yang perlu diatasi.

Masa depan perjuangan bangsa dan negara amat bergantung kepada kekuatan serta idealisme perjuangan belia hari ini dan hari esok. Tanpa idealisme perjuangan, golongan belia akan hanyut, lemah dan cepat kecewa, mudah terpengaruh, tidak mempunyai wawasan hidup yang baik serta boleh

menjadi musuh kepada bangsa dan negara. Negara perlu mengambil perhatian serius terhadap masalah belia hari ini dan menyediakan golongan belia hari ini untuk menjadikan mereka golongan pemuda yang mempunyai peranan yang dinamis dan konstruktif kepada perjuangan bangsa dan negara. Semangat patriotik dan nasionalisme perlu dipupuk serta menjadikan golongan belia sebagai satu aset negara. Asas-asas pembinaan belia seperti pendidikan, agama, patriotisme, nasionalisme, etika, nilai, kepimpinan, pengalaman yang berguna, latihan, kesedaran dan keinsafan, pemikiran positif, cita-cita yang besar serta semangat juang yang tinggi perlu mencorakkan kualiti, kemampuan dan idealisme perjuangan belia.

## Pengaruh Muzik dalam Pembinaan Minda Budaya Melayu

Peranan muzik dalam masyarakat moden bukan hanya setakat memberikan hiburan dan keseronokan semata-mata tetapi yang lebih penting ialah mencorakkan pembinaan minda masyarakat. Muzik dalam konteks ini merupakan agen perubahan minda dan mental yang membina kehidupan dan ketamadunan manusia. Pengaruh muzik dalam mencetuskan revolusi budaya dan revolusi intelektual boleh dikatakan mengatasi pengaruh lain seperti pendidikan dan teknologi. Muzik yang mendokong perjuangan membina budaya tinggi (*high culture*) ialah muzik yang mempunyai pengaruh nilai estetika dan intelektual yang tinggi yang memberi kesan mendalam serta mampu mengubah pemikiran dan membina kekuatan minda dengan membawa mesej dan pengertian yang mendalam, memberi pendidikan dan kesedaran, membina idealisme dan wawasan intelektual, membina kekuatan sosial dan moral serta membina kematangan emosi dan kerohanian. Pengaruh unggul muzik dalam pembinaan minda masyarakat ialah meningkatkan kekuatan pengaruh budaya intelektual untuk membanteras kelemahan sosial dan moral yang berlaku dalam masyarakat.

Muzik mempunyai pengaruh yang penting ke atas perkembangan minda individu dan masyarakat umumnya. Masyarakat yang tahu menghargai dan menikmati muzik ialah masyarakat yang mempunyai nilai intelektual dan estetik yang tinggi. Masyarakat bertamadun tinggi dan moden bukan sahaja mengejar kebendaan, pangkat dan status tetapi menghargai kesenian dan kebudayaan terutama muzik sebagai sebahagian daripada keperluan bagi memenuhi pembangunan estetik, emosi dan kerohanian. Muzik yang mempunyai nilai intelektual yang tinggi dapat membina kekuatan jiwa, kepekaan emosi, serta meningkatkan penghayatan terhadap sesuatu yang ideal dalam kehidupan individu dan masyarakat. Muzik mewarnakan kehidupan

individu dan masyarakat kerana nilai-nilai keindahan, keceriaan, kerian dan keseronokan. Muzik dapat membebaskan diri kita daripada tekanan emosi dan perasaan serta memberikan kita ruang untuk berfikir dan merenung kembali peristiwa lalu yang memberi kita ilham dan motivasi untuk membina harga diri dan mencari kekuatan untuk meneruskan suatu perjuangan yang lebih bermakna.

Kajian-kajian ilmiah dan saintifik yang dilakukan oleh ahli psikologi mendapati muzik ialah bidang intelektual yang amat penting dalam mempengaruhi perkembangan minda, emosi, kesenian, estetik, kerohanian dan keceriaan hidup seseorang. Oleh sebab itu, golongan pendidik dan psikologi berpendapat muzik termasuk nyanyian, lagu dan tarian, perlu dipelajari dan kembangkan di sekolah bagi mencorakkan perkembangan minda murid-murid di samping memupuk bakat, kecintaan dan penghargaan terhadap kepingtungan muzik dalam kehidupan mereka. Sikap antimuzik dan lagu-lagu yang mewarnakan kehidupan manusia tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja sehingga boleh menyebabkan manusia akan kehilangan suatu nikmat kebudayaan dalam kehidupan mereka. Manusia perlu meneruskan pembinaan minda melalui peningkatan kebudayaan muzik dan lagu yang boleh mencorakkan perspektif baru dalam kehidupan mereka. Sesuatu bangsa akan tenggelam dan hanyut sekiranya mengabaikan aspek kebudayaan mereka, khususnya muzik dan lagu.

Howard Gardner, seorang profesor pendidikan di Universiti Harvard, Amerika Syarikat telah mengemukakan teori *Multiple Intelligence* yang melihat perkembangan intelektual boleh berlaku dalam pelbagai bidang seperti kecerdasan linguistik atau bahasa, kecerdasan logikal matematik, kecerdasan muzik, kecerdasan keruangan, kecerdasan personal dan interpersonal serta kecerdasan emosi. Muzik dianggap sebagai satu bidang yang memerlukan kecerdasan yang tinggi, manakala kemampuan serta kebolehan seseorang dalam seni muzik bukan sahaja bergantung kepada bakat atau minat tetapi juga kepada kepandaian dan kecerdasan minda intelektual. Bidang muzik meliputi satu bidang yang luas seperti kebolehan memainkan alat-alat muzik, kreativiti reka cipta dan persembahan, bakat komposer lagu dan nyanyian, membentuk pasukan orkestra, seni suara dan sebagainya.

Oleh sebab itu, bidang muzik telah berkembang begitu pesat merupakan satu bidang pengajian yang dinamik di universiti-universiti di negara maju seperti Amerika Syarikat dan di negara Eropah yang lain. Universiti di negara maju melahirkan ribuan ahli muzik yang profesional dan merupakan suatu kerjaya yang mempunyai status yang tinggi. Dengan perkembangan dunia muzik dan fileman yang pesat berlaku di negara maju, ia turut mempengaruhi perkembangan bidang muzik yang semakin canggih sebagai suatu bidang kerjaya bersifat profesional yang menerima bayaran dan pendapatan tinggi. Negara-negara barat melahirkan ribuan penyanyi profesional dan bertaraf antarabangsa yang dipuja, dikagumi, disanjung, diminati dan menjadi rol model kepada penyanyi dan pemuzik di negara-negara membangun. Kehebatan penyanyi dan muzik barat memukau perhatian anak-anak muda

bukan sahaja di negara maju tetapi juga di kalangan anak-anak muda di negara membangun. Muzik barat yang disalurkan ke negara-negara membangun pada umumnya memberi satu harapan baru kepada generasi muda untuk berkongsi kebebasan, membina identiti dan menentang krisis yang dihadapi. Muzik merupakan satu aktiviti sosial dan budaya yang membolehkan golongan muda melahirkan perasaan, emosi serta kreativiti intelektual mereka.

Perkembangan dunia muzik yang begitu hebat berlaku sejak tahun 1960-an di negara-negara barat, diikuti pula negara-negara membangun yang telah banyak mempengaruhi perkembangan baru budaya intelektual dan budaya sosial ke arah membina persefahaman sejagat. Melalui muzik yang mempunyai nilai intelektual yang tinggi, ia berjaya memupuk dan membina wawasan sejagat serta menangani pelbagai masalah dan isu sosial masyarakat dunia. Muzik yang mempunyai kekuatan intelektual dan moral berjaya meniupkan kesedaran, keinsafan dan membina persefahaman global. Isu-isu global seperti keamanan, perjuangan, pembangunan, alam sekitar, kecintaan sejagat dan sebagainya dapat disampaikan dengan berkesan melalui pengaruh muzik. Muzik dalam konteks global dapat memupuk persefahaman budaya yang baik mengatasi sentimen bangsa, kaum dan agama. Muzik barat diterima baik oleh masyarakat negara membangun kerana rentak, irama, bahasa, mesej muzik dan lagu yang didendangkan itu sesuai dengan perkembangan jiwa, perasaan, aspirasi dan tuntutan golongan tua. Perkembangan muzik di negara barat memberi kesan kepada masyarakat negara membangun.

Pengaruh rentak dan lagu barat yang begitu menarik dan sesuai dengan tuntutan perubahan dan perkembangan yang berlaku menyebabkan ia dengan mudah dapat diterima dan diminati oleh generasi muda di negara membangun. Muzik merupakan satu bidang kebudayaan yang amat penting mencorakkan pelbagai perkembangan sosial, intelektual dan moral, khususnya generasi muda. Kemunculan tokoh-tokoh penyanyi dan pemuzik rock yang diminati ramai, khususnya generasi muda seperti Michael Jackson, Tom John, Enderberg Hemperdick, Elton John, Ricky Martin dan banyak lagi menjadikan muzik barat begitu berpengaruh dan mendominasi perkembangan budaya estetik yang bersifat kebaratan di kalangan anak muda di negara membangun. Perkembangan dunia muzik yang kurang memberangsangkan di negara membangun menjadikan muzik barat lebih dominan mewarnakan budaya rencam masyarakat membangun. Penjajahan budaya boleh dikatakan berlaku dengan begitu meluas melalui muzik barat yang disalurkan ke negara membangun. Teori dominasi budaya berlaku ke atas negara membangun melalui pelbagai agen budaya seperti pendidikan, teknologi, bahasa, nilai, gaya hidup, muzik, pakaian dan sebagainya. Kebanyakan negara membangun yang telah pun mengalami proses penjajahan yang agak lama dengan mudah dapat menerima pengaruh-pengaruh baru yang datangnya daripada barat.

Dasar liberal dan pro barat yang diamalkan oleh negara membangun mendorong kemasukan pengaruh barat menguasai kehidupan dan nilai-nilai hidup masyarakat membangun. Teori dominasi budaya, khususnya melalui pengaruh muzik barat ke atas masyarakat negara membangun menimbulkan

krisis budaya yang sukar dibendung. Masalah membentuk suatu budaya kebangsaan yang dinamik dan progresif di Malaysia selepas merdeka amat sukar dicapai, khususnya melalui muzik yang perlu diketengahkan sebagai lambang kemegahan dan identiti masyarakat negara ini. Keadaan masyarakat berbilang budaya, kaum dan suku kaum menimbulkan masalah penyatuan dan pembentukan budaya baru masyarakat Malaysia. Golongan intelektual yang berpendidikan Inggeris lebih mudah menerima budaya barat berbanding dengan kecintaan mereka terhadap budaya sendiri yang dilihat sebagai penghalang kepada perubahan dan kemajuan. Budaya tradisi yang lapuk dirasakan tidak sesuai dengan tuntutan keperluan sosial dan tuntutan perubahan budaya yang berlaku dalam menuju era globalisasi. Dengan mempertahankan konsep *Unity in Diversity* dan teori pluralisme dalam pembinaan budaya Malaysia, arah tuju dan matlamat pembentukan budaya kebangsaan adalah jauh daripada realiti. Faktor budaya kaum memberi kesan yang begitu buruk dan mencabar kepada matlamat membina budaya kebangsaan, khususnya melalui muzik. Dunia muzik di negara ini berada pada tahap yang rendah dan tidak mampu mencorakkan perubahan dan perkembangan budaya popular serta budaya tinggi yang sesuai dengan perubahan sosial, ekonomi dan matlamat pembinaan budaya yang perlu dikembangkan di negara ini. Pengaruh budaya asing dan budaya etnik kaum mengatasi budaya Melayu yang menjadi teras budaya masyarakat peribumi negara ini. Kebanjiran muzik Cina dari Hong Kong, Tanah Besar China dan Singapura menimbulkan ancaman kepada pembinaan budaya kebangsaan. Kaset dan CD yang murah dan membanjiri pasaran muzik dan hiburan di negara ini menebalkan lagi budaya etnik kaum yang telah sedia ada dan dipertahankan oleh setiap kaum mendatang.

Selain itu, muzik asing dari India yang dipopularkan melalui rentak dan muzik etnik kaum India dan lagu Hindustan telah disogokkan pada setiap masa melalui televisyen dan radio bagi tujuan meluaskan pengaruh untuk menarik peminat muzik tersebut di kalangan masyarakat India dan masyarakat Melayu umumnya. Setiap minggu sekurang-kurangnya dua hingga ke tiga kali filem-filem India dan Hindustan ditayangkan dikaca televisyen tempatan dengan menonjolkan muzik-muzik etnik kaum tersebut untuk santapan masyarakat Melayu dan India bagi menebalkan lagi semangat keindiaan mereka. Filem dan lagu Hindustan yang mengandungi unsur-unsur budaya Hinduisme, kurang rasional, suka berfoya-foya dan melemahkan pemikiran orang Melayu tidak seharusnya ditontonkan kepada masyarakat Melayu kerana kesan negatifnya begitu banyak berbanding dengan kesan positif ke arah membangunkan dan membina minda bangsa Melayu.

Masyarakat Melayu dipengaruhi oleh pelbagai unsur muzik yang mencorakkan survival budaya masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Warisan budaya bangsa Melayu, khususnya muzik masih tidak boleh dibanggakan walaupun usaha bagi mengetengahkan muzik tersebut telah dilakukan oleh pelbagai pihak. Muzik tradisional yang lembap, bercampur baur dengan pelbagai unsur lain seperti Arab, India, Minang, Jawa serta kurang unsur



progresif dan dinamik tidak dapat diketengahkan, juga tidak menarik minat dan cita rasa anak-anak muda yang hidup dalam zaman moden sekarang. Dari satu segi, kelembutan rentak muzik irama Melayu melambangkan pemikiran masyarakat Melayu yang tidak sukakan kepada perubahan dan cabaran yang dinamis. Walau bagaimanapun, muzik yang berkembang dalam sesuatu masyarakat telah mengalami perubahan dan telah disesuaikan dengan tuntutan perubahan. Muzik berubah mengikut aliran masa dan keadaan. Oleh sebab itu, muzik-muzik rock, cha-cha, inang, dondang sayang, twis yang popular pada satu masa dahulu kemungkinan tidak lagi popular pada masa kini. Oleh sebab itu, ia merupakan satu warisan tentang budaya sesuatu masyarakat.

Revolusi muzik yang berlaku di negara-negara maju didorong oleh kemajuan teknologi dalam bidang seni muzik. Penggunaan peralatan muzik yang serba moden dan canggih, diikuti dengan perubahan persembahan serta peranan promoter, ahli profesional muzik dan pengusaha-pengusaha yang sanggup mengambil risiko bagi mempopularkan bidang muzik telah menjadikan bidang ini satu bidang perniagaan dan komersil yang menguntungkan. Minat dan sambutan masyarakat moden terhadap muzik menjadikan pasaran dan pembaharuan dunia muzik berlaku dengan dinamik dan pantas. Muzik menjadi suatu komoditi dan merupakan *intellectual capital* yang memberikan ganjaran dan keuntungan lumayan. Imej dunia muzik, artis, penyanyi dan pemuzik mengalami suatu perubahan yang tinggi dan dikira sebagai satu profesion yang penting dan disanjung oleh masyarakat. Industri muzik yang berkembang dengan pesat memainkan peranan penting bagi memperdagangkan budaya intelek dan modal intelak dalam bentuk muzik, nyanyian, rentak dan persembahan kebudayaan.

Kreativiti merupakan satu domain intelektual yang penting dalam perkembangan dunia muzik, rentak, irama dan persembahan. Rentak muzik dan irama mempengaruhi perkembangan minda kreatif golongan muda. Oleh sebab itu, muzik merupakan satu bidang kesenian yang kaya dengan unsur kreativiti serta mencorakkan perkembangan minda, stail dan populariti. Unsur kreatif rentak muzik dipamerkan melalui ekspresi suara dan muzik, emosi dan peningkatan sentimen yang mengukuhkan daya imaginasi, pemikiran, kekuatan intelek dan keyakinan serta daya tarikan dan ketampakan personal dalam persembahan. Rentak dan irama muzik yang mempunyai nilai intelektual tinggi merupakan budaya tinggi yang berpengaruh membangkitkan semangat, memberi inspirasi, motivasi dan menguatkan idealisme sosial serta moral golongan muda. Golongan muda perlu didedahkan dan dilatih supaya mencintai muzik untuk membentuk jiwa dan perasaan yang sihat serta dapat berperanan memperkayakan lagi budaya muzik untuk mencapai kesejahteraan dan menikmati kesenian muzik sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan mereka.

Rentak, irama dan muzik perlu mencorakkan budaya tinggi sekali gus membangunkan minda individu serta masyarakat. Muzik dan irama yang pincang akan melahirkan individu serta masyarakat yang pincang. Muzik yang bersifat destruktif mempunyai kecenderungan membawa kemusnahan,

kehancuran dan mencetuskan dilema moral di kalangan anak-anak muda. Unsur-unsur lucah, kotor, rakus, ganas dan antisosial dalam muzik akan menghilangkan nikmat seni yang seharusnya ditonjolkan untuk membina kehalusan jiwa dan minda manusia.

Rentak muzik yang diketengahkan perlu membina kekuatan jiwa dan minda individu serta masyarakat. Muzik juga perlu mengangkat moral dan harga diri individu. Unsur-unsur estetika perlu dipertahankan dalam semua aspek persembahan muzik dan lagu supaya masyarakat dapat menghayati dan menikmati keindahan serta pengertian muzik dan lagu. Muzik perlu memupuk nilai-nilai kemanusiaan, moral, estetika, patriotik, sosial dan nilai budaya bagi mengukuhkan lagi perkembangan personal individu dan masyarakat umumnya.

Muzik sebagai satu bidang kebudayaan boleh digunakan dengan berkesan untuk membina imej sesuatu bangsa atau negara. Muzik dan juga kesenian lain perlu diketengahkan dalam upacara rasmi dan dipromosikan ke peringkat antarabangsa supaya imej dan identiti Malaysia dapat dipopularkan di kalangan budaya bangsa lain. Irama dan muzik bangsa kita perlu mengangkat maruah dan nilai hidup supaya kita mampu berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Golongan muda perlu didedahkan dengan muzik dan irama budaya bangsa kita supaya mereka tidak begitu mudah terpengaruh dan terpedaya dengan muzik barat serta tidak langsung meletakkan rasa cinta dan sayang mereka kepada budaya sendiri. Soal membina budaya bangsa merupakan satu agenda yang berat. Selain memerlukan komitmen yang tinggi daripada pejuang budaya, ia juga memerlukan komitmen pemimpin negara untuk memartabatkan budaya muzik dan kesenian bangsa kita. Budaya Melayu perlu mendapat tempat yang luas dan perlu ditonjolkan khususnya dalam dunia muzik serta budaya seni sama ada di negara ini mahupun ke peringkat antarabangsa.

Golongan muda perlu dilatih supaya mencintai seni budaya bangsa mereka. Mereka perlu berbangga dan mempopularkan seni budaya melalui muzik, tarian, drama, lakonan, perfileman dan sebagainya. Pendidikan dan kegiatan sekolah perlu memberi ruang yang luas bagi memperkenalkan seni budaya Melayu sama ada melalui pakaian, bahasa, cara hidup mahupun melalui aktiviti budaya seperti mencintai lagu tempatan, muzik, tarian, memupuk minat terhadap lakonan dan sebagainya. Jika budaya bangsa kita tidak mendapat tempat yang luas dan baik di kalangan anak-anak muda, sudah tentulah budaya asing akan mengambil tempat bagi memenuhi cita rasa dan keperluan mereka.



BAHAGIAN

**V**  
**Isu dan Trend  
Ancaman Global**

1000

---

## Bab 23

# Keganasan dan Ancaman Media Barat

Dunia sentiasa berkocak dan terancam disebabkan pengaruh negatif dan destruktif media asing yang mendasari pelbagai pergolakan seperti peperangan, keganasan kuasa besar terhadap negara kecil, ancaman dan kemerosotan ekonomi, kebimbangan masa depan, ketidakstabilan dan ketidaktentuan politik, kemiskinan, kemelaratan dan kemunduran masyarakat membangun. Sebahagian besar kelemahan dan pergolakan yang berlaku disebabkan pengaruh buruk media asing yang suka mengeksploitasi kelemahan dan masalah yang dihadapi negara membangun. Di samping menunjukkan persepsi negatif, media asing juga bersifat prejudis dan bias dalam melaporkan keadaan dan perkembangan yang berlaku di negara membangun. Pendekatan media barat sering kali melihat negara-negara membangun yang berjaya membebaskan diri daripada kongkongan pengaruh barat dan lantang menyuarakan pelbagai isu dan masalah dunia serta mengaitkannya dengan kelemahan kuasa barat sebagai ancaman menjadikan mereka sasaran untuk ditewaskan dan ditindas.

Media barat merupakan penentu kepada pelbagai perkembangan yang berlaku kerana peranan media barat yang amat dominan ialah mencipta dan mencaturkan pergolakan baru sama ada dalam konteks global mahupun dalam konteks serantau. Dalam keadaan tertentu, media barat akan mencetuskan agenda baru dengan memberi perhatian kepada isu-isu kritikal dan krusial yang boleh menghangatkan dan mencabar kredibiliti serta kewibawaan kepimpinan negara-negara membangun. Dunia hari ini dikongkong oleh ideologi media barat yang bersifat *neo-colonialism* dan melanjutkan agenda *western imperialism* ke atas negara membangun. Sejarai dengan ideologi ini, negara membangun dipaksa supaya tunduk mengikut arahan dan mematuhi pandangan yang dikeluarkan oleh diktator barat yang angkuh dan sombong

seperti George W. Bush dan Tony Blair yang mengheret negara mereka terlibat dalam peperangan dan penaklukan menggunakan kekuatan teknologi ketenteraan dan propaganda media untuk menghancurkan dan menghapuskan negara-negara Islam yang lemah lagi daif seperti yang berlaku ke atas Afghanistan dan Iraq. Media barat sentiasa bersekongkol dan menyokong kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh barat ke atas negara Islam. Hal ini kerana media barat merupakan pendukung kepada perjuangan dan agenda keganasan barat, di samping media barat menyembunyikan banyak agenda kuasa dan tindakan barat seperti penguasaan ekonomi atau minyak, gerakan anti-Islam, menghalakan pembunuhan ke atas umat Islam di negara mereka sendiri, menundukkan dan menghilangkan kedaulatan negara-negara Islam, mengaibkan dunia dan umat Islam, mahu menukar imej dan sistem Islam, menguasai kekayaan, menjajah pemikiran dan menukar cara hidup serta kepercayaan umat Islam kepada cara barat dan sebagainya. Abad ke-21 menunjukkan agenda permusuhan media barat yang begitu mencabar dan kritikal ke arah menghancurkan dunia Islam. Masyarakat dunia yang begitu bergantung kepada laporan dan maklumat yang dimanipulasikan oleh media barat percaya dan terpengaruh dengan propaganda yang disampaikan oleh media barat.

Terdapat beberapa gergasi media khususnya televisyen yang menguasai penyebaran maklumat di seluruh dunia seperti CNN, BBC, Al-Jazeera, rangkaian televisyen Amerika, Empayar Media Rupert Murdoch News Corp (termasuk Fox News dan Fortune), The New York Times dan sebagainya. Al-Jazeera mendapat perhatian luas kerana laporannya yang kontras dengan CNN dan BBC tentang peperangan di Iraq. Banyak berita Al-Jazeera dipetik bagi menyampaikan maklumat yang lebih sahih dan benar berbanding dengan laporan yang bersifat propaganda yang disampaikan oleh media barat. Media barat semakin hilang kepercayaan masyarakat negara membangun dan masyarakat Islam disebabkan pendirian media barat yang memihak, berat sebelah dan menggunakan media untuk menyampaikan dan memutarbelitkan agenda serta kepentingan barat.

Akibat terlampau bergantung kepada media barat, negara-negara membangun tidak dapat mempengaruhi dan mengatasi propaganda buruk dan laporan negatif yang dilakukan oleh media barat. Negara membangun dan negara-negara kecil sering kali terasing dan tersingkir daripada arus perdana berita dan maklumat berita dunia kerana mereka dianggap tidak penting dalam mencorakkan agenda dan perubahan dunia. Sifat negara membangun yang begitu bergantung kepada negara maju meletakkan status mereka tidak penting dalam arena percaturan antarabangsa dan pergolakan global. Oleh sebab itu, sebarang isu, perubahan dan kemajuan yang dicapai oleh negara membangun sama ada dari segi ekonomi, politik dan hubungan antarabangsa tidak menjadi berita utama dan penting untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa. Kelemahan yang dihadapi oleh negara membangun amat luas dan ini memudahkan media barat mengeksploitasikan isu-isu tersebut mengikut kaca mata, ideologi dan pemahaman barat. Kebebasan media digunakan untuk

berselindung di sebalik angkara media barat yang berniat jahat, rakus dan tidak bertanggungjawab terhadap laporan-laporan yang dibuat bagi memburukkan imej negara membangun.

Perang propaganda media adalah jauh lebih hebat daripada perang ketenteraan dan persenjataan. Kehancuran dan kemusnahan yang dicipta oleh perang propaganda media ke atas sesebuah negara seperti yang berlaku di Iraq, Afghanistan dan negara-negara Islam yang lain di Asia Barat dan diikuti dengan peperangan ketenteraan akan menghancurkan sama sekali kedaulatan sebuah negara. Pengaruh media amat besar untuk digunakan sama ada dari segi membawa kemusnahan atau membina kekuatan dalaman dan luaran sesebuah negara. Oleh sebab itu, media perlu bertanggungjawab kepada laporan negatif dan destruktif yang dilakukannya. Jika peranan media bersifat konfrontasional dan memburuk-burukkan kepentingan negara, maka tindakannya boleh disamakan dengan musuh negara yang amat membahayakan.

Peranan media barat ke arah merealisasikan "order baru dunia" yang didalangi dan didominasi oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Britain memberi kesan yang buruk kepada perkembangan dan pendemokrasian masyarakat global. Media asing memberi ancaman baru kepada keamanan dan memihak kepada kepentingan serta muslihat kuasa-kuasa besar. Media barat tidak lagi mendukung piagam demokrasi dan perjuangan mendemokrasikan dunia yang semakin dipengaruhi oleh fahaman "autoritarianism" barat. Lebih buruk lagi ialah media barat didapati gagal mengkritik dan mempertahankan nilai-nilai demokrasi dalam laporannya yang berat sebelah serta bersifat prejudis terhadap negara-negara membangun dan negara-negara Islam. Peranan destruktif media barat dalam konteks ini amat membahayakan dan boleh mencetuskan permusuhan dan pergolakan yang akan menyebabkan keamanan dunia akan terus terjejas. Peranan kritikal media barat pada abad ini ialah mencorakkan keharmonian dan mewujudkan persefahaman masyarakat global, menghapuskan diskriminasi serta penindasan kuasa-kuasa besar ke atas negara-negara kecil dan negara membangun.

Peranan penting media tempatan dalam sesebuah negara ialah menolak dakwaan media barat dan melindungi kepentingan negara mengatasi kepentingan media asing dan agenda lain. Melalui peranan ini, media tempatan perlu membina kepercayaan, menolak tuduhan dan menyangkal fakta-fakta yang tidak relevan dan penulisan yang bias atau tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh media asing. Media tempatan perlu menjuarai perjuangan menentang media asing dan menunjukkan sikap patriotik kepada negara sendiri.

Kecenderungan media barat melaporkan sesuatu mengikut kaca mata mereka yang bercanggah dengan nilai-nilai masyarakat timur seperti memperlakukan isu budaya, agama, hubungan kaum, demokrasi, kebebasan akhbar dan memperkecilkan pencapaian dan kejayaan masyarakat timur merupakan sesuatu yang amat mengecewakan dan menimbulkan ketidakadilan yang menyulitkan lagi pembinaan imej negara membangun. Malaysia menghadapi



pelbagai ancaman negatif dan destruktif media barat serta ada kalanya kritikan dan laporan yang begitu menggugat memberi kesan buruk kepada kepimpinan negara. Majalah *The Economist* keluaran 5-11 April 2003 mengupas kepimpinan Malaysia di bawah Tun Dr. Mahathir Mohamad selama 22 tahun tidak berjaya membawa banyak perubahan terutama dari segi kepimpinan yang bersifat *authoritarianism* yang akan diteruskan oleh penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Tulisan dalam laporan ini mengandungi kritikan yang bersifat destruktif dan memburukkan imej kepimpinan Malaysia. Media barat juga menjadi dalang kepada berlakunya pelbagai masalah yang menyulitkan dan mengancam keharmonian negara seperti pergaduhan kaum, pertumpahan darah, kebencian terhadap kerajaan, memburuk-burukkan kredibiliti kepimpinan negara dan sebagainya.

Media barat juga sering kali menyebarkan maklumat dan berita yang menakutkan pelancong asing dan menimbulkan kebimbangan mereka dengan menyatakan negara ini tidak selamat untuk dikunjungi. Tanpa memahami keadaan sebenarnya di Malaysia seperti yang mereka laporkan, media barat boleh menjejaskan keadaan ekonomi dan memberi kesan buruk kepada industri pelancongan yang bergantung kepada pelancong-pelancong asing. Malaysia kebelakangan ini sering diburuk-burukkan sebagai pangkalan pengganasan dengan mengaitkan Sabah sebagai rangkaian Al-Qaeda, Jemaah Islamiah dan Abu Sayyaf di Filipina. Malaysia sentiasa mengambil langkah tegas bagi memerangi masalah keganasan dan dapat menentukan keselamatan warganegara asing yang berkunjung ke negara ini sentiasa dijamin. Setakat ini, Malaysia mencatatkan rekod keselamatan yang tidak dapat digugat oleh mana-mana pihak bagi menjadikan negara ini bebas daripada sebarang ancaman dan keganasan.

Kebelakangan ini berlaku banyak perkara yang menjejaskan ekonomi dan imej Malaysia. Keadaan yang berlaku ini diburukkan lagi dengan laporan akhbar asing yang bersifat negatif, menjejaskan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi pada suku tahun pertama 2003. Sindrom wabak SARS yang melanda Malaysia meletakkan negara ini sebagai negara yang tidak selamat dan terancam. Laporan ini bagaimanapun tidak benar sama sekali kerana Malaysia tidak terlibat dengan penyakit SARS. Sebaliknya, ia merupakan wabak epidemik yang dibawa daripada Cina, Hong Kong dan Singapura oleh rakyat Malaysia yang berkunjung ke negara-negara tersebut. Kerajaan sentiasa mengambil langkah pencegahan dan mengawal keselamatan bagi menangani SARS yang dianggap sebagai wabak yang amat berbahaya dan mengancam nyawa manusia pada abad ini.

Dengan menonjolkan isu-isu sensasi, manipulatif, *argumentative* dan bersifat ramalan, media asing berjaya menimbulkan kesangsian, kebencian, kemarahan dan kebimbangan yang menggugat dan mencabar kepimpinan serta kemampuan sesebuah kerajaan yang menguruskan perubahan dan merangka kemajuan bagi membawa negara tersebut keluar daripada kongkongan pengaruh barat. Kecekapan dan kebijaksanaan media asing mengupas sesuatu

isu, memutarbelitkan fakta, menganalisis dan menonjolkan kelemahan-kelemahan sesuatu dasar memberi impak yang mendalam kepada pembaca dan mencabar kredibiliti negara-negara membangun.

Nilai-nilai barat yang mendasari penulisan dan *worldview* media barat menimbulkan banyak percanggahan dan konflik, terutama pertimbangan dan pandangan mereka tentang masyarakat timur, masyarakat Islam dan masyarakat dunia ketiga. Walaupun nilai barat dijadikan ukuran kepada kemajuan dan pengadilan, namun keadilan dan kebebasan masyarakat barat tidak boleh disamakan dengan masyarakat negara membangun lain yang sedang bergelut dengan pelbagai masalah pembangunan, kemiskinan, fahaman dan ideologi yang berbeza dengan kemajuan dan perubahan yang telah dicapai oleh masyarakat barat.

Konsep kebebasan media barat juga boleh dipertikaikan kerana media barat selalu bersifat *double standard* dalam memperjuangkan konsep kebebasan media. Agenda dan isu yang diperjuangkan oleh mereka adalah mengikut perspektif barat. Dalam masyarakat barat, kebebasan akhbar juga tidak wujud seratus peratus kerana akhbar tidak boleh melaporkan apa-apa sahaja yang mereka suka sekiranya memberi kesan buruk kepada kredibiliti media tersebut. Oleh sebab itu, berita, maklumat dan laporan yang disiarkan juga akan mempengaruhi selera dan kehendak pembaca. Dalam keadaan tertentu, media menentukan apakah yang perlu dibaca oleh orang ramai dengan memberi tumpuan kepada perkara atau topik-topik menarik yang diminati pembaca. Walau bagaimanapun, nilai berita dan rencana serta fokus kajian yang disiarkan oleh media barat yang agak menarik dan mencetuskan idea baru dengan pelbagai topik yang diolah dan dianalisis dari perspektif barat memberi kesan tertentu kepada pembaca di negara membangun yang memerlukan bahan bacaan dan bahan berita yang mencabar kefahaman dan minda mereka. Tradisi intelektual yang dipertahankan oleh media barat berasaskan pemikiran kritikal, logik dan rasional menyebabkan media mereka mempunyai pengaruh dan peranan yang penting kepada kemajuan dan perubahan yang ditiupkan di negara-negara membangun. Kebolehan dan keberanian media barat menyorot sesuatu isu dan permasalahan sering kali menggugat dan mencabar kredibiliti golongan tertentu. Nilai kritis dan transparan dalam media boleh mendedahkan banyak kelemahan dan keburukan yang menyebabkan ada pihak yang berasa terganggu dan tersentuh dengan kritikan serta laporan yang disiarkan media barat.

Media asing berperanan menjajah pemikiran masyarakat di negara membangun. Ini menyebabkan masyarakat di negara membangun mudah terpengaruh dengan propaganda, laporan dan kritikan yang dibuat. Oleh sebab itu, masyarakat negara membangun perlu merasionalkan bahan dan laporan tersebut serta tidak menerima bulat-bulat apa yang direncanakan oleh mereka. Berabad-abad lamanya negara membangun masih bergantung kepada agensi berita dan agensi media barat bagi menyampaikan pelbagai perkembangan, ulasan dan laporan pelbagai perkara semasa seperti ekonomi,

politik, perkembangan dunia dan sebagainya. Penjajahan media asing ke atas pemikiran dan minda masyarakat membangun membolehkan pengaruh barat dapat diterima dengan mudah oleh masyarakat negara membangun.

Legasi penjajahan ke atas masyarakat negara membangun merupakan pengaruh yang ditinggalkan dan masih diteruskan oleh pemerintah negara membangun seperti institusi undang-undang, sistem pendidikan dan penggunaan bahasa Inggeris. Majoriti masyarakat membangun yang merupakan bekas tanah jajahan barat masih menghargai dan menggunakan bahasa Inggeris untuk mendapatkan pengetahuan yang disalurkan oleh media barat. Media barat seperti buku, majalah, berita televisyen dan sebagainya diterima dengan baik dan bangga oleh masyarakat negara membangun yang tidak mahu terasing daripada arus kemajuan dan tamadun barat. Pemimpin di negara membangun juga sentiasa membaca dan mengikuti berita dan maklumat yang disampaikan oleh media barat bagi mengetahui keadaan dan perkembangan yang berlaku di negara-negara lain. Kebolehan dan kecekapan pemimpin negara membangun berkomunikasi dalam bahasa Inggeris membolehkan dirinya lebih *confidence* berhadapan dengan pemimpin negara membangun dan negara maju yang didominasi oleh budaya barat.

Peranan media barat bagaimanapun tidak semuanya berbau negatif dan destruktif. Peranan konstruktif media barat terhadap kemajuan dan liberalisasi maklumat merupakan suatu sumbangan yang amat penting dalam meniupkan angin perubahan dan menyumbang kepada kemajuan dunia. Masyarakat negara membangun menikmati banyak faedah hasil daripada peranan yang dimainkan oleh media barat. Peranan positif yang disumbangkan media barat termasuklah mendidik dan meningkatkan persefahaman antarabangsa, menimbulkan kesedaran global tentang isu dan masalah merentasi nasionaliti dan kenegaraan, meniupkan angin perubahan dan pembaharuan, meliberalisasikan pemikiran dan budaya masyarakat membangun serta meluaskan fahaman demokrasi untuk membina masyarakat yang bebas dan demokratik.

Dominasi media barat yang mengancam dan memberikan kesan negatif kepada negara membangun menjadikan media barat sebagai musuh yang membahayakan masa depan negara membangun. Usaha-usaha bagi menangani masalah ini memerlukan negara membangun memikirkan pendekatan yang lebih berkesan bagi meningkatkan peranan media tempatan dan mewujudkan media antarabangsa sendiri bagi menyebarkan maklumat dan melaporkan sesuatu yang lebih tepat tanpa bergantung kepada media barat. Peranan Persatuan Media Malaysia dalam konteks ini amat kritikal dan memerlukan pertubuhan ini melihat ke hadapan untuk memainkan peranan yang lebih besar di peringkat antarabangsa.

Semangat anti-Islam yang mendasari keganasan kuasa barat terutama Amerika Syarikat, Britain dan sekutunya yang lain memberi kesan yang amat buruk kepada pergolakan dunia pada abad ke-21 ini. Dengan berselindung di sebalik isu dan agenda memerangi keganasan, Amerika Syarikat menuduh pertubuhan, gerakan dan negara Islam sebagai punca serangan terhadap bangunan Pentagon dan Pusat Perdagangan Dunia di New York. Umat Islam

dan negara Islam yang disyaki anti-Amerika dan mempunyai sejarah kebangkitan Islam yang kuat, termasuk negara-negara Islam yang dilabelkan sebagai Islam ortodoks dan fundamentalis Islam dianggap sebagai negara yang membiakkan penjenayah dan pengganas yang perlu dihapuskan. Prejudis, diskriminasi dan penindasan yang dilakukan oleh Amerika di bawah pentadbiran George W. Bush merupakan satu pembohongan besar yang tidak seharusnya dimaafkan oleh masyarakat antarabangsa terutama masyarakat Islam yang terpaksa melihat kehancuran dan kemusnahan negara mereka di bawah imperialisme barat, khususnya Amerika Syarikat dan Britain.

Peperangan dan serangan tidak berperikemanusiaan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat, Britain dan sekutunya menyebabkan kedaulatan negara-negara Islam seperti Afghanistan, Iraq dan ancaman terbaru ditumpukan kepada Iran sebagai suatu imperialisme baru Amerika terhadap negara-negara Islam. Media barat mempertahankan tindakan barat, khususnya Amerika dengan meningkatkan propaganda yang bersifat anti-Islam dan memburukkan Islam. Selain daripada peperangan ketenteraan dan senjata pemusnahan, negara barat juga menggunakan senjata media untuk menghancurkan dan memusnahkan imej serta hak kenegaraan negara-negara Islam. Penindasan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa barat ke atas negara dan umat Islam disokong oleh media barat yang nyata bersifat berat sebelah dan tidak memperjuangkan keadilan, keamanan dan etika kemanusiaan sejagat. Keganasan masyarakat barat terhadap masyarakat Islam merupakan suatu bentuk kekejaman dan penghinaan yang tidak seharusnya berlaku dalam tamadun masyarakat moden hari ini. Kesan buruk peperangan yang dilakukan ke atas negara Islam dan diskriminasi terhadap umat Islam menyebabkan umat Islam hidup dalam kemiskinan, kemunduran, kesengsaraan, penderitaan dan ketidakimbangan.

Prinsip demokrasi barat, kebebasan berasaskan kebenaran dan etika profesionalisme berita dan media dalam situasi serta konflik yang berlaku ini memperlihatkan dakyah media barat yang buruk dan bercanggah dengan piagam profesionalisme media. Pembohongan dan pemalsuan fakta serta maklumat berlaku disebabkan motif buruk media barat yang bersifat anti-Islam dan menggunakan media untuk menghalalkan segala tindakan serta penindasan yang dilakukan oleh masyarakat barat terhadap masyarakat Islam. Masyarakat dunia semakin hilang kepercayaan terhadap pemalsuan dan apa yang dilaporkan oleh media barat. Sifat berat sebelah dari segi pentafsiran, analisis, laporan berita dan peristiwa-peristiwa yang berlaku memberi kesan buruk kepada keamanan serta keadilan dunia yang dipengaruhi dan diancam oleh media barat. Walau bagaimanapun, masyarakat dunia yang begitu bergantung kepada media barat akan terus terkongkong pemikiran serta pandangan mereka dipengaruhi oleh media barat yang mendominasi perjuangan berlandaskan kepada wawasan penjajahan minda melalui media. Matlamat penting ialah supaya negara-negara membangun akan terus bersetuju dan menyokong segala tindakan yang diambil oleh kuasa barat demi untuk memerangi keganasan, menegakkan keadilan di negara-negara Islam yang diperintah oleh pemimpin diktator, membebaskan rakyat yang dibelenggu



---

## Bab 24

# Khabar Angin: Dilema Masyarakat Bermaklumat

Khabar angin merupakan wabak yang semakin mengancam dan memberikan kesan buruk kepada pelbagai masalah dan perkembangan yang tidak sihat berlaku di negara ini. Khabar angin yang bercorak menghasut dan menaikkan kemarahan orang ramai boleh menyebabkan tercetusnya kemarahan, kekeliruan, kebimbangan dan ketegangan sosial dalam sesuatu masyarakat. Masalah ketidaksahihan maklumat, kurangnya maklumat dan berlakunya pemalsuan pelbagai maklumat boleh menjejaskan kepercayaan, menghakis kebenaran dan mengaburi ketelusan sesuatu perkara sehingga ia tidak lagi boleh dipercayai dan menimbulkan kesangsian kepada orang ramai. Pengaruh khabar angin yang disebarkan secara meluas disebabkan kurangnya maklumat sahih yang diperlukan oleh masyarakat tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku.

Khabar angin ialah khabar atau maklumat yang tidak betul, tidak mempunyai sumber yang sahih dan jelas, sengaja direka dan diada-adakan, bertujuan mengelirukan, menimbulkan spekulasi, mempunyai motif tertentu, khususnya untuk memberitahu orang ramai atau pihak tertentu berkenaan sesuatu perkara yang serius dan membahayakan. Khabar angin bagaimanapun dipercayai mempunyai natijah kebenarannya, tetapi pihak yang menyebarkan maklumat ini tidak ingin mendedahkan identiti mereka kerana bimbang bahaya dan risiko yang akan dikenakan ke atas diri mereka. Khabar angin, pada asasnya mempunyai asas minimum kesahihan maklumat yang boleh dipercayai disampaikan secara tidak rasmi seperti melalui surat layang atau *poison letters*, khabar yang disampaikan melalui mulut ke mulut yang menyebabkan berlakunya tokoh tambah dan sebagainya ataupun khabar atau maklumat yang disebarkan melalui media cetak dan media elektronik seperti e-mel, Internet, kaset, video dan juga multimedia.

Masyarakat moden merupakan masyarakat yang bermaklumat. Walau bagaimanapun, masyarakat moden boleh dikelirukan dengan pelbagai maklumat palsu dan tidak sah yang direka atau dimanipulasikan untuk tujuan tertentu. Dengan berlakunya liberalisasi maklumat disebabkan perkembangan media cetak, media elektronik dan multimedia, penyebaran maklumat semakin sukar untuk dibendung terutama dari segi kesan-kesan negatifnya kepada masyarakat dan negara. Maklumat yang tidak baik, lucah, palsu dan bercanggah dengan nilai moral serta etika boleh disebarkan dengan lebih bebas dan tidak bertanggungjawab sehingga memberi kesan yang buruk kepada masyarakat.

Khabar angin boleh mencetuskan gerakan dan kegelisahan sosial (*social unrest*) serta kegawatan politik yang mengancam keamanan dan ketenteraman. Khabar angin yang disebarkan mungkin berbentuk dakyah atau propaganda politik yang boleh menjejaskan ketidakstabilan politik negara. Pelbagai perkhbarian yang tidak sihat mungkin tersebar jika sekiranya banyak perkembangan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat atau negara tidak dijelaskan kepada orang ramai. Membentuk komunikasi yang efektif, transparan, sah dan benar amat penting untuk membentuk suasana serta perkembangan sosial dan politik yang sihat dalam masyarakat. Khabar angin yang mencetuskan kegelisahan sosial boleh berlaku kerana beberapa sebab seperti wujudnya perpecahan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, masalah politik dalaman, kegawatan ekonomi, rasa tidak puas hati, skandal, dasar yang tidak konsisten, krisis kepimpinan dan sebagainya. Tohmahan serta tuduhan liar dan tidak bertanggungjawab umpamanya boleh menjejaskan kredibiliti kepimpinan dan juga pemerintahan. Khabar angin juga boleh diibaratkan "seperti api dalam sekam" yang memudaratkan dan memberi kesan buruk jika tidak dibendung.

Khabar angin boleh berleluasa dalam sesuatu masyarakat disebabkan timbulnya masalah politik, ekonomi dan sosial yang tidak dapat dibendung dan diatasi dengan berkesan. Spekulasi, manipulasi dan ramalan (*prediction*) bentuk khabar angin yang begitu berpengaruh boleh mempengaruhi dan menjejaskan perkembangan ekonomi, politik dan mencetuskan kegelisahan sosial yang mengancam kehidupan harian anggota masyarakat. Spekulasi, manipulasi dan ramalan berlaku dengan lebih berleluasa kerana terdapat bukti yang agak sah sesuatu perkara itu akan berlaku dan menyentuh soal-soal yang penting kepada orang ramai. Spekulasi ekonomi merupakan faktor penting yang mempengaruhi keadaan ekonomi semasa dan keadaan ekonomi pasaran terbuka. Spekulasi politik juga timbul disebabkan wujudnya pergolakan dan keadaan tidak sihat politik yang dikendalikan dan diuruskan oleh sesuatu pemerintah atau di kalangan pemimpin. Berdasarkan kepada perkembangan kontemporari, khususnya berdasarkan isu, trend dan perkembangan yang berlaku, akan wujud kecenderungan pihak-pihak tertentu membuat spekulasi, manipulasi dan ramalan terhadap sesuatu hal yang akan berlaku.

Khabar angin juga boleh berkembang dalam sesuatu masyarakat apabila media cetak dan media rasmi yang bertanggungjawab menyampaikan maklumat seperti surat khabar, televisyen, radio sudah tidak lagi dipercayai sebagai

media yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Laporan yang berat sebelah, tidak transparan serta bersifat propaganda menjadikan media sebagai alat yang berkesan untuk menjaga dan melindungi kepentingan politik mengatasi kepentingan rakyat jelata. Profesion kewartawanan juga mungkin menyimpang daripada etika profesionalisme wartawan dan persuratkhabaran. Kebanyakan media di negara-negara membangun masih dibelenggu oleh kuasa politik yang menjadikan peranan media tidak bebas dan begitu terikat kepada kepentingan politik pihak tertentu. Dalam akhbar-akhbar tempatan di negara ini juga, kita boleh dapati terdapat ruangan-ruangan khusus yang bersifat khabar angin dan spekulasi yang sengaja diadakan untuk merencanakan berita dan tohmahan yang tidak sihat terhadap sesuatu pihak atau golongan tertentu. Masyarakat mestilah bijaksana dan mampu menolak tohmahan dan spekulasi yang sengaja direka dan diada-adakan, supaya mereka tidak terpengaruh dengan pandangan dan analisis berita atau maklumat yang bias serta tidak beretika yang dilakukan oleh pihak akhbar untuk menjaga kepentingan golongan tertentu. Perkembangan yang tidak sihat menunjukkan media, khususnya surat khabar dan televisyen di negara-negara membangun menjadi dalang dan alat kepada golongan tertentu yang boleh menyimpang dan memalsukan pelbagai maklumat yang perlu diketahui rakyat.

Masyarakat yang masih randah taraf pendidikan mereka akan lebih mudah dipengaruhi oleh gejala khabar angin. Kelemahan-kelemahan yang wujud dalam masyarakat membangun seperti kelemahan dari segi pendidikan, intelektual, liberalisasi dan pengaliran maklumat menjadikan masyarakat berkenaan lebih mudah dipengaruhi oleh khabar angin. Khabar angin yang bersifat global yang disampaikan melalui propaganda dan dakyah, khususnya oleh media barat boleh memberi kesan buruk dan mengugut kewibawaan dan kredibiliti pemimpin, pemerintahan, kerajaan atau negara. Usaha bagi menjatuhkan sesebuah negara boleh berlaku melalui propaganda global. Oleh sebab itu, penguasaan media amat penting dalam penyebaran pelbagai maklumat sama ada dengan tujuan konstruktif ataupun dengan tujuan destruktif.

Khabar angin boleh menjadi budaya negatif kepada masyarakat di sebabkan masyarakat tidak mahu membaca dan mendengar berita atau maklumat daripada sumber-sumber yang rasmi seperti surat khabar, radio dan televisyen. Di samping itu, taraf pelajaran yang rendah di kalangan masyarakat amat membahayakan skiranya anggota masyarakat menerima bulat-bulat apa yang mereka dengar melalui khabar angin yang disebarkan oleh pihak tertentu. Gosip merupakan satu gejala sosial yang melibatkan penyebaran maklumat dalam bentuk khabar angin yang begitu berleluasa dalam masyarakat maju, khususnya di kalangan wanita yang suka mendengar dan menyampaikan sesuatu rahsia dari mulut ke mulut. Unsur-unsur fitnah dan tohmahan yang disebarkan melalui gosip boleh menjejaskan kredibiliti seseorang. Pengaruh gosip terhadap perkembangan moral amat buruk dan perlu dibanteras bagi membebaskan anggota masyarakat daripada kemusnahan dan kehancuran.



Usaha untuk membentuk masyarakat bermaklumat memerlukan suatu mekanisme komunikasi dan penyebaran maklumat yang cekap dan telus bagi membolehkan masyarakat memperoleh maklumat yang benar, sahih dan lebih transparan. Menyembunyikan maklumat yang sahih atau sengaja mereka-reka maklumat yang tidak betul tentang sesuatu perkara, dasar atau tindakan tertentu yang dilakukan dan dikira penting diketahui oleh orang ramai boleh menjajaskan kepercayaan orang ramai serta boleh mendorong kepada kebangkitan tuntutan keadilan dan kebenaran terhadap pihak berkuasa atau pihak-pihak tertentu yang memalsukan maklumat yang diperlukan.

Masyarakat moden dan berpendidikan merupakan masyarakat yang amat bergantung kepada maklumat. Industri maklumat berkembang begitu pesat disebabkan keperluan maklumat yang semakin meningkat. Masyarakat moden memerlukan pelbagai maklumat untuk merancang dan membuat keputusan tentang masa kini dan perubahan masa depan. Perkembangan dunia maklumat yang sihat, telus, sahih dan boleh dipercayai amat penting untuk mencorakkan perubahan dan kemajuan sesuatu masyarakat. Kehidupan tanpa maklumat akan menjadikan anggota masyarakat menghadapi dunia kegelapan dan kejahilan. Maklumat merupakan asas utama bagi membentuk masyarakat yang berilmu, moden dan berfikiran terbuka. Liberalisasi sosial boleh berlaku sekiranya penyebaran maklumat yang sihat boleh mencetuskan perubahan dan kemajuan yang dinamis dalam segala aspek kehidupan.

---

## Bab 25

# Pengklonan Manusia: Keruntuhan Etika Penciptaan

Pengklonan manusia dari satu segi merupakan satu kejayaan besar dalam dunia penciptaan dan amat dialu-alukan oleh sebahagian besar ahli-ahli sains barat. Dari satu segi yang lain, pengklonan manusia yang berlaku pada abad ini menimbulkan pelbagai kebimbangan kerana bercanggah dengan fitrah kejadian manusia dan melanggar etika kemanusiaan, sains, perubatan, undang-undang dan agama.

Kemajuan bioteknologi dan bidang kejuruteraan genetik telah membawa satu perubahan besar ke arah merintis pelbagai penyelidikan saintifik tentang biologi, kaji hayat, pembiakan spesies-spesies hidupan (sama ada tumbuhan, haiwan, virus, sel-sel dan sebagainya), perubatan, pemulihan serta penggantian organ tubuh manusia dan sebagainya. Pengklonan manusia pada abad ini metakkan manusia sebagai bahan eksperimen yang sama taraf dan martabatnya dengan haiwan serta hidupan lain.

Penyelidikan dalam bidang genetika dan bioteknologi yang telah dilakukan berabad-abad lamanya oleh ahli sains khususnya ahli sains biologi telah berjaya mengatasi krisis makanan dan membiakkan semula sesetengah spesies hidupan yang penting kepada perkembangan ekologi, persekitaran dan pengkalan ekosistem. Kecanggihan dalam teknologi genetik dan perubatan telah merangsang pelbagai penerokaan dan penemuan baru tentang usaha membiakkan pelbagai spesies hidupan, pengklonan haiwan dan juga pengklonan manusia. Walau bagaimanapun, apabila tujuan penyelidikan itu diselewengkan daripada tujuan murni untuk membina kesejahteraan manusia dan kejadian alam ini, ia menimbulkan pelbagai krisis moral, etika dan mendatangkan bencana atau mudarat kepada kehidupan manusia.

Sebelum pengklonan manusia dilakukan, ahli sains telah menjalankan kajian ekstensif dan intensif tentang kacukan dan pengklonan haiwan yang melibatkan pengklonan baka kucing, arnab, kambing biri-biri, lembu, babi, kambing, tikus dan sebagainya. Perkembangan terkini tentang kes pengklonan yang dilakukan ke atas kambing biri-biri yang dinamakan Dolly mengambil sempena nama penyanyi Dolly Parton, menunjukkan kemajuan yang positif. Walau bagaimanapun, Dolly hanya dapat bertahan hayat hidupnya selama enam tahun. Kematian Dolly iaitu kambing biri-biri yang dihasilkan daripada pengklonan disebabkan oleh penyakit paru-paru dan kurang daya tahan kepada cuaca dan serangan penyakit. Kajian ini juga menunjukkan jangka hayat binatang atau manusia hasil pengklonan adalah pendek. Dolly dilahirkan melalui pengklonan pada 5 Julai 1966 dan mengakhiri hayatnya pada 14 Februari 2003. Profesor Jaenisch yang merupakan penulis bersama dengan pencipta Dolly, iaitu Profesor Ian Wilmut dalam jurnal sains yang bertajuk "Jangan Klon Manusia" (*Don't Clone Human*) mengatakan "kematian merupakan sesuatu yang sudah dijangkakan—klon akan mati cepat. Sejak awal, Dolly didapati sakit. Klon mempunyai masalah dan pengklonan manusia akan mempunyai masalah". Dr. Harry Griffin ketua Institut Roslin di Edinbergh di mana Dolly dilahirkan dan tinggal meramalkan kambing biri-biri hasil pengklonan ini akan hidup dalam tempoh 11 atau 12 tahun dan jangkitan paru-paru tidak mungkin dapat dielakkan daripada berlaku. Walau bagaimanapun, bedah siasat dilakukan bagi melaporkan dapatan yang signifikan untuk meneruskan kajian dan eksperimen yang akan datang.

Pengklonan manusia memerlukan saintis mengambil sel DNA daripada manusia yang hidup dan meletakkan sel ini ke dalam strip genetik. Kemudian membiakkannya ke dalam embrio pembiakan wanita. Wanita ini akan melahirkan bayi pengklonan tanpa melalui hubungan seks biasa. Namun, pembiakan yang dikenali sebagai *inheritible genetic modification* (IGM) atau yang dikenali juga sebagai *germline engineering* bertujuan untuk menukar *genes* melalui generasi akan datang. Dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam teknologi genetik manusia, ia memberi cabaran kepada isu kemanusiaan. Namun, teknologi ini telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang *transgenetic* yang berguna untuk pembiakan binatang bagi tujuan perdagangan dan untuk tujuan penyelidikan seperti ternakan yang menghasilkan daging yang berzat atau lembu yang menghasilkan kualiti susu yang bebas daripada penyakit atau ancaman lain.

Pengklonan manusia boleh menimbulkan pelbagai masalah dan bercanggah dengan etika. Pemimpin dan masyarakat dunia mula bimbang tentang bahaya dan ancaman kepada umat manusia sekiranya "manusia ciptaan" melalui pengklonan ini berlaku dengan meluas dan tidak dapat dibanteras. Manusia yang dihasilkan melalui pengklonan ini sudah tentu berlainan dengan manusia yang dilahirkan melalui proses biasa. Manusia yang dihasilkan melalui pengklonan ini nanti mungkin tidak mempunyai perasaan, bertingkah laku luar biasa, sukar mengadaptasikan diri dengan budaya dan cabaran-cabaran, tidak mempunyai nilai-nilai dan sifat kemanusiaan dan pendek kata dia

mungkin bersifat aneh dan tidak normal. Mereka juga mungkin menyerupai robot yang bernyawa dan tidak tahu erti hidup dan kemanusiaan. Pengklonan manusia akan menimbulkan masalah sekiranya "manusia ciptaan" seperti ini dihasilkan untuk sesuatu tujuan buruk, dilatih dan dibentuk untuk melaksanakan kehendak penciptanya atau pihak-pihak yang mendakwa sebagai penciptanya. Maka, akan terbentuklah manusia yang tidak lagi sujud kepada Tuhan dan manusia yang ingkar terhadap Yang Maha Kuasa (Allah S.W.T.).

Sekiranya ahli sains berjaya merealisasikan impian dan fantasi mereka kepada realiti "manusia ciptaan" melalui hasil pengklonan ini, sudah tentu sesuatu perkembangan buruk akan berlaku. Ia akan membawa kepada keruntuhan institusi keluarga dan institusi masyarakat. Krisis dan pergolakan baru akan berlaku terutama berkaitan dengan baka dan keturunan, hubungan darah, warisan harta pusaka, tanggungjawab sosial dan sebagainya. Proses kelahiran seseorang anak juga bercanggah dengan hukum agama dan peraturan sosial sesuatu masyarakat. Amat sukar melaksanakan sesuatu prosedur undang-undang terhadap golongan yang dilahirkan melalui pengklonan. Pengklonan manusia mungkin mengundang masalah sosial yang kronik dan lebih memburukkan keadaan sesuatu masyarakat. Ada kemungkinan golongan ini terdiri daripada golongan cacat fizikal, penyakit mental, bermasalah sosial, tidak stabil dan tidak normal dari segi tingkah laku dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sebagai pemimpin dan sebagai ahli masyarakat.

Pengklonan merendahkan martabat manusia sebagai umat yang diamanahkan dengan pelbagai tanggungjawab untuk memakmurkan dunia ini. Hubungan manusia dengan Tuhan, ibu bapa dan masyarakat terbentuk hasil daripada hukum-hukum kejadian manusia dan pencipta-Nya (Allah S.W.T.). Penciptanya bukanlah ahli sains atau daripada cara yang bercanggah dengan hukum-hukum agama. Pengklonan akan menjadikan manusia tidak ada beza taraf dan martabatnya dengan haiwan. Manusia dijadikan bahan eksperimen yang bertentangan dengan etika dan agama. Sekiranya pengklonan dibiarkan berlaku, ia akan membawa kehancuran kepada umat manusia. Ibu bapa yang begitu terdesak untuk mendapatkan anak sendiri melalui pengklonan atau pembiakan sel dan baka melalui tabung uji harus menyedari bahawa ia bertentangan dengan hukum agama dan hukum etika.

Pengklonan manusia mendapat tentangan hebat daripada pemimpin agama, bukan sahaja ulama Islam tetapi juga Vitakan atau Kristian. Selain itu, pelbagai organisasi penting seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga turut menentang pengklonan manusia apabila bayi klon pertama yang dikenali dengan nama Eve (Hawa) diisytiharkan berjaya dihasilkan oleh ahli sains Perancis. Atas kesedaran bahayanya pengklonan manusia yang bercanggah dengan etika dan moral, masyarakat antarabangsa menentang usahausaha melahirkan manusia melalui proses ini. Para penyelidik memberi amaran, pengklonan akan menyebabkan pembiakan bayi-bayi yang berisiko atau kecacatan yang menakutkan. Pengklonan yang dijalankan ke atas mamalia didapati lebih daripada 95 embrio yang lahir mati atau melibatkan perubahan

struktur genetik. Oleh sebab itu, lebih daripada 30 buah negara mengharamkan pengklonan reproduktif. Antara negara tersebut ialah Australia, Brazil, India, Israel, Jepun, Rusia dan Afrika Selatan.

Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush menyokong penuh pengharaman ini. Walau bagaimanapun, isu ini telah didebatkan di Kongres atas alasan perubatan "penyelidikan pengklonan". Ramai pengkritik bimbang kemungkinan sekiranya penyelidikan pengklonan dibenarkan dari segi undang-undang, ia akan membuka pintu kepada perkembangan dunia pengklonan reproduktif (*reproductive cloning*).

Pengklonan manusia bukan sahaja melibatkan isu etika tetapi juga isu agama, kemanusiaan, kekeluargaan, undang-undang, masyarakat dan juga politik. Pengklonan manusia menimbulkan masalah dari segi mengenal pasti identiti, membezakan penyerupaan, pengeliruan persamaan personaliti, mengesan baka atau keturunan yang menyebabkan kesemua faktor ini boleh disalahgunakan untuk tujuan penyamaran, penipuan dan jenayah. Oleh sebab itu, motif pengklonan manusia boleh mengundang pelbagai masalah baru yang kompleks dan mengancam masa depan manusia. Sebarang kemajuan yang dicipta oleh manusia yang bercanggah dengan moral dan etika tentunya akan mendatangkan mudarat dan bencana.

---

## Bab 26

---

# AIDS dan HIV: Ancaman Global yang Membimbangkan

AIDS merupakan satu wabak seksual yang kritikal dan sedang mengancam serta merampas kesejahteraan hidup majoriti penduduk negara membangun, khususnya di Asia. Sebahagian besar kanak-kanak dan golongan belia di negara-negara Afrika dan Asia sedang mengalami ancaman AIDS yang meragut ribuan nyawa dan mengakibatkan pelbagai kesengsaraan yang sukar ditangani. Pakar-pakar perubatan dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) masih tidak dapat mengatasi wabak AIDS yang sedang mengancam masa depan penduduk dunia walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Perbelanjaan perubatan yang tinggi perlu ditanggung di samping usaha-usaha pencegahan bagi mengawal epidemik AIDS ke arah menimbulkan kesedaran di kalangan penduduk negara membangun tentang bahaya dan ancaman AIDS masih dilakukan oleh pelbagai pihak yang bimbang terhadap ancaman tersebut.

Dalam satu persidangan antarabangsa 2000 tentang AIDS yang diadakan di Barcelona, Nelson Mandela bekas presiden Afrika Selatan antara lain menyatakan, "epidemik AIDS merupakan satu perang menentang kemanusiaan". Dalam tempoh dua dekad epidemik AIDS melanda masyarakat dunia, ia telah mengorbankan kira-kira 22 juta nyawa manusia. Pada tahun lalu, mengikut Program Bangsa-Bangsa Bersatu tentang HIV/AIDS (UNAIDS), tiga juta nyawa terkorban disebabkan oleh virus HIV dan AIDS.

Keadaan yang melanda sesetengah masyarakat Afrika amat menyedihkan dan tidak ada petanda adanya harapan baru untuk golongan yang ditimpa wabak HIV/AIDS akan dapat meneruskan kehidupan selain daripada kesengsaraan dan maut. Di Bostwana, Afrika, dianggarkan satu daripada tiga orang dewasa ialah penghidap HIV positif. Dengan jangka hayat mencapai 39 tahun, majoriti penduduk yang dilanda HIV positif dan AIDS sedang menempuhi ambang maut yang amat menakutkan. Di sesetengah bahagian di

Afrika, keseluruhan komunitinya mati dan menemui maut disebabkan HIV. Ancaman AIDS dan HIV memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara, meningkatnya putaran ganas kemiskinan dan ketidakmampuan kerajaan untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik terhadap penjagaan kesihatan dan membangunkan kesihatan bagi mencegah serta memerangi ancaman wabak tersebut.

AIDS dan HIV positif mempunyai pertalian dengan pelbagai amalan seksual, sosial dan penjagaan kesihatan yang tidak sihat di kalangan masyarakat Asia seperti ketagihan dadah, amalan hubungan seks rambang, kegiatan pelacuran, jangkitan wabak AIDS melalui pesakit yang sukar dikesan, homoseksual dan pelbagai aktiviti seksual yang menyebabkan virus AIDS dan HIV positif merebak dengan lebih cepat di kalangan golongan remaja dan dewasa. AIDS dan HIV positif juga tersebar melalui kelahiran kanak-kanak yang berpunca daripada pasangan yang membawa wabak tersebut. Ini merupakan trend baru yang berlaku disebabkan stail hidup masyarakat negara membangun yang memudahkan wabak AIDS dan HIV positif berkembang sebagai satu ancaman baru yang membunuh dan meragut ribuan nyawa manusia. Jangkitan AIDS dan HIV berlaku dengan pelbagai cara yang menyebabkan golongan yang tidak terlibat menghadapi risiko yang tinggi. Mobiliti penduduk dan migrasi yang tinggi di kalangan negara Asia merupakan satu fenomena yang meningkatkan lagi penyebaran HIV dan AIDS.

Walaupun AIDS dan HIV merupakan suatu epidemik yang mengancam masyarakat global, ia meningkat dan dominan di negara-negara membangun yang menghadapi masalah kemiskinan, kegiatan industri pelacuran, kebebasan seks di kalangan remaja dan dewasa, perdagangan seks yang meluas dan dewasa, tabiat dan amalan seksual yang bercanggah dengan nilai dan norma budaya serta fitrah dan kesihatan manusia. Negara-negara Asia seperti China, Kemboja, Thailand dan Indonesia sedang menghadapi ancaman epidemik AIDS dan HIV yang begitu membimbangkan. Begitu juga dengan negara seperti Uganda, Brazil, Kanada, China, India dan Malaysia yang sedang menghadapi ancaman serius wabak AIDS dan HIV. Dalam banyak kes AIDS dan HIV, ia dikesan disebabkan pemindahan darah yang mengandungi HIV, hubungan seksual dan daripada ibu kepada anak-anak mereka yang baru dilahirkan. HIV dan AIDS didapati berlaku dengan lebih meluas melalui jangkitan darah dan hubungan seksual. Program pencegahan AIDS dan HIV telah diusahakan oleh pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti OECD (*Organisation of Economic Cooperation and Development*), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan tempatan. Strategi ini bagi menangani wabak AIDS dan HIV yang menelan belanja kira-kira US\$378 juta telah menganugerahkan 40 program kepada 31 negara dengan peruntukan 59% kepada Afrika, 16% kepada Amerika Selatan, 14% kepada Asia Tenggara, 9% kepada negara Eropah dan 2% kepada negara-negara lain.

Di Malaysia, menurut sumber Kementerian Kesihatan, kira-kira 83 peratus pesakit AIDS terdiri daripada golongan muda yang berusia dari 13 hingga 39 tahun. Menurut sumber itu lagi, sehingga akhir tahun lalu lebih daripada

44 000 kes jangkitan HIV telah dilaporkan di negara ini dan daripada jumlah itu, lebih 4500 orang telah meninggal dunia. Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan "Konvensyen Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja" (Prostar) peringkat kebangsaan kali ke-6 di Dataran Johor Bahru bagi menangani jangkitan HIV/AIDS di kalangan remaja. Melalui kelab Prostar, Kementerian Kesihatan juga memberi latihan dan meluaskan lagi pendidikan AIDS dalam bentuk ceramah, pameran, perkhemahan dan kursus. Langkah meningkatkan program Postar memberi kesan yang positif dan meningkatkan kesedaran golongan remaja tentang bahaya ancaman AIDS. Langkah memperkenalkan penggunaan kondom juga telah berkembang di kalangan belia. Kadar mereka yang mengetahui perkara ini telah meningkat di sekitar 80% berbanding cuma 7% pada tahun 1966. Pengetahuan belia tentang punca jangkitan HIV dan AIDS juga telah meningkat melalui kempen kesedaran yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak NGO (*Non Governmental Organisation*) lain.

Walaupun AIDS/HIV merupakan satu masalah global dunia yang menjejaskan lebih daripada 31 juta manusia, ia lebih meluas mengancam benua Afrika, iaitu benua yang kedua terbesar di dunia. Pada akhir tahun 1990-an, Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan negara rantau Sahara sahaja berjumlah hampir 21 juta daripada jumlah 31 juta penghidap AIDS/HIV di seluruh dunia. Masalah terbesar yang dihadapi oleh negara-negara seperti Zimbabwe dan Botswana ialah 25% golongan dewasanya dijangkiti HIV/AIDS.

Pada masa ini, Afrika Selatan merupakan salah satu negara yang mengalami ancaman epidemik HIV/AIDS yang paling tinggi di dunia. Sehingga tahun 1998, kira-kira 3 juta penduduk Afrika Selatan termasuk 12 peratus daripada golongan dewasanya telah dijangkiti virus AIDS. Penyelidikan yang dilakukan juga mendapati Afrika Selatan mengalami peningkatan drastik dari segi kes wabak AIDS antara tahun 1990 hingga tahun 1995 di negara-negara seperti Nigeria, Afrika Selatan, Botswana dan Zimbabwe.

Terdapat banyak sebab mengapa AIDS lebih mendominasi dan mudah menjangkiti sebahagian besar masyarakat kawasan Sahara di Afrika. Ini termasuklah keadaan kemiskinan dan penderitaan kerana masalah pemakanan, disentri, *tuberculosis* atau penyakit lain. Pertumbuhan penduduk yang tinggi dan perubahan situasi ekologi memberi kesan kepada penyebaran penyakit di benua Afrika. Pada masa lampau, epidemik AIDS di Afrika berlaku di kalangan penduduk bandar yang kaya dan mempunyai wang untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain serta mempunyai rakan hubungan seks yang pelbagai. Walau bagaimanapun, situasi ini berbeza di Afrika Selatan di mana mereka yang dijangkiti AIDS terdiri daripada golongan miskin, khususnya golongan wanita muda. Dianggarkan kira-kira 20 peratus wanita muda miskin di Afrika Selatan dijangkiti oleh HIV. Walaupun kesan buruk AIDS terhadap kematian adalah tinggi, ia juga merupakan masalah kritikal yang melibatkan lebih 10 juta kanak-kanak di Afrika akan hidup terbiar tanpa ibu disebabkan epidemik AIDS/HIV. Dari segi kesan jangka panjang, AIDS/HIV di Afrika akan memberi kesan yang amat meruncing terhadap individu, keluarga,



perkembangan sumber manusia, produktiviti, masalah sosial, perbelanjaan negara, pembangunan ekonomi, indeks kesejahteraan hidup, polarisasi struktur umur, jangka hayat, kadar kematian dan sebagainya. Wabak AIDS/HIV ini juga mudah dijangkiti disebabkan interaksi dan pertumbuhan penduduk yang tinggi. Selain itu, ia juga disebabkan masalah ketidakseimbangan pemakanan, kebuluran, bekalan air tidak bersih mengandungi kuman dan penyebaran jangkitan penyakit, taraf kesihatan yang buruk, kurang sistem kumbahan dan najis, taraf alam persekitaran yang buruk dan sebagainya. Kemiskinan bandar dan kawasan melarat di negara-negara membangun dan mundur boleh menyebabkan jangkitan pelbagai penyakit, termasuk HIV positif dan AIDS.

Di negeri China, ancaman AIDS/HIV positif menimbulkan suatu igauan dan kebimbangan berikutan meningkatnya ancaman wabak tersebut yang menyebabkan jumlah kematian yang tinggi. Mengikut anggaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kira-kira 10 juta orang dijangkiti HIV dan AIDS di negara China terutama di Guangxi dan Beijing. Dengan langkah-langkah pencegahan yang dilakukan oleh kerajaan, dianggarkan kadar kematian bagi tahun 2010 akan dapat dikurangkan daripada 12 juta kepada 2 juta orang. Mengikut anggaran rasmi, 850 000 orang telah dijangkiti AIDS/HIV. Di bawah rancangan lima tahun yang diumumkan pada tahun lalu, kerajaan pusat telah memperuntukkan 100 juta renminbi (\$12 juta) setahun untuk tabung pencegahan dan rawatan AIDS/HIV dan penyakit jangkitan seksual. Tambahan 950 juta renminbi adalah untuk mengkaji pungutan darah serta bagi menentukan darah bebas daripada ancaman jangkitan AIDS/HIV. Selain menjadikan perdagangan seks di beberapa daerah lebih profesional dan bebas daripada ancaman wabak AIDS/HIV, langkah-langkah pendidikan seks dan kesedaran tentang AIDS/HIV juga dipertingkatkan di Guangxi dan Beijing. Pengemblengan usaha sama bagi membanteras AIDS/HIV dilakukan dengan melibatkan NGO, pertubuhan antarabangsa dan agensi kerajaan. Kegiatan menjual darah untuk mendapatkan wang oleh petani-petani di negeri China juga dikawal bagi memastikan ia bebas daripada ancaman AIDS dan HIV positif. Meningkatnya pekerja seks dan perdagangan seksual serta pelacuran di negeri China menimbulkan ancaman kepada meningkatnya jangkitan AIDS/HIV.

AIDS merupakan agenda sosial, ekonomi dan isu moral penting yang perlu dihadapi oleh masyarakat dunia hari ini. Ancaman wabak AIDS/HIV merupakan agenda utama dalam pembangunan kesihatan, perubatan dan perkembangan isu seksual. Di Amerika Syarikat sehingga akhir tahun 1997, kira-kira 641 086 orang dilaporkan dijangkiti AIDS. Sekurang-kurangnya 60 peratus daripada mereka menemui ajal disebabkan epidemik ini. Pada peringkat awal wabak ini, kes penghidap AIDS/HIV positif meningkat daripada 65% hingga 95% setiap tahun. Epidemik ini akhirnya berkurangan disebabkan pengenalan terapi untuk HIV. Dianggarkan kes penghidap AIDS telah menurun 6% daripada tahun sebelumnya. Angka kematian disebabkan AIDS pada tahun 1996 juga menurun bagi kali pertamanya kepada 25 peratus.

Kemajuan rawatan AIDS/HIV telah banyak mengurangkan kadar kematian di Amerika Syarikat. Pada masa ini, pakar-pakar perubatan meramalkan antara 650 000 hingga 900 000 rakyat Amerika hidup dengan HIV. Sekurangnya 40 000 jangkitan baru berlaku pada setiap tahun. Meskipun wabak AIDS amat sukar diatasi, tetapi golongan muda perlu dididik bagaimana untuk mencegah wabak ini daripada mengancam kehidupan mereka. Ini termasuklah meningkatkan pengetahuan mereka tentang bagaimana kehidupan mereka. Ini termasuklah meningkatkan pengetahuan mereka tentang bagaimana virus AIDS boleh dijangkiti serta dipindahkan melalui hubungan seksual dan pemindahan darah atau melalui suntikan jarum oleh penagih dadah.

Masalah wabak AIDS/HIV positif juga berkaitan dengan etika dan moral masyarakat. Perubahan sikap dan tingkah laku seksual serta meningkatnya kesedaran terhadap bahaya ancaman AIDS/HIV merupakan satu strategi dengan meningkatkan pendidikan tentang AIDS/HIV kepada masyarakat. Di Malaysia, beberapa syarat telah dikuatkuasakan bagi menghindari jangkitan AIDS/HIV. Ini termasuklah mengenakan pemeriksaan AIDS/HIV positif terhadap pasangan yang ingin berkahwin bagi memastikan pasangan tersebut bebas daripada wabak AIDS dan tidak mendatangkan mudarat kepada zuriat mereka. Juga meningkatkan kesedaran tentang ancaman AIDS/HIV serta menggalakkan orang ramai membuat pemeriksaan AIDS/HIV positif bagi membolehkan rawatan dan pencegahan jangkitan AIDS/HIV dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Masalah jangkitan wabak AIDS/HIV telah menimbulkan krisis dalam penjagaan kesihatan sama ada di negara maju mahupun di negara membangun. Perbelanjaan yang besar terhadap rawatan dan pencegahan AIDS/HIV membebankan orang ramai dan kerajaan serta mereka yang menjadi mangsa epidemik tersebut. Kemudahan perubatan serta keperluan pakar perubatan untuk program rawatan dan pencegahan AIDS/HIV menimbulkan masalah besar. Kemajuan teknologi juga turut menyumbang kepada meningkatnya kes HIV/AIDS terutama perkembangan yang berlaku pada pos perindustrian yang membawa kemajuan dalam pengangkutan seperti penerbangan udara dan darat serta pemodenan dalam pelbagai kehidupan manusia.

Penyebaran penyakit melalui hubungan seksual (*Sexually Transmitted Diseases* atau *STD*) mempunyai pengaruh yang amat tinggi terhadap berlakunya penyebaran wabak AIDS/HIV positif yang begitu pantas dalam sesuatu masyarakat. Penyakit seperti sifilis, AIDS, HIV positif dan virus yang menyerang dan melemahkan daya tahan diri manusia mendedahkan mereka kepada pelbagai ancaman penyakit. Penyebaran penyakit melalui kucupan, persekutuan dan lain-lain aktiviti seksual merupakan punca penyebaran virus AIDS/HIV positif yang sukar dikawal. Penyusuan ibu yang menghidap HIV/AIDS serta pemindahan virus melalui penghamilan dan darah daripada ibu yang menghidap AIDS/HIV positif menyebarkan sebahagian besar kanak-kanak yang lahir merupakan pembawa wabak AIDS/HIV positif.

Trend kematian yang tinggi di kalangan kanak-kanak di negara membangun dan negara miskin mencerminkan ancaman HIV/AIDS mendominasi agenda survival pembangunan dan kualiti hidup. Di negara kurang membangun dan berpendapatan rendah, jangkitan wabak penyakit menjadi punca kepada kematian dan di sesetengah bahagian dunia, kadar kematian meningkat berlipat kali ganda disebabkan oleh HIV/AIDS. Kanak-kanak di bawah umur 13 tahun merupakan jumlah terbesar dijangkiti oleh HIV. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan 1600 kanak-kanak di bawah umur 13 tahun dijangkiti AIDS setiap hari dan 1200 kanak-kanak mati disebabkan AIDS setiap hari.

Teori-teori kependudukan juga mempunyai hubungan yang signifikan terhadap perkembangan jangkitan penyakit AIDS/HIV. Teori Maltus mengemukakan pelbagai masalah yang akan dihadapi oleh masyarakat dunia, terutama negara-negara miskin seperti Afrika Selatan, Amerika Latin dan benua Asia yang mempunyai penduduk ramai yang akan diancam oleh masalah seperti pemakanan, penjagaan kesihatan, alam sekitar yang buruk, pertumbuhan kawasan melarat, masalah seksual, pelacuran dan sebagainya. Peminahan dan jangkitan penyakit seperti HIV/AIDS boleh berlaku dengan lebih cepat dan pantas melalui interaksi sosial, hubungan seksual, kemudahan awam yang buruk, kekurangan kualiti air, udara dan sebagainya.

Taraf kesedaran yang rendah dan kejahilan pengetahuan berkaitan dengan ancaman AIDS/HIV serta amalan hidup yang buruk merupakan antara punca meningkatnya wabak AIDS/HIV. Kurangnya kerjasama dan bantuan yang diberi oleh negara maju bagi merapatkan jurang kemiskinan dan memperbaiki jurang kualiti kesihatan dan kualiti kehidupan yang dihadapi oleh negara membangun dan negara mundur seperti Afrika, Asia dan Amerika Latin menyulitkan lagi usaha bagi menangani masalah ancaman AIDS/HIV. Komitmen rendah yang ditunjukkan oleh pemimpin dunia, terutama pemimpin negara kaya untuk membantu mengatasi masalah global berkaitan dengan ancaman AIDS/HIV menyebabkan agenda dan krisis moral berkaitan dengan AIDS kekal sebagai isu yang sukar mendapat jalan penyelesaian. Negara miskin terus menderita dan terpaksa menanggung risiko yang tinggi disebabkan epidemik yang merampas nyawa dan masa depan mereka yang masih tidak ada jalan keluar yang meyakinkan. Dunia yang bebas daripada AIDS/HIV masih merupakan agenda perjuangan yang menjejaskan kemajuan ekonomi, sosial, kesihatan, keluarga dan kepentingan negara bagi negara-negara membangun.

## OIC ke Arah Membina Imej Baru Negara-negara Islam

OIC telah ditubuhkan pada tahun 1969 atas kesedaran dan komitmen untuk menyediakan satu platform bagi menyatukan suara umat Islam melalui persidangan, dialog, musyawarah dengan tujuan meningkatkan kesedaran serta perpaduan umat Islam agar mampu membendung pelbagai ancaman dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam konteks global. OIC atau Pertubuhan Persidangan Islam pada masa ini dianggotai 57 negara Islam dan mewakili hampir dua bilion umat Islam di seluruh dunia. Sejarah penubuhannya berpunca daripada kebangkitan perpaduan ummah sejagat yang memerlukan umat Islam di seluruh dunia bersatu untuk mempertahankan kepentingan Islam dan umat Islam yang semakin terancam ekoran daripada tragedi yang menyedihkan iaitu pembakaran Masjid al-Aqsa, tempat suci umat Islam selepas kota Mekah dan Madinah.

Persidangan kemuncak bersejarah kali ke-10 yang dianggap akan mencorakkan perubahan baru OIC berlangsung di Malaysia pada 11 hingga 18 Oktober 2003, bertempat di Putrajaya iaitu bandar pintar dan bandar satelit komunikasi maklumat atau MSC yang terkemuka di dunia. Persidangan kali ini sudah tentu akan mencetuskan pelbagai isu kritikal dan agenda yang memerlukan perubahan besar dari segi perjuangan, hala tuju dan kepimpinan masa depan OIC sebagai satu badan yang mewakili umat Islam yang sedang menghadapi gelora ancaman dan meletakkan kedudukan umat Islam yang sentiasa ditindas serta diambang kehancuran.

Dalam kedudukan umat Islam yang semakin buruk diancam dan ditindas serta terdedah kepada ancaman baru imperialisme dan neokolonialisme Amerika dan sekutunya yang bersifat anti-Islam, maka peranan yang perlu dilakukan oleh OIC pada masa depan begitu mencabar. OIC perlu menjadi satu landasan perjuangan yang berkesan bukan sahaja untuk memperbaiki imej

umat Islam yang dilabelkan sebagai pencetus keganasan, bahkan untuk menolak dan menangkis propaganda barat, khususnya Amerika Syarikat yang anti-Islam dan menggunakan isu keganasan untuk melancarkan perang dan memusnahkan negara-negara Islam seperti yang dilakukan ke atas Afghanistan dan Iraq.

Dalam masa yang sama, Amerika menjadi dalang dan pelindung kepada kezaliman dan keganasan berterusan yang dilakukan oleh Israel ke atas bumi dan rakyat Palestin. Amerika dan kuasa-kuasa barat merupakan pengancam dan penyebab kepada pergolakan yang berlaku di Asia Barat dan negara-negara Islam yang lain. Sejak Perang Teluk sehinggalah hancurnya sebuah tamadun Islam di Iraq, negara-negara Islam hidup dalam kebimbangan, ketakutan, kemiskinan, kemunduran dan sebahagiannya tersisih daripada perubahan yang berlaku. Selepas Iraq, Amerika menuduh dan memulakan agenda barunya untuk menghancurkan Iran, salah sebuah negara yang dilabelkan dengan keganasan. Dengan berlandaskan kepada agenda keganasan juga, Amerika dan sekutunya Britain melakukan penindasan dan peperangan yang bertujuan menghancurkan serta memusnahkan kedaulatan negara-negara Islam iaitu suatu pelanggaran etika keamanan sejagat. Perkembangan yang berlaku kebelakangan ini amat mengancam kepada dunia dan masyarakat Islam, iaitu satu permusuhan dan diskriminasi yang tidak beretika dilakukan oleh Amerika dan masyarakat barat yang fanatik terhadap Islam.

Kelemahan badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang tidak lagi begitu berkesan melindungi dan mempertahankan piagam keamanan dunia sebaliknya lebih memihak kepada Amerika dan tunduk kepada kuasa-kuasa besar G7 (Kumpulan Negara Perindustrian), NATO, WTO, Bank Dunia dan sebagainya memerlukan peranan baru OIC dengan kekuatan serta pengaruhnya yang mampu mencorakkan perubahan dinamik dan progresif kepada kepentingan umat Islam di seluruh dunia. OIC perlu menilai prestasi dan peranannya supaya boleh menjadi suatu pertubuhan dunia yang lebih berwibawa untuk mencorakkan perubahan dan kemajuan umat Islam global.

Banyak isu-isu kritikal yang sedang dihadapi oleh umat Islam perlu mendapat perhatian OIC. Badan dunia ini perlu memberi perhatian kepada usaha membentuk sebuah negara Palestin yang berdaulat dan membantu negara tersebut merealisasi impian rakyat Palestin dengan mengkaji cadangan *Road Map* yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat. OIC perlu menawarkan kerjasama untuk membantu rakyat dan pemimpin Palestin mengemukakan kerangka tuntutan dan cadangan supaya *Road Map* yang dicadangkan oleh Amerika itu memberi faedah dan keadilan kepada pembentukan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Di samping itu, keganasan yang berleluasa dan berterusan yang dilakukan oleh rejim Israel perlu dihentikan. Sikap memihak Amerika Syarikat terhadap Israel mendorong rejim tersebut melakukan pelbagai bentuk keganasan, rampasan hak bumi rakyat Palestin, penangkapan dan pembunuhan kejam terhadap pejuang-pejuang Palestin seperti kumpulan Hamas dan Hasbollah, pencerobohan dan pemusnahan

tempat kediaman rakyat Palestin yang tidak berdosa, pembunuhan orang awam dan kanak-kanak serta menjadikan rakyat Palestin pelarian di bumi sendiri.

Istu pembinaan semula Afghanistan dan Iraq setelah dihancurkan oleh peperangan dan serangan oleh Amerika Syarikat, pimpinan Presiden J.W. Bush perlu diketengahkan sebagai suatu agenda penting OIC. OIC perlu berani memperjuangkan hak dan kedaulatan negara-negara Islam serta menuntut ganti rugi yang perlu dibayar oleh Amerika Syarikat dan sekutunya akibat kemusnahan yang dilakukan. Negara yang menyerang negara lain perlu bertanggungjawab membina semula dan membayar kemusnahan yang dilakukan. Pemimpin yang rakus, ganas dan suka menggunakan pendekatan peperangan dengan tujuan menunjukkan kuasa, menakluk serta memusnahkan negara lain perlu dikenakan tindakan sewajarnya tidak kira sama ada ia pemimpin dari sebuah kuasa besar, berkuasa atau ditakuti oleh negara-negara lain. Etika keamanan dan perang perlu dikaji serta digunakan untuk menyekat pemimpin dunia yang tidak rasional, ganas dan tidak berperikemanusiaan melakukan sesuka hati mereka yang menyebabkan kemusnahan dan penderitaan rakyat yang menjadi mangsa peperangan. Peperangan bercanggah dengan etika keamanan kerana membawa kepada penderitaan dan kemusnahan sebuah tamadun sesuatu bangsa.

OIC mempunyai tanggungjawab besar untuk mengatasi kemunduran serta kemiskinan yang masih lagi dihadapi oleh sebahagian besar negara dan umat Islam. Akibat daripada kelemahan ini, umat Islam masih dipandang rendah dan tidak dihormati oleh bangsa-bangsa lain. Walaupun negara-negara Islam mempunyai anugerah sumber kekayaan yang amat berharga seperti minyak, gas, galian berharga dan hasil buminya yang bernilai untuk digunakan bagi membina kegemilangan Islam, namun disebabkan kejahilan dan ketidakcekapan dari segi pengurusan dan perancangan serta pengagihan kekayaan yang tidak seimbang kepada rakyat merupakan antara penyebab kemiskinan dan kemunduran umat Islam.

Sesuai dengan tema persidangan kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya, iaitu "Ilmu dan Moral ke Arah Kemajuan Ummah", OIC perlu memberi perhatian dan menyebarkan kertas dasar yang boleh membantu negara Islam membangunkan pengetahuan dan pendidikan sebagai asas pembangunan ummah yang beretika dan bermoral iaitu satu konsep pembangunan kualiti manusia yang menekankan kepada semangat belajar, menyediakan peluang-peluang pendidikan, meningkatkan penggunaan IT dan celik ICT untuk mendapat dan menyebarkan maklumat demi untuk kemajuan umat Islam dalam mengharungi perubahan globalisasi yang kompetitif. Pelbagai ilmu moden terutama sains teknologi, bioteknologi, teknologi maklumat, teknologi angkasa, teknologi pengurusan, pengurusan perindustrian, perancangan dan pembangunan berasaskan modal manusia diberi perhatian dalam agenda persidangan kali ke-10 itu. Fahaman ortodoks dan imej kemunduran pemikiran atau intelektual tentang Islam perlu dihakis. Masyarakat Islam perlu mementingkan ilmu pengetahuan baru selain pengetahuan Islam yang bersifat progresif yang boleh membantu mengubah kehidupan dan kemajuan umat

Islam di negara-negara mundur yang dibelenggu oleh kejahilan dan kebekuan intelektual.

Konsep perkongsian pintar di kalangan negara Islam perlu diperluaskan dalam pelbagai bidang, di samping konsep ini perlu menekankan semangat kesedaran untuk membantu negara-negara Islam yang masih mundur agar membangun berasaskan model pembangunan yang menguntungkan negara-negara Islam. Negara-negara Islam perlu mewujudkan rangkaian pertukaran barangan dan urus niaga serta meningkatkan imej negara-negara Islam sebagai negara pengeluar dan negara pengusaha yang mampu mempromosikan pelbagai jenama Islam yang bertaraf antarabangsa sesuai dengan perkembangan inovasi yang berlaku dalam dunia perniagaan. OIC perlu mambina suatu konsep dan falsafah baru pembangunan ekonomi negara-negara Islam yang mempunyai daya saing terutama dalam mencorakkan aliran modal dan pelaburan ke negara-negara Islam. Model ekonomi dan pembangunan Islam boleh diketengahkan dan digubal sebagai suatu pendekatan yang berkesan untuk mengurangkan tekanan pengaruh kapitalisme dan dasar-dasar ekonomi barat yang berat sebelah, termasuk dasar perlindungan perdagangan yang memberi kesan negatif ke atas perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun, khususnya negara-negara Islam.

OIC boleh membentuk dana pembangunan untuk membantu negara-negara Islam seperti mewujudkan institusi kewangan Islam yang bersifat global yang menyediakan pelbagai kemudahan kredit, bantuan kewangan, pembiayaan projek-projek pembangunan Islam, mewujudkan usahawan baru Islam, mewujudkan rangkaian perniagaan dan perdagangan di kalangan negara-negara Islam, meluaskan pasaran dan produk barangan, meliberalisasikan tekanan krisis kewangan global, mengurangkan pengaruh negatif kapitalisme ke atas negara-negara mundur serta negara Islam dan sebagainya. OIC juga boleh mengemukakan pelbagai idea baru dan menjadi platform yang berkesan bagi membangunkan dan memodenkan ekonomi negara-negara Islam. Sistem kewangan Islam yang menggunakan pertukaran mata wang "dinar" seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika itu perlu dianggap sebagai suatu alternatif yang boleh membawa perubahan kepada perkembangan baru ekonomi dunia.

Dunia Islam boleh menjadi lebih berpengaruh dan tidak mudah ditindas dan ditekan oleh kuasa-kuasa besar, khususnya kuasa barat sekiranya wujud penyatuan dan perubahan dinamik pengaruh Islam dalam mencorakkan tamadun baru dunia. Kelemahan umat Islam boleh diatasi sekiranya OIC dapat membina matlamat bersama atau *common goals* dan meluaskan konsep perkongsian pintar seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Muhammad ketika itu. Kelemahan umat Islam ialah mereka tidak bersatu, tidak mempunyai persefahaman yang baik, sering bertelingkah dan bermusuhan yang memberi peluang kepada kuasa lain campur tangan dalam urusan dan hal-ehwal negara Islam. Merapatkan hubungan dan kerjasama di kalangan negara Islam, terutama negara Islam yang bertelingkah dan bermusuhan di Asia Barat merupakan asas bagi membina semula kekuatan Islam

walaupun di bawah pengaruh pemerintahan dan ideologi politik yang berbeza.

Sejak kejatuhan empayar Othmaniah sehinggalah hari ini, negara Islam menjadi kancah pergolakan dan pertumpahan darah yang membawa kepada kehilangan hak kenegaraan dan sumber kekayaan negara mereka apabila negara-negara Islam seperti Iraq dan Afghanistan mulai dikuasai dan terpaksa tunduk kepada kuasa barat. Sifat agresif, autokratik dan zalim pemimpin Islam seperti pemerintahan Saddam Hussein di Iraq menjadi punca kejatuhan dan keruntuhan sebuah negara yang mempunyai sejarah silamnya yang gemilang sebelum ini. Keruntuhan tamadun Islam juga disebabkan kelemahan pemerintahan dan kepimpinan negara-negara Islam, di samping pergolakan dalaman yang menjadi punca mendorong kejatuhan dan kehancuran negara-negara Islam pada abad ke-21 ini. Rejim pemerintahan diktator yang berlaku di setengah negara Islam perlu mengubah dan melakukan pembaharuan politik bagi menjadikan pemerintahan negara Islam lebih demokratik serta menggalakkan perubahan dan kemajuan, sesuai dengan wawasan baru Islam bagi menghadapi perubahan pada abad ke-21. Krisis dalaman yang wujud di kalangan negara Islam perlu diselesaikan dengan lebih bijaksana. Ini bermakna OIC perlu melihat perkembangan sistem politik negara-negara Islam dan kemuncak persidangan ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Kuala Lumpur perlu melihat pelbagai isu dan permasalahan yang dihadapi oleh negara Islam bagi membolehkan persidangan yang bersejarah ini mengemukakan pelbagai resolusi dan cadangan-cadangan yang konstruktif ke arah memperbaiki sistem, politik, ekonomi dan pembangunan sosial negara-negara Islam. Pendekatan baru dalam hubungan antarabangsa untuk membina imej positif negara Islam dan menolak isu keganasan yang dikaitkan dengan Islam merupakan antara agenda penting yang perlu diberi perhatian.

Mengembalikan kegemilangan dunia Islam dan pengaruh Islam yang lebih dominan memerlukan perancangan global dan strategik perlu dirangka oleh OIC dalam persidangan yang bersejarah di Putrajaya, pada 11 Oktober 2003. Perwakilan negara-negara Islam yang akan menghadiri persidangan OIC di Kuala Lumpur perlu menghasilkan pelbagai pendekatan dan pemikiran baru untuk membina imej serta mengembalikan kekuatan Islam dalam mencorakkan perubahan baru dunia. Order Baru Dunia yang didominasi oleh Amerika Syarikat, khususnya ke atas dunia Islam perlu ditolak dan negara-negara Islam harus memperjuangkan kedaulatan serta kebebasan negara mereka daripada sebarang bentuk dominasi, imperilsme dan neokolonialisme barat. OIC perlu memimpin dan mencorakkan perubahan baru dunia bagi membebaskan negara-negara Islam daripada sebarang bentuk penindasan dan penjajahan.

OIC memerlukan kepimpinan yang dinamik dan dihormati oleh pertubuhan-pertubuhan lain di dunia. Kepimpinan OIC perlu mempunyai wawasan perjuangan dan mampu membawa perubahan dinamik dalam mencorakkan hala tuju baru OIC, khususnya dalam situasi yang bergolak di mana umat Islam di dunia sedang berhadapan dengan pelbagai masalah yang



mencabar, mempunyai imej yang rendah dan memerlukan pembelaan daripada badan yang lebih berpengaruh iaitu OIC. Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah satu tokoh Islam terkemuka yang telah memberi sumbangan dinamik terhadap umat Islam. Keberanian beliau mengkritik tindakan barat dan kebijaksanaan beliau mengemukakan pandangan yang progresif tentang Islam merupakan satu sumbangan penting Malaysia bagi memperbaiki imej Islam di mata dunia ketika Islam berhadapan dengan pelbagai tekanan dan diheret ke kancah kemusnahan oleh kuasa-kuasa barat, khususnya Amerika Syarikat. Sebagai pemimpin Islam yang berpandangan jauh, beliau merupakan seorang tokoh dunia Islam yang perlu diberi peluang dan sokongan bagi mengetuai serta memimpin OIC. Kejayaan Dr. Mahathir mengatasi pelbagai kemelut politik, ekonomi dan sosial sehingga berjaya membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju serta disegani dunia merupakan satu aset kepimpinan yang akan menguntungkan OIC dan negara-negara Islam lain di dunia.

Persidangan OIC di Putrajaya pada 11 Oktober 2003 sudah tentu akan memberi suatu penghormatan besar kepada Malaysia dan negara-negara Islam di dunia yang inginkan perubahan dalam menentukan perubahan baru kepimpinan serta hala tuju OIC yang lebih progresif dan dinamik.

---

## Bab 28

# Sekularisme dan Kebebasan Agama

Negara dan masyarakat barat sering mendakwa mereka mengamalkan demokrasi dan memperjuangkan hak asasi manusia dengan meluaskan kebebasan media, agama, budaya, politik dan toleransi hubungan kaum. Namun, trend dan perkembangan yang mencetuskan berbagai konflik antarabangsa, khususnya penindasan melalui undang-undang dan amalan dalam hubungan antara agama memberi gambaran yang amat buruk terhadap dasar dan kejahilan hidup beragama di kalangan sesetengah negara barat yang bercanggah dengan nilai kemanusiaan, hak asasi manusia dan etika sejagat. Pemimpin barat yang berfikiran sempit, rakus, kurang pengetahuan tentang budaya dan agama dalam perkembangan tamadun hidup manusia sejagat menyebabkan mereka bersifat prejudis dan antiagama, khususnya prejudis terhadap Islam dengan berselindung di sebalik agenda agama untuk penindasan dan melakukan diskriminasi agama yang amat membahayakan.

Permusuhan agama dan mengaitkan agama dengan keganasan yang merupakan propaganda barat yang berniat jahat terhadap Islam sebagai mana yang dilakukan oleh beberapa pemimpin barat seperti Presiden J. George Bush, Presiden Perancis, George Chirac dan juga dasar melarang penuntut Islam bertudung di sekolah-sekolah di Singapura mencerminkan kejahilan agama yang sengaja dilakukan oleh sesebuah kerajaan yang terlampau bersifat sekular dan tidak menghormati hak beragama, khususnya golongan minoriti Islam yang merupakan warganegara di negara-negara barat. Prejudis terhadap agama, khususnya Islam menyebabkan pemimpin-pemimpin barat dan pemimpin-pemimpin yang berfahaman sempit melihat faktor agama sebagai penghalang kepada pemodenan, kemajuan, perpaduan dan punca kepada keganasan.

Keharmonian yang terbentuk antara sekularisme dengan kebebasan agama sejak berabad-abad lamanya di kalangan masyarakat barat mulai tergugat dan

mencetuskan konflik antarabangsa yang amat serius apabila fahaman sekularisme yang diamalkan menafikan hak-hak asasi manusia berkaitan kepercayaan, fahaman dan amalan beragama. Perbezaan agama merupakan satu ciri dinamik dan progresif masyarakat dunia serta masyarakat barat yang telah terbentuk berabad-abad lamanya. Ketamadunan baru yang berasaskan kepada falsafah saintifik dan falsafah *renaissance* yang merintis perubahan dan kemajuan fahaman sekularisme baru masyarakat barat adalah hasil dorongan dan pertembungan tamadun Kristian-Islam yang mempunyai banyak persamaan dengan unsur-unsur dinamik tentang perubahan dan kemajuan, sains dan ilmu pengetahuan, kemanusiaan dan kebendaan, inovasi dan reka cipta, pemikiran rasional dan futuristik, dan sebagainya.

Masyarakat barat mengamalkan berbagai fahaman dan ideologi agama kerana latar belakang keturunan dan suku kaum, bangsa, ideologi, nasionalisme, sejarah, kebudayaan, pengaruh penjajahan dan imperialisme yang menentukan serta mencorakkan perkembangan sekularisme dan kebebasan agama di atas prinsip toleransi sebagai asas penting kepada pembentukan negara bangsa. Liberalisasi agama, khususnya soal berpakaian yang melambangkan kepercayaan dan anutan agama sesuatu bangsa merupakan satu kebebasan yang penting dan merupakan hak asasi manusia sejagat yang dipertahankan oleh masyarakat antarabangsa. Liberalisasi sosial dan budaya yang berlaku di seluruh dunia meningkatkan lagi kebebasan berpakaian.

Langkah dan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Perancis mengharamkan pemakaian tudung, kopiah Yahudi dan Lambang Salib Kristian bukan sahaja memberi kesan buruk kepada masyarakat Islam tetapi juga kesan buruk kepada masyarakat beragama Kristian dan masyarakat fahaman agama fanatik yang berpendapat tindakan ini merupakan satu diskriminasi, penindasan dan prejudis terhadap amalan dan kebebasan agama. Tindakan mengharamkan tudung dan pakaian berserta lambang agama di sekolah-sekolah kerajaan di Perancis menimbulkan kemarahan dan kebimbangan masyarakat dunia terhadap kebebasan dan konflik agama yang dianggap satu tindakan menafikan hak asasi manusia, iaitu kebebasan mengamalkan kepercayaan dan tuntutan agama, terutama berkaitan dengan pakaian dan lambang-lambang keagamaan. Pengharaman pemakaian tudung bukan sahaja merupakan isu agama, khususnya di kalangan wanita tetapi juga merupakan isu diskriminasi gender yang tidak seharusnya diamalkan oleh negara barat yang telah mencapai kemajuan dan liberalisasi sosial yang tinggi serta menempuh Revolusi Kelas Feudal terkemuka di dunia yang dicetuskan oleh Revolusi Perancis pada abad ke-19.

Sekularisme ialah fahaman yang mengasingkan dan menolak agama dalam kehidupan manusia. Agama daripada perspektif sekularisme dilihat sebagai penyebab tercetusnya konflik, keganasan dan pergolakan yang menyulitkan persefahaman, perpaduan, kebebasan, pemodenan dan keharmonian dalam masyarakat serta, dalam konteks hubungan kaum bagi membentuk negara bangsa yang harmoni. Walau bagaimanapun, bagi mengimbangkan fahaman sekularisme yang terlampau bersifat kebendaan, berasaskan kepada pemikiran

logik dan rasional, agama diterima sebagai satu pengaruh dan pedoman yang boleh membantu manusia mencapai kesempurnaan dan kesejahteraan. Berbagai bencana dan krisis yang dihadapi oleh masyarakat barat dan masyarakat dunia disebabkan menolak kehidupan beragama, kini menyebabkan mereka mulai kembali percaya bahawa pentingnya agama untuk membina kesempurnaan hidup yang harmoni dan bebas daripada kritis sekularisme.

Sekularisme telah bertapak lama di Eropah dan dalam masyarakat barat yang menyebabkan masyarakat barat lebih terbuka kepada pengaruh pemoenan serta tidak lagi dikongkong oleh fahaman dan tafsiran agama yang didominasi oleh golongan agama dan gereja. Malahan kebebasan dan kemajuan yang dinikmati oleh masyarakat barat disebabkan berlakunya berbagai revolusi seperti revolusi sosial, revolusi perindustrian, perubahan kelas sosial, pembaharuan politik serta pembaharuan dan pemisahan agama dalam kehidupan yang mengukuhkan lagi fahaman sekularisme barat.

Pergeseran agama yang berlaku pada abad ini boleh mencetuskan konflik antarabangsa dan akan menimbulkan banyak kemusnahan dan kepincangan kerana agenda keagamaan yang digunakan merupakan satu penafian hak individu sesuatu bangsa yang bersifat menindas dan menafikan hak kenegaraan, hak politik dan hak kedaulatan sesuatu bangsa terhadap tanah air mereka. Satu trend yang membahayakan ialah mengubah perlembagaan negara-negara Islam yang dijajah daripada keislaman kepada sekularisme. Dari aspek sejarahnya, kebanyakan perlembangan negara-negara Islam yang muncul berabad-abad lamanya dibina dan dibentuk berasaskan kepada sejarah perjuangan bangsa mereka, kedaulatan negara dan bangsa serta agama yang dipertahankan oleh mereka. Dengan berlakunya imperialisme baru seperti pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan Afghanistan, usaha bagi mengubah perlembagaan negara-negara tersebut sudah tentu akan memusnahkan kedaulatan dan identiti keislaman negara tersebut apabila unsur-unsur Islam ditukar dan digantikan dengan unsur-unsur sekularisme. Tindakan reformasi sekularisme yang dilakukan ini merupakan satu tindakan yang bercanggah dengan hak asasi rakyat di negara-negara tersebut dan bagi menentukan apakah ideologi politik dan ideologi kenegaraan yang perlu dipertahankan untuk survival dan kedaulatan negara tersebut.

Perkembangan terkini tentang pergolakan politik, sekularisme dan agama ialah dasar ancaman Amerika di Iraq yang dikeluarkan oleh pentadbiran Amerika L. Paul Bremer yang bertegas akan menggunakan kuasanya menghalang Majlis Pemerintah Iraq mengambil agama Islam sebagai asas utama perlembagaan sementara negara itu. Wakil ulama tertinggi Syiah Atatolla Ali al-Sistani, iaitu Abdel Mahdi al-Karabali dalam hal ini menegaskan, "Islam ialah sumber undang-undang dan ia perlu dalam sesebuah negara yang majoriti penduduknya orang Islam." Usaha bagi mempertahankan kepentingan Islam dalam perlembangan baru Iraq ditegaskan oleh Majlis Agung Bagi Revolusi Islam Iraq (SCIRI) seperti berikut: "Jika ada sesiapa cuba mengemukakan satu penyelesaian selain daripada yang dikehendaki rakyat Iraq ia akan mencetuskan krisis dan tiada parti-parti di Iraq ingin perkara ini berlaku." Pendemokrasi

politik dan perlembagaan di Iraq yang dirangka oleh kuasa penceroboh Amerika Syarikat akan menimbulkan banyak masalah yang lebih kompleks dan serius terhadap masyarakat Iraq. Selain membawa kepada perpecahan, ianya juga akan mernjadikan Iraq sebuah negara Islam yang bersifat sekular. Pendemokrasian juga merupakan satu agenda politik Amerika Syarikat bagi mengubah sikap dan pemikiran masyarakat Arab supaya dapat menerima Israel dan segala tindakan Israel yang melakukan pencerobohan, penindasan dan pembunuhan rakyat Palestin.

Penghapusan etnik dan agama yang berlanjutan hampir dua puluh tahun lamanya di Bosnia telah menyebabkan ribuan umat Islam menjadi mangsa pembunuhan kejam. Pergolakan disebabkan dendam dan permusuhan etnik dan agama oleh puak Serb yang menganut fahaman kristian ortodok terhadap umat Islam Bosnia menyebabkan ramai wanita Islam dirogol, menjadi mangsa seksual dan dibunuh dengan kejam. Kekejaman yang berpunca daripada permusuhan etnik dan agama yang melampau menyebabkan ramai umat Islam di Eropah ditindas, diperkosa dan dibunuh. Ratusan lelaki Islam dibunuh dengan kejam dan ditanam beramai-ramai sebagai suatu misteri kekejaman penindasan etnik dan agama yang amat menyedihkan. Nilai kemanusiaan dan hak asasi manusia yang dilaung-laungkan oleh masyarakat barat hanyalah satu dakyah dan propaganda kosong kerana membiarkan kezaliman dan kekejaman etnik serta agama ke arah penghapusan etnik Bosnia beragama Islam di negara mereka sendiri.

Masyarakat barat dan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia, Britain, NATO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membiarkan penindasan agama ini berlaku sebagai suatu agenda politik dan agama yang tersembunyi untuk melemahkan Islam di Eropah. Peranan OIC yang amat lemah tidak memberi kesan untuk membela nasib umat Islam yang menjadi mangsa penghapusan etnik di Bosnia. Pergolakan dan konflik antara Kristian-Islam di Bosnia merupakan satu sejarah penghapus etnik dan agama yang paling dahsyat, kejam dan tidak berperikemanusiaan. Kuasa-kuasa keamanan dan keadilan dunia di bawah pengaruh barat menyepi dan membiarkan pergolakan ini berlaku.

Konflik agama di Negara-negara Arab seperti yang berlaku di Iraq, Iran, Libya, Afghanistan, Pakistan, Arab Saudi dan sebagainya disebabkan konflik berbagai pengaruh seperti feudalisme, ektremisme agama dan suku kaum, mazhab yang mencetuskan fahaman agama yang berbeza, fahaman assabiyah dan nasionalisme Arab, kapitalisme, demokrasi, liberalisasi dan sebagainya. Ideologi barat seperti demokrasi, liberalisasi, hak asasi manusia dicituskan oleh tamadun barat yang berasaskan kepada fahaman sekularisme. Fahaman sekularisme yang menular begitu meluas di negara-negara Arab dan negara membangun lain memberi kesan tertentu terhadap konflik agama di seluruh dunia. Oleh sebab itu, peranan pemimpin agama di seluruh dunia adalah mencabar bagi menangani krisis yang dicituskan oleh sekularisme dan kebebasan agama.

Wujudnya pelbagai mazhab yang mencorakkan *school of thought* yang menjadi pegangan berbeza-beza khususnya dari segi hukum-hukum agama dan dalam

masa yang sama juga berlakunya liberalisasi berasaskan berbagai-bagai pemikiran seperti Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali menimbulkan pelbagai konflik dalam kehidupan umat Islam di dunia. Begitu juga dengan meluas dan meningkatnya pelbagai konflik antara agama di dunia disebabkan penganut agama yang berbeza fahaman ini tidak bersedia untuk menghormati kepercayaan agama orang lain dan kurangnya semangat toleransi antara agama dalam sesuatu masyarakat.

Turki ialah sebuah negara Islam bersifat sekular yang mengamalkan cara hidup yang sama dengan masyarakat barat sejak pemerintahan Kamal Artatuk. Di negara tersebut, Islam hanyalah satu lambang yang tidak mencerminkan Islam menjadi satu amalan dalam pentadbiran dan kehidupan masyarakat Turki. Pengaruh barat lebih kuat mendominasi dalam segala aspek kehidupan masyarakat Turki. Liberalisasi, kebebasan sosial, budaya dan agama mengukuhkan lagi pengaruh sekularisme mengatasi pengaruh serta identiti Islam di negara berkenaan.

Pembentukan negara Islam atau *Islamic State* yang mencorakkan identiti politik negara-negara Arab yang konservatif disebabkan penolakan pengaruh sekularisme dan pengaruh barat dalam kehidupan masyarakat Arab. Negara Islam menjalankan konsep kenegaraan dan kedaulatan pemerintahan yang berasaskan perundangan Islam, hubungan intim antara pemerintahan dengan Islam, mencorakkan identiti pemerintahan, kebudayaan dan politik keislaman, melaksanakan hukum-hukum dan peraturan Islam.

Sekularisme dan agama boleh mencetuskan pelbagai konflik lain. Aliran pemikiran Marxisme dan anarkisme di Eropah dan dikalangan masyarakat dunia juga boleh menimbulkan pergeseran dengan fahaman agama kerana ideologi Marxisme dan Anarkisme yang antiagama boleh menyebabkan tercetusnya permusuhan, keganasan agama dan penindasan agama. Kebangkitan neo-Marxisme bagaimanapun tidak terbatas kepada isu-isu agama, sebaliknya menjadi kerangka pemikiran dan pembaharuan sosial, ekonomi dan politik masyarakat barat.

Samuel Huntington dalam tesisnya berjudul *Clash Civilization* membincangkan pertembungan tamadun barat dengan Islam atau tamadun lain di timur akan mencetuskan konflik antarabangsa yang lebih serius. Pengaruh dan kuasa yang amat dibimbangi ialah Islam. Hipotesis yang dibuat oleh sarjana-sarjana barat ialah perubahan abad ke-21 dilihat sebagai suatu kebangkitan baru Islam yang boleh menimbulkan tekanan dan cabaran kepada pengaruh dan kuasa barat. Masyarakat barat menolak sebarang bentuk pengaruh agama kerana konflik yang akan dicituskan pengaruh agama amat membahayakan. Mitos dan propaganda sarjana-sarjana barat terhadap Islam menyebabkan imej Islam terlampau rendah, Islam ditakuti dan dicurigai, Islam akan menyebabkan kemunduran dan Islam dikaitkan dengan keganasan. Propaganda buruk terhadap Islam menyebabkan umat Islam terdedah kepada berbagai ancaman, penindasan dan tekanan. Prejudis terhadap Islam menyebabkan tindakan rakus dan ganas yang dilakukan oleh Amerika Syarikat di bawah pentadbiran George Bush dan sekutunya yang lain menceroboh dan menghancurkan dua buah

negara Islam iaitu Iraq dan Afghanistan. Iraq sebuah negara yang lemah dari segi ekonomi dan politik disebabkan sekatan antarabangsa yang dikenakan oleh Amerika dan Bangsa-Bangsa Bersatu hampir 20 tahun lamanya. Begitu juga dengan Afghanistan merupakan sebuah negara Islam yang miskin dan amat bergantung kepada bantuan daripada negara kaya untuk perubahan dan pembangunan.

Hipotesis yang dibuat terhadap Islam sebagai kuasa dan pengaruh pengancam dunia amat meleset dan tidak berasas sama sekali. Dengan kejatuhan pengaruh komunisme dan sosialisme yang sebelum ini amat dicurigai oleh kuasa barat, Islam dilihat sebagai satu pengaruh dan ideologi yang mem-bimbangkan kuasa barat. Walau bagaimanapun, mitos menjadikan Islam sebagai ancaman dan mengaitkannya dengan keganasan merupakan satu agenda permusuhan agama dan ideologi yang membolehkan barat bertindak menghancurkan dan melemahkan negara-negara Islam yang dilihat sebagai musuh dan ancaman barat. Islam pada abad ke-21 ini merupakan suatu pengaruh yang amat lemah dan akan terus mundur untuk beberapa abad yang akan datang sekiranya tidak wujud satu kesedaran baru di kalangan negara-negara dan umat Islam untuk menebus kelemahan dan krisis yang mereka hadapi.

Kecenderungan masyarakat barat bagi melabelkan dan mengaitkan Islam dengan keganasan memberi kesan buruk terhadap kebebasan beragama. Masyarakat Islam dimusuhi, dipandang rendah dan terpaksa menghadapi berbagai diskriminasi. Prejudis agama merupakan satu bahaya dan ancaman yang paling besar meletakkan penganut sesuatu agama terpaksa berhadapan dengan berbagai diskriminasi. Ini bercanggah dengan hak asasi manusia dan demokrasi beragama.

Islam ialah agama yang toleransi dan menghormati hak beragama bangsa lain. Oleh sebab itu, di negara-negara Islam, agama lain seperti agama Kristian, agama Marjusi, Yahudi dan Kristian Ortodok boleh diamalkan tanpa diskriminasi agama. Masyarakat barat juga sering kali keliru dan tidak jelas dengan maksud fundamental Islam yang dilabelkan sebagai golongan ekstremis Islam. Sebenarnya fundamental Islam ialah mereka yang mengikut pengajaran Islam sebenarnya dan sunah Nabi seperti dari segi ibadat, pakaian, hukum agama, aspek kerohanian, keimanan dan cara hidup yang amat bersandar kepada ajaran Islam. Walau bagaimanapun, golongan ini juga sentiasa mempunyai fikiran terbuka, rasional serta dapat menerima dan mengamalkan toleransi agama yang tinggi.

Sekularisme telah menjaral dan menguasai dalam setiap aspek kehidupan manusia di negara-negara membangun. Ini diikuti dengan meluasnya fahaman kebendaan dan liberalisasi dalam segala bidang kehidupan manusia. Kemiskinan kebendaan (*materials*) dan kerohanian menjadikan sekularisme lebih mudah menguasai matlamat hidup manusia. Namun, tidak semua bentuk sekularisme itu bercanggah dengan fahaman dan amalan agama. Ada kalanya sekularisme mencetuskan perbalahan dengan agama disebabkan asas sekularisme ialah menggunakan pemikiran logik dan rasional. Banyak soal agama

dan ilmu keagamaan tidak dapat dijangkau dan diterokai dengan pemikiran logik dan rasional semata-mata. Umpamanya ilmu tasawuf, ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran, hadith dan sebagainya tidak boleh difahami berasaskan kepada pemikiran biasa atau pemikiran logik.

Usaha bagi memisahkan dan mengasingkan agama daripada semua aspek kehidupan manusia seperti pentadbiran, pengurusan, pengetahuan, pemikiran, amalan, pendekatan menangani masalah, pendekatan akademik dan sebagainya menyebabkan agama tidak relevan dan semakin jauh daripada kehidupan manusia. Agama dianggap penghalang, tidak saintifik, dan suatu kerangka yang tidak logik dan tidak penting dijadikan landasan tindakan dalam mencorakkan perlakuan, perilaku, pemikiran, profesionalisme untuk kemajuan dan pembangunan. Walaupun pengetahuan keduniaan dan profesional itu penting, tetapi ia boleh diintegrasikan dengan pengetahuan dan model Islam untuk menjadikan agama sebagai asas mencorakkan kehidupan yang baik, berhemah dan berdaya maju.

Sekularisme bukan semuanya dihasilkan daripada kerangka dan fahaman barat. Sekularisme juga wujud dalam semua aspek kehidupan masyarakat timur yang bergelut dengan pelbagai fahaman lain. Kejahilan masyarakat timur tentang agama Islam masih lagi ditahap yang amat tinggi. Kemunduran masyarakat Melayu bukan disebabkan agama tetapi disebabkan tidak memahami dan mengamalkan pengajaran agama Islam.

Oleh sebab itu, dalam kehidupan masyarakat Islam, terdapat amalan-amalan yang buruk seperti memakan riba atau bunga, berjudi, mementingkan kebendaan semata-mata, meninggalkan sembahyang dan lain-lain amalan beragama, pemikiran yang bercanggah dengan Islam, merayakan hari kekasih (*Valentine*), merayakan hari jadi dengan meniup api lilin, berpesta dan mengadakan majlis hiburan, percampuran bebas dan sebagainya. Unsur dan amalan sekularisme yang bercanggah dengan Islam telah mengubah budaya hidup, amalan, kepercayaan dan identiti masyarakat Islam di kebanyakan negara maju mahupun masyarakat Islam di negara mundur menjadi lebih bersifat sekular.

Kebanyakan masyarakat Asia, khususnya Melayu yang beragama Islam merupakan Islam warisan atau kerana dilahirkan dalam keluarga di mana ibu bapa mereka menganut agama Islam. Amalan ini diteruskan tanpa banyak usaha mendalam dan penguasaan ilmu pengetahuan yang luas tentang Islam. Setengahnya menjadi Islam dengan pengetahuan dan komitmen Islam yang amat rendah. Kualiti keislaman mereka tidak kukuh dan mudah terikut dengan pengaruh sekularisme. Konflik agama dan sekularisme yang berlaku di kalangan masyarakat Islam di dunia hari ini menimbulkan dilema dan berbagai salah faham yang menyulitkan penentuan arah tuju dan matlamat perjuangan umat Islam pada abad ke-21 dan seterusnya.

Kesedaran terkini terhadap bahaya sekularisme menyebabkan timbul berbagai usaha dan pendekatan baru bagi meningkatkan pengaruh Islam supaya tidak terus dilemahkan dan ditenggelamkan oleh pengaruh sekularisme. Institusi kewangan, insurans Islam dan berbagai produk Islam diperkenalkan bagi mencorakkan liberalisasi ekonomi, sosial dan kehidupan yang



memberi faedah bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada bukan Islam. Nilai-nilai Islam dikembangkan dalam pengurusan dan pentadbiran, manakala dalam sistem etika dan moral, Islam diterima kerana tidak menimbulkan konflik kepada nilai universal dan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat berbilang budaya di negara ini. Konflik agama dan sekularisme boleh diatasi sekiranya wujud toleransi dan kefahaman tentang agama. Agama telah wujud berabad-abad lamanya dan merupakan unsur terpenting dalam mencorakkan peradaban hidup manusia. Oleh sebab itu, agama memainkan peranan yang positif dalam mencorakkan kemajuan, keamanan, persefahaman dan membina kesejahteraan hidup manusia.

Pemimpin dunia khususnya pemimpin barat, perlu bersikap terbuka terhadap kebebasan agama dan tidak menjadikan sebarang amalan, simbol dan kepercayaan agama sebagai isu yang boleh menimbulkan kegelisahan, kebimbangan dan kemarahan sesuatu penganut agama yang merasakan mereka di diskriminasi dan mereka menjadi mangsa prejudis serta ketidakadilan kaum atau bangsa. Menangani masalah agama perlu dilakukan dengan berhati-hati dan tidak berasaskan fahaman yang sempit dan prejudis agama yang boleh membawa kesan buruk terhadap keadilan, keamanan, ketenteraman, demokrasi dan hak asasi manusia. Sekularisme dan kebebasan agama merupakan satu perkembangan yang seharusnya dapat mengimbangi perubahan dan kemajuan yang berlaku untuk mencorakkan suatu kehidupan yang lebih harmoni bagi mengurangkan konflik yang dihadapi oleh masyarakat dunia hari ini dan pada masa depan.

## Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid, 1994. *Education, Schooling and Social Development in Malaysia*. Unpublished Ph.D Thesis, University of Keela, United Kingdom.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999. *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000. *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001. *Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2002. *Education and Nation Formation in Malaysia: A Structural Analysis*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2003. *Falsafah Budaya Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Alter, P., 1994. *Nasionalism*. 2nd ed. London: Edward Arnold.
- Andaya, B.W. & Andaya L.Y., 1982. *A History of Malaysia*. London: Macmillan Press.
- Avis, J., Bloomer, J., Esland, G., Gleeson, D. and Hodgkinson, P., 1996. *Knowledge and Nationhood*. London: Cessell.
- Drucker, P.F., 1993. *Innovation and Entrepreneurship*. New York: Harper Business.
- Furedi, F., 1994. *The New Ideology of Imperialism*. London: Pluto Press.
- Gelliner, E., 1993. *Nations and Nationalism*. Oxford, United Kingdom: Blackwell.
- Gleeson, D., 1989. *The Paradox of Training, Making Progress Out of Crisis Milton Keynes*. United Kingdom: Open University Press.
- Heater, D., 1990. *Citizenship: The Civic Ideal in World History, Politics and Education*. London: Longman.
- Hon Chai, C., 1977. *Education and Nation-building in Plural Society: The West Malaysia Experience*. Canberra: The Australian National University.

- Hutchinson, J., 1994. *Modern Nasionalism*. London: Fontana Press.
- Kahn, J. S. dan Kok Wah L. (ed), 1992. *Fragmented Vision, Cultural and Politics in Contemporary Malaysia*. Sydney: Allen & Unwin.
- Kellas, G.J., 1991. *The Politic of Nationalism and Ethnicity*, London: MacMillan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Penerangan Malaysia, 1995. *2020 From here to Vision 2020*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Kidron, M. dan Segal, R., 1991. *The New State of The World*. The Acclaimed Visual Survey of Worldwide Political and Economic Change. London: Simon & Schuster.
- Maxwell, J.C., 2003. *Thinking For A Change*. New York: Time Wearer Book.
- Mayor, F. and Binde, J., 2001. *The World Ahead Our Future In The Making*. London: Zed Books.
- Mc Lennan, G. et al. (ed), 1990. *The Idea of The Modern State*. Milton Keynes: Open University Press.
- Roche, M., 1992. *Rethinking Citizenship, Welfare, Ideology and Change on Modern Society*. London: Polity Press.
- Russell, B., 2000. *History of Western Philosophy*. London: Roulledge.
- Smith, A.D., 1991. *National Identify*. London: Penguin Books.
- Smith, H., 1995. *Rethinking America. The New Game Plan From The American Innovators Schools, Business, People, Work*. New York: Random House.
- Toffler, A., 1990. *Power Shift. Knowledge, Wealth and Violence At The Age of The 21st Century*. London: Bantam Books.
- Ugarteche, O., 2000. *The False Dilemma. Globalization Opportunity or Threat*. London: Zed Book.
- Union of Civil Liberty (UCL), 2002. *Towards More Effective Protection of Human Rights Defenders in Asia*. Bangkok, Thailand: Seretariat Union of Civil Liberty.
- World Bank, 2002. *Constructing Knowledge Societies: New Challenges for Tertiary Education*. Washington D.C: World Bank.

# Indeks

- affluent society*, 11, 101-3  
agenda keadilan sosial, 4  
agenda nasionalisme, 5  
AIDS, 153-158  
anarkisme, 21, 169  
antisosial, 133  
apartheid, 43  
arus kapitalisme, 7  
asimilasi budaya, 20  
aspirasi rakyat, 3  
assabiyah, 21  
autoritarisme, 12
- bahasa moden, 51  
bahasa saintifik, 48  
bangsa Malaysia, 13, 98  
belanjawan defisit, 82  
berjihad, 126  
bioteknologi, 149  
budaya demokrasi, 14  
budaya digital, 65  
budaya etnik, 52, 131  
budaya global, 49  
budaya tersekat, 49  
budaya tinggi, 49, 84, 128  
budaya tradisi, 131
- chauvanism*, 20,  
*clash civilization*, 144, 169  
*cultural pluralism*, 4  
*culture shock*, 64  
*cyberism*, 65  
cyberjaya, 86-87
- dasar ekonomi baru, 4, 7, 15  
dasar liberal, 108, 130  
dasar pandang ke timur, 6  
dasar penswastaan, 94  
dasar sosial, 77, 96  
demokrasi, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 34-37, 101, 165  
diktator, 143-144  
*downsizing*, 93  
dunia tanpa sempadan, 25
- ekonomi bebas, 7  
ekonomi kapitalis, 100  
ekstremis agama, 21  
    kaum, 19, 20  
ekstremisme, 19, 23  
*e-learning* 67-68  
elit Melayu, 5  
*environmentalise*, 113  
e-pengetahuan, 115  
epidemik, 153-4  
era baru nasionalisme, 3  
era post-merdeka, 121  
era siber, 64-69  
era globalisasi, 60, 121  
estetika, 133  
etika 149-150, 160-161  
*ethnocentrism*, 48, 52, 116  
evolusi budaya, 112
- fahaman sekularisme, 9,  
fahaman neoliberalisme, 56  
fahaman ortodoks, 161  
feudalisme, 12, 42, 118  
*fragmented visions*, 48
- genetik, 149  
gerakan radikal, 35

- globalisasi, 25, 55, 89, 100-102, 115  
 globalisme, 5, 16, 21, 63, 125  
 golongan fanatik, 19  
 haprak, 31  
 harga diri, 129  
 HIV, 153-158  
 idea dan inovasi, 50  
 idealisme politik pembangunan, 5  
 identiti bangsa, 50  
 identiti kaum, 48  
 identiti Malaysia, 42, 47, 59  
 ideologi nasionalisme, 17  
 ideologi politik, 4, 13, 163  
 imej Malaysia, 5  
 imperialisme barat, 3, 143, 159  
 indeks kebajikan soisal, 77  
 inovasi teknologi, 64, 94  
 institusi bomoh, 114, 121  
 intergrasi kaum, 47, 52  
 intergrasi nasional, 43, 103  
 ISA, 19, 36  
 Islam fundamentalis, 26, 143  
 Islam ortodoks, 143  
*Islamic State*, 169  
 Isu-isu global, 130  
 jenayah siber, 90  
 jihad, 30  
 kapitalisme, 7, 8, 21, 82-83, 162  
 keadilan, 36,  
 kebangkitan kapitalisme, 13  
 kebangkitan nasionalisme, 3  
 keganasan domestik, 23  
 keganasan global, 22, 27  
 kegelisahan sosial, 34  
 kekayaan negara, 15, 18  
 kelas sosial, 76, 84  
 kepompong feudalisme, 12  
 ketuanan Melayu, 5  
 khazanah intelek, 60  
 kolonialisme, 3, 42  
 konsep nasionalisme, 5  
 konsumerisme, 79  
 kosmopolitan, 100-104  
 kredibiliti, 147  
 kroni, 92  
 kumpulan paksi keganasan, 28  
 lambang nasionalisme, 6  
 landasan nasionalisme, 12  
*law and order*, 35  
*lifestyle*, 75, 78  
 legasi, 55,  
 legenda pembangunan, 107  
 liberal, 34  
 liberalisasi ekonomi, 74, 171  
 liberalisasi sosial, 148, 166  
 liberalisme, 21, 101, 125  
 lingua franca, 48, 57  
 majmuk, 47  
 malayanisasi, 43  
 maruah bangsa, 126  
 masyarakat *feudalis*, 101  
 masyarakat kolonialisme, 101  
 masyarakat majmuk, 55, 76  
 masyarakat pinggir, 75  
 masyarakat siber, 86-90  
 Melayu Pulau Pinang, 12  
 mentaliti kolonial, 48  
 migrasi global, 102  
 militan, 31  
 minda bangsa, 47  
 minda patriotik, 52  
*mindset*, 52, 60  
 misteri, 111-115  
 mobiliti sosial, 76  
 modenisme, 9, 10  
 modeniti, 9, 101-2  
 monopoli, 32  
*multiculturalism*, 59-63, 101  
 multilingualisme, 59-63  
 Multimedia Super Corridor, (MSC)  
 65-67, 87  
 nilai patriotisme, 5  
 nasionalisme ekonomi, 7

- negara-negara maju, 14  
 NGO Melayu, 16  
 negara bangsa, 19-24, 54-58, 102  
 nasionalisme 41, 120, 127  
*nationhood*, 48  
*nation-building*, 47, 67  
 neoliberalisme, 101-102  
 negara dunia ketiga, 3, 7  
 nasionalisme Melayu, 4, 7  
 negara membangun, 6, 34, 56  
 nasionalisme baru, 4, 8, 13, 42, 43, 45, 57  
 neo-kolonialisme, 14, 16, 137, 159  
  
*Oksidental Studies*, 60  
 order baru dunia, 16, 29, 139, 163  
 OSA, 36  
  
 paradigma, 125  
 pasaran tempatan, 6,  
 pascamodenisme, 112, 114  
 patriot bangsa, 108  
 patriotisme, 41, 45, 84, 124  
 pemerintahan Meiji, 32  
 pemikiran positivisme, 113  
 penghapusan etnik, 168  
 pengklonan, 149-52  
 penjajahan budaya, 130  
 penstrukturan ekonomi, 4, 15  
 penstrukturan masyarakat, 4,  
 penyarikatan Malaysia, 8,  
 peperangan agama, 27, 29  
 persaingan global, 11  
 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,  
 26  
 pertumbuhan, 15  
 perubahan sosial, 8  
 politik etnik, 120  
 poskolonialisme, 102  
 program khidmat negara, 16  
  
 rantau Pasifik, 6  
 reformasi Asia Barat, 3  
  
 reformasi ekonomi, 4  
 rejim global, 100  
 rekonstruksi diri, 41-46  
 revolusi budaya 128  
 revolusi perindustrian, 8  
 revolusi teknologi, 86-90  
*road map*, 160  
 Rukun Negara, 44  
  
 samurai, 32  
 sekolah bestari, 88  
 sekularisme, 9, 10, 165-172  
 sistem ekonomi feudal, 14  
 sistem feudalis, 75  
 sistem kapitalis moden, 7, 75, 82, 101  
 sosialisme, 8  
 struktur kelas menengah, 73  
 supernatural, 113  
*sustainable development*, 11  
  
 tahayul, 111-115  
 tamadun barat, 142  
 tamadun baru, 30  
 teknologi, 54, 56  
 teori domino, 130  
 teori pergantungan, 82  
  
 UMNO, 71  
 undang-undang, 34  
 usahawan baru, 15  
  
 vanikularisme, 42  
  
 wawasan 2020, 44, 53, 63, 65  
 wawasan sosial, 95  
*welfare state*, 8, 82  
*western imperialism*, 137  
*world class*, 84, 91

## Biodata



**Professor Dr. Abd. Rahim Abd. Rashid** ialah pensyarah di Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Beliau mendapat Pendidikan di Universiti Malaya dalam bidang Sains Sosial (Geografi dan Sejarah), Sarjana Pendidikan dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke University of Keele, United Kingdom untuk Ijazah Ph.D.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan. Berkhidmat sebagai guru selama 12 tahun dan menjadi pensyarah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya sejak tahun 1985 sehingga sekarang. Profesor Dr. Abd. Rahim Abd. Rashid telah menulis banyak buku tentang pendidikan, antaranya ialah *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum* (1985), *Pengajaran Alam dan Manusia* (1985), *Panduan Latihan Mengajar* (1996), *Sudut Pengetahuan KBSR* (1993), *Strategi Pengajaran Sejarah KBSM* (1996), *Model dan Pendekatan Pengajaran Sejarah* (1997), *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum* (1999), *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah* (1999), *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan* (1999), *Wawasan dan Agenda Pendidikan di Malaysia* (1999) dan *Wawasan Pembangunan: Isu dan Cabaran* (1999).

Beliau pernah dianugerahkan penulis terbaik artikel pengguna yang diterbitkan oleh *Dewan Budaya* pada tahun 1998 anjuran Kementerian Pengajaran dan Perdagangan Dalam Negeri. Beliau giat menulis kertas kerja untuk seminar dalam negeri dan antarabangsa. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengurusan Pendidikan, Pengurusan Bilik Darjah, Pendidikan Sains Sosial, Kurikulum dan Pengajaran, Pendidikan Guru, Kemahiran Berfikir dan Sosiologi Pembangunan Pendidikan.

Dari segi kepimpinan, beliau pernah menjadi ketua Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Naib Presiden Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) dan sekarang menjadi Pengarah Universiti of Malaya Centre for Family Development (UMCFD). Beliau juga mengajar di Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Dasar, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.